

LAPORAN TAHUNAN / ANNUAL REPORT

2013



Kehidupan Sejahtera



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
MINISTRY OF URBAN WELLBEING, HOUSING AND LOCAL GOVERNMENT




KEHIDUPAN SEJAHTERA

Reka bentuk kulit laporan tahunan ini memaparkan visual sebuah keluarga bahagia, kawasan perumahan dan landskap sebagai elemen utamanya bersesuaian dengan Moto KPKT iaitu Kehidupan Sejahtera. Sebagai golongan sasaran utama Kementerian ini, setiap individu dan institusi kekeluargaan memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada kesejahteraan rakyat dan seterusnya membentuk sebuah Negara maju. Justeru, apa jua polisi dan inisiatif Kementerian ini adalah bermatlamat untuk mewujudkan persekitaran hidup yang sejahtera, berkualiti dan mampan selaras dengan Wawasan Negara.

Reka bentuk kulit laporan tahunan ini juga memfokuskan kepada penggunaan tiga (3) warna utama iaitu warna jingga, kelabu dan hitam. Warna jingga digunakan untuk menyuntik rasa segar dan ceria manakala warna hitam dan kelabu untuk menimbulkan rasa nostalgik. Di samping itu, bintik-bintik warna lembut diselerakkan untuk memberikan impak dinamik kepada reka bentuk secara keseluruhannya.


KANDUNGAN

001	MISI VISI MATLAMAT MOTO
002	PERANAN DAN FUNGSI
003	PERUTUSAN MENTERI
005	PRAKATA KETUA SETIAUSAHA
007	CARTA ORGANISASI
009	PROFIL PENGURUSAN TERTINGGI
019	BARISAN SETIAUSAHA BAHAGIAN DAN KETUA UNIT
021	BELANJAWAN KPKT
	LAPORAN PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)
026	YB MENTERI
030	KETUA SETIAUSAHA
032	SOROTAN UTAMA 2013
037	LIPUTAN MEDIA 2013
039	ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN



PROGRAM

- 042 KESEJAHTERAAN BANDAR**
 - 043** SEKTOR KESEJAHTERAAN BANDAR
- 050 PERUMAHAN**
 - 051** JABATAN PERUMAHAN NEGARA
 - 068** TRIBUNAL PERUMAHAN DAN PENGURUSAN STRATA
- 072 KERAJAAN TEMPATAN**
 - 073** JABATAN KERAJAAN TEMPATAN
- 082 PENGURUSAN SISA PEPEJAL**
 - 083** JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA
 - 092** PERBADANAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM
- 106 PERANCANGAN BANDAR**
 - 107** JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA SEMENANJUNG MALAYSIA
- 122 PEMBANGUNAN LANDSKAP**
 - 123** JABATAN LANDSKAP NEGARA
- 138 KEBOMBAAN DAN PENYELAMATAN**
 - 139** JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
- 160 LATIHAN KPKT**
 - 161** INSTITUT LATIHAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
- 164 KHIDMAT SOKONGAN**
 - 165** BAHAGIAN UNDANG - UNDANG
 - 168** BAHAGIAN DASAR
 - 171** BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PELAKSANAAN PROJEK
 - 175** BAHAGIAN KEWANGAN DAN PEROLEHAN
 - 177** BAHAGIAN INSPEKTORAT
 - 179** BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
 - 185** BAHAGIAN KORPORAT
 - 192** BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
 - 195** BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
 - 198** UNIT AUDIT DALAM
 - 202** UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
 - 207** UNIT PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)





VISI

Mewujudkan Persekitaran Hidup
Yang Berkualiti dan Mampan Selaras
Dengan Wawasan Negara

MISI

Merealisasikan Agenda Pembangunan
Negara Melalui Program Perumahan Rakyat,
Perkhidmatan Perbandaran dan Kebommbaan
Untuk Meningkatkan Kualiti Hidup dan
Kesejahteraan Rakyat

MATLAMAT

Kementerian Berprestasi Tinggi dan
Berorientasikan Keberhasilan Demi
Kesejahteraan Rakyat

MOTO

Kehidupan Sejahtera

PERANAN DAN FUNGSI

- Menyediakan rumah mampu milik untuk golongan yang berkelayakan, mengawal selia aspek pemajuan perumahan swasta dan pengurusan kediaman berstrata serta menyelesaikan masalah pertikaian perumahan;
- Membantu dan membimbing Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam menyediakan perkhidmatan perbandaran, kemudahan sosioekonomi dan rekreasi yang berkualiti bagi memenuhi keperluan penduduk setempat;
- Memberikan perkhidmatan pencegahan, pemadaman kebakaran dan penyelamatan yang cekap dan berkesan bagi memelihara keselamatan nyawa dan harta benda;
- Menyediakan dasar dan khidmat nasihat kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan PBT berhubung perancangan, pengurusan, pemajuan dan pemuliharaan tanah selaras dengan Rancangan Fizikal Negara;
- Menyediakan dasar dan khidmat nasihat kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan PBT berhubung perancangan, pelaksanaan dan pengurusan landskap, taman dan kawasan rekreasi;
- Menyediakan dasar bagi memaju dan mengawal selia perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam agar lebih bersepadu, cekap, berkesan dan kos efektif;
- Melaksanakan program dan aktiviti bagi meningkatkan daya huni bandar dan penyertaan awam dalam tadbir urus PBT;
- Memaju dan mengawal selia aktiviti pemberi pinjam wang dan pemegang pajak gadai;
- Melaksanakan program dan aktiviti bagi membasmi kemiskinan bandar dan meningkatkan kualiti hidup golongan miskin bandar.

PERUTUSAN MENTERI

Assalamualaikum w.b.t dan Salam 1Malaysia,

Bersyukur kita ke hadrat Allah kerana dengan izin dan perkenanNya KPKT telah berjaya meneruskan usaha cemerlang melaksanakan pelbagai inisiatif dan program di sepanjang tahun 2013 sejajar dengan visi KPKT untuk mewujudkan persekitaran hidup yang berkualiti dan mampan selaras dengan Wawasan Negara.

Sejak mengambil alih teraju kepimpinan kementerian ini bermula 17 Mei 2013, saya melihat KPKT berdepan dengan pelbagai cabaran dan halangan dalam memenuhi tanggungjawab hakiki yang diamanahkan yakni dalam penyediaan kemudahan perumahan; kebombaian dan penyelamatan; kerajaan tempatan; pengurusan sisa pepejal; perancangan bandar; pengurusan landskap dan kesejahteraan bandar. Namun begitu, saya melihat potensi besar dalam Kementerian ini untuk lebih ke hadapan sebagai sebuah Kementerian yang memberikan perkhidmatan bertaraf lima (5) bintang kepada rakyat. Lantas, saya beriltizam untuk melakukan penambahbaikan dalam dimensi penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dan merancakkan lagi pelaksanaan inisiatif-inisiatif sedia ada dengan menekankan penglibatan aktif pihak pengurusan dan warga kerja KPKT dalam program turun padang dan ramah-mesra serta memastikan pelaksanaan strategi komunikasi yang berkesan.

KPKT telah menempah pelbagai pencapaian penting sepanjang tahun 2013 antaranya adalah dengan penganjuran Program Malaysiaku Indah Peringkat Negeri Kedah sempena Tahun Kesukarelawan; Penubuhan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk bagi menangani isu-isu perbandaran; peningkatan 2,261 penyertaan peserta Program 1Azam Bandar yang bertujuan menaikkan taraf hidup golongan berpendapatan rendah; menyiapkan 2,737 unit rumah Program Perumahan Rakyat (PPR); membaik pulih 30 projek perumahan swasta yang terbengkalai; pembiayaan sebanyak RM32.6 juta bagi penyelenggaraan perumahan kos rendah dan sederhana rendah swasta di bawah Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M); menyediakan peluang ekonomi dan menggalakkan kesaksamaan ekonomi tanpa mengira kaum kepada 3,200 isi rumah di bawah Program Titipan Kasih; penganjuran Bengkel Inisiatif Menurunkan Harga Rumah yang bertujuan untuk mengenal pasti kaedah yang boleh dilaksanakan bagi menurunkan harga rumah yang membebankan khususnya bagi golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana; penubuhan Jawatankuasa Pemantauan Penyediaan Rumah Mampu



Milik berikutan sasaran Kerajaan untuk membina 1 juta rumah mampu milik bagi tempoh lima (5) tahun yang akan digerakkan oleh sektor awam dan swasta; kejayaan cemerlang Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dalam tugas mereka terutamanya ketika operasi menyelamatkan tragedi kemalangan bas di Genting Highlands pada 21 Ogos 2013 dan menyelamatkan mangsa-mangsa banjir di negeri Pahang, Terengganu dan Johor; pelaksanaan skim perlindungan insuran untuk pasukan bomba, termasuk pasukan bomba sukarela bagi meningkatkan prestasi perkhidmatan bomba di negara ini; kejayaan menutup dengan selamat sebanyak 17 tapak pelupusan di seluruh Negara; peningkatan pencapaian program kitar semula yang memberangsangkan; kejayaan Program Kejiranan Indah (*My Beautiful Neighbourhood*, MyBN) di bawah *National Blue Ocean Strategy 7* (NBOS 7) yang mana sebanyak 21 kawasan perumahan awam di seluruh Malaysia telah diberi nafas baru yang memberi manfaat kepada kira-kira 74,000 untuk menikmati kehidupan yang lebih selesa dan berkualiti; pembinaan semula 20 unit rumah yang terbakar di bawah program *House Build* oleh JBPM; dan kejayaan pemutihan 20 kawasan *black spot* di 17 buah pihak berkuasa tempatan (PBT) melalui langkah-langkah bandar selamat seperti pencahayaan, pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor dan cermin keselamatan;

Pada tahun 2013, KPKT juga telah membantu memperbaiki kedudukan Malaysia dalam *Doing Business Report* oleh Bank Dunia kepada kedudukan keenam berbanding tempat ke-12 pada tahun lepas yang mana indikator *Dealing With Construction Permits* telah berjaya melonjakkan Malaysia dari kedudukan 96 tahun sebelumnya, ke kedudukan 43. Kejayaan ini membuktikan OSC yang mula dilaksanakan di PBT pada tahun 2007, memberi impak yang besar dalam mempercepat dan memudahkan urusan kelulusan pemajuan di PBT.

Hasil usaha dan kerjasama seluruh ahli keluarga KPKT, Kementerian ini telah berjaya meraih pelbagai anugerah dan pengiktirafan. Antara pengiktirafan yang paling signifikan adalah apabila KPKT diberi pengiktirafan oleh *The Malaysia Book of Records* sebagai Kementerian pertama yang menerima pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008, dan Pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti dari Perspektif Islam MS 1900:2005 secara serentak daripada pihak SIRIM.

Pelbagai kejayaan telah dilakar, namun masih banyak perlu dilaksanakan pada tahun mendatang bagi membentuk sebuah ekosistem kehidupan yang lebih berkualiti dan sejahtera serta menjayakan impian Malaysia menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi.

Sehubungan dengan itu, warga KPKT perlu mengemblengkan segala sumber yang ada dengan lebih cekap dan berhemah dengan mengambil kira dasar-dasar yang telah ditetapkan. Diharapkan perancangan dan penambahbaikan perkhidmatan yang dibuat akan membawa KPKT ke satu peringkat yang lebih baik dalam menyediakan perkhidmatan perbandaran yang berkualiti kepada rakyat melalui pendekatan yang kreatif dan berinovatif tanpa membelakangi nilai-nilai integriti.

Saya menaruh harapan yang tinggi agar KPKT mengorak langkah ke hadapan dengan memastikan keberhasilan kualiti perkhidmatan yang cemerlang seperti yang diharapkan rakyat jelata. Ini penting bagi memperkukuhkan lagi pertalian hubungan emosi (*emotion attachment*) dengan masyarakat. Marilah kita bersatu hati untuk meneruskan azam bagi mengharungi kecemerlangan yang sedang berputik dengan mengutamakan impak hasil kerja kita secara berterusan.

Selamat maju jaya.

PRAKATA

KETUA SETIAUSAHA

Assalamualaikum w.b.t dan Salam 1Malaysia,

Bersyukur kita ke hadrat Allah kerana dengan izin dan perkenan-Nya KPKT telah berjaya menerbitkan Laporan Tahunan KPKT 2013. Sekalung penghargaan dan tahniah diucapkan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak dalam menjayakan penerbitan laporan tahunan ini.

Tahun 2013 melakar catatan sejarah penting buat KPKT bilamana nama kementerian ini yang asalnya iaitu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah ditukarkan kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan berikutan penstrukturan semula Kabinet selepas Pilihan Raya Umum ke-13 pada Mei 2013. Perubahan nama kementerian ini membawa bersama amanah besar dan mencabar kepada KPKT yang diberi tanggungjawab untuk menangani isu-isu berkaitan kesejahteraan bandar.

Perpindahan komponen Kesejahteraan Bandar ke KPKT menandakan keyakinan YAB Perdana Menteri bahawa KPKT mampu memainkan peranan yang lebih proaktif dalam penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Pewujudan komponen Kesejahteraan Bandar ini juga sedikit sebanyak merubah corak pengurusan dan menjadikan KPKT lebih dekat dengan rakyat terutamanya yang tinggal di bandar.

Kehadiran YB Menteri, Datuk Abdul Rahman Dahlan dan YB Timbalan Menteri, YB Datuk Halimah Mohamed Sadique sebagai peneraju KPKT yang baharu juga telah membawa beberapa perubahan dan penambahbaikan dari segi dimensi penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Dengan menekankan kepentingan strategi komunikasi berkesan, YB Menteri mengilhamkan mekanisme yang lebih berkesan untuk merapatkan jurang antara kementerian dengan rakyat yakni melalui kekerapan mengadakan lawatan turun padang dan bersemuka melihat permasalahan rakyat serta menggalakkan penggunaan media sosial sebagai medium berkomunikasi dengan generasi Y.

Sepanjang tahun 2013, KPKT merekodkan pelbagai kejayaan dan pencapaian hasil usaha dan kesepakatan semua warga KPKT. Dikesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada warga KPKT yang berusaha keras dalam menjayakan semua perancangan Kementerian. Saya juga mengalu-alukan kehadiran ahli keluarga baharu KPKT yakni warga kerja di bawah komponen Kesejahteraan Bandar untuk menjadi sebahagian daripada keluarga besar KPKT. Semoga pertambahan ahli keluarga ini, akan memeriahkan dan menyemarakkan lagi pelaksanaan tanggungjawab yang diamanahkan dan memacu KPKT menjadi kementerian yang terbilang dan cemerlang.





CARTA ORGANISASI

* Sumber: Bahagian Sumber Manusia KPKT

Timbalan Ketua Setiausaha
(Dasar & Pembangunan)
YBHG DATUK YONG BUN FOU

Bahagian Dasar
YANG BERUSAHA DR. AIZI RAZMAN ISMAIL
(Menjawat jawatan pada 20 Feb 2013)

Bahagian Pembangunan & Pelaksanaan Projek
YANG BERUSAHA TUAN HAJI ABU BAKAR JOHAR

Bahagian Pemberi Pinjam Wang & Pemegang Pajak Gadai
YANG BERUSAHA PUAN BECK KIM SIOK
(Menjawat jawatan pada 2 Sept 2013)

Bahagian Undang-undang
YANG BERUSAHA TUAN ISKANDAR ALI DEWA

Bahagian Inspektorat
YANG BERUSAHA TUAN ZAINAL ABIDIN ABU HASSAN

Unit Audit Dalam
YANG BERUSAHA PUAN LIM SOK KIANG

Bahagian Korporat
YANG BERUSAHA TUAN JAYASELAN A/L K NAVARATNAM
(Menjawat jawatan pada 24 Jun 2013)

Unit Komunikasi Korporat
YANG BERUSAHA PUAN JESSYLINA MAT LAZIM

Unit Petunjuk Prestasi Utama (KPI)
YANG BERUSAHA PUAN WAN AINA WAN YAHAYA
(Menjawat jawatan pada 3 Okt 2013)

Jabatan Perumahan Negara
DATO' DR. MOHD PADZIL HASHIM

Jabatan Kerajaan Tempatan
YBHG. DATIN MAZIAH ADNAN
(Menjawat jawatan pada 15 Jul 2013)

Jabatan Pengurusan
Negara
YBHG. DATO' DR.

Jabatan Perancangan Bandar & Desa Semenanjung Malaysia
YBHG. DATUK MOHD FADZIL MOHD KHIR

Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia
YAS DATO' WAN MOHD NOR IBRAHIM

Men
YB DATUK ABDUL
(Menjawat jawatan)


Timbalan
YB DATUK HALIM SADI
(Menjawat jawatan)

Ketua Se
YBHG. DATO' SEI RAZ

nteri
RAHMAN DAHLAN
(pada 16 Mei 2013)

n Menteri
**MAH MOHAMED
QUE**
(pada 16 Mei 2013)

ntiausaha
**RI ARPAH ABDUL
ZAK**



PROFIL PENGURUSAN TERTINGGI

YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak dilahirkan di Pulau Pinang pada 27 Mei 1954. Beliau berkelulusan *Bachelor of Urban Studies* dari Universiti Sains Malaysia dan *Master of Planning* dari University of Southern California, Amerika Syarikat. Beliau berpeluang mengikuti pelbagai kursus pendek di dalam dan luar Negara sepanjang perkhidmatan termasuk kursus AMP Harvard Business School.

YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak memulakan kerjaya dalam Perkhidmatan Awam pada tahun 1978 sebagai Pegawai Tadbir (Kawalan Pembangunan) di Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Pada tahun 1979, beliau telah dilantik sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik dan memulakan tugas di Kementerian Pelajaran Malaysia sebagai Penolong Setiausaha. Empat (4) tahun kemudian, YBhg. Dato' Seri diberi amanah untuk memegang portfolio sebagai Pegawai Projek Kanan di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Bukit Kiara.

Pada tahun 1984, YBhg. Dato' Seri bercuti bagi menyambung pelajaran ke peringkat sarjana dan pada tahun 1986, beliau kembali bertugas sebagai Pegawai Projek Kanan di INTAN, Bukit Kiara dan kekal di INTAN sehingga tahun 1991. Beliau kemudiannya ditugaskan pula di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri sebagai Pegawai Projek Kanan sehingga tahun 1992. Beliau menyandang jawatan sebagai Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Latihan, Jabatan Perkhidmatan Awam.

YBhg. Dato' Seri kemudiannya menggalas tanggungjawab sebagai Timbalan Yang DiPertua Majlis Perbandaran Subang Jaya pada tahun 2000. Pada tahun 2005, beliau menjawat jawatan sebagai Pengarah Korporat di Perbadanan Putrajaya.

YBhg. Dato' Seri dilantik sebagai Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), KPKT pada Oktober 2006. Selepas lima (5) tahun meneraju JKT, YBhg. Datuk telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan) KPKT bermula pada 2 November 2011 dan empat (4) bulan kemudian, iaitu pada tarikh 3 April 2012 YBhg. Dato' Seri Arpah dilantik menjadi Ketua Setiausaha KPKT.

YBHG. DATO' SERI ARPAH ABDUL RAZAK Ketua Setiausaha



PROFIL PENGURUSAN TERTINGGI

YBhg. Datuk Yong Bun Fou berasal dari Selangor dan merupakan pemegang Sarjana Muda Sains Sosial (Ekonomi) dari Universiti Sains Malaysia (USM).

Memulakan kerjaya dalam sektor awam pada tahun 1981 sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD), beliau ditempatkan sebagai Penolong Setiausaha di Bahagian Analisa Cukai, Kementerian Kewangan. Pada tahun 1989 beliau telah dilantik ke Jawatan Latihan, Jabatan Perkhidmatan Awam dan mengikuti Kursus 'Post Graduate Research Students' di Yamaguchi University Jepun.

Setelah tamat pengajian, beliau ditempatkan di Bahagian Analisa Cukai, Kementerian Kewangan sebagai Penolong Setiausaha pada Mei 1992. Pada tahun 1993, beliau telah dilantik sebagai Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Analisa Cukai, Kementerian Kewangan.

**YBHG. DATUK
YONG BUN FOU**
Timbalan Ketua
Setiausaha
(Dasar dan Pembangunan)

Pada April 2004, YBhg. Datuk telah dilantik sebagai Timbalan Setiausaha Bahagian, Bahagian Analisa Cukai di Kementerian Kewangan dan seterusnya pada Jun 2008, beliau dilantik sebagai Setiausaha Bahagian, Bahagian Perancangan Korporat di Kementerian yang sama. Pada tahun 2010 beliau telah ditukarkan ke Bahagian Analisa Cukai (Operasi), Kementerian Kewangan sebagai Timbalan Kanan Setiausaha Bahagian.

Perkhidmatan beliau di KPKT bermula pada 8 Mei 2012 apabila dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan).



PROFIL PENGURUSAN TERTINGGI

YBhg. Dato' Halimi Abd. Manaf dilahirkan pada 13 April 1959 di Temerloh, Pahang. Beliau adalah pemegang B.A (Hons) Psikologi daripada Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1982 dan seterusnya menerima Diploma Pentadbiran Awam, Institut Tadbiran Awam Negara pada tahun 1983. Pada tahun 1994, beliau telah dianugerahkan M.SC. *Human Resource* daripada University of Scranton, Pennsylvania, Amerika Syarikat.

YBhg. Dato' Halimi menyertai sektor awam pada tahun 1984 sebagai Penolong Setiausaha di Bahagian Biasiswa, Kementerian Pelajaran Malaysia. Pada tahun 1990, beliau telah memegang portfolio sebagai Penolong Setiausaha Pentadbiran di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan kemudian menjawat jawatan sebagai Penolong Pengarah pada tahun 1994 di Bahagian Latihan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Beliau kemudiannya dilantik sebagai Ketua Penolong Pengarah di Bahagian Gaji dan Elaun, JPA

Setelah hampir (9) tahun mencurahkan bakti di JPA, YBhg. Dato' Halimi kemudiannya menjawab jawatan sebagai Pengarah Pejabat Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Selangor pada tahun 2006 sebelum menggalas tanggungjawab sebagai Timbalan Pengarah di Bahagian Gaji dan Elaun di JPA.

Kerjaya YBhg. Dato' Halimi di KPKT bermula pada tahun 2008 apabila beliau dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) dan kemudiannya dinaikkan pangkat ke jawatan Ketua Pengarah JKT mulai 8 November 2011.

Berikutan penstrukturan semula Kabinet pada 15 Mei 2013, Sektor Kesejahteraan Bandar telah dimasukkan di bawah KPKT dan YBhg. Dato' Halimi dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar) pada 15 Julai 2013.

**YBHG. DATO'
HALIMI ABD. MANAF**
Timbalan Ketua
Setiausaha
(Kesejahteraan Bandar)



PROFIL PENGURUSAN TERTINGGI



**YBHG. DATIN
NORIAH HASHIM**
Timbalan Ketua
Setiausaha
(Pengurusan)

YBhg. Datin Noriah Hashim berasal dari Kepala Batas, Seberang Prai, Pulau Pinang dan merupakan pemegang Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau pernah berkhidmat sebagai guru dan Pegawai Tadbir di Universiti Malaya, Kuala Lumpur dan memasuki perkhidmatan awam pada tahun 1978 sebagai Pegawai Pendaftaran di Jabatan Pendaftaran Negara. Dua (2) tahun kemudian, beliau mengikuti Kursus Kadet Pegawai Tadbir dan Diplomatik. Selepas tamat kursus, beliau bertugas sebagai Penolong Setiausaha, Bahagian Pengurusan Kontrak dan Bekalan, Kementerian Kewangan. Enam (6) tahun kemudian, beliau mengikuti kursus Diploma Sains Pengurusan di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) selama enam (6) bulan. Beliau dilantik sebagai Penolong Setiausaha, Bahagian Dasar, Kementerian Pertahanan sebelum mengikuti kursus Sarjana Pentadbiran Awam di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 1990 hingga 1992.

Setelah tamat pengajian, beliau menjawat jawatan Penolong Setiausaha, Bahagian Industri di Kementerian Perusahaan Awam.

Pada Ogos 1994, beliau dilantik sebagai Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Industri, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sebelum menjawat jawatan yang sama di Bahagian Perkhidmatan, Kementerian Pembangunan Usahawan. Pada tahun 2000, beliau menjawat jawatan Timbalan Pengarah (Pengurusan) di Hospital Alor Setar, Kedah. Pada tahun 2004, beliau ditempatkan sebagai Ketua Penolong Pengarah di Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang.

Dua (2) tahun kemudian, beliau dilantik sebagai Setiausaha Bahagian Kewangan, KPKT dan seterusnya menyandang jawatan Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) bermula Julai 2007.

YBhg. Datin Noriah Hashim juga banyak melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti luar dan memegang beberapa jawatan penting antaranya sebagai Pengerusi Persatuan Keluarga Polis (PERKEP) Negeri Selangor; Timbalan Persatuan Suri dan Anggota Perkhidmatan Awam (PUSPANITA); Pengerusi PUSPANITA Cawangan KPKT; dan Penasihat Kelab Kebajikan dan Sukan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KESKEP).

PROFIL PENGURUSAN TERTINGGI

YBhg. Datuk Mohd Fadzil Haji Mohd. Khir dilahirkan pada 26 Februari 1954 di Telok Air Tawar, Pulau Pinang. Beliau mempunyai kelulusan dalam Ijazah Perancangan Bandar dan Wilayah dari Universiti Teknologi Malaysia (1979), *Certificate in Development Planning-Urban Land Policy and Management* dari University College London, United Kingdom (1991) dan *Certificate in City Planning II* dari Japan International Cooperation Agency, Tokyo, Japan (1999).

YBhg. Datuk Mohd Fadzil telah berkhidmat dengan Kerajaan lebih 30 tahun bermula pada Jun 1979 sebagai Penolong Pengarah di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kedah. Beliau kemudiannya memangku Tingkatan Kanan Penolong Pengarah di Bahagian Luar Bandar, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD) pada tahun 1982, memangku jawatan yang sama tetapi di Bahagian Kawasan pada 1983. Beliau juga pernah menjawat jawatan Pengarah di beberapa JPBD Negeri iaitu Negeri Kedah, Negeri Melaka, dan Negeri Terengganu.

Beliau dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) JPBD pada tahun 2001 dan seterusnya menjawat jawatan Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) JPBD pada 2003. Beliau kemudiannya dilantik beliau sebagai Ketua Pengarah JPBD pada Mac 2005.

YBhg. Datuk juga aktif dalam kegiatan luar yang mana beliau pernah menjadi Penaung Persatuan Perancang Bandar dan Desa Malaysia, Pengerusi Lembaga Perancang Bandar Malaysia, Penaung Kelab Sukan dan Kebajikan, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Ahli Lembaga Pengajian Program Sarjana, Fakulti Alam Bina, UTM, Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Hang Tuah Jaya, Ahli Fellow Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP), Ahli Majlis Warisan Kebangsaan Malaysia dan Profesor Tamu Universiti Teknologi Malaysia.

YBHG. DATUK MOHD FADZIL HAJI MOHD. KHIR

Ketua Pengarah
(Jabatan Perancangan Bandar
dan Desa Semenanjung
Malaysia)



PROFIL PENGURUSAN TERTINGGI



YAS Dato' Wan Mohd Nor Haji Ibrahim merupakan anak kelahiran Kelantan dan berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam bidang pengajian '*Nuclear Science*'. Beliau juga telah mengikuti program Diploma Sains Pengurusan di INTAN pada tahun 1990. Pada tahun 1997 YAS Dato' telah menghadiri Kursus Brigade *Command Course* di Fire Service College, United Kingdom dan mengikuti program peringkat *Master Fire Science* dalam bidang pengajian ERP di Universiti Putra Malaysia pada tahun 2000.

Perkembangan kerjaya YAS Dato' Wan Mohd Nor dalam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) bermula sejak 16 Disember 1985 sebagai Penguasa Bomba. Sepanjang perkhidmatan beliau bersama JBPM, beliau pernah bertugas di Bahagian Penyelidikan, Perancangan dan Pembangunan; menjawat jawatan Penguasa Kanan Bomba dan dilantik sebagai Komandan di Pusat Latihan Bomba Kuala Kubu Bharu; menjadi Penolong Pesuruhjaya Bomba dan bertugas sebagai Penolong Ketua Pengarah di Bahagian Penguatkuasa dan Bahagian Penyelidikan, Perancangan dan Pembangunan; dilantik sebagai Pengarah JBPM Negeri Selangor; menyandang jawatan Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) JBPM dan kemudiannya Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) JBPM;

YAS Dato' Wan Mohd Nor Haji Ibrahim dilantik sebagai Ketua Pengarah JBPM pada 1 November 2010.

YAS Dato' Wan Mohd Nor juga aktif dalam aktiviti sosial dan kebajikan.

Beliau merupakan Naib Presiden Kanan bagi International Fire Chiefs' Association of Asia (IFCAA); Presiden bagi Institution of Fire Engineers (UK) Cawangan Malaysia; Yang DiPertua Majlis Sukan, Kebajikan dan Kebudayaan Bomba Malaysia (MASKAB); Yang DiPertua Koperasi Bomba dan Penyelamat Malaysia (KOBOPEM); dan *Past President*, The Institution of Master In Disaster and Emergency Management Malaysia (IMDEMM).

**YAS DATO'
WAN MOHD NOR HAJI
IBRAHIM**

Ketua Pengarah

(Jabatan Bomba dan
Penyelamat Malaysia)

PROFIL PENGURUSAN TERTINGGI

YBhg. Dato' Dr. Mohd Padzil Hashim telah dilahirkan pada 10 Januari 1954 di Selangor. Beliau berkelulusan Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam Ekonomi Analitikal dari Universiti Malaya pada tahun 1977. Beliau juga mempunyai kelulusan Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) pengkhususan dalam Kewangan dan Perbankan dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau telah memperolehi PhD. dalam bidang Kewangan dan Perbankan dari Sekolah Pengajian Siswazah Pengurusan (GSM), Universiti Putra Malaysia pada tahun 2001.

YBhg. Dato' Dr. Mohd Padzil Hashim telah memulakan kerjaya beliau sebagai seorang Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) pada tahun 1977 di Bahagian Penyelidikan, Jabatan Perdana Menteri. Seterusnya beliau dinaikkan pangkat dan telah meneruskan perkhidmatan beliau sebagai Ketua Penolong Pengarah di Jabatan Penyelidikan, Jabatan Perdana Menteri sehingga tahun 1990.

Beliau kemudiannya telah dilantik sebagai Setiausaha Bahagian di Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Kementerian Pengajian Tinggi pada tahun 2001. Pada tahun 2008, beliau telah berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) di Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Beliau meneruskan perkhidmatan sebagai Pensyarah Kanan dan Konsultan mengenai ekonomi dan kewangan di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Kuala Lumpur pada tahun 2009. Beliau dilantik sebagai Ketua Pengarah, Jabatan Perumahan Negara (JPN) pada 27 Ogos 2012.



**YBHG. DATO' DR.
MOHD PADZIL
HASHIM**

Ketua Pengarah
(Jabatan Perancangan Negara)

YBHG. DATIN MAZIAH ADNAN

Ketua Pengarah
(Jabatan Kerajaan
Tempatan)



YBhg. Datin Maziah dilahirkan di Sitiawan, Perak pada 18 Mei 1955. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Hons) Sejarah dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Awam kedua-duanya daripada Universiti Malaya.

Sepanjang perkhidmatan beliau selama 33 tahun (termasuk dua (2) kali bercuti tanpa gaji kerana mengikuti suami melanjutkan pelajaran di luar negara), beliau telah berkhidmat di empat (4) kementerian iaitu Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pendidikan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan KPKT.

Antara jawatan yang pernah disandang oleh beliau sebelum menduduki jawatan sekarang ialah Penolong Setiausaha di Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan, Timbalan Pengarah di Bahagian Latihan, JPA, Pengarah Bahagian Perancangan, KPKT dan Setiausaha Bahagian Inspektorat, KPKT.

YBhg. Datin dilantik sebagai Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) pada 15 Julai 2013.

PROFIL PENGURUSAN TERTINGGI

YBhg. Dato' Dr. Nadzri Yahaya dilahirkan pada 27 Mei 1957 di Tanjung Api, Kuantan Pahang. Pemegang Ph.D daripada Universiti Of Wales, Cardiff, United Kingdom ini memulakan kerjayanya pada tahun 1982 di Kementerian Kewangan sebagai Penolong Setiausaha sebelum dilantik sebagai Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Pemuliharaan dan Persekitaran di Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar pada tahun 1993. Pada tahun 2000, beliau dilantik sebagai Ketua Penolong Pengarah di bahagian yang sama sehingga tahun 2002.

Antara jawatan lain yang pernah disandang oleh beliau ialah Timbalan Pengarah di Unit Kawalan Perubahan Iklim dan Pencemaran di Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar pada tahun 2002 dan pada tahun 2004 sebagai Timbalan Setiausaha di unit yang sama.

Beliau dilantik sebagai Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) pada Julai 2007.

Di peringkat antarabangsa, beliau berpengalaman luas mewakili negara dalam beberapa rundingan perjanjian alam sekitar pelbagai hala dalam perubahan iklim, kepelbagaian biologi, lapisan ozon, bahan kimia dan sebagainya. Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Standard Industri Mengenai Pengurusan Alam Sekitar dari 1 Julai 2002 sehingga kini. Beliau juga merupakan Anggota Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam sehingga kini.



**YBHG. DATO' DR.
NADZRI YAHAYA**
Ketua Pengarah
(Jabatan Pengurusan
Sisa Pepejal Negara)

YBRS. TUAN HAJI ESA HAJI AHMAD

Ketua Jabatan
(Jabatan Landskap Negara)



YBrs. Tuan Haji Esa Haji Ahmad mempunyai kelulusan B. Agric. Sc.; dari Universiti Putra Malaysia dan *M. Landscape Design* dari Newcastle Upon Tyne, United Kingdom.

Beliau memulakan kerjayanya pada tahun 1982 sebagai Pegawai Pertanian, Projek Johor Barat, Batu Pahat. Antara jawatan yang pernah disandang oleh beliau adalah Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) JLN dari Januari 2009 hingga Januari 2010; Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) JLN pada tahun 2006, Pengarah Bahagian Dasar dan Pengurusan Korporat, JLN pada tahun 2004 hingga 2005; Pengarah Reka Bentuk dan Penyenggaraan, JLN (1997 hingga 2004); Pegawai Pertanian Unit Landskap dan Florikultur, Jabatan Pertanian, Kuala Lumpur dari 1993 hingga 1997; Pegawai Pertanian – Simpanan dalam Latihan pada tahun 1991 hingga 1993 dan Pegawai Pertanian, Projek Johor Barat, Batu Pahat pada tahun 1982 hingga 1991.

YBrs. Tuan Haji Esa Haji Ahmad telah dilantik sebagai Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara pada 4 Februari 2010.

PROFIL PENGURUSAN TERTINGGI

YBrs. Tuan Shamsulbahri Haji Ibrahim merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (LL.B) (Hons) daripada Universiti Islam Antarabangsa dan Ijazah Sarjana Undang-undang (LLM) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia.

Beliau memulakan kerjayanya dalam perkhidmatan awam pada Januari 1990 apabila menyertai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan sebagai Penolong Penggubal Undang-Undang Parlimen di Jabatan Peguam Negara sebelum dilantik sebagai Penolong Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang mulai Januari 1994.

Kemudian beliau dilantik sebagai Hakim Peguam di Kementerian Pertahanan sebelum berkhidmat sebagai Penasihat Undang-Undang Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mulai Ogos 1999. Seterusnya beliau berkhidmat sebagai Penolong Kanan Penggubal Undang-Undang Parlimen di Jabatan Peguam Negara mulai Mei 2004 sebelum dilantik sebagai Timbalan Ketua Bahagian Penyelidikan di Jabatan yang sama mulai Mac 2009.

YBrs. Tuan Shamsulbahri Haji Ibrahim telah dilantik pada 1 Oktober 2011 sebagai Pengerusi Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah.

YBRS. TUAN SHAMSULBAHRI HAJI IBRAHIM
Pengerusi
(Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah)



YBRS. TUAN JAZMAN AZI JAMALLUDIN

Ketua Pengarah
Institut Latihan
Kesejahteraan
Bandar,
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan



YBrs. Tuan Jazman Azi Jamalludin dilahirkan pada 1 Disember 1973 di Kampung Raut, Yan, Kedah. Beliau merupakan pemegang Ijazah Pertama BA (Hons.) Bahasa Arab dari Jabatan Komunikasi, Universiti Al-Azhar, Kaherah, Mesir pada tahun 1996 dan Ijazah Sarjana Pengurusan Strategik dari Waseda University, Tokyo, Jepun pada 2005.

Beliau memulakan kerjaya dalam Perkhidmatan Awam pada 15 September 1997 sebagai Penolong Setiausaha di Cawangan Kontrak dan Bekalan, Bahagian Kewangan, Kementerian Penerangan Malaysia. Seterusnya, beliau berkhidmat sebagai Penolong Setiausaha di Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) bermula 1 Mei 2001.

Antara jawatan lain yang pernah disandang oleh beliau ialah Penyelaras Projek Kanan di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN); Ketua Penolong Setiausaha di Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan, JPM dan Penasihat Kedutaan (Latihan dan Pendidikan) di Bahagian Pembangunan Modal Insan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Beliau dilantik sebagai Pengarah Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (I-KPKT) pada 22 Jun 2012.

PROFIL PENGURUSAN TERTINGGI

YBHG. DATUK AB. RAHIM MD. NOOR

Ketua
Pegawai
Eksekutif
(Perbadanan
Pengurusan Sisa
Pepejal dan
Pembersihan
Awam)



YBhg. Datuk AB. Rahim Md. Noor mendapat pendidikan awal di Maktab Tentera Diraja dan mempunyai kelulusan Master in Policy Science dari Saitama, Jepun; Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Persuratan Melayu dan Geografi dari Universiti Kebangsaan Malaysia; dan Diploma Pentadbiran Awam dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Malaysia.

YBhg. Datuk kerjaya dalam perkhidmatan awam pada tahun 1982 sebagai Penolong Pengarah di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Beliau juga pernah menyandang pelbagai jawatan dan agensi antaranya Penolong Setiausaha di Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (dari tahun 1984 hingga 1989); Ketua Penolong Pengarah di Jabatan Perkhidmatan Awam (dari tahun 1993 hingga 2002); Bank Pembangunan Islam, Jeddah, Arab Saudi (dari tahun 2002 hingga 2004); Timbalan Pengarah Sumber Manusia di Perbadanan Putrajaya (dari tahun 2005 hingga 2007); Setiausaha Bahagian Sumber Manusia di Kementerian Pengajian Tinggi (tahun 2007); Pengarah Bahagian Inspektorat dan Perundingan Pengurusan, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia [MAMPU] (dari tahun 2007 hingga 2008); Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Pengurusan dan Transformasi di MAMPU (dari tahun 2008 hingga 2010) dan Ketua Setiausaha, Kementerian Pengajian Tinggi (dari tahun 2010 hingga 2013).

YBhg. Datuk dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) pada 17 September 2013.

BARISAN **SETIAUSAHA** BAHAGIAN DAN **KETUA UNIT**



**YANG BERUSAHA TUAN HAJI
ABU BAKAR JOHAR**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pembangunan &
Pelaksanaan Projek



**YANG BERUSAHA DR. AIZI
RAZMAN ISMAIL**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Dasar



**YANG BERUSAHA PUAN BECK
KIM SIOK**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pemberi Pinjam Wang &
Pemegang Pajak Gadai



**YANG BERUSAHA TUAN
ISKANDAR ALI DEWA**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Undang-undang



**YANG BERUSAHA TUAN
ZAINAL ABIDIN ABU
HASSAN**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Inspektorat



**YANG BERUSAHA
TUAN JAYASELAN A/L K
NAVARATNAM**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Korporat



**YBHG. DATO' HAJI MD
BASAR HAJI ABDUL
RAHMAN**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Kesejahteraan
Bandar



**YANG BERUSAHA PUAN
NOR INCHUN MOHD
SALLEH**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Kewangan dan
Perolehan



**YANG BERUSAHA TUAN
MOHAMAD KHIR MAT
LAZIM**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Khidmat
Pengurusan



**YANG BERUSAHA TUAN
ABDUL LATIF ISMAIL**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Teknologi
Maklumat



**YANG BERUSAHA TUAN
MOHD NADZRI ABD
RAHMAN**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Sumber Manusia



**YANG BERUSAHA PUAN
JESSYLINA MAT LAZIM**
Ketua Unit
Unit Komunikasi Korporat



**YANG BERUSAHA PUAN LIM SOK
KIANG**
Ketua Unit
Unit Audit Dalam



**YANG BERUSAHA PUAN WAN
AINA WAN YAHAYA**
Ketua Unit
Unit Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

BELANJAWAN

KPKT




BELANJAWAN

KPKT

Bagi tahun kewangan 2013, KPKT telah menerima peruntukan Perbelanjaan Mengurus sebanyak RM1,971,907,000.00. Manakala peruntukan Perbelanjaan Pembangunan adalah sebanyak RM1,242,834,280.00. Jumlah kedua-kedua peruntukan adalah sebanyak RMRM3,214,741,280.00. Pecahan peruntukan KPKT bagi tahun 2013 mengikut jenis peruntukan adalah seperti di Carta 01.

Carta 01 Peruntukan Mengurus dan Pembangunan Tahun 2013



PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS SEHINGGA 31 DISEMBER 2013

Prestasi keseluruhan Perbelanjaan Mengurus sehingga 31 Disember 2013 adalah sebanyak 99.99 peratus iaitu RM1,979,450,089.52 berbanding peruntukan yang diluluskan sebanyak RM1,971,907,000.00. Prestasi perbelanjaan berdasarkan program/aktiviti adalah seperti dalam Jadual 01.

Jadual 01 Prestasi Perbelanjaan Mengurus Sehingga 31 Disember 2013

Bil	Program/ Aktiviti	Kod	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)
1	Pengurusan Am	010100	75,338,000	81,002,994.99	99.87
2	Inspektorat	010200	2,646,200	2,409,143.91	100
3	Korporat	010300	3,119,600	2,989,815.79	99.98
4	Unit Audit Dalam	010400	1,005,600	1,019,589.04	100
5	Undang-Undang	010500	1,024,000	962,189.26	100
6	Sumber Manusia	010600	4,741,400	4,751,525.54	100
7	Teknologi Maklumat	010700	5,196,300	3,391,277.47	100
8	Kewangan dan Perolehan	010800	2,773,000	2,911,031.16	100
9	Komunikasi Korporat	010900	3,509,900	2,535,151.75	100
10	Pembangunan dan Pelaksanaan	020100	23,486,000	23,503,388.95	100
11	Dasar	020200	1,797,700	1,933,558.91	100
12	Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadaai	020300	4,003,800	4,457,574.28	100
13	Kesejahteraan Bandar	020400	0.00	731,623.93	100
14	Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah	030000	4,379,400.00	4,079,053.21	100
15	Perumahan Negara	040000	26,505,200.00	26,203,428.71	100
16	Kerajaan Tempatan	050000	88,136,200.00	76,961,048.50	100
17	Landskap Negara	060000	14,149,400.00	13,154,161.16	100
18	Perancangan Bandar dan Desa	070000	57,034,200.00	53,402,823.56	100
19	Bomba dan Penyelamat Malaysia	080000	715,617,000.00	728,521,772.81	100
20	Pengurusan Sisa Pepejal Negara	090000	270,659,900.00	265,005,125.55	100
21	Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan	100000	6,239,000.00	3,761,386.58	100
22	Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam	110000	50,000,000.00	50,000,000	100
23	Bertugas Luar Negara	120100	2,500,000.00	2,134,046.12	100
24	Emolumen Kakitangan Kontrak	120200	461,300.00	459,190.85	100
25	Sumbangan Membantu Kadar (SMK)	120300	267,122,400.00	280,331,625	100
26	Penyelenggaraan Aset ICT Sistem OSC Online	130100	1,000,000.00	0.00	0
27	Sewaan CCTV Fasa 2	130200	6,000,000.00	0.00	0
28	Penswastaan Pengurusan Sisa Pepejal	130300	300,000,000.00	300,000,000	100
29	Perluasan Operasi JBPM	130400	1,000,000.00	229,867.50	100
30	Penyelenggaraan Landskap	130500	1,500,000.00	1,087,719	100
31	Aset KPKT	140100	300,000.00	5,903,293.77	100
32	Aset JKT	140200	150,000.00	1,931,905.00	100
33	Aset JPBD	140300	50,000.00	1,636,920.00	99.96
34	Aset JBPM	140400	21,000,000.00	19,182,039.78	100
35	Aset JBPM – Premium Tanah	140500	8,300,000.00	7,863,787.04	100
36	Perlaksanaan Sistem ePBT di MPHTJ	140600	161,500.00	0.00	0
37	NKEA-EPP9:Solid Waste Management	140700	1,000,000.00	747,140.00	100
38	NKRA – Food Basket	140800	0.00	2,634,891.00	100
39	NKRA – Kiosk Programme	140900	0.00	1,620,580.00	99.96
40	NKRA – AZAM Bandar	141000	0.00	0	0
Jumlah Keseluruhan			1,971,907,000.00	1,979,450,089.52	99.99

Sumber: Laporan Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013

(Sehingga 03 Februari 2014)

PRESTASI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2013

Prestasi keseluruhan Perbelanjaan Pembangunan sehingga 31 Disember 2013 adalah sebanyak 96.49 peratus iaitu RM1,199,261,990.84 berbanding peruntukan sebanyak RM1,242,834,280.00. Prestasi perbelanjaan berdasarkan program/aktiviti adalah seperti dalam Jadual 02.

Jadual 02 Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Sehingga 31 Disember 2013

Bil	Butiran Projek	Kod	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)
1.	Jabatan Kerajaan Tempatan		364,392,110	347,509,888.29	95.37
	Projek Kecil Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	00100	304,565,450	288,987,961.07	94.89
	Program Komputerisasi di PBT	01200	5,016,660	5,015,295.00	99.97
	Bahagian Kemajuan Perkampungan	03100	54,810,000	53,506,632.22	97.62
2.	Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara		199,939,740	199,487,180.76	99.77
	Pengurusan Sisa Pepejal Negara	00500	199,939,740	199,487,180.76	99.77
3.	Jabatan Perumahan Negara		362,492,020	348,991,928.85	96.28
	Penyelidikan Perumahan dan Penyelidikan Pembangunan	01402	500,000	147,460.82	29.49
	Program Perumahan Rakyat Dimiliki	01513	500,000	36,239.34	7.25
	Program Perumahan Rakyat Disewa	01600	250,949,650	239,813,452.64	95.56
	Program Perumahan Rakyat Bersepadu	01603	8,640,000	7,148,553.52	82.74
	Pemulihan Projek-Projek Perumahan Swasta Terbengkalai	01604	101,902,370	101,846,222.53	99.94
4.	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD)		5,710,700.00	5,592,975.63	97.94
	Kajian Prosedur Perancangan dan Sebaran Dasar	01903	264,000	262,798.95	99.55
	Pembangunan Teknologi Maklumat JPBD (e-Plan)	01904	2,159,000	2,156,374.00	99.88
	Rancangan Fiskal Negara	01905	537,700	537,665.45	99.99
	Rancangan Wilayah	01906	385,000	384,218.29	99.80
	Rancangan Kawasan Khas	01907	2,365,000	2,251,918.94	95.22
5.	Jabatan Landskap Negara		17,378,200	13,137,099.13	75.60
	Pembangunan Taman Awam	02101	9,940,477	5,972,647.03	60.08
	Pembangunan Landskap	02102	6,043,437	5,864,807.60	97.04
	Penyelidikan dan Pemulihan Landskap	02104	394,286	311,213.00	78.93
	Pengurusan Landskap	02105	1,000,000	988,431.50	98.84
6.	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)		253,639,800	253,262,470.11	99.85
	Pembinaan Bangunan JBPM di Semenanjung Malaysia	30000	59,343,000	58,995,980.52	99.42
	Pembinaan Bangunan JBPM di Sarawak	30001	950,100	927,194.72	97.59
	Pembinaan Bangunan JBPM di Sabah	30002	377,700	377,611.44	99.98
	Perolehan Kenderaan Helikopter dan Kelengkapan Bomba	31000	192,969,000	192,961,683.43	100.00
7.	Bahagian Kesejahteraan Bandar		39,281,710	31,280,448.07	79.63
	Kemiskinan Bandar	04000	39,281,700	31,280,448.07	79.63
	Penyenggaraan Perumahan	04001	10	0	0.00
Jumlah Keseluruhan			1,242,834,280.00	1,199,261,990.84	96.49

Sumber: Laporan Perbelanjaan Pembangunan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013

(Sehingga 03 Februari 2014)

PRESTASI PEMBAYARAN BIL DAN TUNTUTAN KPKT SEHINGGA 31 DISEMBER 2013

KPKT telah berjaya mencatatkan prestasi yang cemerlang bagi tempoh pembayaran bil iaitu 90.64 peratus bagi satu (1) hingga tujuh (7) hari, 8.92 peratus bagi lapan (8) hingga 14 hari dan hanya 0.43 peratus bagi melebihi 14 hari. Rujuk Jadual 03 untuk perincian pembayaran bil dan tuntutan mengikut bulan sepanjang tahun 2013.

Jadual 03 Prestasi Pembayaran Bil dan Tuntutan KPKT Sehingga 31 Disember 2013

Bulan	Tempoh						Jumlah Bil
	1 – 7 hari		8 – 14 hari		Lebih 14 hari		
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	
Januari	3,691	94.06	229	5.84	4	0.10	3,924
Februari	2,549	95.22	128	4.78	0	0	2,677
Mac	4,014	94.14	244	5.72	6	0.14	4,264
April	4,618	93.78	302	6.13	4	0.08	4,924
Mei	4,582	89.86	512	10.04	5	0.10	5,099
Jun	5,207	88.04	629	10.64	78	1.32	5,914
Julai	6,305	89.88	619	8.82	91	1.30	7,015
Ogos	3,671	86.31	560	13.17	22	0.52	4,253
September	4,622	90.52	460	9.01	24	0.47	5,106
Oktober	5,172	89.40	582	10.06	31	0.54	5,785
November	4,818	89.98	532	9.93	5	0.09	5,355
Disember	9,989	90.54	1,031	9.34	13	0.12	11,033
Jumlah	59,238	90.64	5,828	8.92	283	0.43	65,349



LAPORAN PENCAPAIAN PENTUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) YB MENTERI



KEBERHASILAN BESAR YANG PANTAS 2013




Penyediaan Pemprosesan Semula
Pepejal Pembinaan



Kemudahan disiapkan mengikut
jadual



Peraturan Keseluruhan *Response Time*
ke Tempat Kejadian Mengikut Tempoh
Masa yang Ditetapkan



Pengenalan *Rapid Intervention
Mobiles (RIM)* dan penambahbaikan
Tatacara Pengendalian Piawai (SOP)




Memulihkan Projek Perumahan
Terbengkalai



Pemulihan oleh kontraktor
penyelamat secara konsisten dan
komited



NKEA: Peratus pengurangan aras
minyak dan gris di 83 perangkap gris
komunal yang dipasang di pusat penjaja
MPS dan MPAJ



Kemudahan disiapkan mengikut
jadual

KAD SKOR KPI YB MENTERI TAHUN 2013

KPI	SASARAN 2013	PENCAPAIAN	SKOR	WAJARAN
Penilaian Kriteria Kualitatif				10%
NKEA & NKRA				30 %
NKEA: EPP				
1. Memulihara Sungai Klang menjadi Kawasan Warisan dan Komersial (GKL EPP #5)				
1.1 Peratus pengurangan aras minyak dan gris di 83 perangkap gris komunal yang dipasang di pusat penjaja MPS dan MPAJ	92%	99.29	108%	
1. Membangunkan Ekosistem Pengurusan Sisa Pepejal yang Efisien (GKL EPP # 9)				
2.1 Penyediaan kemudahan sistem kompos atau pencernaan anaerobik untuk sisa makanan	Penyediaan Terma dan Syarat kemudahan pencernaan anaerobik	60	60%	
2.2 Penyediaan Pemprosesan Semula Pepejal Pembinaan	Mula operasi pada 1 Dis 2013	100	100%	
NKRA / NKPI				
1. Isi Rumah Berpendapatan Rendah (NKRA LIH)				
1.1 Bilangan peserta baharu Program 1AZAM: AZAM Bandar (KPKT) / Program Kesejahteraan Bandar	1,600	2,261	141%	
1.2 Bilangan peserta sedia ada Program 1AZAM berpendapatan RM300 untuk 3 bulan: AZAM Bandar (KPKT) / Program Kesejahteraan Bandar	640	597	93%	
1.3 Bilangan peserta dalam Program Celik Kewangan: AZAM Bandar (KPKT) / Program Kesejahteraan Bandar	1,600	1,257	79%	
1.4 Bilangan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) / Sektor Korporat bekerjasama dalam Program 1AZAM: AZAM Bandar (KPKT) / Program Kesejahteraan Bandar	3	5	167%	
Skor Kategori			32%	
SRI & MKRA				60%
SRI				
1. Persaingan, Standard dan Liberalisasi (SRI CSL)				
1.1 Proses / Prosedur Perniagaan untuk perkhidmatan insinerator	Proses telah siap dan dimuat naik ke laman web KPKT	100 proses telah dimuat ke laman web	100%	

KAD SKOR KPI YB MENTERI TAHUN 2013 (SAMBUNGAN)

MKRA			
1. Kemudahan Perumahan bagi Kategori Berpendapatan Rendah (<RM2, 500) dan Setingan melalui Sewa atau Pemilikan Rumah di Kawasan Bandar			
1.1 Bilangan Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang siap dibina dengan Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC)	2,737	2,373 Semua PPR telah disiapkan mengikut jadual pada Dis 2013	100%
2. Kelulusan Pembangunan Pihak Berkuasa Tempatan			
2.1 Peratusan Kebenaran Merancang yang diproses dan diluluskan dalam tempoh yang ditetapkan	94%	92%	98%
2.2 Peratus Pelan Bangunan yang diproses dan diluluskan dalam tempoh yang ditetapkan	90%	91.77%	102%
2.3 Memperbaiki Kedudukan dalam Urusan Permit Pembinaan, Laporan Menjalankan Perniagaan, Bank Dunia bagi tahun 2014	80 80 teratas (baseline: 96)	80 Kedudukan nombor 43 (Laporan Bank Dunia 2014)	100%
3. Memulihkan Projek-projek Perumahan Swasta Berlesen Sedia Ada yang Terbengkalai			
3.1 Bilangan projek perumahan swasta berlesen terbengkalai yang dipulihkan	30	30	100%
4. Meningkatkan Kecekapan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat			
4.1 Peratusan keseluruhan <i>response time</i> ke tempat kejadian mengikut tempoh masa yang ditetapkan i. Zon 1: Kurang dari 10 minit ii. Zon 2: Kurang dari 20 minit	95%	98%	103%
5. Menambahbaik Keadaan Kawasan Perumahan Awam di Malaysia			
5.1 Jumlah yang diluluskan bagi penyelenggaraan perumahan kos rendah dan perumahan kos sederhana rendah swasta di bawah Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) (RM Juta)	20	32.6	163%
6. Menyediakan Peluang Ekonomi dan Menggalakkan Kesaksamaan Ekonomi Tanpa Mengira Kaum			
6.1 Bilangan isi rumah bagi Program Titipan Kasih (<i>Food-Basket</i>)	3,200	3,200	100%
Skor Kategori			64%
Jumlah Markah			96%
Skor Teknikal			100%

Petunjuk Skor Markah:

	> 89.5%
	50.5%- 89.4%
	0% - 50.4%

LAPORAN PENCAPAIAN PENTUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) KETUA SETIAUSAHA_____



KAD SKOR KPI KETUA SETIAUSAHA TAHUN 2013

KELOMPOK	DIMENSI PRESTASI	KPI	WAJARAN	SASARAN	PENCAPAIAN	STATUS
Tanggungjawab bersama Seluruh Perkhidmatan Awam	Daya Saing Negara	Kadar Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar	5%	4.5% - 4.8%	4.7%	OT
		Indeks Daya Saing Negara 1. <i>Global Competitiveness Index</i> 2. <i>World Competitiveness Yearbook</i>		27 16	24 15	ST
		Pengurusan Fiskal Defisit yang Mampan		4.5% - 4.4%	3.9%	ST
Agensi Secara Spesifik	Kecekapan dan Keberkesanan Penyampaian Perkhidmatan Awam	Program / Aktiviti Strategik Organisasi	50%	>27.5 – 37.5	47.00	ST
		Indeks Pematuhan Piagam Pelanggan	50%	80% - <90%	98.54%	ST
	Tadbir Urus dan Akauntabiliti	Penggunaan e-Perolehan <i>Star-Rating</i> oleh MAMPU	30%	70% - <75% 3 bintang	75.01% Tidak berkenaan	ET TB
		Pemantauan Pelaksanaan Program / Pembangunan Projek Melalui SPP II		>16.5 – 22.5	27.75	ST
		Indeks Akauntabiliti		50% - 69%	96.57%	ST
		Pencapaian Pelaksanaan HRMIS di Kementerian		70% – 79%	100%	ST
		Pelaksanaan MBJ		85% - 89%	96.06%	ST
Keberkesanan Peribadi	Kepimpinan Transformasi Perkhidmatan Awam	Kualiti Khidmat Rundingan	10%	>5.5 – 7.5	8.50	ST
		Penilaian Kompetensi Kepimpinan				
		Indek Kepuasan Hati Warga Organisasi				

PETUNJUK PENCAPAIAN

BT	OT	ET	ST	TB
Di bawah Sasaran	Menepati Sasaran	Melepassi Sasaran	Sangat Melepassi Sasaran	Tidak Berkenaan
<75%	75% - <85%	85% - <95%	95% - 100%	-

	MARKAH	STATUS
PENCAPAIAN KESELURUHAN	93.61%	ST

SOROTAN 2013



20 Januari 2013

Jelajah Janji Ditepati Negeri Kelantan



25 Januari 2013

Penyerahan Kunci dan Sijil Layak Menduduki Taman Desa Aman, Pulau Pinang



3 Februari 2013

Malaysiaku Indah Peringkat Negeri Kedah



23 Februari 2013

Pecah Tanah Projek Perumahan Mampu Milik di Wilayah Persekutuan Labuan



3 Mac 2013

Sambutan Hari Landskap Negara 2013 dan Pelancaran Rakan Taman bagi Taman Mergong Jaya, Alor Setar, Kedah



13 Mac 2013

Majlis Menandatangani Ikrar Integriti Korporat (CIP) antara PPSPPA dan SPRM



9 April 2013

Penyerahan Projek NBOS: Kejiranan Indah Taman Nira, Batu Pahat, Johor



17 Mei 2013

Majlis Serah/Terima Tugas YB Menteri KPKT



21 Mei 2013

Perasmian Ibu Pejabat JBPM Negeri Perlis oleh DYMM Raja Perlis



15 Jun 2013

Larian Kitar Semula 2013



18 Jun 2013

Lawatan Kerja YB Menteri ke Tapak Pungutan Sampah Jalan Alor, Bukit Bintang, Kuala Lumpur



18 Jun 2013

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang KPKT Tahun 2012



17 Julai 2013

Lawatan Kerja YB Menteri ke Kuala Besut, Terengganu



18 Julai 2013
Ops Raya 2013



2 Ogos 2013
Program Kami Prihatin: YB Menteri bersama Golongan Gelandangan



24 Ogos 2013
Pelancaran Kempen Kawalan Tikus Peringkat Kebangsaan



22 September 2013
Lawatan Kerja YB Menteri ke Bukit Kiara



7 Oktober 2013
Sambutan Hari Habitat Sedunia 2013



8 Oktober 2013
Program Food for Life



29 Oktober 2013
Lawatan Kerja YB Menteri ke Loji Pemprosesan Sisa Pepejal Semenyih



16 November 2013
Sambutan Hari Kitar Semula Kebangsaan 2013



19 November 2013
Sambutan Hari Tandas Sedunia 2013



21 November 2013
Sambutan Hari Inovasi KPKT

LIPUTAN MEDIA 2013





elak pencemaran



Selamat nyawa, harta benda diutamakan



Peranan, tanggungjawab pasukan Bomba terus diperkasa



Uplifting people's demand wellbeing the priority

Ke arah bandar sejahtera masa depan

YUSUF ALI, KUALA LUMPUR

DAIY Persekitaran Bandar Baharu (DPPB) adalah pada 8 November 2013, ketika di mana telah diadakan mesyuarat yang dihadiri oleh para pemimpin dan pemimpin parti politik yang berminat untuk membangunkan bandar baharu.

Persekitaran Bandar Baharu (DPPB) adalah pada 8 November 2013, ketika di mana telah diadakan mesyuarat yang dihadiri oleh para pemimpin dan pemimpin parti politik yang berminat untuk membangunkan bandar baharu.

Persekitaran Bandar Baharu (DPPB) adalah pada 8 November 2013, ketika di mana telah diadakan mesyuarat yang dihadiri oleh para pemimpin dan pemimpin parti politik yang berminat untuk membangunkan bandar baharu.

Persekitaran Bandar Baharu (DPPB) adalah pada 8 November 2013, ketika di mana telah diadakan mesyuarat yang dihadiri oleh para pemimpin dan pemimpin parti politik yang berminat untuk membangunkan bandar baharu.

Persekitaran Bandar Baharu (DPPB) adalah pada 8 November 2013, ketika di mana telah diadakan mesyuarat yang dihadiri oleh para pemimpin dan pemimpin parti politik yang berminat untuk membangunkan bandar baharu.

Persekitaran Bandar Baharu (DPPB) adalah pada 8 November 2013, ketika di mana telah diadakan mesyuarat yang dihadiri oleh para pemimpin dan pemimpin parti politik yang berminat untuk membangunkan bandar baharu.

Persekitaran Bandar Baharu (DPPB) adalah pada 8 November 2013, ketika di mana telah diadakan mesyuarat yang dihadiri oleh para pemimpin dan pemimpin parti politik yang berminat untuk membangunkan bandar baharu.

Persekitaran Bandar Baharu (DPPB) adalah pada 8 November 2013, ketika di mana telah diadakan mesyuarat yang dihadiri oleh para pemimpin dan pemimpin parti politik yang berminat untuk membangunkan bandar baharu.

Persekitaran Bandar Baharu (DPPB) adalah pada 8 November 2013, ketika di mana telah diadakan mesyuarat yang dihadiri oleh para pemimpin dan pemimpin parti politik yang berminat untuk membangunkan bandar baharu.

Persekitaran Bandar Baharu (DPPB) adalah pada 8 November 2013, ketika di mana telah diadakan mesyuarat yang dihadiri oleh para pemimpin dan pemimpin parti politik yang berminat untuk membangunkan bandar baharu.

Persekitaran Bandar Baharu (DPPB) adalah pada 8 November 2013, ketika di mana telah diadakan mesyuarat yang dihadiri oleh para pemimpin dan pemimpin parti politik yang berminat untuk membangunkan bandar baharu.

Persekitaran Bandar Baharu (DPPB) adalah pada 8 November 2013, ketika di mana telah diadakan mesyuarat yang dihadiri oleh para pemimpin dan pemimpin parti politik yang berminat untuk membangunkan bandar baharu.

Persekitaran Bandar Baharu (DPPB) adalah pada 8 November 2013, ketika di mana telah diadakan mesyuarat yang dihadiri oleh para pemimpin dan pemimpin parti politik yang berminat untuk membangunkan bandar baharu.

Persekitaran Bandar Baharu (DPPB) adalah pada 8 November 2013, ketika di mana telah diadakan mesyuarat yang dihadiri oleh para pemimpin dan pemimpin parti politik yang berminat untuk membangunkan bandar baharu.



Yusuf Ali, Menteri Besar

Yusuf Ali, Menteri Besar

Yusuf Ali, Menteri Besar

Yusuf Ali, Menteri Besar

Yusuf Ali, Menteri Besar

Yusuf Ali, Menteri Besar

Yusuf Ali, Menteri Besar

Yusuf Ali, Menteri Besar

Yusuf Ali, Menteri Besar

Yusuf Ali, Menteri Besar

Yusuf Ali, Menteri Besar

Yusuf Ali, Menteri Besar

Yusuf Ali, Menteri Besar

Yusuf Ali, Menteri Besar

Yusuf Ali, Menteri Besar

Yusuf Ali, Menteri Besar

Yusuf Ali, Menteri Besar

Yusuf Ali, Menteri Besar

Yusuf Ali, Menteri Besar

Yusuf Ali, Menteri Besar



Yusuf Ali, Menteri Besar

Yusuf Ali, Menteri Besar

Yusuf Ali, Menteri Besar

Yusuf Ali, Menteri Besar

Yusuf Ali, Menteri Besar

Yusuf Ali, Menteri Besar

Yusuf Ali, Menteri Besar

Yusuf Ali, Menteri Besar

Yusuf Ali, Menteri Besar

Yusuf Ali, Menteri Besar

Yusuf Ali, Menteri Besar

Yusuf Ali, Menteri Besar

Yusuf Ali, Menteri Besar

Yusuf Ali, Menteri Besar


Yusuf Ali, Menteri Besar

Yusuf Ali, Menteri Besar

Yusuf Ali, Menteri Besar




Peranan, tanggungjawab pasukan Bomba terus diperkasa



Peranan, tanggungjawab pasukan Bomba terus diperkasa



Peranan, tanggungjawab pasukan Bomba terus diperkasa



Peranan, tanggungjawab pasukan Bomba terus diperkasa




Peranan, tanggungjawab pasukan Bomba terus diperkasa



Peranan, tanggungjawab pasukan Bomba terus diperkasa



Peranan, tanggungjawab pasukan Bomba terus diperkasa



Peranan, tanggungjawab pasukan Bomba terus diperkasa



Peranan, tanggungjawab pasukan Bomba terus diperkasa

tikan kuota perumahan tera dipatuhi



Kesukarelawan dalam kebajikan



Kesukarelawan dalam kebajikan



Pasukan Kadet Bomba mampu pupuk minat pelajar



ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

Sepanjang tahun 2013, KPKT dan jabatan-jabatan di bawahnya telah menerima banyak anugerah dan pengiktirafan dalam pelbagai aspek yang menyumbang kepada peningkatan sistem penyampaian perkhidmatan dan pendorong kepada warga KPKT untuk meyumbang bakti dengan lebih cemerlang. Antara anugerah dan pengiktirafan yang diterima adalah seperti dalam Jadual 04.

Jadual 04 Anugerah dan Pengiktirafan yang Diterima oleh KPKT dan Jabatan sepanjang Tahun 2013

BIL.	ANUGERAH/PENGIKTIRAFAN	ORGANISASI PENGANJUR	JABATAN/BAHAGIAN PENERIMA
1	Kementerian pertama mendapat Pensijilan MS 1900:2005 <i>Quality Management Systems - Requirements from Islamic Perspectives</i> dan MS ISO 9001:2008 <i>Quality Management Systems - Requirements</i> secara serentak	<i>The Malaysia Book of Records</i>	KPKT
2	Pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti dari Perspektif Islam (MS 1900)	SIRIM Berhad	KPKT
3	Pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti (ISO 9001)	SIRIM Berhad	KPKT
4	Pensijilan MS 1900:2005 <i>Quality Management Systems - Requirements from Islamic Perspectives</i>	SIRIM QAS International Sdn. Bhd.	KPKT
5	Pensijilan MS ISO 9001:2008 <i>Quality Management Systems - Requirements</i>	SIRIM QAS International Sdn. Bhd.	KPKT
6	Anugerah Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2012 (Empat Bintang)	Jabatan Audit Negara	i. KPKT ii. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)
7	Tempat Kedua Kategori SPP II Champion	Unit Penyelaras Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM)	KPKT
8	Penarafan 5 Bintang (Cemerlang) Tahap Keselamatan Perlindungan KPKT	Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan (CGSO)	KPKT
9	Penarafan 5 Bintang Penilaian Portal dan Laman Web Kerajaan Malaysia 2013	Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC) dan Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)	i. KPKT ii. JBPM iii. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JBPD) iv. Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) v. Jabatan Perumahan Negara (JPN) vi. Jabatan Landskap Negara (JLN) vii. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) viii. Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA)
10	Finalis Kategori Lawatan Turun Padang	Unit Penyelaras Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM)	KPKT

BIL.	ANUGERAH/PENGIKTIRAFAN	ORGANISASI PENGANJUR	JABATAN/BAHAGIAN PENERIMA
11	Pengiktirafan Tahap 5 <i>Self Reliance Open Source Software</i> (OSS) Infrastruktur dan Aplikasi (Pembangunan) dan Dekstop (Open Office) dalam pelaksanaan Program OSS Sektor Awam	MAMPU	KPKT
12	Sijil Penghargaan ISMS dan Sijil 1GovCloud Member	MAMPU	KPKT
13	Pengiktirafan Aras 5 bagi Tahap Penggunaan Bahasa Melayu	Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)	KPKT
14	Finalis Anugerah Inovasi Negara 2013	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)
15	Anugerah Inovasi Negara 2013 Kategori Perkhidmatan	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)	JBPM
16	Johan Anugerah Khas Menteri	KPKT	JBPM
17	Penarafan 4 Bintang Anugerah Akauntabiliti Indek	Jabatan Audit Negara	JBPM
18	Johan Pertandingan Anugerah Inovasi Ketua Setiausaha KPKT	KPKT	JBPM
19	Johan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KPKT)	KPKT	JBPM
20	Naib Presiden International Fire Chiefs Association of Asia (IFCAA)	IFCAA	JBPM
21	Pensijilan Amalan Persekitaran Berkualiti 5S	Malaysia Productivity Corporation (MPC)	JKT
22	Pemenang Persembahan Terbaik (Kategori Pengurusan) Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) KPKT 2013	KPKT	JPBD
23	Pemenang Persembahan Terbaik (Keseluruhan) Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) KPKT 2013	KPKT	JPBD
24	Pengiktirafan Tahap " <i>Significantly Exceed Target</i> " bagi <i>Outcome</i> Program Perumahan Rakyat di Negeri Sabah	Jawatankuasa Kerja Penilaian Outcome (JKPO) 2013, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU,JPM)	JPN
25	Pensijilan MS ISO 9001:2008 - Pengurusan, Pelaksanaan dan Pembangunan Perumahan	MOODY International	JPN
26	Pengiktirafan Aras 5 Tahap Penggunaan Bahasa Melayu	Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)	KPKT
27	Anugerah Ketua Setiausaha KPKT 2013	KPKT	PPSPPA
28	Pensijilan ISO 9001 : 2008	SIRIM QAS International Sdn.Bhd.	Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR)



PROGRAM KESEJAHTERAAN BANDAR



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN
BANDAR, PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**
Ministry of Urban Wellbeing, Housing and Local Government
www.kpkt.gov.my



SEKTOR KESEJAHTERAAN BANDAR

LATAR BELAKANG

Sektor Kesejahteraan Bandar (SKB) telah ditubuhkan hasil daripada keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 15 Mei 2013, iaitu ekoran daripada penyusunan semula beberapa kementerian selepas Pilihanraya Umum Ke-13. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah disusun semula dan dikenali sebagai Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang mana Kesejahteraan Bandar telah dimasukkan sebagai salah satu sektor di bawah KPKT. Sektor ini diketuai oleh YBhg. Dato' Halimi Abd. Manaf, Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar) dan mempunyai dua (2) bahagian, iaitu Bahagian Kesejahteraan Bandar dan Bahagian Perkhidmatan Perbandaran.

Bahagian Kesejahteraan Bandar mempunyai empat (4) cawangan, iaitu Pembangunan Komuniti Bandar, Kemiskinan Bandar, Local Agenda 21 (LA 21) dan Penyelarasan Perkhidmatan Bandar manakala Bahagian Perkhidmatan Perbandaran mempunyai tiga (3) cawangan, iaitu Penyenggaraan Rumah Kos Rendah Awam, Penyenggaraan Rumah Kos Rendah Swasta dan Pengurusan Strata.

Secara amnya, SKB berfungsi dalam melaksanakan pelbagai program dan aktiviti bagi meningkatkan kualiti hidup warga bandar serta menyelesaikan pelbagai isu-isu berkaitan kesejahteraan bandar (*urban wellbeing*) dan hal ini selaras dengan fungsi baru KPKT, iaitu mengendalikan perkara yang berhubung dengan kesejahteraan bandar.

PENCAPAIAN

A) Penubuhan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk

Penubuhan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) dalam Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah diluluskan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 16 Oktober 2013. Selain itu, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan mengenai penubuhan JPP dalam Ucapan Belanjawan 2014 pada 25 Oktober 2013.

JPP yang diwujudkan akan bergerak sebagai satu entiti yang dianggotai oleh wakil masyarakat setempat bagi mendokong dan memantau pelaksanaan program-program pembangunan, kemasyarakatan dan modal insan yang dilaksanakan sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan di samping menangani isu-isu perbandaran dan penyampaian perkhidmatan secara berterusan di kawasan PBT. JPP juga berperanan dalam menentukan keperluan penduduk setempat dalam pembangunan, kesejahteraan dan kelangsungan kehidupan di bandar serta membuka peluang kepada penduduk setempat untuk bekerjasama dengan PBT, KPKT dan Pemimpin Tempatan Persekutuan.



Tiga (3) objektif utama penubuhan JPP adalah seperti yang berikut:

- i. menggalakkan penyertaan penduduk dalam program dan pembangunan kawasan setempat;
- ii. membantu menangani isu-isu kesejahteraan bandar; dan
- iii. mewujudkan hubungan baik di antara masyarakat di kawasan kejiranan setempat.

Anggota JPP adalah terdiri daripada Pengerusi, Setiausaha dan lapan (8) ahli jawatankuasa terdiri daripada:

- i. Biro Kemajuan Wanita;
- ii. Biro Belia dan Sukan;
- iii. Biro Ekonomi dan Kewangan;
- iv. Biro Sosial dan ICT, Biro Aduan dan Kebajikan;
- v. Biro Keselamatan;
- vi. Biro Pendidikan;
- vii. Modal Insan dan Kerohanian; dan
- viii. Biro Kebersihan, Kesihatan dan Alam Sekitar.

Bagi memberi penerangan dan penjelasan awal kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan PBT yang bertindak sebagai agensi pelaksana dalam penubuhan JPP serta mendapatkan pandangan awal daripada PBT akan permasalahan yang mungkin berbangkit, SKB telah mengadakan sesi taklimat mengikut zon kepada semua PBN dan PBT seperti yang berikut:

- i. PBN dan PBT Zon Tengah pada 12 November 2013;
- ii. PBN dan PBT Sabah pada 27 November 2013;
- iii. PBN dan PBT Sarawak pada 28 November 2013;
- iv. PBN dan PBT Zon Utara pada 2 Disember 2013; dan
- v. PBN dan PBT Zon Selatan pada 5 Disember 2013.

B) Program Kemiskinan Bandar

Program ini selaras dengan hasrat kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) untuk mengurangkan insiden kemiskinan daripada 3.8 peratus pada tahun 2009 kepada 2.0 peratus pada tahun 2015. Program ini bukan saja memfokus kepada golongan miskin tetapi juga memfokus kepada golongan bottom 40 peratus (golongan B40%), iaitu golongan berpendapatan isi rumah kurang dari RM2,300 dan melebihi RM1,440 (RM1,440 sehingga RM2,300) dan dianggarkan 1.2 juta (51.4 peratus) daripadanya terletak di kawasan bandar.

Sehubungan itu, program ini turut menyasarkan untuk meningkatkan purata pendapatan isi rumah golongan B40% daripada RM1,440.00 pada tahun 2009 kepada RM2,300.00 pada tahun 2015.

Pelbagai program telah dan sedang dilaksanakan bagi mencapai sasaran tersebut seperti yang berikut:

a. Program Bantuan Sewa Rumah

Program Bantuan Sewa Rumah bermatlamat untuk mengurangkan beban kewangan keluarga bagi mendapatkan tempat kediaman yang selesa dan selamat untuk didiami. Kadar bantuan adalah RM 124.00 sebulan.



b. Program Bantuan Perumahan Bandar

Program Bantuan Perumahan Bandar (bina baharu dan baik pulih rumah) bermatlamat untuk menyediakan tempat kediaman yang selamat dan selesa bagi menyumbang kepada kehidupan yang berkualiti. Kadar bantuan bina baharu adalah seperti dalam Jadual 05.



Jadual 05 Kadar Bantuan Bina Baharu di bawah Program Bantuan Perumahan Bandar

LOKASI	KADAR BANTUAN	SPEKISASI ASAS
Semenanjung Malaysia	RM40,000.00	Rumah dengan 3 bilik
Sabah, Sarawak & Labuan	RM50,000.00	Rumah dengan 3 bilik

c. Program Latihan Kemahiran dan Keusahawanan

Program ini bermatlamat untuk meningkatkan kemahiran kumpulan sasaran supaya mampu mendapat pekerjaan atau mengusahakan perniagaan yang boleh memberikan pendapatan yang lebih tinggi seterusnya meningkatkan kualiti hidup dan keluar dari kemiskinan.



d. Program Kios Penjaja Bandar

Program ini bermatlamat untuk membantu golongan sasaran dari daftar eKasih menjalankan perniagaan dengan lebih teratur dan selesa bagi menjana pendapatan dan meningkatkan kualiti hidup.



e. Program Titipan Kasih (*Food-Basket*)

Bermatlamat untuk membantu mengurangkan beban kewangan keluarga dan meningkatkan kualiti hidup masyarakat, Program Titipan Kasih (*Food-Basket*) telah dilaksanakan dengan kerjasama Yayasan MyKasih. Kadar bantuan *Food-Basket* adalah sebanyak RM80.00 sebulan yang mana nilai tersebut akan dikredit ke dalam Mykad penerima.



f. Program Amanah Saham Wawasan Bandar (ASW-Bandar)

Program ini dilaksanakan dengan matlamat untuk membantu golongan miskin tegar / miskin di bandar memperoleh pendapatan tambahan melalui pemberian dividen tahunan, menggalakkan mereka untuk melabur di dalam pasaran saham yang dijamin oleh Kerajaan.

Sehingga tahun 2013, peratusan insiden kemiskinan ialah 1.7 peratus, iaitu telah mencapai sasaran ditetapkan manakala purata pendapatan isi rumah pada tahun 2013 telah meningkat kepada RM 1,847.00.

C) Program Penyelenggaraan Perumahan

Program Penyelenggaraan Perumahan ini telah mula dilaksanakan pada tahun 2011 dengan melibatkan peruntukan sebanyak RM40 juta setahun di bawah RMK-10 bagi membantu kerajaan negeri / agensi kerajaan negeri membiayai kerja baik pulih perumahan kos rendah awam di seluruh negara seterusnya meningkatkan kualiti hidup penghuni perumahan kos rendah awam. Kerja-kerja baik pulih ini melibatkan lapan (8) skop seperti berikut:

- i. baik pulih / ganti lif;
- ii. baik pulih / ganti tangki air dan sistem ratikulasi;
- iii. baik pulih / ganti paip sanitari;
- iv. baik pulih / ganti bumbung;
- v. baik pulih / ganti handrail dan tangga;
- vi. mengecat bangunan;
- vii. pendawaian eletrik; dan
- viii. membaiki kerosakan umum pada harta bersama.

Sehingga tahun 2013, sebanyak 155 projek melibatkan kos sebanyak RM95.2 juta telah dilaksanakan seperti dalam Jadual 06.

Jadual 06 Bilangan Projek dan Jumlah Kos Mengikut Tahun

TAHUN	BILANGAN PROJEK	KOS (RM)
2011	37	15.3 juta
2012	69	40.6 juta
2013	49	39.3 juta
JUMLAH	155	1.2 juta

D) Program Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia

Program Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) ini telah diwujudkan pada tahun 2010 yang mana melibatkan peruntukan sebanyak RM40 juta setahun di bawah RMK-10. TP1M dilaksanakan untuk membantu Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) perumahan kos rendah swasta serta kos sederhana rendah swasta membiayai kerja baik pulih dengan skop yang sama seperti Program Penyelenggaraan Perumahan.

Program yang bertujuan bagi meningkatkan kualiti hidup penghuni perumahan kos rendah swasta dan sederhana rendah swasta ini telah dipindahkan ke Sektor Kesejahteraan Bandar, KPKT pada 15 Julai 2013 dengan kriteria pengagihan peruntukan seperti dalam Jadual 07.

Jadual 07 Kriteria Pengagihan Peruntukan Program TP1M

JENIS PERUMAHAN	KADAR GERAN SEPADAN	PERINCIAN GERAN SEPADAN
Kos Rendah Swasta	90:10	90% daripada kos baik pulih ditampung oleh KPKT, baki 10% ditampung oleh pihak pengurusan (JMB / MC)
Kos Sederhana rendah Swasta	70:10	70% daripada kos baik pulih ditampung oleh KPKT, baki 30% ditampung oleh pihak pengurusan (JMB / MC)

Sehingga tahun 2013, sebanyak 104 projek melibatkan kos sebanyak RM39 juta telah dilaksanakan di bawah program ini.

E) Program Pengurusan Kediaman Berstrata

Sehingga Jun 2013, seramai 7.3 juta orang mendiami 15,833 kawasan pemajuan berstrata dengan jumlah sebanyak 1,474,405 petak. Kelemahan aspek pengurusan oleh JMB / MC menjejaskan kualiti hidup di kediaman bangunan berstrata dengan pelbagai isu-isu berbangkit seperti bilangan aduan yang meningkat, jumlah penguatkuasaan yang rendah, pemantauan kualiti pengurusan bangunan strata yang tidak menyeluruh, undang-undang sedia ada tidak mencukupi dan saiz organisasi Pesuruhjaya Bangunan (COB) di PBT yang tidak mencukupi.

Bagi menangani permasalahan tersebut, Unit COB telah melaksanakan pelbagai program dan strategi pada tahun 2013 seperti yang berikut:

a. Pengukuhan Perundangan

Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 [Akta 663] telah dimansuhkan dan diganti dengan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 26 November 2012 dan diperkenan oleh Yang Di-Pertuan Agong pada 8 Februari 2013;

b. Pemantauan dan Penyelarasan Pengurusan Strata

Pemantauan dan Penyelarasan berkaitan pengurusan strata melalui pengumpulan data berkaitan kualiti pengurusan kawasan pemajuan (star rating), pengurusan aduan, aktiviti penguatkuasaan dan penubuhan JMB / MC; dan

c. Seminar Pesuruhjaya Bangunan (COB) di PBT

Sebanyak 34 Seminar COB di PBT telah diadakan di seluruh Malaysia sepanjang tahun 2013.

F) Pengagihan Peruntukan Program Local Agenda 21 (La21)

Program LA21 diwujudkan hasil daripada Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu Tentang Alam Sekitar dan Pembangunan (UNCED) semasa Sidang Kemuncak Bumi (*Earth Summit*) di Rio de Janeiro, Brazil pada Jun 1992 yang menekankan penglibatan tiga (3) pihak iaitu PBT, masyarakat dan sektor swasta bekerjasama untuk merancang dan menguruskan kawasan persekitaran mereka ke arah pembangunan mapan dan kualiti hidup yang lebih tinggi.

Bagi tahun 2013, sebanyak 36 program LA21 telah dilaksanakan oleh 26 PBT terpilih dengan peruntukan sebanyak RM1 juta. Melalui program ini, PBT digalakkan untuk mempertingkatkan kesedaran dan pendidikan dengan menekankan keperluan kerjasama dan penyertaan oleh komuniti dan sektor korporat.

G) Program Transformasi Sosial

Program Transformasi Sosial di lokasi Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) ini telah dimulakan pada 26 Julai 2013 berdasarkan saranan oleh YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara semasa Mesyuarat NBOS 3-9 SUMMIT.

Program ini antara lainnya adalah bertujuan bagi mewujudkan satu mekanisma kejiwaan indah yang mampan dengan penglibatan masyarakat setempat terhadap program serta aktiviti yang dijalankan serta menggalakkan penyertaan penduduk dalam perancangan dan pelaksanaan program / aktiviti kesukarelawan.

Pada tahun 2013, sebanyak 11 lokasi, iaitu tujuh (7) lokasi perintis dan empat (4) lokasi tambahan telah dikenal pasti bagi Program Transformasi Sosial seperti dalam Jadual 08 dan Jadual 09. Beberapa siri perbincangan turut telah diadakan bersama pihak berkaitan seperti 1Malaysia For Youth (1M4U), Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan PBT bagi merangka kerjasama dan perancangan program. Sehingga Disember 2013, sebanyak dua (2) program telah diadakan oleh Majlis Perbandaran Batu Pahat dan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah manakala program selebihnya akan dilaksanakan pada tahun 2014.

Jadual 08 Senarai Lokasi Perintis Program Transformasi Sosial

BIL	NEGERI	PBT TERLIBAT	LOKASI
1.	Johor	Majlis Bandaraya Johor Bahru	Rumah Pangsa Larkin
2.		MP Batu Pahat	Taman Nira, Batu Pahat
3.	Perak	Majlis Bandaraya Ipoh	Rumah Pangsa Kinta Height
4.			Rumah Pangsa Jalan Silang
5.			Rumah Pangsa Jalan Bijih Timah
6.	Melaka	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	Taman Perumahan Kos Rendah, Pulau Gadong 1, Melaka
7.			Rumah Pangsa Ujong Pasir
8.	Pahang	Majlis Perbandaran Temerloh	Perumahan Awam Kos Rendah Temerloh 1
9.			RP Jalan Karak / PAKR Mentakab 1 & 2
10.		Majlis Perbandaran Bentong	Perumahan Awam Kos Rendah Kg. Muhibbah Karak
11.			Perumahan Awam Kos Rendah Kg. Telemong
12.			Perumahan Awam Kos Rendah Batu 1, Jalan Teras 2
13.	Terengganu	Majlis Perbandaran Dungun	Desa Keluarga Bijangga, Dungun

Jadual 09 Senarai Lokasi Tambahan Pelaksanaan Transformasi Sosial

BIL	NEGERI	PBT	LOKASI
1.	Kedah	Majlis Perbandaran Kulim	Rumah Pangsa Kelang Lama, Kulim
2.	Pahang	Majlis Daerah Bera	Rumah Pangsa Mengkarak Stesen
3.		Majlis Daerah Maran	Taman Jengka Impian, Bandar Tun Abdul Razak, Maran, Pahang
4.	Pulau Pinang	PPPN Pulau Pinang / PERDA	RP Kos Rendah Bandar Baru Teluk Kumbar

H) Program Peruntukan Khas Kepada Ahli Parlimen

Program Peruntukan Khas kepada Ahli Parlimen ini telah mula dilaksanakan pada tahun 2009 bagi menggalakkan penyertaan semua lapisan masyarakat dalam aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di samping memberi peluang kepada Ahli Parlimen untuk menyampaikan hasrat dan mesej mengenai dasar Kerajaan kepada rakyat. Peruntukan khas sebanyak RM30,000.00 setahun disalurkan kepada setiap Ahli Parlimen bagi melaksanakan program / aktiviti bersama masyarakat di kawasan Parlimen masing-masing.

Pada tahun 2013, peruntukan ini telah disalurkan kepada semua Ahli Parlimen melalui satu majlis penyerahan cek yang telah diadakan di Bangunan Parlimen pada 8 Julai 2013.

PROGRAM PERUMAHAN



JABATAN PERUMAHAN NEGARA



LATAR BELAKANG

Jabatan Perumahan Negara (JPN) telah ditubuhkan pada tahun 1976 berikutan keputusan Jemaah Menteri bagi menggantikan Amanah Perumahan Malaysia (*Malaysia Housing Trust*) yang telah ditubuhkan sejak tahun 1950 dan dibubarkan melalui Akta 339 (Pembubaran) Amanah Perumahan 1976. Objektif penubuhan JPN adalah untuk memastikan pembangunan sektor perumahan yang sempurna, berkualiti dan lebih teratur untuk dinikmati oleh pelbagai lapisan masyarakat.

Bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan, JPN telah dipertanggungjawabkan dengan peranan dan fungsi utama seperti yang berikut:

- i. Merangka dasar, perundangan, peraturan dan melaksanakan penyelidikan berkaitan sektor perumahan;
- ii. Merancang dan menyelaraskan pelaksanaan Program Perumahan Rakyat (PPR);
- iii. Mengeluarkan lesen dan permit iklan dan jualan kepada pemaju-pemaju perumahan swasta melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118];
- iv. Memantau projek perumahan swasta dan menguatkuasakan Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118] dan Peraturan-peraturan berkaitan;
- v. Menyelaraskan dan memudahkan cara urusan pemulihan projek perumahan swasta terbengkalai;
- vi. Mengurus aduan awam berkaitan sektor perumahan;
- vii. Menyelaraskan isu pengurusan dan penyelesaian setinggan;
- viii. Mengurus dana dan tabung amanah pinjaman perumahan bagi golongan berpendapatan rendah; dan
- ix. Urus Setia Majlis Perumahan Negara.

PENGANUGERAHAN

A) "Significantly Exceed Target" Bagi Outcome Program Perumahan Rakyat Di Negeri Sabah

Laporan Penilaian *Outcome* Program Perumahan Rakyat di Negeri Sabah yang dilaksanakan oleh JPN telah menerima markah "*Significantly Exceed Target*" bagi Pencapaian Kertas dan Pencapaian *Outcome* di peringkat KPKT. Pemarkahan bagi Laporan Pencapaian *Outcome* Program / Projek Pembangunan ini telah dinilai dan diberikan oleh pada 30 Julai 2013. Kajian Penilaian *Outcome* dilaksanakan berdasarkan Garis Panduan Pengukuran Pencapaian Program / Projek Pembangunan Melalui Penilaian *Outcome*.

B) Penarafan Laman Web 5 Bintang

Portal Rasmi JPN (eHome) telah berjaya mendapat penarafan 5 bintang dalam Penilaian Laman Web / Portal Agensi Kerajaan (MGPWA) 2013.

C) Pensijilan MS ISO 9001:2008

JPN telah diperakukan oleh pihak MOODY International selaku badan pensijilan untuk menaiktaraf MS ISO daripada versi MS ISO 9001:2000 kepada MS ISO 9001:2008 bermula pada 3 September 2009 sehingga 3 September 2014. Skop pensijilan bagi MS ISO 9001:2008 JPN ialah "Pengurusan, Pelaksanaan dan Pembangunan Perumahan". Audit pengawasan MS ISO oleh pihak MOODY International (dulu dikenali sebagai MOODY Intertek) telah dilaksanakan pada 30 sehingga 31 Julai 2013.

PENCAPAIAN

A) Penggubalan Dasar dan Pelaksanaan Kajian

a. Kajian Penilaian dan Penyediaan Cadangan Pemulihan Projek-Projek Perumahan Terbengkalai

Latar Belakang

Kajian Penilaian Dan Penyediaan Cadangan Pemulihan Projek-Projek Perumahan Terbengkalai dilaksanakan untuk menilai dan mencadangkan jumlah anggaran kos keseluruhan pemulihan projek dan kos "*topping up*" yang diperlukan bagi pemulihan projek perumahan terbengkalai dan dijadikan sebagai aras petunjuk "*benchmarking*" dalam proses penilaian tender.

Objektif Kajian

Objektif kajian adalah untuk menilai cadangan pemaju/ kontraktor penyelamat bagi memulihkan projek perumahan terbenkakai dan mencadangkan cadangan terbaik di kalangan pemaju / kontraktor yang menyertai tender.

Skop Kajian

- i. Menyediakan anggaran kos pemulihan projek perumahan terbenkakai sebagai penunjuk aras (*benchmarking*) dalam proses penilaian tender dan anggaran perunding akan dianggap sebagai anggaran Jabatan;
- ii. Menilai dan mencadangkan jumlah anggaran kos keseluruhan pemulihan projek dan kos “*topping up*” yang diperlukan bagi pemulihan projek perumahan terbenkakai; dan
- iii. Membentangkan cadangan pemilihan pemaju / kontraktor yang paling menguntungkan Kerajaan dan pembeli kepada Jawatankuasa Teknikal dan Kewangan (JTK), JPN.

Perunding dan Kos Kajian

Kajian ini dilaksanakan oleh syarikat perunding Prokhas Sdn. Bhd. Pada tahun 2013, Prokhas Sdn. Bhd. telah melaksanakan tiga (3) penilaian dengan jumlah kos keseluruhan sebanyak RM147,460.82.

b. Kajian Penilaian *Outcome* Program Perumahan Rakyat (PPR) di Negeri Sabah

Latar Belakang

Program Perumahan Rakyat (PPR) telah diperkenalkan sejak tahun 1998 bagi mencapai matlamat penempatan semula setinggan dan memenuhi keperluan untuk golongan berpendapatan rendah. Program ini diwujudkan bagi membantu golongan berpendapatan rendah dan setinggan meningkatkan taraf dan kualiti hidup serta tinggal di rumah yang selesa. Terdapat dua (2) jenis rumah PPR yang dibina oleh JPN iaitu PPR Disewa dan PPR Dimiliki.



Ciri-ciri PPR

Jenis rumah PPR yang dibina adalah tertakluk kepada faktor lokaliti seperti yang berikut:

- i. Rumah pangsa melebihi lima (5) tingkat di bandaraya dan bandar besar;
- ii. Rumah pangsa lima (5) tingkat di bandar besar dan pinggir bandar; dan
- iii. Rumah teres di bandar kecil dan luar bandar.

Pembinaan rumah PPR juga perlu menepati spesifikasi yang ditetapkan seperti yang berikut:

- i. Keluasan minimum 650 kaki persegi;
- ii. Ruang tamu;
- iii. Tiga (3) bilik tidur;
- iv. Satu (1) dapur ; dan
- v. Dua (2) bilik air

Bagi memastikan penghuni PPR menikmati kualiti hidup yang selesa, PPR juga turut dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan asas seperti dewan serbaguna, surau, pejabat pengurusan, tadika, premis perniagaan, padang permainan dan tempat letak kenderaan yang mencukupi.

PPR di Negeri Sabah

Sehingga 31 Disember 2013, sebanyak 11,531 unit PPR telah disiapkan dan diserahkan kepada Kerajaan Negeri Sabah. Jadual 10 menunjukkan senarai projek PPR di Sabah yang telah disiapkan.

Jadual 10 Senarai Projek PPR di Negeri Sabah yang telah Disiapkan

BIL.	NAMA PROJEK	TARIKH SERAH	BILANGAN SIAP (UNIT)	BILANGAN PENGISIAN (UNIT)	BILANGAN UNIT KOSONG (UNIT)
1.	PPR Balung I, Tawau	28 Ogos 2004	972	972	0
2.	PPR Kg. Warisan, Kota Kinabalu	22 Ogos 2005	485	485	0
3.	PPR Batu 4, Sandakan	23 Jan 2006	1,000	1,000	0
4.	PPR Telipok Ria, Kota Kinabalu	16 Jun 2007	2,400	2,400	0
5.	PPR Taman Sri Rugading Telipok, Kota Kinabalu	20 Jul 2007	2,174	2,174	0
6.	PPR Balung II, Tawau	16 Ogos 2007	500	500	0
7.	PPR Jln. Sagindai, Kinarut	27.03.2009	500	500	0
8.	PPR Batu 4 ½ Jln. Tgh. Nipah, Lahad Datu	21 Ogos 2009	700	700	0
9.	PPR Pekan Beluran	29 Mac 2010	400	400	0
10.	PPR Gum-Gum, Sandakan	29 Mac 2010	500	500	0
11.	PPR Jalan Apas, Tawau	17 Apr 2010	900	900	0
12.	PPR Army Camp, Sandakan	11Jan 2011	500	500	0
13.	PPR Sri Semarak, Tawau	4 Mac 2012	500	0	500
JUMLAH			11,531	11,031	500

Sumber: Bahagian Perancangan dan Pembangunan Projek PPR, JPN

Objektif Kajian

- Menentukan sejauh mana pencapaian PPR yang telah dilaksanakan melalui bilangan golongan setinggan dan golongan berpendapatan rendah yang menyewa PPR di Negeri Sabah; dan
- Menilai persepsi penghuni terhadap keselesaan, penyenggaraan, keselamatan, aksesibiliti kemudahan awam dan sosial serta tahap interaksi sosial sesama penghuni.



Skop Kajian

Skop kajian adalah bertumpu kepada penghuni yang tinggal di PPR yang telah siap dibina dan diisi di Negeri Sabah.

Hasil Kajian

- i. Kesemua (100 peratus) penghuni yang menghuni di PPR adalah terdiri daripada golongan berpendapatan rendah dan setinggan dan mencapai sasaran yang telah ditetapkan; dan
- ii. Sasaran skor bagi Indeks Kepuasan Penghuni telah ditetapkan pada skala memuaskan (2.51). Secara keseluruhannya, indeks skor bagi tahap kepuasan penghuni PPR di Negeri Sabah adalah mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu 2.88. Keputusan keseluruhan bagi tahap kepuasan penghuni PPR ialah seperti Jadual 11.

Jadual 11 Tahap Kepuasan Penghuni PPR di Sabah

BIL.	PARAMETER	SKOR
1.	Keselesaian	3.06
2.	Penyenggaraan	2.94
3.	Keselamatan	2.74
4.	Aksesibiliti kemudahan awam dan sosial	2.83
5.	Interaksi sosial sesama penghuni	2.84

c. Kajian Penilaian Outcome Program Pemulihan Projek Perumahan Swasta Terbengkalai di Semenanjung Malaysia

Latar Belakang

Program Pemulihan Projek Perumahan Swasta Terbengkalai telah dimulakan pada tahun 2009 dengan penubuhan Pasukan Petugas Khas Pemulihan Projek Perumahan Terbengkalai di bawah Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), Jabatan Perdana Menteri. JPN melalui Bahagian Pemulihan Projek Terbengkalai menyelaras pemulihan projek terbengkalai dengan berperanan sebagai fasilitator atau mediator dengan menggunakan dua (2) pendekatan pemulihan iaitu menggunakan dana Kerajaan (*topping up*) dan tanpa dana Kerajaan.



Projek Perumahan Swasta Terbengkalai

Definisi Projek Perumahan Swasta Terbengkalai adalah seperti yang berikut :

- i. Projek yang tidak siap dalam atau luar tempoh Perjanjian Jual Beli dan tiada sebarang aktiviti yang ketara di tapak pembinaan selama enam (6) bulan secara berterusan; atau
- ii. Petisyen penggulangan telah didaftarkan di Mahkamah Tinggi di bawah Seksyen 218 Akta Syarikat 1965; atau
- iii. Syarikat diletakkan di bawah Pegawai Penerima dan Pengurus (*Receiver and Manager*); atau
- iv. Pemaju mengakui tidak berupaya secara bertulis kepada Pengawal Perumahan; dan
- v. Disahkan projek terbengkalai oleh YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan di bawah Seksyen 11(1)(ca) Akta 118.



Statistik Projek Perumahan Swasta Terbengkalai

Kajian Penilaian Outcome ini telah dimulakan mulai 30 Jun 2013. Sehingga 31 Disember 2013, sebanyak 24 projek dalam perancangan, 33 projek dalam pelbagai peringkat pemulihan dan 87 projek telah dipulihkan. Jadual 12 menunjukkan senarai projek perumahan swasta terbengkalai mengikut tahun.

Jadual 12 Statistik Projek Perumahan Swasta

TAHUN	SEMASA	BARU	JUMLAH PROJEK	BILANGAN PROJEK SIAP / SELESAI	BAKI SEHINGGA DISEMBER
2009	144	4	148	15	133
2010	133	13	146	36	110
2011	110	6	116	32	84
2012	84	11	95	35	60
2013	60	9	69	30	55
JUMLAH	-	43	-	148	-

Sumber: Bahagian Pemulihan Projek Perumahan Swasta Terbengkalai, JPN

Objektif Kajian

- i. Menentukan keberkesanan pelaksanaan program pemulihan terbengkalai melalui pengurangan projek perumahan terbengkalai;
- ii. Menilai persepsi pembeli rumah dari aspek sistem penyampaian perkhidmatan; dan
- iii. Menilai persepsi pembeli rumah berkaitan kualiti pembinaan selepas rumah dipulihkan

Skop Kajian

Skop kajian adalah bertumpu kepada pemulihan projek yang menggunakan dana Kerajaan dan tanpa dana Kerajaan yang telah disiapkan dengan Sijil Layak Menduduki (CFO) atau Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC).

Hasil Kajian

- i) Sebanyak 118 (81.9 peratus) projek telah dipulihkan dan jumlah ini menepati sasaran sebanyak 50 peratus projek dipulihkan; dan
- ii) Keseluruhan skor ialah 2.57 (memuaskan) iaitu melepasi sasaran skor yang ditetapkan sebanyak 2.51 bagi indeks tahap kepuasan pembeli rumah projek terbengkalai. Pengukuran tahap kepuasan pembeli berdasarkan tahap kepuasan terhadap sistem penyampaian Kerajaan dan tahap kepuasan terhadap kualiti rumah selepas dipulihkan. Perincian pencapaian skor secara adalah seperti yang berikut:
 - Skor bagi Sistem Penyampaian dan Perkhidmatan : 2.66
 - Skor bagi kualiti pembinaan selepas rumah dipulihkan : 2.48

B) Pelaksanaan Projek Pembangunan

Pelaksanaan Projek di bawah PPR

PPR dilaksanakan bertujuan menempatkan semula setinggan serta menyediakan kemudahan perumahan khususnya kepada golongan berpendapatan RM2500.00. Terdapat dua (2) kategori PPR iaitu PPR Disewa dan PPR Dimiliki.

Rumah PPR Disewa disewakan kepada keluarga setinggan dan berpendapatan rendah pada kadar RM124.00 sebulan manakala rumah PPR Dimiliki dijual pada harga RM 30,000.00 hingga RM 35,000.00 seunit di Semenanjung Malaysia dan RM42,000.00 di Sabah dan Sarawak.

Kerajaan telah mensasarkan untuk membina dan menyiapkan sejumlah 166 projek dengan 102,630 unit rumah PPR. Daripada jumlah tersebut, sehingga 31 Disember 2013, sejumlah 97 projek (71,576 unit) telah siap dibina, 24 projek (12,601 unit) dalam pembinaan dan 45 projek (18,453 unit) dalam peringkat perancangan.

Pada tahun 2013, sebanyak lapan (8) projek yang mengandungi 3,737 unit telahpun siap dibina dengan Sijil Layak Menduduki (CFO) seperti dalam Jadual 13.

Jadual 13 Senarai Projek PPR yang telah Siap Dibina dengan Sijil Layak Menduduki (CFO) pada Tahun 2013

BIL.	NAMA PROJEK	BILANGAN UNIT RUMAH
1	PPR Batu 2 ½ Jalan Simpang, Taiping, Perak	240
2	PPR Kg Hassan, Hulu Selangor, Selangor	300
3	PPR Ladang Siliiau, Port Dickson, Negeri Sembilan	150
4	PPR Lintas Sibuga, Sandakan, Sabah	500
5	PPR Kemena, Bintulu, Sarawak	1,000
6	PPR Batu Gong, Siburan, Sarawak	500
7	PPR Bandar Baru Fasa II, Jerantut, Pahang	47
8	PPR Gua Musang, Kelantan	1,000
JUMLAH		3,737



C) Cadangan Pindaan Akta / Peraturan-Peraturan (Penguatkuasa)

Pindaan Kepada Peraturan-Peraturan di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118)

Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989, Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Akaun Pemajuan Perumahan) 1991 serta Jadual G, H, I dan J telah dipinda bagi tujuan kawalan dan pelesenan berkaitan pemajuan sektor perumahan di Semenanjung Malaysia. Pindaan kepada Peraturan-Peraturan di bawah Akta 118 ini dibuat untuk memperkemaskan tindakan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap sektor perumahan di negara kita. Pindaan ini dijangka akan dikuatkuasakan pada pertengahan 2014.

Antara pindaan utama adalah seperti yang berikut:

- Meminda kadar deposit sedia ada daripada RM 200,000.00 kepada 3 peratus daripada kos pembinaan tetapi tidak termasuk kos tanah semasa pihak pemaju membuat permohonan lesen;
- Bagi pemajuan berstrata, Pemilikan Kosong (VP) hanya boleh dikeluarkan bersekali dengan Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) serta hak milik strata; dan
- Pindaan kepada Jadual Pembayaran Harga Beli (Jadual Ketiga) dalam Jadual G dan Jadual H dengan memindahkan kadar bayaran progresif sebanyak 5 peratus di peringkat pembinaan (peringkat kedua) ke peringkat penerimaan milikan kosong (peringkat ketiga).

D) Program Operasi

a. Pelesenan Pemajuan Perumahan

Pemajuan perumahan oleh pemaju perumahan swasta melibatkan tiga (3) peringkat kelulusan utama iaitu kelulusan pembangunan tanah oleh Pihak Berkuasa Negeri, kebenaran merancang dan pelan bangunan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) serta kelulusan Lesen Pemaju Perumahan dan Permit Iklan dan Jualan oleh JPN.

Kelulusan Lesen Pemaju Perumahan hanya dikeluarkan kepada pemaju perumahan yang berkelayakan dan berkemampuan sahaja bagi menjamin kepentingan semua pembeli rumah. Langkah ini penting bagi mengelakkan pemaju-pemaju yang tidak bertanggungjawab menganiaya pembeli dengan tidak menyiapkan projek perumahan yang dibina.

Pada tahun 2013, sebanyak 3,660 Lesen Pemaju Perumahan dan Permit Iklan dan Jualan telah dikeluarkan. Jumlah ini merangkumi sebanyak 1,555 lesen baharu dan 2,105 pembaharuan. Tempoh sah laku lesen dan permit baru adalah selama dua (2) tahun, manakala tempoh sah laku bagi pembaharuan sama ada lesen atau permit adalah selama setahun.

Pada tahun 2013, kutipan hasil adalah berjumlah RM6,192,100.00 telah diperolehi melalui pengeluaran lesen, pengeluaran Permit Iklan dan Jualan serta yuran proses. Pecahan kutipan bayaran adalah seperti dalam Carta 02.

Carta 02 Pecahan Kutipan Hasil



b. Pemantauan Projek Perumahan Swasta

Pengkelasan Projek Perumahan Swasta dibahagikan kepada tiga (3) seperti dalam Jadual 14.

Jadual 14 Pengkelasan Projek Perumahan Swasta

BIL.	PENGKELASAN	TAKRIF
1	Projek perumahan lancar	Sesuatu projek perumahan yang berjalan mengikut jadual tempoh Surat Perjanjian Jual Beli (SPJB) pertama ditandatangani iaitu Jadual G (24 bulan) dan Jadual H (36 bulan).
2	Projek perumahan lewat	Projek yang mengalami kelewatan dalam tempoh pembinaan di mana perbezaan jurang kemajuan kerja sebenar di tapak berbanding jadual kerja yang ditetapkan dalam SPJB adalah di antara 10% hingga 30%.
3	Projek perumahan sakit	Projek yang mengalami kelewatan dalam tempoh pembinaan yang mana perbezaan jurang kemajuan kerja sebenar di tapak berbanding jadual kerja yang ditetapkan dalam SPJB adalah melebihi 30%

Pemantauan projek perumahan swasta dilaksanakan melalui penerimaan Laporan Kemajuan Projek [Laporan 7(f)] pada setiap suku tahun daripada semua pemaju perumahan berlesen, lawatan tapak atau mesyuarat tapak ke atas projek bermasalah (lewat dan sakit), penerimaan Laporan Tahunan Kewangan Beraudit [Laporan 7(e)], semakan laporan Akaun Pemajuan Perumahan (HDA) bagi projek lewat dan sakit serta semakan maklumat kewangan melalui lawatan ke premis pemaju perumahan berlesen.

E) Pembangunan Sistem E-Pemaju

Sistem E-Pemaju (IDAMAN) dibangunkan oleh JPN bagi melancarkan proses-proses kerja berkaitan pematuhan Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) Akta 118 dan peraturan-peraturan berkaitan. Sistem yang telah dilancarkan pada 1 April 2013 ini boleh dilayari di laman web rasmi JPN (<http://ehome.kpkt.gov.my>).

Terdapat enam (6) jenis perkhidmatan yang dapat diakses oleh syarikat-syarikat pemaju perumahan iaitu:

- Penghantaran Laporan Kemajuan Projek (Laporan 7F);
- Penghantaran Laporan Kewangan Tahunan Beraudit (Laporan 7E);
- Permohonan Pengeluaran Wang Lebihan;
- Permohonan Pengeluaran Kesemua Wang;
- Permohonan Pengeluaran Deposit Lesen; dan
- Perlantikan Juruaudit.



F) Pengurusan Aduan Awam Berkaitan Perumahan

Pengurusan aduan awam diambil perhatian yang penting bagi memastikan permasalahan yang dihadapi oleh para pembeli rumah dibantu dengan sewajarnya berdasarkan kepada Akta 118. Aduan awam diterima daripada pelbagai sumber seperti telefon, e-mel, kaunter, surat, faks, Biro Pengaduan Awam (BPA), media massa dan Portal e-Home.

Pada tahun 2013, sebanyak 1,940 aduan telah diterima. Daripada jumlah tersebut, 1,229 merupakan aduan di bawah bidang kuasa Akta 118 dan kesemua aduan tersebut telah diselesaikan.

Pengeluaran Kompaun Terhadap Pemaju

JPN telah melaksanakan tindakan penguatkuasaan melalui pengeluaran kompaun terhadap pemaju – pemaju yang telah melanggar Akta 118, penyediaan kertas siasatan bagi tujuan pendakwaan serta menyenarai hitam pemaju dan ahli lembaga pengarah yang melanggar Akta 118.

Sepanjang tahun 2013, sebanyak 761 kompaun telah dikeluarkan terhadap 697 pemaju yang telah melakukan pelbagai kesalahan di bawah Akta 118. Jumlah kutipan kompaun yang telah diperolehi oleh JPN berdasarkan tindakan tersebut adalah sebanyak RM 3,514,000.00.

Penyediaan Kertas Siasatan

Sepanjang tahun 2013, JPN telah menyediakan kertas siasatan bagi 537 kes kesalahan di bawah Akta 118. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 238 kes telah didaftar di mahkamah untuk tujuan pendakwaan, 121 kes telah diselesaikan manakala bakinya 117 masih dalam proses pendakwaan di mahkamah. Antara kesalahan-kesalahan utama ialah:

- i. Kegagalan mengemukakan Laporan 7(f) dan Laporan 7(e);
- ii. Ingkar Award yang dikeluarkan oleh Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR); dan
- iii. Menjalankan pemajuan perumahan tanpa lesen.

Menyenarai Hitamkan Ahli Lembaga Pengarah

Sepanjang tahun 2013, sebanyak 1,256 pemaju dan 4,208 ahli lembaga pengarah telah disenaraihitam atas pelbagai kesalahan di bawah Akta 118 iaitu terlibat di dalam projek terbengkalai, projek sakit, gagal membayar kompaun; ingkar award; pemajuan perumahan tanpa lesen serta kesalahan-kesalahan lain di bawah Akta 118 dan Peraturan berkaitan.

G) Penyelarasan Pemulihan Projek Perumahan Swasta Terbengkalai

Dalam memudah cara serta mencari langkah penyelesaian pemulihan projek perumahan swasta yang terbengkalai, beberapa pendekatan telah diambil oleh JPN iaitu :


- i. KPKT melalui JPN mengambil tindakan dengan mengenal pasti pemaju-pemaju yang berkeupayaan dan berpengalaman untuk mengambil alih pemulihan projek perumahan swasta terbengkalai;
- ii. Melaksanakan pemulihan projek-projek perumahan swasta terbengkalai terutamanya kategori kos rendah dan kos sederhana melalui peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan. Peruntukan ini adalah bagi menampung kos tambahan pemulihan projek-projek tersebut;
- iii. Mengadakan perundingan dari semasa ke semasa dengan semua pihak yang berkepentingan (*stakeholders*) dalam pemajuan perumahan bagi mencari pilihan penyelesaian yang terbaik bagi projek-projek perumahan yang terbengkalai;
- iv. Memantau dan menyelaras pemulihan bagi kesemua projek perumahan swasta terbengkalai. Tindakan ini dilaksanakan dengan kerjasama daripada Pihak Berkuasa Negeri dan PBT; dan
- v. Pasukan Petugas Khas Pemulihan Projek Perumahan Terbengkalai yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara serta pengwujudan tiga (3) Kumpulan Kerja (*working group*) yang menumpukan kepada penetapan dasar pemajuan perumahan negara, pemantapan pemulihan dan pemantauan projek serta penguatkuasaan undang-undang.



Statistik Projek Perumahan Terbengkalai

Sehingga 31 Disember 2013, jumlah projek perumahan yang terbengkalai di Semenanjung Malaysia adalah sebanyak 205 projek perumahan yang melibatkan 53,058 unit rumah dan statistik dan status pemulihan projek yang terlibat adalah seperti dalam Carta 03.

Carta 03 Statistik dan Status Pemulihan Projek Perumahan Terbengkalai bagi Tahun 2013



Antara usaha dan tindakan yang diambil oleh JPN bagi membantu pembeli rumah projek perumahan swasta terbengkalai adalah dengan mengeluarkan surat pengesahan projek perumahan terbengkalai kepada pembiaya kewangan (*end-financier*) bagi unit rumah berkaitan yang membolehkan pembeli memohon pertimbangan daripada institusi perbankan bagi sebarang permohonan pengurangan kadar faedah dan penstrukturan semula pinjaman perumahan atau memohon pertimbangan daripada pihak Kumpulan Wang Simpanan Nasional (KWSP) bagi permohonan pengeluaran kali kedua.

Selain itu, melalui surat ini pembeli juga boleh mendapatkan pertimbangan daripada Bahagian Pinjaman Perumahan Kerajaan sama ada untuk menamatkan pinjaman dan diberi peluang untuk memohon pinjaman baharu atau untuk menangguhkan kadar faedah pinjaman (4 peratus) sepanjang tempoh projek dipulihkan atau selama lima (5) tahun (mana-mana yang terdahulu).

H) Skim Pinjaman Perumahan

Skim Pinjaman Perumahan (SPP) diwujudkan bagi menyediakan kemudahan pinjaman kepada golongan berpendapatan rendah untuk membina rumah baharu di atas tanah milik atau tanah milik orang lain dengan kebenaran.



Kumpulan sasar bagi skim ini ialah golongan berpendapatan rendah antara RM750.00 hingga RM2,500.00. Pinjaman yang diberikan adalah berjumlah RM45,000.00 dan tempoh bayaran balik pinjaman SPP adalah antara lima (5) hingga 30 tahun. Skim ini juga menyediakan kemudahan pinjaman dua (2) generasi bagi pemohon berumur melebihi 40 tahun. Sehingga 31 Disember 2013, sebanyak 360 permohonan baharu telah diluluskan.

Dalam memproses dan membuat keputusan terhadap semua permohonan yang diterima, hanya permohonan yang lengkap sahaja dipertimbangkan untuk kelulusan serta sesi temu duga turut diadakan bagi memastikan pemohon benar-benar layak dan berkemampuan untuk membayar balik pinjaman. Sehingga 31 Disember 2013, jumlah kutipan bayaran balik pinjaman adalah sebanyak RM4.55 juta.

I) Pengumpulan Data / Maklumat

a. Data Keseluruhan PPR

Sehingga 31 Disember 2013, JPN telah melaksanakan sebanyak 166 Projek PPR (102,630 unit) yang meliputi 88 projek (75,805 unit) PPR Disewa dan 78 projek (26,825 unit) PPR Dimiliki dengan perincian data seperti dalam Jadual 15.



Jadual 15 Data Keseluruhan Projek PPR sehingga 31 Disember 2013

PROGRAM	JUMLAH PROJEK		SIAP DIBINA		DALAM PEMBINAAN		DALAM PERANCANGAN	
	Bilangan Projek	Bilangan Unit Rumah	Bilangan Projek	Bilangan Unit Rumah	Bilangan Projek	Bilangan Unit Rumah	Bilangan Projek	Bilangan Unit Rumah
PPR Disewa	88	75,805	73	67,467	15	8,338	0	0
PPR Dimiliki	78	26,825	24	4,109	9	4,263	45	18,453
JUMLAH	166	102,630	97	71,576	24	12,601	45	18,453

b. Data Pengisian PPR Disewa

Pengumpulan data pengisian PPR Disewa daripada semua negeri telah dibuat pada setiap suku tahun 2013. Sehingga Disember 2013, sebanyak 63,197 unit telah diserahkan kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 56,156 (88.88 peratus) unit telah diisi manakala baki sebanyak 6,705 (11.12 peratus) unit dalam proses pengisian. Data Pengisian PPR Disewa adalah seperti dalam Jadual 16.



Jadual 16 Data Pengisian PPR Disewa sehingga 31 Disember 2013

NEGERI	BILANGAN UNIT				
	Siap	Diserah	Diduduki	Kosong	Dalam Pembinaan
Johor	7,108	7,108	6,117	991	1,170
Kedah	1,894	1,894	1,845	49	-
Kelantan	-	-	-	-	-
Melaka	336	336	-	-	-
Negeri Sembilan	570	420	415	5	-
Pahang	-	-	-	-	-
Perak	915	675	675	0	-
Perlis	1,228	1,228	1,221	7	200
Pulau Pinang	698	698	692	6	231
Sabah	13,756	12,256	11,031	1,225	5,735
Sarawak	3,016	2,516	1,394	1,122	-
Selangor	5,184	3,304	2,848	456	-
Terengganu	-	-	-	-	1,002
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	32,762	32,762	29,918	2,844	-
JUMLAH	67,467	63,197	56,156	6,705	8,338

c. Data Penjualan PPR Dimiliki

Kesemua projek PPR Dimiliki yang telah disiapkan sehingga kini terdapat di negeri Pahang sahaja. Sehingga 31 Disember 2013, sebanyak 22 Projek (3,062 unit) telah diserahkan kepada Kerajaan Negeri bagi tujuan penjualan kepada golongan berpendapatan rendah yang layak. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,957 unit telah ditawarkan kepada pembeli dan telah ditandatangani perjanjian jual beli. Data penjualan PPR Dimiliki di Pahang adalah seperti dalam Jadual 17.



Jadual 17 Data Penjualan PPR Dimiliki di Pahang sehingga 31 Disember 2013

BIL.	PROJEK PPR DIMILIKI	JUMLAH UNIT	BILANGAN UNIT DIJUAL	DALAM PROSES PINJAMAN	BILANGAN UNIT KOSONG
	Daerah Rompin				
1.	Muadzam Shah	150	137	12	1
2.	Parit Raja	150	149	1	0
3.	Leban Chondong	100	100	0	0
	Daerah Lipis				
4.	Kerambit	100	77	23	0
5.	Padang Tengku	100	99	1	0
	Daerah Maran				
6.	Jengka	300	286	14	0
	Daerah Bera				
7.	Bukit Mendi	150	148	2	0
	Daerah Raub				
8.	Batu 17, Tersang	150	145	5	0
9.	Tanjung Putus	100	99	1	0
	Daerah Temerloh				
10.	Belok Hilir	150	147	3	0
11.	Pamah Kaseh	150	137	13	0
12.	Paya Sok	100	100	0	0
	Daerah Pekan				
13.	Tanjung Agas	150	145	5	0
14.	Paloh Hinai	150	141	9	0
15.	Kuala Pahang Fasa I	318	317	1	0
16.	Kuala Pahang Fasa II	32	29	3	0
17.	Tanjung Selangor Fasa I	100	100	0	0
18.	Tanjung Selangor Fasa II	62	61	1	0
19.	Tanjung Batu	150	147	3	0
	Daerah Kuantan				
20.	Kampung Hijrah	150	146	4	0
21.	Kampung Baru Gambang	150	150	0	0
	Daerah Jerantut				
22.	Ibol Tunggal	100	97	3	0
JUMLAH KESELURUHAN		3,062	2,957	104	1

d. Data Asas Setinggan

Pengumpulan data asas setinggan daripada semua negeri telah dibuat pada setiap suku tahun 2013. Pengumpulan data ini dijadikan asas serta penanda aras kepada pemantauan dan penyelarasan penempatan semula setinggan di seluruh negara.

Sehingga 31 Disember 2013, terdapat sejumlah 64,129 keluarga setinggan di seluruh negara. Terdapat pengurangan bilangan setinggan sebanyak 8,955 keluarga berbanding tahun 2012 iaitu sebanyak 73,084 keluarga setinggan. Pengurangan tersebut adalah disebabkan kejayaan pelaksanaan program-program penempatan semula setinggan tersebut yang melibatkan kerjasama yang baik antara JPN dan semua agensi yang terlibat di peringkat persekutuan dan juga negeri. Perangkaan setinggan mengikut negeri sehingga 31 Disember 2013 adalah seperti dalam Jadual 18.



Jadual 18 Perangkaan Setinggalan mengikut Negeri sehingga 31 Disember 2013

BIL.	NEGERI	BILANGAN KELUARGA	BILANGAN AHLI KELUARGA	BILANGAN BANGUNAN
1	Johor	6,363	22,151	5,922
2	Kedah	2,702	13,274	2,702
3	Kelantan	1,685	7,780	1,649
4	Melaka	7	19	7
5	Negeri Sembilan	314	585	239
6	Pahang	1,134	3,339	935
7	Perak	1,709	6,836	1,709
8	Perlis	1,853	8,570	1,853
9	Pulau Pinang	4,208	18,909	2,875
10	Sabah	28,087	133,059	26,479
11	Sarawak	8,085	32,354	7,784
12	Selangor	2,542	3,299	3,299
13	Terengganu	1,253	1,583	638
14	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	3,217	12,868	3,217
15	Wilayah Persekutuan Labuan	970	5,521	970
JUMLAH		64,129	270,147	60,278

JPN sangat komited dalam menyelaraskan perancangan, pemantauan kemajuan dan masalah setinggalan di seluruh negara. Bagi tahun 2014, Kementerian Kewangan dan Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri telah meluluskan pembinaan 16,743 unit rumah di bawah PPR kepada JPN. Dengan pelaksanaan inisiatif ini, Kerajaan berharap bilangan setinggalan di seluruh negara dapat dikurangkan.

PROGRAM MELIBATKAN RAKYAT

A) Penyerahan Projek PPR kepada Kerajaan Negeri

JPN telah menganjurkan Majlis Penyerahan Projek PPR kepada beberapa buah Kerajaan Negeri setelah projek siap dengan Sijil Layak Menduduki (CFO). Antara projek-projek yang telah disempurnakan majlis penyerahannya kepada Kerajaan Negeri sepanjang tahun 2013 adalah seperti dalam Jadual 19.



Jadual 19 Penyerahan Projek PPR kepada Kerajaan Negeri Sepanjang Tahun 2013

BIL.	NAMA PROJEK	PENERIMA	TARIKH MAJLIS PENYERAHAN
1	PPR Sungai Putat, Batu Berendam, Melaka	Kerajaan Negeri Melaka melalui Lembaga Perumahan Melaka	29 Jan 2013
2	PPR Kemena, Bintulu, Sarawak	Perbadanan Perumahan Sarawak (HDC)	22 Mei 2013
3	PPR Pekan Kinarut, Sabah	Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah (KKTP)	9 Mac 2013

B) Penyerahan Kunci Projek Perumahan Terbengkalai yang Dipulihkan

Sebanyak tujuh (7) Majlis Penyerahan Sijil Layak Menduduki (CFO) dan Kunci Projek Perumahan Swasta Terbengkalai dan dua (2) Majlis Pelancaran Pemulihan Projek Perumahan Terbengkalai telah diadakan bagi tahun 2013 seperti dalam Jadual 20.



Jadual 20 Majlis Penyerahan Sijil Layak Menduduki (CFO) dan Kunci Majlis Pelancaran Pemulihan Projek Perumahan Swasta Terbengkalai bagi Tahun 2013

BIL.	NAMA PROJEK	TARIKH MAJLIS
MAJLIS PENYERAHAN SIJIL LAYAK MENDUDUKI (CFO) DAN KUNCI		
1	Taman Sri Bemban, Batu Gajah, Perak	14 Jan 2013
2	Taman Desa KPMP, Kampung Gajah, Perak	14 Jan 2013
3	Taman Sri Nilam, Tangkak, Johor	18 Jan 2013
4	Taman Desa Aman, Timur Laur, Pulau Pinang	25 Jan 2013
5	Taman Desa Mesra, Kuantan, Pahang	26 Mac 2013
6	Taman Sri Abadi, Kota Setar, Kedah	13 Apr 2013
7	Taman Kariah Sri Akrab, Kuala Pilah, Negeri Sembilan	12 Sep 2013
MAJLIS PELANCARAN PROJEK PEMULIHAN PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI		
1	Taman Sri Marina, Kuala Kedah, Kedah	13 Apr 2013
2	Taman Simpang Jaya, Simpang Empat, Kedah	13 Apr 2013

C) Lawatan Turun Padang



JPN telah menyelaras lawatan turun padang yang melibatkan Pihak Pengurusan Tertinggi KPKT sepanjang tahun 2013 bagi membolehkan YB Menteri atau YB Timbalan Menteri memantau pelaksanaan projek-projek yang dibina oleh JPN serta memantau projek-projek perumahan yang bermasalah serta terbengkalai. Antara sesi lawatan yang telah diadakan adalah seperti dalam Jadual 21.

Jadual 21 Lawatan Turun Padang YB Menteri dan YB Timbalan Menteri sepanjang Tahun 2013

BIL.	BUTIRAN LAWATAN TURUN PADANG	TARIKH
1	Lawatan YB Menteri KPKT ke PPR Lembah Subang 2, Kuala Lumpur	27 Mei 2013
2	Lawatan YB Timbalan Menteri KPKT ke PPR Ladang Siliau, Port Dickson dan PPR Batu Berendam, Melaka	13 Jun 2013
3	Lawatan YB Menteri ke Kementerian Perumahan Sarawak dan PPR Batu Gong, Siburan, Kuching, Sarawak	2 Sep 2013

D) Pameran Perumahan

Pada 26 hingga 28 April 2013 dan 25 hingga 27 Oktober 2013, JPN telah menyertai Pameran Ekspo Hartanah Malaysia (MAPEX) tahun 2013 yang dianjurkan oleh pihak Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA).

Tujuan utama penglibatan JPN dalam MAPEX ini adalah untuk mempromosikan semua program yang dilaksanakan oleh Jabatan serta menjadi platform untuk memberi penerangan dan kefahaman kepada para pengunjung mengenai perkara asas berkaitan perumahan seperti panduan membeli rumah, hak-hak pembeli dan pengurusan bangunan bertingkat.



E) Seminar Perumahan

Objektif utama penganjuran Seminar Perumahan ini adalah untuk memberikan pendedahan awal kepada para peserta yang terdiri daripada orang awam, penjawat awam dan pelajar universiti tentang hak-hak mereka sebagai pembeli rumah dan bakal pembeli rumah seperti yang terkandung dalam Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118].

Sebanyak tiga (3) siri Seminar Perumahan telah dianjurkan oleh JPN dengan kerjasama pihak Kerajaan Negeri, Institut Pengajian Tinggi dan pihak swasta seperti yang berikut:

- 15 April 2013 – dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM);
- 30 Oktober 2013 – dengan kerjasama Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak; dan
- 29 November 2013 – dengan kerjasama Institut Pembangunan Pengurusan Johor (IPPJ) Sdn. Bhd.

Golongan sasar bagi Seminar Perumahan tahun 2013 adalah lebih menyeluruh dan meliputi semua golongan masyarakat berbanding pendekatan yang diambil pada tahun 2012 yang hanya mensasarkan pelajar tahun akhir di universiti-universiti tempatan.

Penganjuran seminar ini juga merupakan salah satu usaha JPN untuk mendekati masyarakat bagi mendengar dan menyelesaikan isu-isu berkaitan perumahan yang sering dihadapi.



TRIBUNAL TUNTUTAN PEMBELI RUMAH



LATAR BELAKANG

Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR), KPKT diketuai oleh Tuan Shamsulbahri Haji Ibrahim selaku Pengerusi dan beliau dibantu oleh seorang Timbalan Pengerusi dan seorang Setiausaha. TTPR ditubuhkan pada 1 Disember 2002 melalui pindaan kepada seksyen 16, Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118] dan mula beroperasi sepenuhnya mulai 1 Januari 2003.

Objektif penubuhan tribunal adalah sebagai satu institusi utama dalam penyelesaian pertikaian tuntutan ganti rugi antara pembeli rumah dan pemaju perumahan bagi semua jenis hartanah kediaman dengan cara yang lebih mudah, murah dan cepat.

Bidang kuasa Tribunal adalah terhad kepada tuntutan berasaskan kausa tindakan yang timbul daripada Perjanjian Jual Beli yang dibuat di antara pembeli rumah dengan pemaju perumahan berlesen dengan syarat tuntutan tersebut hendaklah difailkan tidak lewat 12 bulan dari:

- i. Tarikh pengeluaran Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan;
- ii. Tarikh tamat tempoh liabiliti kecacatan yang dinyatakan dalam perjanjian jual beli; atau
- iii. Tarikh penamatan Perjanjian Jual Beli oleh mana-mana pihak sebelum tarikh pengeluaran Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan bagi rumah kediaman atau kemudahan bersama ;

yang mana terkemudian.

Justeru itu, TTPR mengendalikan dua (2) jenis tuntutan iaitu Tuntutan Bukan Teknikal (contoh: ganti rugi bagi kelewatan penyerahan milikan kosong dan ganti rugi bagi kelewatan penyerahan kemudahan bersama) dan Tuntutan Teknikal (contoh: ganti rugi bagi kecacatan mutu kerja dan ganti rugi kerana pembinaan tidak mematuhi spesifikasi sebagaimana yang dinyatakan dalam Perjanjian Jual Dan Beli).

Had tuntutan yang difailkan di TTPR hendaklah tidak melebihi RM50,000.00 melainkan pihak-pihak telah bersetuju secara bertulis bahawa TTPR mempunyai bidang kuasa untuk mendengar tuntutan tersebut. Tiada peguam dibenarkan mewakili mana-mana pihak tanpa kebenaran Presiden TTPR. Fi pemfailan yang dikenakan bagi pendaftaran kes hanyalah RM10.00 sahaja.

Pada tahun 2013, Pengurusan Tertinggi KPKT telah membuat keputusan agar satu tribunal iaitu Tribunal Pengurusan Strata yang ditubuhkan di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757] diletakkan di bawah pengurusan Tribunal sedia ada. Sehubungan dengan itu, Tribunal telah menstruktur semula organisasi untuk memenuhi keperluan dan arahan pengurusan tersebut. Mulai pada bulan Oktober 2013, nama Tribunal telah ditukarkan kepada Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata (TPPS). Penggunaan nama ini adalah untuk tujuan pentadbiran sahaja memandangkan kedua-dua tribunal yang ditubuhkan mempunyai bidang kuasa berlainan dan diwujudkan di bawah Akta yang berbeza.

PENGIKTIRAFAN DAN PENGANUGERAHAN

Pensijilan ISO 9001 : 2008

Pada 7 Januari 2010, pihak SIRIM telah menjalankan Audit Pemantauan ISO 9001 : 2000 terhadap TTPR, dan hasilnya mendapati bahawa sistem pengurusan kualiti TTPR dilaksanakan secara berterusan dan disenggarakan dengan memuaskan serta tahap pematuhan kepada standard ISO 9001 : 2000 adalah baik. Sehubungan itu, TTPR telah dianugerahkan pensijilan ISO 9001 : 2000 pada 11 Jun 2010 oleh SIRIM QAS International Sdn.Bhd. Manakala, pada 29 sehingga 30 Disember 2011 pihak SIRIM telah menjalankan Audit Pensijilan Semula dan TTPR telah berjaya memperolehi pensijilan ISO 9001 : 2008.

PENCAPAIAN

A) Pendaftaran Kes

Bagi Tahun 2013, sebanyak 1875 kes telah didaftarkan di TTPR.

B) Penyelesaian Kes

Sejak penubuhan TTPR sehingga 31 Januari 2014, sebanyak 36,280 kes telah didaftarkan dan 35,890 kes telah diselesaikan yang membawa kepada peratusan sebanyak 98.93 peratus.

C) Penyelesaian Kes Dalam Tempoh 120 Hari Berkerja

TTPR telah berjaya menyelesaikan sebanyak 1750 kes daripada 1753 kes dalam tempoh 120 hari berkerja di mana peratusan penyelesaian adalah sebanyak 99.82 peratus.

D) Pindaan Akta

TTPR turut terlibat dalam proses perbincangan mengusulkan cadangan terhadap perundangan subsidiari iaitu peraturan berkaitan prosedur Tribunal Pengurusan Strata 2013 dan deraf peraturan tersebut masih dalam perbincangan dengan pihak-pihak yang berkaitan.

PROGRAM DAN AKTIVITI



A) Promosi Mengenai Fungsi Dan Bidang Kuasa TTPR

Bagi sepanjang tahun 2013, sebanyak 249 promosi dan pameran telah berjaya diadakan oleh TTPR di seluruh Semenanjung Malaysia.

Pelbagai aktiviti promosi telah dianjurkan seperti taklimat mengenai fungsi dan bidang kuasa TTPR kepada orang ramai, penjawat awam di agensi kerajaan, mengadakan pemfailan secara berkelompok, pembukaan gerai pameran TTPR dan pengedaran risalah TTPR di kawasan perumahan yang telah dikenal pasti.

TTPR juga telah bersiaran di televisyen seperti di dalam RTM1 melalui segmen Selamat Pagi Malaysia dan RTM2 melalui segmen Hello on Two. Selain itu, TTPR juga bersiaran di seluruh radio negeri dan swasta seperti Kedah FM, Kuala Lumpur FM dan Traxx FM bagi menyampaikan maklumat yang lebih berkesan kepada orang ramai.

TTPR juga menyertai seminar yang dianjurkan oleh Jabatan lain seperti Seminar Perumahan Negara dan seminar bersama Persatuan Pembeli Rumah Kebangsaan (HBA).

B) Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Presiden Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah Bagi Tahun 2013

Pendengaran kes di Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR) diadili oleh Presiden yang dilantik oleh YB Menteri KPKT melalui Seksyen 16C Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118]. Sepanjang tahun 2013, TTPR mempunyai seramai 14 orang Presiden yang dilantik untuk mendengar dan menyelesaikan kes yang difailkan.

Justeru itu, pada tanggal 21 Februari 2013, TTPR buat julung kalinya telah menganjurkan Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Presiden Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah yang disempurnakan oleh YBhg. Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada masa itu. Majlis yang bersejarah ini telah diadakan setelah sedekad TTPR beroperasi sejak 2003.

Pada majlis tersebut, kesemua 14 orang Presiden TTPR yang telah dilantik di bawah seksyen 16C Akta 118 telah menerima watikah pelantikan oleh YB Menteri KPKT. Ini termasuklah Presiden Tetap TTPR yang merupakan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi TTPR iaitu Tuan Shamsulbahri Haji Ibrahim dan Puan Jamhirah Ali. Majlis yang bersejarah ini juga telah mendapat liputan media dan penganjuran majlis ini telah sedikit sebanyak membantu dalam mempromosikan fungsi TTPR kepada orang awam.



ISU-ISU UTAMA DAN PENYELESAIAN

A) Isu: Pemaju Ingkar Award

Ingkar award akan berlaku sekiranya pemaju gagal atau tidak mematuhi award yang telah dikeluarkan oleh Tribunal berdasarkan Seksyen 16AC (1) Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118].

Penyelesaian: Seksyen 16AC dan Seksyen 16AD Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118]

Setelah TTPR menerima aduan pembeli mengenai keingkaran pemaju dalam mematuhi award yang dikeluarkan kepada pihak-pihak, Setiausaha TTPR akan mendaftarkan aduan ingkar award tersebut di Mahkamah Majistret seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 16AC(2) Akta 118. Selain itu, TTPR akan menghantar senarai nama pemaju yang ingkar Award kepada Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Perumahan Negara KPKT yang akan mengambil tindakan pendakwaan terhadap pemaju tersebut.

PROGRAM KERAJAAN TEMPATAN



JABATAN KERAJAAN TEMPATAN



LATAR BELAKANG

Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) diketuai oleh YBhg. Datin Maziah Adnan. JKT terbahagi kepada 10 bahagian dan dua (2) unit dan mula dijadikan Pusat Tanggungjawab (PTJ) pada 31 Mei 2011.

Objektif penubuhan JKT adalah untuk membantu mewujudkan pihak berkuasa tempatan (PBT) yang berdaya saing, dinamik dan mampan dalam memberikan perkhidmatan perbandaran yang berkualiti. Bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan, JKT telah dipertanggungjawabkan dengan peranan dan fungsi utama seperti yang berikut:

- i. Membantu membimbing dan menggalakkan PBT dalam merancang, mengawal dan melaksanakan program-program pembangunan sosioekonomi dan perkhidmatan perbandaran ke arah pembentukan masyarakat makmur, sejahtera dan berdaya maju selaras dengan matlamat pembangunan negara;
- ii. Untuk menentukan PBT wujud sebagai Unit-unit Kerajaan Tempatan yang cekap dan berupaya dari segi pentadbiran dan kewangan agar mereka dapat menyediakan dan memberi perkhidmatan-perkhidmatan yang moden dan bermutu untuk faedah dan kesejahteraan masyarakat tempatan yang ditadbirkan;
- iii. Untuk menentukan PBT dapat memainkan peranan yang aktif dan berkesan dalam pembangunan kawasan bandar dan luar bandar melalui pelaksanaan projek-projek prasarana, perniagaan dan separuh perniagaan dan menentukan aktiviti-aktiviti pembangunan di peringkat PBT dijalankan mengikut kehendak-kehendak Dasar Ekonomi Baru dari segi matlamat penghapusan kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat;
- iv. Untuk menentukan PBT dapat memainkan peranan sebagai Unit Pentadbiran Kerajaan yang berkesan dari segi mendapatkan penyertaan serta penglibatan rakyat tempatan dalam hal-ehwal tempatan;
- v. Untuk membentuk dan menjadikan PBT sebagai pihak berkuasa perancangan yang berkesan, berkebolehan dan cekap dalam menjalankan tugas dengan sempurna di peringkat tempatan dengan mengikut perancangan yang baik dan sistematik bagi mengawal aktiviti-aktiviti pembangunan di kawasan bandar dan luar bandar melalui kaedah-kaedah yang telah ditetapkan; dan
- vi. Untuk mewujudkan dan mengekalkan hubungan kerjasama yang baik antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri dan juga agensi-agensi kerajaan yang lain di semua peringkat dalam segala hal berkaitan dengan dasar dan pentadbiran Kerajaan Tempatan.

PENGIKTIRAFAN DAN PENGANUGERAHAN

A) Pensijilan Amalan Persekitaran Berkualiti 5S

JKT mendapat Pensijilan Amalan Persekitaran Berkualiti 5S daripada Malaysia Productivity Corporation (MPC) pada 4 Februari 2013.



B) Penarafan Laman Web 5 Bintang

Laman Web JKT telah berjaya mengekalkan penarafan 5 Bintang melalui Penilaian Portal & Laman Web Sektor Agensi Kerajaan 2013 yang telah dilaksanakan oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC).



PENCAPAIAN

A) Penggubalan Dasar

Sebanyak tujuh (7) program penggubalan dasar / garis panduan / undang-undang kecil telah dilaksanakan oleh Jabatan pada tahun 2013.

- i. Garis Panduan yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri dan telah dibentangkan di Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) adalah seperti yang berikut:
 - a. Garis Panduan Pusat Penjualan Ayam, Itik dan Lain-lain Unggas di dalam Kawasan Pasar Awam; dan
 - b. Garis Panduan Pemeriksaan dan Penggredan Premis Makanan.
- ii. Tatacara Operasi Standard (SOP) Penangkapan dan Pelupusan Anjing Terbiar di Kawasan PBT telah diluluskan oleh Jemaah Menteri dan akan dibentangkan di MNKT Ke-67 pada tahun 2014.
- iii. Undang-Undang Kecil (UUK) berikut sedang disemak di peringkat KPKT dan dijangka diluluskan pada tahun 2014:
 - a. Semakan Semula Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 bagi perkara yang berikut:
 1. Penggunaan kayu dalam pembinaan; dan
 2. Tangga tunggal.
 - b. Pindaan UUK Tempat Letak Kereta;
 - c. Penggubalan UUK Pusat Siber; dan
 - d. Pindaan UUK Pelesenan Anjing.

B) Projek di bawah RMK-10 – Rancangan Boleh Pinda (*Rolling Plan*) Kedua

Dalam Rancangan Malaysia ke-10 (RMK-10) bagi Rancangan Boleh Pinda (*Rolling Plan*) Kedua, Jabatan menerima peruntukan siling dan bajet bagi tahun 2013 bagi tiga (3) perkara seperti yang berikut:

i. Projek Fizikal di PBT

Sebanyak RM304,565,450.00 telah diperuntukan bagi tahun 2013 untuk membantu PBT dalam melaksanakan program dan projek fizikal melalui pembangunan projek-projek infrastruktur, kemudahan awam dan sosioekonomi. Sehingga Disember 2013, sebanyak RM288,987,961.00 (95 peratus) telah dibelanjakan oleh PBT bagi tujuan tersebut.

ii. Program Peningkatan Portal eJKT

Sebanyak RM58,500.00 bagi pelaksanaan peningkatan Portal eJKT. Portal eJKT ialah portal yang menyimpan maklumat profil PBT, permohonan projek-projek pembangunan PBT dan pemantauan status projek-projek tersebut. Sebanyak 149 PBT terlibat dengan pelaksanaan Portal eJKT. Kesemua peruntukan tersebut berjaya dibelanjakan bagi melaksanakan kerja-kerja peningkatan portal eJKT bagi tahun 2013; dan

iii. Bantuan kepada Penduduk Kampung Baru

Sebanyak RM54,810,000.00 telah diperuntukan bagi Program Kampung Baru Cina (yang terdiri daripada Kampung Baru, Kampung Baru Rangkaian dan Kampung Bagan) yang digunakan bagi yang tujuan yang berikut:

- pelaksanaan projek-projek menambah baik infrastruktur Kampung Baru; dan
- penyediaan skim pinjaman mudah yang disalurkan melalui Bank Simpanan Nasional kepada penduduk Kampung Baru untuk membantu menjalankan perniagaan kecil, ubah suai rumah kediaman dan pembayaran premium tanah bagi pelanjutan tempoh pajakan.

Sehingga Disember 2013, sebanyak RM53,506,632.00 (97.6 peratus) telah dibelanjakan bagi tujuan tersebut.

C) Kajian-Kajian Yang Dilakukan

JKT sedang melaksanakan Kajian Pelan Induk Kampung Tradisional dan Petempatan Tersusun dalam kawasan PBT Fasa 2. Kajian tersebut akan diteruskan pada tahun 2014.

PROGRAM / AKTIVITI UTAMA

A) Kempen Kawalan Tikus – Program Gotong-Royong Perdana 1Malaysia Peringkat Kebangsaan Dan Negeri



KPKT melalui JKT telah menganjurkan Kempen Kawalan Tikus - Program Gotong-Royong Perdana 1Malaysia yang telah diadakan secara serentak di seluruh negara pada 24 Ogos 2013. Pelancaran kempen peringkat kebangsaan telah disempurnakan oleh YB Menteri, Datuk Abdul Rahman Dahlan, di Dewan Masyarakat Menggatal, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, Sabah. Tujuan kempen ini dilancarkan adalah seperti yang berikut:

- i. Meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat mengenai penularan penyakit Leptospirosis dan penyakit bawaan tikus yang lain-lain;
- ii. Membersihkan kawasan yang dipercayai menjadi tempat pembiakan tikus supaya populasi tikus dapat dikurangkan; dan
- iii. Meningkatkan semangat gotong-royong antara masyarakat dan agensi-agensi kerajaan untuk kepentingan bersama

Antara aktiviti yang dijalankan ialah gotong-royong di lima (5) lokasi; pengasapan dan penutupan lubang tikus; pemasangan dan kutipan perangkap dan pembersihan longkang serta kawasan.

B) Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan Ke-66

Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan ke-66 (MNKT Ke-66) yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Haji Mohd Yassin telah diadakan pada 3 September 2013, bertempat di Bilik Persidangan, Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh semua wakil kerajaan negeri serta kementerian dan agensi pusat yang berkaitan.

Fungsi MNKT adalah sebagai forum perundingan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bagi membentuk dasar untuk memaju, membangun dan mengawal Kerajaan Tempatan. Ini adalah selaras dengan Perkara 76(4) Perlembagaan Persekutuan yang telah memberi kuasa kepada Parlimen untuk menentukan persamaan undang-undang dan dasar mengenai Kerajaan Tempatan. Perkara 95 (A) Perlembagaan Persekutuan juga turut menetapkan agar mesyuarat MNKT diadakan sekurang-kurangnya sekali setahun.

Sebanyak empat (4) kertas kerja dan enam (6) kertas makluman telah dibentangkan dalam mesyuarat ini seperti dalam Jadual 22.



Jadual 22 Kertas Kerja dan Kertas Makluman yang telah Dibentangkan dalam MNKT Ke-66

TAJUK KERTAS	AGENSI
KERTAS KERJA	
1. Cadangan Inisiatif Memantapkan Urusan permit Pembinaan di Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi Teknikal Luaran	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
2. Cadangan Garis Panduan Pusat Penjualan Ayam, Itik dan Unggas di Kawasan PBT	KPKT
3. Cadangan Garis Panduan Sistem Penggredan Premis Makanan di Kawasan Pihak berkuasa Tempatan	KPKT
4. Sumbangan PBT kepada Kumpulan Wang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (KWPSPPA) bagi Pembayaran Penswastaan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam	KPKT
KERTAS MAKLUMAN	
1. Cadangan Garis Panduan Perancangan Terminal Kenderaan Berat	KPKT
2. Cadangan Garis Panduan Penguatkuasaan Papan Iklan Luar bagi Makanan dan Minuman yang Dilarang Diiklan di Luar Kawasan Sekolah	Kementerian Kesihatan Malaysia
3. Kajian Semula dan Pengukuhan Penunjuk Bandar Mampuan Malaysia (MURNInet)	KPKT
4. Cadangan Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat	KPKT
5. Cadangan Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau	KPKT
6. Status Pelaksanaan Pusat Setempat (OSC) Bagi Tempoh 13 April 2007 Sehingga 31 Julai 2013	KPKT

C) Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat KPKT dan PBT 2013

JKT dengan kerjasama Bahagian Khidmat Pengurusan, KPKT telah menyelaras program-program sempena sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK) KPKT bermula pada bulan Oktober sehingga November 2013.

Antara objektif sambutan BBK adalah untuk menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan yang tepat dan betul dalam borang, poster, risalah, brosur atau dokumen-dokumen lain yang dikeluarkan oleh jabatan / bahagian di KPKT serta meningkatkan pemahaman dan penguasaan bahasa kebangsaan dalam kalangan warga kementerian.



Susulan daripada itu, beberapa aktiviti dan program telah dirancang bagi memastikan objektif sambutan BKK tercapai. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan adalah seperti dalam Jadual 23.

Jadual 23 Aktiviti Sempena Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan Tahun 2013

BIL.	AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT
1	Pertandingan Sahibba	6 Nov 2013	Dewan Kristal, KPKT
2	Pertandingan Pantas Jawi	6 Nov 2013	Dewan Kristal, KPKT
3	Wacana Bahasa Kebangsaan	6 Nov 2013	Dewan Kristal, KPKT
4	Pameran dan Jualan Buku	6 - 8 Nov 2013	Lobi, KPKT

D) Sistem Penarafan Bintang Bahasa Kebangsaan PBT Tahun 2013

Pelaksanaan Sistem Penarafan Bintang Bahasa Kebangsaan PBT (SPBBK-PBT) Tahun 2013 adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memartabatkan lagi bahasa kebangsaan termasuklah di tempat-tempat awam yang terletak di bawah tanggungjawab PBT. Melalui sistem ini, semua PBT dijangka akan lebih bertanggungjawab dan meningkatkan usaha dalam memastikan bahasa kebangsaan diberi keutamaan yang sewajarnya di PBT masing-masing, iaitu berdasarkan undang-undang, dasar dan garis panduan sedia ada.



Fasa pertama bagi SPBBK-PBT Tahun 2013 telah dilaksanakan bermula pada 27 Ogos hingga 18 September 2013 dan melibatkan 18 PBT bertaraf Dewan / Majlis Bandaraya dan PBT Ibu Negeri serta Perbadanan Putrajaya seperti yang berikut:

- | | |
|--|--|
| i. Perbadanan Putrajaya | x. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur |
| ii. Majlis Bandaraya Johor Bahru | xi. Majlis Bandaraya Kuching Selatan |
| iii. Majlis Bandaraya Kuala Terengganu | xii. Majlis Bandaraya Shah Alam |
| iv. Majlis Perbandaran Pulau Pinang | xiii. Dewan Bandaraya Kota Kinabalu |
| v. Dewan Bandaraya Kuching Utara | xiv. Majlis Perbandaran Kota Bharu |
| vi. Majlis Bandaraya Miri | xv. Majlis Perbandaran Kangar |
| vii. Majlis Perbandaran Seremban | xvi. Majlis Bandaraya Ipoh |
| viii. Majlis Bandaraya Alor Setar | xvii. Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah |
| ix. Majlis Bandaraya Petaling Jaya | xviii. Majlis Perbandaran Kuantan |

Daripada 18 PBT yang dinilai, hanya Majlis Bandaraya Shah Alam mendapat 5 bintang, manakala lapan (8) PBT lagi memperoleh 4 bintang. Enam (6) PBT lagi berada di tahap memuaskan dan diberi penarafan 3 bintang manakala yang selainnya berada di tahap yang kurang memuaskan.

E) Sambutan Hari Tandas Sedunia 2013

Sambutan Hari Tandas Sedunia disambut pada 19 November setiap tahun diperingkat antarabangsa. Diperingkat kebangsaan pula, sambutan tersebut telah dilaksanakan oleh KPKT setiap tahun bermula pada tahun 2010. Tema Sambutan Hari Tandas Sedunia pada tahun 2013 ialah "Tandas Kita; Bersih, Selasa dan Ceria". Majlis telah dirasmikan oleh YB Menteri, Datuk Abdul Rahman Dahlan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada 19 November 2013.



Bersempena dengan Sambutan Hari Tandas Sedunia Peringkat Kebangsaan ini, KPKT telah menganjurkan Pertandingan Anugerah Tandas Bersih 1Malaysia Peringkat Kebangsaan. Sebanyak sebelas (11) kategori tandas awam telah dipertandingkan. Pertandingan ini bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada PBT dan pemilik-pemilik tandas awam di atas usaha dan inisiatif mewujudkan tandas yang bersih dan selesa untuk digunakan.

Seminar Tandas Bersih 1Malaysia juga merupakan antara pengisian dalam Sambutan Hari Tandas Sedunia. Maklumat berkaitan penjagaan kebersihan tandas awam juga disampaikan kepada orang awam melalui pameran dan demonstrasi daripada beberapa agensi kerajaan dan swasta. Sebanyak 10 gerai pameran dibuka sepanjang sambutan berlangsung.

F) Mesyuarat Pemantauan Program BP31 (Projek-Projek Kecil Di Kampung Baru)

Mesyuarat Pemantauan Program BP31 (Projek-Projek Kecil di Kampung Baru) telah diadakan pada 18 hingga 19 Mac 2013 di Hotel Crystal Crown, Petaling Jaya, Selangor. Mesyuarat ini bertujuan untuk memantau dan membincangkan isu-isu berkenaan pelaksanaan projek-projek pembangunan kecil secara gotong-royong di Kampung Baru. YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Mantan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan turut mengambil kesempatan ini untuk bertemu dengan Pegawai Kemajuan Perkampungan yang datang dari pelbagai daerah di seluruh Semenanjung Malaysia.

G) Program Di Bawah Inisiatif Strategi Lautan Biru Negara (NBOS)

Program Kejiranan Indah (*My Beautiful Neighbourhood - MyBN*)

Pelaksanaan Program Kejiranan Indah (My Beautiful Neighbourhood - MyBN) yang dipertanggungjawab kepada KPKT dan diterajui oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD) dan melibatkan penyatuan sumber jabatan dan bahagian yang lain di bawah KPKT. Sepanjang tahun 2013, sebanyak 21 lokasi telah dikenal pasti di bawah inisiatif ini.

Skop kerja JKT di bawah inisiatif MyBN ini merangkumi penambahbaikan infrastruktur dan kemudahan awam seperti penurapan jalan, perparitan, pencahayaan, tempat letak kereta awam dan dewan serba guna.



H) Program Turun Padang YB Menteri

JKT telah menyelaras Program Turun Padang YB Menteri bagi melawat projek-projek di bawah seliaan JKT seperti yang berikut:

- i. Majlis Pecah Tanah Kompleks Mini Stadium, Baling Kedah pada 24 Mac 2013;
- ii. Program Perjumpaan YB Menteri dengan PBT Johor di Pasir Gudang pada 10 September 2013;
- iii. Program Perjumpaan YB Menteri dengan PBT Terengganu di Kuala Terengganu pada 24 September 2013; dan
- iv. Program Lawatan Kerja YB Menteri ke Sungai Limau, Yan, Kedah pada 20 Oktober 2013.



PROGRAM / AKTIVITI BERKAITAN NKEA / NKRA

A) MKRA / MKPI Untuk KPKT

Sebagai agensi peneraju untuk *Key-Initiative* 10, JKT bertanggungjawab menyelia pembinaan perangkap minyak komunal di premis makanan dalam kawasan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan Majlis Perbandaran Selayang (MPS).

Program ini merupakan salah satu Petunjuk Prestasi Utama (KPI) YB Menteri KPKT bermula pada tahun 2012. KPI yang telah ditetapkan bagi tahun 2012 adalah “Kadar pengurangan tahap pencemaran *Fat, Oil & Grease* (FOG) di 47 unit perangkap minyak sebanyak 90 peratus”. KPI ini telah berjaya dicapai dengan bacaan sebanyak 96 peratus.

Bagi tahun 2013, sasaran KPI telah dinaikkan menjadi “Kadar pengurangan tahap pencemaran FOG di 83 perangkap minyak sebanyak 92 peratus”. Pertambahan bilangan perangkap minyak adalah berikutan tambahan pembinaan oleh MP Selayang pada tahun 2013. Pencapaian bagi tahun 2013 ialah 99 peratus.



Untuk DBKL, JKT hanya menyelia kemajuan pemasangan perangkap minyak di kawasannya manakala KPI pula berada di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan.

B) Inisiatif Menambahbaik Urusan Mendapatkan Permit Pembinaan Di Malaysia

World Bank Doing Business Report 2014 telah meletakkan kedudukan Malaysia di tangga kelapan berbanding ke-12 pada tahun 2013. Pencapaian ini adalah satu petunjuk komitmen Malaysia dalam memperbaiki kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara yang mudah untuk menjalankan perniagaan.

Daripada 10 indikator yang diukur, *Dealing with Construction Permits* (DCP) telah menunjukkan perubahan positif berbanding dua (2) tahun kebelakangan ini. Kedudukan sebelum ini merekodkan Malaysia di tangga ke-96 pada tahun 2013 dan telah naik kepada tangga ke-43 bagi tahun 2014. Kajian World Bank tersebut memberi gambaran tahap *Domestic Regulatory Framework* yang dikenakan kepada para pelabur membuka perniagaan di negara ini.

C) Program Pemantauan CCTV

Program Transformasi Kerajaan (GTP) telah diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak pada 28 Januari 2010. Salah satu Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang menjadi tonggak GTP ialah Mengurangkan Jenayah. NKRA Mengurangkan Jenayah diterajui oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) meliputi keseluruhan proses memerangi jenayah selain daripada inisiatif untuk menambah baik persepsi masyarakat serta meningkatkan penyampaikan pasukan penguatkuasa. Antara inisiatif pengawalan keselamatan dan pencegahan jenayah ialah pelaksanaan pemasangan CCTV di kawasan PBT.



Pada tahun 2010, JKT telah meluluskan perolehan berjumlah RM 59,871,200.00 bagi melaksanakan projek pemasangan CCTV di 25 kawasan PBT. Dengan pelaksanaan pemasangan CCTV Fasa I di kawasan PBT telah berjaya mencatatkan pengurangan kadar jenayah berbanding tahun sebelum. Oleh itu, Kerajaan telah bersetuju meneruskan program ini dan meluluskan peruntukan bagi projek pemasangan CCTV Fasa 2 bagi tahun 2014.

Jabatan telah melaksanakan program pemantauan CCTV Fasa 1 yang dipasang di PBT bagi tahun 2013. Hasil pemantauan tersebut mendapati bahawa 95 peratus daripada CCTV dalam kawasan PBT adalah berfungsi.

ISU UTAMA DAN PENYELESAIAN

Pada tahun 2013, antara isu-isu yang timbul adalah peningkatan dalam kes penyakit Leptospirosis yang dibawa oleh tikus (*reservoir*), penularan kes denggi; dan tandas awam yang kotor.

Sebagai langkah penyelesaian, JKT telah menyalurkan peruntukan kepada PBT sebanyak RM4 juta untuk pembelian bekalan bahan kimia dan mesin kawalan vektor (terutamanya untuk kawasan *hotspot*) dan sejumlah RM645,000 untuk perolehan peralatan dan bahan kimia pembersihan tandas.

PROGRAM **PENGURUSAN** **SISA PEPEJAL**



JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA



LATAR BELAKANG

Penubuhan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) adalah berdasarkan kepada Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) yang diluluskan di Parlimen pada 17 Julai 2007 dan diwartakan pada 30 Ogos 2007. Akta tersebut kemudiannya dikuatkuasakan pada 1 September 2011 yang mana memberi kuasa eksekutif kepada Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan ini bagi mengintegrasikan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di peringkat nasional. JPSPN yang diterajui oleh YBhg. Dato' Dr. Nadzri Yahaya dan menjadi agensi kerajaan yang bertanggungjawab memastikan sistem pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang lestari, bersepadu, cekap, berkesan dan kos efektif. Bagi mencapai visi tersebut JPSPN berperanan melaksanakan fungsi-fungsi seperti yang berikut:

- i. Mewujudkan dasar, rancangan dan strategi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam;
- ii. Merumuskan rancangan bagi pengurusan sisa pepejal (lokasi, jenis, saiz kemudahan dan pengolahan baru), kawasan lingkungan, skim dan jangka masa pelaksanaan rancangan;
- iii. Menetapkan standard, spesifikasi, dan tata amalan;
- iv. Memberi lesen dan kelulusan; dan
- v. Melaksanakan fungsi pengawalseliaan.

PENGIKTIRAFAN DAN PENGANUGERAHAN

Pengiktirafan 5 Bintang Laman Web JPSPN

Laman web JPSPN telah berjaya mengekalkan penarafan lima (5) bintang dalam Portal Kerajaan Malaysia dan Penilaian Laman Web (MGPWA) 2013.

PENCAPAIAN

A) Projek Di Bawah RMK-10: Rancangan Boleh Pinda (Rolling Plan) Ketiga

Dalam Rancangan Malaysia ke-10 bagi Rancangan Boleh Pinda (Rolling Plan) Ketiga, JPSPN menerima peruntukan siling sebanyak RM199,939,740.00 dengan peruntukan tahun 2013 sebanyak RM352,410,460.00 bersamaan dengan 34 projek. Secara keseluruhannya, Jabatan telah membelanjakan sebanyak 99.77 peratus daripada jumlah peruntukan tahunan bersamaan dengan RM199,487,180.76. Berdasarkan peruntukan tersebut, sebanyak 30 projek berjaya dilaksanakan sepanjang tahun 2013.

B) Penyerahan Projek

Pada tahun 2013, JPSPN telah menyempurnakan dua (2) penyerahan tapak pelupusan kepada PBT seperti yang berikut:

- i. Tapak Pelupusan Krubong, Melaka (separa) pada 4 Februari 2013 kepada Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah; dan
- ii. Tapak Pelupusan Temayor, Labis, Johor pada 17 September 2013 kepada Majlis Daerah Labis.

C) Kajian-Kajian Yang Dilakukan

Pada tahun 2013, JPSPN telah melaksanakan Kajian Kesesuaian Tapak bagi Pembinaan Loji Rawatan Termal di kawasan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Taman Beringin Jinjang Utara, Kuala Lumpur. Ringkasan kajian adalah seperti dalam Jadual 24.

Jadual 24 Kajian Kesesuaian Tapak bagi Pembinaan Loji Rawatan Termal di kawasan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Taman Beringin Jinjang Utara, Kuala Lumpur

TUJUAN KAJIAN	Mengkaji kesesuaian bekas Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Taman Beringin, Jinjang Utara Kuala Lumpur untuk dijadikan tapak pembinaan lojirwatan termal
TEMPOH KAJIAN	12 Minggu
HASIL KAJIAN	Hasil daripada kajian telah mencadangkan dua (2) tapak yang boleh dibina loji rawatan termal berkapasiti 1000 tan sehari iaitu: i. Tapak pelusan sedia ada yang telah ditutup selamat Taman beringin ii. Tapak sisa pukal (di sebelah barat Stesen Pemindahan Sisa pepejal Taman Beringin) * Tertakluk kepada kelulusan Kajian Terperinci Impak Alam Sekitar

PROGRAM / AKTIVITI UTAMA

A) Kerjasama Dengan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)

Pada tahun 2013, JPSPN meneruskan program jalinan kerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang mana objektifnya adalah untuk menggalakkan aktiviti kitar semula di segenap lapisan masyarakat. JPSPN telah bekerjasama dengan dua (2) NGO iaitu *Malaysian Environmental NGO* (MENGO) dan *Recycling Community* (RCOMM). Kedua-dua NGO ini melaksanakan beberapa program dan aktiviti berkaitan kitar semula dengan bantuan dana yang disumbangkan oleh JPSPN.

B) Kempen Kesedaran Awam Mengenai Pengurusan Sisa Pepejal dan Kitar Semula

Bagi meningkatkan kesedaran orang awam mengenai transformasi sisa pepejal serta kepentingan amalan kitar semula, Jabatan telah menjalankan pelbagai program dan aktiviti promosi dan publisiti seperti yang berikut:

i. Kempen Kawalan Tikus 2013

JPSPN telah berkerjasama dengan Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar Kelantan dalam menganjurkan Kempen Kawalan Tikus yang diadakan pada 24 Ogos 2013. Kempen ini telah dijalankan bersempena Program Gotong-Royong Perdana Peringkat Negeri Kelantan di Kota Bharu, Kelantan. Kempen ini bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai penularan penyakit *leptospirosis* dan penyakit bawaan tikus yang lain. Di samping itu, kempen ini juga dilancarkan bertujuan untuk meningkatkan semangat gotong-royong dalam kalangan masyarakat dan agensi-agensi kerajaan untuk kepentingan bersama.



ii. Kempen *Anti-Litter* Sempena Musim Perayaan 2013

Pada 18 Julai 2013, YB Menteri, Datuk Abdul Rahman Dahlan telah melancarkan Program Ops Raya dan Kempen *Anti-Litter* sempena musim perayaan di Plaza Tol Sungai Besi. Program ini dianjurkan secara bersepadu oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan JPSPN. YB Menteri bersama pengurusan tertinggi KPKT telah menyerahkan pelekat kenderaan berkaitan *anti-litter*, risalah pengurangan sisa makanan serta bubur lambuk kepada pengguna-pengguna lebuhraya yang melalui tol Sungai Besi.



iii. Kempen Kitar Semula melalui Tayangan di Panggung Wayang

Jabatan juga telah mengambil inisiatif menyampaikan mesej berkaitan kitar semula melalui tayangan di Panggung Wayang Golden Screen Cinema (GSC) di Pavilion, MidValley dan One Utama. Mesej berkaitan Kitar semula telah ditayangkan selama tiga (3) bulan bermula pada September 2013 hingga November 2013 di 44 buah dewan di panggung-panggung wayang tersebut.

iv. Kempen *Anti-Litter* secara Pengiklanan Luar (*Outdoor Advertising*)

JPSPN juga turut mengambil pendekatan menyebarkan pesanan berkaitan kempen *anti-litter* melalui pesanan secara pengiklanan luar (*outdoor advertising*). Pesanan berkaitan *anti-litter* ditempatkan di lima (5) papan iklan (*billboard*) di sekitar Kuala Lumpur dan di dalam Transit Aliran Ringan (LRT), iaitu di *intrain overhead panel* yang melibatkan 36 unit LRT Kelana Jaya Line dan 18 unit LRT Ampang Line. Kempen ini berlangsung selama enam (6) bulan bermula pada September 2013 hingga Februari 2014.

v. Ops Fajar



YB Datuk Abdul Rahman Dahlan telah membuat tinjauan kerja-kerja kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam oleh Alam Flora Sdn. Bhd. (AFSB) disekitar kawasan Kuala Lumpur pada 18 Jun 2013. YB Menteri di bawa melihat rutin harian pekerja-pekerja AFSB bermula daripada sesi *roll-call* Bahagian Operasi AFSB, seterusnya melihat kerja-kerja kutipan sisa pepejal di Jalan Alor, Bukit Bintang dan berakhir di Stesen Pemindahan Sisa Pepejal, Taman Beringin bagi kerja-kerja pemindahan sisa pepejal dari lori-lori kompaktor ke kenderaan *long haulage* sebelum dihantar ke Tapak Pelupusan Bukit Tagar.

C) Hari Kitar Semula Kebangsaan 2013

Majlis Sambutan Hari Kitar Semula 2013 diadakan pada 16 November 2013 dan telah dirasmikan oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Majlis turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak, Ketua Setiausaha, KPKT. Majlis diserikan lagi dengan persembahan pentas bertemakan alam sekitar oleh kanak-kanak, persembahan musik tradisional serta deklamasi puisi.



D) Larian Kitar Semula 2013



Larian Kitar Semula 2013 telah diadakan pada 15 Jun 2013 bertempat di Padang Merbok, Kuala Lumpur. Program ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Majlis turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak, Ketua Setiausaha, KPKT. Majlis ini telah berjaya mengalakkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti kitar semula serta menerapkan budaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat Malaysia.

E) Program di bawah Inisiatif NBOS

Malaysiaku Indah



YAB Perdana Menteri Malaysia Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak telah melancarkan Program Malaysiaku Indah (*My Beautiful Malaysia*) pada 3 Februari 2013. Pelancaran Malaysiaku Indah (*My Beautiful Malaysia*) ini juga selari dengan 2013 sebagai Tahun Kesukarelawan (*Year of Volunteerism*). Malaysiaku Indah ini diilhamkan daripada Program Kejiranan Indah (*My Beautiful Neighbourhood*) yang terletak di bawah tanggungjawab KPKT.

Sehubungan itu, KPKT telah diamanahkan untuk mengelola Program Malaysiaku Indah peringkat Negeri Kedah dan JPSPN turut berkerjasama dalam menjayakan program tersebut bagi mengalakkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti kitar semula secara sukarela. Program telah dirasmikan oleh YBhg Dato' Seri Chor Chee Heung, Mantan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan di Taman Rekreasi Gunung Kriang, iaitu tapak pelancaran utama peringkat Negeri Kedah. Program ini turut dihadiri oleh Ketua Pengarah JPSPN, YBhg. Dato' Dr. Nadzri Yahaya. Program ini turut disertai oleh penduduk setempat, sukarelawan dan pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN).

F) Lawatan Turun Padang

Beberapa program lawatan turun padang oleh Pengurusan Tertinggi KPKT telah diselenggarakan oleh JPSPN ke tapak-tapak projek berkaitan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam sepanjang tahun 2013. Tujuan lawatan turun padang ini diatur adalah bagi membolehkan Pengurusan Tertinggi KPKT terutamanya YB Menteri, YB Timbalan Menteri dan Ketua Setiausaha Kementerian mengetahui lebih terperinci tentang masalah-masalah di lapangan serta status terkini projek-projek yang dilaksanakan. Sesi lawatan yang telah diadakan sepanjang tahun 2013 adalah seperti dalam Jadual 25.

Jadual 25 Lawatan Turun Padang oleh Pengurusan Tertinggi KPKT ke Projek-projek di bawah JPSPN Sepanjang Tahun 2013

TARIKH	PERICIAN LAWATAN	TUJUAN
14 Jan 2013	Lawatan Kerja Mantan YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan YBM Menteri Pelancongan ke Tapak Pelupusan Cheroh	Memberikan penjelasan dan menjawab pertanyaan penduduk setempat mengenai tapak pelupusan yang sedang dinaik taraf.
14 Jan 2013	Lawatan Kerja Ketua Setiausaha, KPKT ke Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Batu 3, Batu Gajah, Perak	Memantau pengoperasian projek menaik taraf tapak pelupusan tersebut serta membuat tinjauan lapangan di tapak projek bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas.
4 Feb 2013	Lawatan Kerja Ketua Pengarah JPSPN ke Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Krubong, Melaka	Menyerahkan separa Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Krubong, Melaka.
17 Sep 2013	Lawatan Kerja Ketua Pengarah JPSPN ke Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Temayor, Labis.	Menyerahkan tapak projek tutup selamat Tapak Pelupusan Temayor, Labis. Projek tersebut diserahkan kepada Majlis Daerah Labis setelah siap dengan perakuan siap kerja pada 17 September 2013.



G) Pameran

Sepanjang tahun 2013, JPSPN giat mengadakan pameran dan turut menyertai jemputan pameran daripada agensi-agensi lain dalam usaha mempromosikan kitar semula dan mengumpul pandangan orang ramai mengenai teknologi pengurusan sisa pepejal di Malaysia. Jadual 26 menunjukkan pameran utama yang telah dianjurkan dan disertai oleh Jabatan sepanjang tahun 2013.

Jadual 26 Pameran Utama yang telah Dianjurkan dan Disertai oleh Jabatan Sepanjang Tahun 2013

TARIKH	PAMERAN / TEMPAT	ANJURAN
20 Jan 2013	Pameran sempena Program Jelajah Janji Ditepati di Kota Bharu, Kelantan	Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri
9 Jul 2013	Pameran Berkaitan <i>Loji Waste To Energy</i> di AEON Big Kepong	Inisiatif JPSPN
26 Okt 2013	Pameran sempena Hari Alam Sekitar Kebangsaan	Jabatan Alam Sekitar

H) Seminar Kesedaran 3R Anjuran Puspanita KPKT Dan JPSPN

Seminar Kesedaran 3R anjuran Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA), KPKT dan JPSPN telah diadakan pada 16 Disember 2013. Tujuan utama penganjuran ini adalah bagi meningkatkan kesedaran amalan 3R dan kepentingan menjaga alam sekitar, membudayakan amalan kitar semula dan mempraktikkannya dalam kehidupan seharian terutamanya di rumah.

I) Program Pembangunan

Di bawah program pembangunan JPSPN, jabatan telah menyelaras sebanyak 34 projek pembangunan, menaik taraf dan menutup selamat tapak pelupusan sisa pepejal sepanjang tahun 2013. Senarai tapak pelupusan yang termasuk dalam program pembangunan tersebut adalah seperti dalam Jadual 27.

Jadual 27 Senarai Tapak Pelupusan Sisa Pepejal yang telah Dibangunkan, Dinaik Taraf dan Ditutup Selamat oleh JPSPN Sepanjang Tahun 2013

BIL.	JENIS PEMBANGUNAN
PROJEK MENAIK TARAF	
1	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Jalan Kemunyang, Sibu, Sarawak
2	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sibuti, Miri, Sarawak
3	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Bukit Bakri, Muar, Johor
4	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Kg Feri, Kuala Rompin, Pahang
5	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Krubong, Melaka
6	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Cheroh, Raub, Pahang
7	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Jalan Batangan, Marang, Terengganu
8	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Pdg Sertik, Bentong, Pahang
9	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Ldg CEP1, Simpang Renggam, Johor
10	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Teluk Cempedak, Pulau Pangkor, Perak
11	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Jln Lipis, Lipis, Pahang
12	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sg Wangi, Manjung, Perak
13	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Koh Foh, Jempol, Negeri Sembilan
14	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Jengka 10, Maran, Pahang
15	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Pengkalan Keling, Besut, Terengganu
16	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Kg Sg Ikan, Kuala Terengganu, Pahang
17	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Chuat, Bera, Pahang
18	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Padang Siding, Arau, Perlis
19	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Batu 3, Batu Gajah, Perak
20	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Jabi, Alor Setar, Kedah
21	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Kayu Madang, Kota Kinabalu, Sabah

PROJEK PEMBANGUNAN	
22	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Belengu, Temerloh, Pahang
23	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Sg Udang, Melaka
24	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Rimba Mas, Perlis
25	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Kg Tertak Batu, Marang, Terengganu
PROJEK MENUTUP SELAMAT	
26	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Pajam, Negeri Sembilan
27	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Bukit Palong, Negeri Sembilan
28	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Batu Empat, Kota Tinggi, Johor
29	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Ladang Cep, Simpang Renggam, Johor
30	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Ulu Tualang, Temerloh, Pahang
31	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Kg Mat Kilau, Jerantut, Pahang
32	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Mak Cili Paya, Kemaman, Terengganu
33	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Gelugor, Kemaman, Terengganu
34	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Jabor Jerangau, Kuantan, Pahang

PROGRAM / AKTIVITI BERKAITAN NKEA / NKRA

AKTIVITI BERKAITAN EPP9: *SOLID WASTE MANAGEMENT* DI BAWAH NKEA GREATER KUALA LUMPUR/KLANG VALLEY

Terdapat dua (2) KPI di bawah aktiviti berkaitan EPP9: *Solid Waste Management* di bawah NKEA Greater Kuala Lumpur / Klang Valley yang juga merupakan KPI bersama kepada YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan dan YB Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar iaitu:

A) Projek Kemudahan Pemprosesan Semula Sisa Pepejal Pembinaan di Tapak Pelupusan Sisa Lengai Sungai Kertas, Gombak, Selangor



Salah satu *Key Performance Indicator* (KPI) yang telah dikenal pasti di bawah EPP-9 ini adalah untuk mewujudkan sebuah kemudahan pemprosesan semula sisa pepejal pembinaan bagi menerima dan memproses semula sisa pepejal pembinaan dari kawasan Kuala Lumpur/ Lembah Klang serta kawasan sekitarnya. Bagi tujuan tersebut, pihak Jabatan telah menaik taraf Tapak Pelupusan Lengai Sungai Kertas, Gombak, Selangor kepada kemudahan pemprosesan semula sisa pepejal pembinaan.

B) Projek Kemudahan Rawatan Sisa Makanan Menggunakan *Anaerobic Digester*

Di bawah NKEA Greater Kuala Lumpur / Klang Valley, JPSPN terlibat dalam membangunkan satu ekosistem pengurusan sisa pepejal yang berkesan dengan kerjasama pihak Kementerian Wilayah Persekutuan. Oleh kerana peratus sisa makanan yang tinggi iaitu sebanyak 44.50 peratus daripada keseluruhan sisa pepejal di Malaysia, terdapat keperluan mendesak untuk menguruskan sisa makanan yang dibuang dengan lebih berkesan.

Mengambil iktibar dari Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS), JPSPN telah mengenal pasti kaedah alternatif bagi menggunakan *Anaerobic Digester* (AD) sedia ada di Loji Rawatan Kumbahan (LRK) Sungai Besi

untuk menjalankan projek rawatan sisa makanan bersama (*co-digestive*) dengan enap cemar pembentungan. Sekiranya berjaya, ini akan membuka peluang bagi penggunaan infrastruktur LRK sedia ada tanpa pihak Kerajaan perlu membina kemudahan AD baru untuk merawat sisa makanan terutama di kawasan yang kekurangan tanah yang bersesuaian.

Pembangunan loji berkenaan akan dilaksanakan secara *Private Finance Initiative* (PFI) tanpa peruntukan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan. Projek ini juga akan turut merawat enap cemar yang dihasilkan oleh loji rawatan pembentungan tersebut tanpa melibatkan sebarang kos kepada pihak pengoperasi loji rawatan sedia ada iaitu Indah Water Konsortium.

ISU-ISU UTAMA DAN PENYELESAIAN

A) Isu: Sisa pepejal pada 2012 melepasi jangkaan penghasilan pada 2020

Pembuangan sisa pepejal di negara ini telah meningkat secara mendadak pada tahun 2012 sehingga mencecah 33000 tan, yang mana angka tersebut melepasi jangkaan penghasilan sisa pepejal pada tahun 2020.

Penyelesaian:

Kutipan 2+1 secara mandatori kepada syarikat konsesi yang mana dua (2) kali seminggu bagi kutipan sisa organik dan yang tidak boleh dikitar semula manakala sekali seminggu bagi kutipan sisa pukal, sisa kebun, dan sisa yang boleh dikitar semula. Malah Kerajaan turut memberi penekanan terhadap aktiviti berkaitan kitar semula dan pengasingan sisa di punca bagi mengurangkan kadar sisa yang dihasilkan

B) Isu: Cadangan Pembinaan *Loji Waste To Energy* di Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Taman Beringin , Kuala Lumpur

Terdapat gerakan beberapa badan bukan kerajaan (NGO) yang menentang cadangan Kerajaan untuk membina *Loji Waste to Energy* di Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Taman Beringin, Kuala Lumpur. Pihak mereka menggesa Kerajaan segera menarik semula cadangan pembinaan yang dikatakan tidak membawa sebarang manfaat melainkan kemudaratan kepada penduduk sekitar.

Penyelesaian:

KPKT dan JPSPN memandang serius isu ini dengan mengambil langkah mengadakan program penglibatan masyarakat melibatkan penduduk kawasan berhampiran dengan lokasi cadangan tapak projek bagi memberi maklum balas terhadap kritikan negatif terhadap cadangan kerajaan membina *Loji Waste to Energy* tersebut taklimat serta sesi dialog awam secara berperingkat. Selain itu, maklumat dan fakta berkaitan loji ini turut disampaikan kepada orang awam melalui media elektronik dan media cetak serta media sosial JPSPN.



PERBADANAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM





LATAR BELAKANG

Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) ditubuhkan sebagai pelengkap bagi menjayakan Dasar Pengurusan Sisa Pepejal Negara. Secara amnya, dasar ini bertujuan untuk mewujudkan sistem pengurusan sisa pepejal yang menyeluruh, bersepadu, kos efektif dan lestari yang dikehendaki oleh masyarakat yang mementingkan pemuliharaan alam sekitar dan kesejahteraan awam.

PPSPPA ditubuhkan pada 1 Jun 2008 dengan fungsi utama, iaitu melaksanakan peruntukkan Akta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta 673) di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta 672).

PPSPPA mempunyai kuasa untuk mentadbir dan menguatkuasakan undang-undang pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya serta berperanan dalam memastikan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang lebih efisien, bersepadu di samping memberikan kepuasan yang lebih baik kepadapengguna dari segi perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.

Objektif

- i. Memastikan proses perundangan di Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam dilaksanakan dengan adil, teratur serta berkesan;
- ii. Meningkatkan kesedaran awam ke arah perubahan sikap di kalangan sektor awam dan industri agar dapat mencapai kadar kitar semula yang boleh dibanggakan;
- iii. Memastikan penggunaan teknologi dalam pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang terkini dan mesra alam;
- iv. Memastikan semua operator memiliki lesen yang sah mengikut kriteria perundangan bagi tujuan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam; dan
- v. Mewujudkan sistem pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang teratur, berkesan bagi meningkatkan kualiti persekitaran yang bersih dan sihat.

Fungsi

- i. Mengesyorkan dasar, perancangan dan strategi perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam kepada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN);
- ii. Melaksana, menggalakkan penyertaan dan mempertingkatkan kesedaran orang awam mengenai program kesedaran dan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam;
- iii. Menerapkan amalan kitar semula dan pengasingan sisa disumber secara sistematik disamping menekankan ciri-ciri pembangunan yang mampan meliputi aspek ekonomi, politik dan social;
- iv. Memproses permohonan baru, pembaharuan dan pembatalan/penggantungan lesen pembekal perkhidmatan pengurusan sisa pepejal sehingga pengesyoran kepada JPSPN;
- v. Mengawalselia prestasi syarikat-syarikat yang membekalkan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam;
- vi. Mengenalpasti teknologi yang mesra alam, selamat dan kos efektif serta menjalankan penyelidikan berhubung dengan pembangunan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam; dan
- vii. Melaksana dan menguatkuasakan undang-undang pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.

PENGIKTIRAFAN DAN PENGANUGERAHAN

Anugerah Inovasi Ketua Setiausaha KPKT

PPSPPA telah memenangi Anugerah Ketua Setiausaha KPKT 2013 (AIKSU) melalui Sistem Kehadiran (*Thumbprint*). Sistem ini telah dibangunkan secara dalaman (*in-house*) oleh Bahagian Teknologi Maklumat Dan Pengurusan Data (BTMPD) dengan kerjasama Bahagian Khidmat Pengurusan, PPSPPA.



Pertandingan KIK Kategori Pengurusan dan Anugerah Pameran Terbaik

Kumpulan P.R.O. dari PPSPPA Johor mendapat tempat kedua dalam Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Kategori Pengurusan dan Kumpulan T4R2 dari PPSPPA Kelantan memenangi Anugerah Pameran Terbaik Keseluruhan sempena Hari Inovasi KPKT 2013. Kumpulan Inovatif Dan Kreatif BTMPD pula telah memenangi Anugerah Pameran Terbaik Kategori Pengurusan

PENCAPAIAN

A) Program Dan Aktiviti Dalam Pelan Strategik PPSPPA 2009-2013

Sepanjang tahun 2013, PPSPPA telah melaksanakan program dan aktiviti sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Pelan Strategik PPSPPA 2009 – 2013. Jadual 28 menunjukkan pencapaian Perbadanan mengikut teras yang telah digariskan.

Jadual 28 Pencapaian Program dan Aktiviti PPSPPA bagi Tahun 2013 mengikut Teras Pelan Strategik PPSPPA 2009-2013

PERKARA	PENCAPAIAN 2013
TERAS 1: TRANSFORMASI PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM	i. Menerima sebanyak 757 permohonan Lesen Perkhidmatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam menerusi Sistem BLESS; ii. Mengemukakan 12 laporan kepada JPSPN (100 peratus) prestasi perkhidmatan syarikat konsesi; iii. Membentangkan empat (4) prestasi syarikat konsesi telah dalam mesyuarat Lembaga Pengarah (100 peratus); iv. Membentangkan tiga (3) kertas makluman prestasi syarikat konsesi pada Februari 2013; v. Menambah baik prosedur pemantauan syarikat konsesi dengan menggunakan Sistem <i>Handheld</i> dalam membuat pemantauan dengan kerjasama Bahagian Teknologi Maklumat yang mana modul bayaran sedang dalam proses uji cuba; vi. Melantik 144 kontraktor bantuan sebagai pelan kontigensi ke atas kegagalan syarikat konsesi melaksanakan perkhidmatan yang telah menyelesaikan 100 peratus aduan; vii. Melaksanakan keputusan kajian untuk mengenal pasti rumput yang dapat mengurangkan kos penyelenggaraan; viii. Menyediakan dan membincangkan 10 garis panduan penguatkuasaan Akta 672 dan Akta 673 serta semua peraturan-peraturan di bawahnya dengan JPSPN dan Bahagian Undang-Undang KPKT; ix. Mengadakan empat (4) taklimat mengenai kod etika dan amalan baik penguatkuasaan; x. Sistem inventori pengurusan bagi tujuh (7) PBT telah dimuktamadkan bersama syarikat konsesi; xi. Prototaip MySisa telah dibangunkan dan memerlukan penambahbaikan untuk pembangunan sistem sepenuhnya; xii. Meningkatkan peratus pematuhan dan pengurangan kesalahan yang mana jumlah ketidakpatuhan KPI tidak melebihi 10.00 peratus; xiii. Menyemak dan mengesyorkan 12 bayaran syarikat konsesi kepada Bahagian Kewangan; xiv. Menyemak dan mengesyorkan 12 tuntutan Kumpulan Wang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (KWPSPPA) kepada Bahagian Kewangan



PERKARA	PENCAPAIAN 2013
TERAS 2: TRANSFORMASI KESEDARAN AWAM	i. Melaksanakan Kempen Benci Sampah dan Kitar Semula di Transit Aliran Ringan (LRT) dan mengedarkan buku panduan pengurusan sisa pepejal dan kitar semula; ii. Melaksanakan kempen melalui pengiklanan pada pengangkutan awam (bas) di tujuh (7) negeri pada lima (5) buah bas setiap negeri (Jumlah 35 buah bas); iii. Mengedarkan 50,000 botol air bermesej semasa Program Larian Kitar Semula; iv. Mengedarkan 1 juta risalah pengurusan sisa pepejal pada Jun 2013; v. Menjalankan 564 projek kitar semula di sekolah (156 program), komuniti (68 program), tadika (284 program) dan pejabat (56 program); vi. Menjalankan 19 program pengurusan sisa organik (pengkomposan) berskala kecil; vii. Pengwujudan Pusat Kitar Semula Setempat melalui jalinan kerjasama dengan pihak swasta dan NGO (tanggungjawab sosial Korporat -CSR) bersama lima (5) agensi iaitu Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA); Bank Simpanan Nasional (BSN); Carrefour; sekolah; dan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB); viii. Mengemaskini data dan maklumat pengusaha dan fasiliti kitar semula; ix. Membentangkan draf terakhir Garis Panduan Aktiviti Kitar Semula di Pejabat dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan JPSPN; x. Mewujudkan 100 buah Kelab Kitar Semula di sekolah rendah dan menengah di Semenanjung Malaysia; xi. Melaksanakan satu (1) bengkel penyediaan Modul Kelab Kitar Semula diperingkat pra-sekolah pada 1 hingga 4 Oktober 2013 dan 1 draf modul telah dihasilkan; xii. Mengemukakan satu (1) cadangan draf modul mewujudkan pengajaran dan pembelajaran berkaitan pengurusan sisa pepejal dalam sebahagian sukatan pelajaran di peringkat sekolah rendah dan menengah kepada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia; A photograph showing three individuals (two men and one woman) standing in front of a bus. The bus has a large advertisement on its side for the 'Program Bank Kitar Semula' (Recycling Bank Program) featuring a cartoon recycling character and text in Malay. The woman is wearing a pink hijab and a colorful patterned dress, while the men are in formal attire. A photograph of two young male students in school uniforms. They are pushing a blue metal cart filled with various types of waste, including plastic bottles, paper, and other recyclable materials. They appear to be participating in a recycling activity. A photograph of the exterior of a 'Program Bank Kitar Semula' (Recycling Bank Program) stall. The stall has a green and white color scheme with a recycling symbol. Text on the stall includes 'FAITH ZEAL', 'PROGRAM BANK KITAR SEMULA', 'DAERAH SEREMBAN', and 'SMK ST. PAUL'. Various recycling materials like plastic bottles and paper are visible on the stall's surface.

PERKARA

TERAS 3: PENGURUSAN SISA PEPEJAL YANG MESRA ALAM

PENCAPAIAN 2013



- i. Sebanyak 55 tapak projek telah mengikuti keperluan dalam Garis Panduan Sistem Pengurusan Sisa Pepejal:
 - a. 32 projek pembangunan baru
 - b. 12 projek perobohan
 - c. 11 projek pengubahsuaian
- ii. Membeli mesin “cruster” dari Pusat Pemerosesan dan Pemerolehan Sumber (PPS) untuk memproses semula sisa pepejal pembinaan;
- iii. Memantau 31 tapak sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan memaklumkan status projek-projek yang tidak melalui Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC);
- iv. Garis Panduan Pengurusan Sisa Perindustrian sedang dalam semakan semula oleh Bahagian Teknologi Penyelidikan Sisa Binaan dan Industri dan akan dimajukan kepada JPSPN.
- v. Mengadakan enam (6) lawatan ke premis industri bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan penglibatan pihak kilang/ industri terhadap kitar semula, pengasingan sisa dan rawatan sisa;
- vi. Mengenalpasti tiga (3) lokasi pembuangan haram sisa perindustrian dan dalam proses siasatan lanjut;
- vii. Menambahbaik pengkomposan bagi sisa organik dengan menghasilkan *Auto Rotary Compost Chang* menggantikan *Rotary Compost Chang*;
- viii. Menjalinkan kerjasama dengan *Japan International Cooperation Agency (JICA)* untuk menganjurkan:
 - a. Seminar “*Promotion of Efficient Solid Waste Management System in Malaysia*” pada 7 Februari 2013 di MITC Melaka;
 - b. Seminar Kaedah Pengkomposan “*Takakura Home Method*” pada 6 Februari 2013 di MITC Melaka; dan
 - c. Kajian komposisi sisa kayu pada 4 Februari 2013.
- ix. Melakukan kajian komposisi sisa pepejal di dua (2) lokasi:
 - a. Tapak Pelupusan Krubong, Melaka pada 5 Februari 2013; dan
 - b. Insinerator Pulau Pangkor pada 9 hingga 11 Disember 2013.



PERKARA	PENCAPAIAN 2013
TERAS 4: TRANSFORMASI MODAL INSAN	i. Menjalankan sebanyak 39 daripada 43 latihan yang dirancang: a. Kursus Generik (19 kursus) b. Kursus Fungsional (enam [6] kursus) c. <i>Team building</i> (tiga [3] siri) d. Lain-lain (11 kursus) ii. Seramai 1072 orang warga kerja (98.00 peratus) telah menghadiri latihan tujuh (7) hari setahun; iii. 12 warga kerja telah menghadiri program latihan luar negara bagi tahun 2013 
TERAS 5: PENGURUSAN KEWANGAN YANG EFISIEN	i. Mencapai 100 peratus (sehingga auditan 2012) dalam memastikan Penyata Kewangan disediakan mengikut masa yang ditetapkan; ii. Mencapai 75.00 peratus dalam keupayaan kutipan sumbangan daripada PBT bagi sumbangan ke KWPSPPA; iii. Mencapai 100 peratus dalam pengurusan pembayaran yang cekap kepada syarikat konsesi; iv. Mencapai 90.00 peratus dalam pengurusan pembayaran yang cekap kepada kontraktor/ pembekal; v. Mencapai 100 peratus dalam memastikan semua aset yang diperolehi didaftarkan; dan vi. Mencapai 90.00 peratus dalam memastikan semua perolehan kerajaan dilaksanakan dengan teratur.

PERKARA	PENCAPAIAN 2013
TERAS 6: PENGUNAAN ICT YANG OPTIMUM	i. Mencapai 100 peratus dalam membangunkan Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM); ii. Memantapkan dua (2) sistem aplikasi baru dan menambah baik 26 sistem aplikasi sedia ada untuk menyokong keperluan pengguna; iii. Mencapai 100 peratus dalam memantapkan operasi dengan penyelenggaraan peralatan ICT yang berkesan; iv. Mencapai sifar insiden dalam usaha memantapkan dan mempertingkatkan tahap keselamatan ICT; v. Mencapai 100 peratus dalam memastikan integriti data terpelihara; vi. Mencapai 100 peratus dalam meningkatkan tahap kemahiran dan profesionalisme Pegawai ICT; dan vii. Mencapai 100 peratus dalam membudayakan penggunaan ICT bagi seluruh warga PPSPPA;
TERAS 7: PENINGKATAN KUALITI PERKHIDMATAN	i. Analisa sedang dibuat berdasarkan soal selidik Kajian Kepuasan Pelanggan Dalam-dalam yang telah dijalankan pada bulan Disember 2013; ii. Mengadakan lawatan audit dalaman SPK MS ISO 9001:2008 pada bulan September 2013; iii. Laporan lengkap akan dibentangkan dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan yang dijangka awal tahun 2014; iv. Memantapkan sistem penarafan dan pengiktirafan bagi menggalakkan persaingan dalam perkhidmatan awam di peringkat ibu pejabat dan pejabat negeri. Pencapaian Star Rating 2012 adalah seperti yang berikut: a. Johor (5 bintang) b. Pahang (5 bintang) c. Wilayah Persekutuan (5 bintang) d. Perlis (4 bintang) e. Terengganu (4 bintang) f. Kelantan (4 bintang) g. Kedah (4 bintang) h. Melaka (5 bintang)

B) Kajian-Kajian Yang Dilakukan

PPSPPA telah melaksanakan 17 kajian seperti yang berikut:

- i. Uji Cuba 10 Tapak Projek Pembinaan;
- ii. Kajian Amalan Pengurusan Sisa Binaan oleh 99 PBT di Semenanjung Malaysia;
- iii. Kajian Tempat Pembuangan Sisa Haram di Kawasan Lembah Klang;
- iv. Kajian Tahap Amalan dan Praktis Semasa Pengurusan Sisa Pepejal Binaan Di Luar Negara;
- v. Kajian Amalan dan Praktis Semasa Pengurusan Sisa Binaan oleh Kontraktor Pembinaan di Kawasan Lembah Klang;
- vi. Kajian Amalan Pengurusan Sisa Perindustrian di Premis Industri;
- vii. Kajian Amalan Pengurusan Sisa Perindustrian di PBT;
- viii. Kerjasama antara PPSPPA dengan Japan International Cooperation Agency (JICA) dalam menjalankan Kajian Pengurusan Sisa Pepejal Bersepadu di Hang Tuah Jaya Melaka;
- ix. Kajian Komposisi Sisa Pepejal di Tapak Pelupusan Krubong Melaka;

- x. Kerjasama dengan pihak United Nations Industrial Development Organization (UNIDO) dalam menjalankan kajian bagi projek *Low-Carbon City* Putrajaya Cyberjaya;
- xi. Perawatan Sisa Organik Melalui Kaedah Pengkomposan;
- xii. Perawatan Sisa Organik Melalui Kaedah *Home Anaerobic Digestion*;
- xiii. Kajian Jenis Rumput yang boleh Mengurangkan Frekuensi Pemotongan Rumput di bawah Aktiviti Kerja-Kerja Pembersihan Awam;
- xiv. Kajian Komposisi Sisa di Pulau Perhentian Terengganu;
- xv. Kajian Pembayaran Konsesi;
- xvi. Kajian Komposisi Sisa di Insinerator Pulau Pangkor; dan
- xvii. Kajian Pemantauan Pengurusan Sisa Pepejal Pembinaan bagi Kerja-kerja Pengubahsuaian Rumah Kediaman di Kuala Lumpur.

C) Garis Panduan

Garis Panduan Sistem Pengurusan Sisa Pepejal Bagi Pembangunan Baru

Garis panduan Sistem Pengurusan Sisa Pepejal Bagi Pembangunan Baru adalah bertujuan untuk membantu pemaju dalam membuat perancangan penyediaan sistem pengurusan sisa pepejal bagi sesuatu pembangunan baharu yang dicadangkan. Di samping itu, garis panduan ini akan digunakan oleh PPSPPA dalam membuat semakan dan ulasan Kebenaran Merancang (KM) dan Pelan Bangunan (PB) berkaitan aspek pengurusan sisa pepejal serta membantu pihak berkuasa negeri (PBN), PBT dan agensi teknikal dalam mempertimbangkan sesuatu pembangunan yang dicadangkan. Skop garis panduan ini merangkumi;

- a. Kaedah penyediaan tempat pemungutan sisa pepejal;
- b. Panduan reka bentuk tempat pemungutan sisa pepejal; dan
- c. Kaedah penstoran sisa pepejal termasuk teknologi alternatif.

Garis panduan ini telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan (JPP) KPKT pada 26 Julai 2012. Sementara itu, senarai semak dokumen telah diluluskan oleh Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) dan telah diedarkan kepada 53 PBT yang menggunakan Akta 672. Hasil daripada kelulusan tersebut, garis panduan akan digunakan oleh PPSPPA di Mesyuarat OSC PBT.

Sehingga berakhir tahun 2013, status pemakaian garis panduan ini adalah seperti di Jadual 29 yang mana 49 PBT telah melantik PPSPPA sebagai Ahli Jawatankuasa Mesyuarat OSC PBT. Namun begitu, hanya 30 PBT yang menghantar pelan kepada perbadanan bagi tujuan ulasan secara bertulis. Disamping itu, pada tahun 2013, Ibu Pejabat PPSPPA telah melaksanakan pengauditan terhadap pejabat PPSPPA negeri berkaitan sistem dan garis panduan yang digunakan oleh warga kerja teknikal negeri.

Jadual 29 Status Pemakaian Garis Panduan Mengikut Negeri yang Menggunakan Pakai Akta 672 bagi tahun 2013

BIL.	NEGERI	JUMLAH PBT	BILANGAN PBT YANG MELANTIK PERBADANAN SEBAGAI AHLI JAWATANKUASA OSC PBT	BILANGAN PBT YANG MENGHANTAR PELAN BAGI ULASAN BERTULIS PPSPPA
1	Pahang	11	11	4
2	Johor	15	12	2
3	Melaka	4	4	4
4	Negeri Sembilan	8	8	6
5	Wilayah Persekutuan	2	2	1
6	Kedah	12	12	12
7	Perlis	1	1	1
JUMLAH		53	50	30

PROGRAM / AKTIVITI UTAMA

A) Seminar Promotion Of Efficient Solid Waste Management System In Malaysia

Seminar Promotion of Efficient Solid Waste Management System in Malaysia telah diadakan pada 7 Februari 2013 di Pusat Transformasi Bandar (UTC) Melaka. Seramai 200 orang peserta yang terlibat adalah terdiri daripada warga PPSPPA, komuniti, sekolah, institusi, jabatan-jabatan kerajaan dan NGO. Seminar ini diadakan untuk mengembang dan memperjelas inisiatif-inisiatif pengurusan sisa pepejal oleh pakar-pakar JICA. Pihak JICA juga telah menyumbangkan sebuah mesin kompos untuk projek ini yang ditempatkan dan digunakan di Penjara Sungai Udang, Melaka.



B) Menandatangani Ikrar Integriti Korporat (CIP) Dan Kursus Pengukuhan Integriti Bersama SPRM

Bagi meneruskan usaha dalam mewujudkan warga kerja berintegriti demi meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap perkhidmatan yang diberikan, Perbadanan telah menandatangani Ikrar Integriti Korporat (CIP) bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 13 Mac 2013 di Dewan Kristal, KPKT.

Majlis Menandatangani CIP tersebut telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Haji Zaini Md.Nor, Ketua Pegawai Eksekutif di hadapan YBhg. Dato' Hajah Sutinah Sutan, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, dengan disaksikan oleh YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Mantan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada ketika itu di hadapan hampir 350 orang warga kerja PPSPPA.



Bacaan Ikrar Integriti Korporat telah dipimpin oleh YBhg. Datuk Ketua Pegawai Eksekutif PPSPPA. Selain itu, warga kerja bukan sahaja dapat berpeluang menyaksikan majlis tersebut tetapi juga menghadiri Kursus Pengukuhan Integriti yang dianjurkan sebelum Majlis CIP berlangsung. Kursus yang telah disampaikan oleh dua (2) orang pegawai SPRM ini diadakan bertujuan untuk memberi kefahaman yang lebih mendalam mengenai perkara berkaitan integriti untuk diamalkan dalam kerja seharian.



Di akhir majlis tersebut, pihak PPSPPA turut mengambil kesempatan menyerahkan kutipan hasil sumbangan seluruh warga kerja PPSPPA kepada wira negara yang telah terkorban di Lahat Datu, Sabah demi mempertahankan negara. Cek bernilai RM11,320.00 telah disampaikan oleh YB Menteri kepada wakil Media Prima. Hasil sumbangan diperolehi daripada potongan gaji oleh setiap warga kerja minimum sebanyak RM10.00 seorang.

C) Program Larian Jom Kitar Semula

PPSPPA telah menganjurkan Program Larian Jom Kitar Semula pada 15 Jun 2013 di sembilan (9) lokasi di seluruh Malaysia. Program ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan di Padang Merbok, Kuala Lumpur. Program ini telah menarik penyertaan seramai 39,159 orang peserta dengan jumlah pengumpulan barangan kitar semula sebanyak 25,675.2kg yang bernilai RM7,208.64.



D) Program *Habitat Moment* Dan Bank Kitar Semula

Pada 23 September 2013, PPSPPA telah terlibat dengan Program *Habitat Moment* dan Program Bank Kitar Semula sempena sambutan Hari Habitat Sedunia bertempat di Sekolah Kebangsaan Presint 8 (2), Putrajaya. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan) KPKT, Datuk Yong Bun Fou. Program ini melibatkan lima (5) buah sekolah rendah dan menengah di sembilan (9) buah negeri. Antara pengisian program ini ialah para pelajarnya melafazkan ikrar aku janji untuk menjadi lebih bertanggungjawab dalam memelihara kemampuan petempatan manusia dan alam sekitar, yang dijalankan secara serentak. Program ini diteruskan dengan Program Bank Kitar Semula yang mana para pelajar dikehendaki membawa barangan kitar semula ke sekolah untuk dijual dan hasil jualan dimasukkan ke dalam akaun pelajar. Jumlah keseluruhan barangan yang berjaya dikumpul pada hari tersebut adalah sebanyak 19,176.59 kg dengan nilai sebanyak RM12,607.24.



E) Seminar Inovasi dan Penyelidikan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam

Seminar Inovasi dan Penyelidikan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam ini diadakan pada 13 November 2013 bertempat di Grand Ballroom, Pullman Putrajaya dan telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Halimi Abdul Manaf, Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar), KPKT.



Seramai 175 orang peserta seminar yang terdiri daripada warga PPSPPA ibu pejabat dan negeri; JPSPN; Penyelidik-penyelidik Institusi Pengajian Tinggi [IPT] (Politeknik Sultan Idris, Politeknik Shah Alam, Universiti Kebangsaan Malaysia [UKM], Universiti Tun Hussein Onn Malaysia [UTHM] dan Universiti Malaya); badan-badan kerajaan (Kementerian Kesihatan Malaysia [KKM], Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia [NAHRIM], KUMPULAN Industri-Kerajaan Malaysia Bagi Teknologi Tinggi [MIGHT]); syarikat konsesi (South Waste Management [SWM], Alam Flora, E-Idaman); badan bukan kerajaan [NGO]; syarikat kontraktor; syarikat-syarikat kitar semula; dan pelajar-pelajar IPT.

Tujuan utama seminar ini adalah sebagai wadah perbincangan mengenai aktiviti penyelidikan dan inovasi pengurusan sisa pepejal melalui pembentangan kertas kerja dan hasil kajian penyelidikan teknikal yang telah dijalankan oleh IPT tempatan, agensi swasta dan NGO.

F) 2013 The Malaysia-Korea Joint Seminar On Recycling Technology

2013 The Malaysia – Korea Joint Seminar On Recycling Technology telah diadakan pada 5 Disember 2013 bertempat di Hotel Ritz-Carlton, Kuala Lumpur dan dirasmikan oleh YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak, Ketua Setiausaha KPKT. Seminar ini merupakan satu program usahasama antara PPSPPA dengan *Research and Development Center of Valuable Recycling*, Korea Selatan.



Tujuan seminar ini diadakan adalah sebagai platform bagi pertukaran idea, inovasi dan teknologi perawatan sisa pepejal perindustrian khususnya sisa yang boleh dikitar semula serta bagi mengenal pasti teknologi terkini keadah perawatan sisa pepejal perindustrian.

G) Projek di bawah Pelan Induk Pelancongan Langkawi

Projek di bawah Pelan Induk Pelancongan Langkawi diwujudkan bagi meningkatkan tahap kebersihan di Pulau Langkawi. YAB Perdana Menteri telah melancarkan Pelan Induk Pelancongan Langkawi (*Blueprint* Pelancongan Langkawi) ini pada 8 Disember 2011. *Blueprint* ini bertujuan untuk meletakkan Pulau Langkawi dalam senarai 10 pulau terbaik di dunia dan destinasi eko-pelancongan menjelang tahun 2015.

Selain daripada aspek pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam, *blueprint* ini turut memberi penekanan terhadap perkara lain yang melibatkan PBT, Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Taman Laut, Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dan agensi-agensi lain. Oleh hal yang demikian, Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah memberi peruntukan khas bagi menjayakan aktiviti-aktiviti di bawah *blueprint* ini.

Bagi tujuan meningkatkan tahap kebersihan di Pulau Langkawi, beberapa aktiviti telah dijalankan sepanjang tahun 2013 dengan menggunakan peruntukan khas tersebut iaitu:

- i. Tambahan frekuensi kutipan sisa pepejal di kawasan *hotspot* daripada sekali sehari kepada dua (2) kali sehari;
- ii. Tambahan frekuensi pembersihan Jalan Protokol kepada dua (2) kali seminggu;
- iii. Meletakkan pekerja kutipan sisa pepejal dan pembersihan pantai secara tetap di Pantai Cenang dan Pantai Tengah;
- iv. Membina tapak tong di Pantai Cenang dan Pantai Tengah;
- v. Pemasangan *log boom* di Sungai Melaka dan Sungai Kuah;
- vi. Gotong-royong pembersihan kawasan Pulau Tuba;
- vii. Membersihkan kawasan Bukit Malut (kutipan sisa pepejal daripada tambahan satu [1] unit tong RORO yang dibekalkan);
- viii. Pembersihan longkang *monsoon* di Kuah, Pantai Cenang dan Pantai Tengah setiap enam (6) kali setahun; dan
- ix. Promosi nombor aduan sisa melalui pemasangan *vehicle wraps* di belakang lima (5) buah Bas MARALiner Sdn Bhd di Pulau Langkawi.

H) Penubuhan Kelab Kitar Semula / Alam Sekitar di Sekolah Rendah dan Menengah Semenanjung Malaysia

PPSPPA telah mengadakan kerjasama dengan Bahagian Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) bagi menghasilkan Modul Latihan Kelab Kitar Semula di sekolah rendah dan menengah di Semenanjung Malaysia melalui Kelab Kitar Semula yang ditubuhkan di peringkat sekolah.

PPSPPA mendapat kebenaran daripada KPM pada 20 Januari 2013 bagi menggunakan pakai modul latihan berkenaan. Objektif penubuhan kelab kitar semula ini adalah untuk menyemai amalan kitar semula ke arah melahirkan generasi sifar sisa di kalangan generasi muda khususnya di kalangan para pelajar sekolah. Di samping itu, penghasilan modul latihan ini juga bertujuan mewujudkan satu platform khusus bagi menjalankan aktiviti – aktiviti berkaitan pengurusan sisa pepejal dan 3R dengan sistematik dan berkesan.



Bagi memastikan penubuhan Kelab Kitar Semula dan penerangan yang lebih mendalam tentang Modul Latihan Kelab Kitar Semula yang berkenaan kepada semua sekolah, PPSPPA telah mengadakan bengkel untuk tenaga pengajar dengan kerjasama KPM dan Jabatan Pelajaran Negeri. Bengkel ini telah melibatkan seramai 172 guru penasihat kelab sekolah di empat (4) zon iaitu zon selatan, zon tengah, zon utara dan zon timur.

Pemantauan penubuhan kelab kitar semula di peringkat sekolah rendah dan menengah dilaksanakan oleh pegawai-pegawai 3R dari Ibu pejabat PPSPPA Negeri. Jumlah kelab kitar semula yang telah berjaya ditubuhkan pada tahun 2013 ialah sebanyak 100 buah kelab.

I) Perawatan Sisa Makanan Isi Rumah (Sisa Organik) Melalui Pengaplikasian Kaedah Pengkomposan

Bertepatan dengan misi PPSPPA iaitu melaksana, menggalakkan penyertaan dan mempertingkatkan kesedaran orang awam serta menerapkan amalan kitar semula dan pengasingan sisa disumber secara sistematik, Program Perawatan Sisa Makanan Isi Rumah (Sisa Organik) melalui Pengaplikasian Kaedah Pengkomposan telah dilancarkan. Melalui program ini, PPSPPA turut aktif dalam mempromosikan kaedah pengkomposan takakura melalui taklimat, demonstrasi kompos dan pameran. Sehingga kini terdapat lebih 300 orang yang telah mempraktikkan kaedah ini di rumah.

J) Pengauditan Projek Tapak Pelupusan

Bahagian Perancangan Pelaksanaan Projek dan Kemudahan, PPSPPA telah menjalankan audit ke atas projek tapak pelupusan. Jadual 30 merupakan senarai projek tapak pelupusan yang telah diaudit bermula daripada pra-tender sehingga *post closure*.



Jadual 30 Senarai Projek Tapak Pelupusan yang telah Diaudit Bermula daripada Pra-Tender sehingga *Post Closure*

PROJEK PEMBINAAN BARU		PROJEK PEMBINAAN TUTUP SELAMAT		PROJEK PEMBINAAN NAIK TARAF	
LOKASI TAPAK PELUPUSAN					
i. Belenggu, Temerloh	i. Kuala Perlis, Perlis	i. Sungai Ikan, Terengganu	x. Jabi, Kedah		
ii. Sungai Udang, Melaka	ii. Kubang Ikan, Terengganu	ii. Pengkalan Keling, Terengganu	xi. Sungai Wangi, Perak		
iii. Tertak Batu, Terengganu	iii. Gelugor, Terengganu	iii. Jalan Batangan, Terengganu	xii. Batu Tiga, Perak		
iv. Rimba Mas, Perlis	iv. Mak Cili Paya, Terengganu	iv. Kampung Feri, Pahang	xiii. Pangkor, Perak		
	v. Jabor Jerangau, Pahang	v. Jalan Lipis, Pahang	xiv. Koh Foh, Negeri Sembilan		
	vi. Mat Kilau, Pahang	vi. Jengka 10, Pahang	xv. Ladang Cep, Johor		
	vii. Ulu Tualang, Pahang	vii. Padang Sertik, Pahang	xvi. Bukit Bakri, Johor		
	viii. Pajam, Negeri Sembilan	viii. Chuau, Pahang	xvii. Krubong, Melaka		
	ix. Kuala Sawah, Negeri Sembilan	ix. Padang Siding, Perlis	xviii. Kemuyang, Sarawak		
	x. Bukit Palong, Negeri Sembilan		xix. Sibuti, Sarawak		
	xi. Ulu Maasop, Negeri Sembilan		xx. Kayu Madang, Sabah		
	xii. Sua Betong, Negeri Sembilan				
	xiii. Batu Empat, Johor				
	xiv. Rimba Terjun, Johor				
	xv. Ladang Cep, Johor				

ISU UTAMA DAN PENYELESAIAN

A) Isu: Jumlah Penerimaan Aduan Awam

Aduan awam diterima oleh PPSPPA untuk isu sampah haram yang dilakukan dalam kawasan penguatkuasaan Akta 672 daripada pelapor / orang awam.

Penyelesaian:

Jumlah aduan yang diterima sepanjang tahun 2012 ialah 19,749 kes, manakala jumlah aduan yang diterima pada tahun 2013 ialah 14,102 kes, menunjukkan penurunan sebanyak 28.59 peratus.

Pengurusan aduan awam yang cekap dengan memastikan setiap aduan yang diterima diberi maklum balas segera dalam tempoh 24 jam membantu penurunan jumlah aduan awam ini. PPSPPA telah mengambil langkah untuk mengurangkan aduan dengan cara memberi status kawasan aduan sebagai kawasan merah, kuning, hijau dan putih. Kawasan merah merupakan kawasan yang menerima aduan tiga (3) kali atau berulang dalam tempoh sebulan. Kawasan kuning pula menerima kurang daripada tiga (3) kali dalam tempoh sebulan. Manakala kawasan hijau pula dilabelkan apabila tiada sebarang aduan diterima dalam bulan berikutnya. Apabila tiada aduan dalam tempoh tiga (3) bulan berturut-turut, kawasan tersebut dilabelkan putih. Penumpuan diberikan kepada kawasan merah. Sehubungan itu, operasi pembersihan dan pemantauan dibuat secara berterusan di kawasan merah sehingga selesai.

B) Isu: Pembuangan Sampah Haram

Lokasi sampah haram telah direkodkan di sembilan (9) bandar utama antaranya Melaka, Johor Bahru, Seremban, Kangar, Kuantan, Alor Setar dan Kuala Lumpur. Jumlah keseluruhan lokasi sisa haram tahun 2013 adalah sebanyak 475 lokasi.

Penyelesaian:

Pembasmian lokasi pembuangan sampah secara haram telah berjaya dilaksanakan melalui tindakan segera Penguatkuasa PPSPPA terhadap laporan yang diterima, iaitu sebanyak 272 lokasi dibasmi yang merekodkan 57.00 peratus pembasmian. PBT turut memainkan peranan dengan cara mengindahkan kawasan sampah haram dengan lanskap yang cantik atau dengan pemasangan tanda amaran.



PROGRAM PERANCANGAN BANDAR



JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA SEMENANJUNG MALAYSIA_____



LATAR BELAKANG

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD) ditubuhkan pada 18 Januari 1921, diletakkan di bawah portfolio KPKT. Peranan utama Jabatan ini adalah untuk memberi nasihat kepada YB Menteri yang seterusnya bertanggungjawab pula kepada Parlimen dalam semua hal yang berkaitan dengan perancangan bandar dan desa di Semenanjung Malaysia. Pejabat Perancangan Bandar yang pertama terletak di Bangunan Sekretariat Kuala Lumpur (Bangunan Sultan Abdul Samad) dan kini JPBD beroperasi di Jalan Cenderasari, Kuala Lumpur.

Objektif

- i. Untuk mengukuhkan sistem pembangunan fizikal, sosial dan ekonomi di kawasan bandar dan desa bagi meningkatkan taraf kehidupan selaras dengan matlamat negara;
- ii. Untuk mengatur, mengawal dan menyelaras pemajuan, penggunaan dan pemuliharaan tanah melalui pelaksanaan berkesan Akta Perancangan Bandar dan Desa (Akta 172) dan akta-akta berkaitan;
- iii. Untuk menggubal dan melaksana kaedah, dasar, pelan dan garis panduan perancangan serta memastikan pemakaian yang berkesan oleh semua agensi di peringkat perancangan; dan
- iv. Untuk memastikan perkhidmatan perancangan bandar dan sistem maklumat yang berkualiti bagi keperluan perancangan jangka panjang.

Fungsi

Bagi memastikan perancangan kegunaan, pembangunan dan pemeliharaan tanah yang sempurna, JPBD memainkan peranan melalui fungsi-fungsinya di tiga (3) peringkat kerajaan iaitu peringkat persekutuan, negeri dan tempatan.

- i. Memberi nasihat kepada Kerajaan Persekutuan dalam hal yang berkaitan dengan pemajuan dan penggunaan tanah;
- ii. Bertindak sebagai urus setia kepada Majlis Perancang Fizikal Negara yang dibentuk di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172);
- iii. Menggalakkan sistem perancangan yang komprehensif, efektif dan efisien melalui undang-undang perancangan, metodologi perancangan, kajian perancangan, piawaian, prosedur dan kaedah-kaedah perancangan;
- iv. Menterjemahkan dasar sosioekonomi nasional kepada bentuk fizikal dan spatial mengikut formula guna tanah dan dasar serta program petempatan;
- v. Membantu kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan agensi-agensi kerajaan dalam penyediaan rancangan struktur negeri, rancangan tempatan daerah dan rancangan kawasan khas; dan
- vi. Menyelia, mengemaskini dan menerbitkan perangkaan, buletin dan kaedah yang berkaitan dengan perancangan bandar dan desa.

PENGIKTIRAFAN DAN PENGANUGERAHAN

Hasil usaha dan kerja keras warga JPBD, jabatan menerima beberapa pengiktirafan dan penganugerahan di peringkat kebangsaan dan kementerian. Jadual 31 memaparkan pengiktirafan dan penganugerahan yang diterima oleh JBPD sepanjang tahun 2013.

Jadual 31 Pengiktirafan dan Penganugerahan yang Diterima oleh JBPD Sepanjang Tahun 2013

BIL	PENGIKTIRAFAN / ANUGERAH	PERINGKAT PENERIMAAN	ORGANISASI PENGANJUR
1.	Anugerah Cemerlang Penarafan Lima (5) Bintang Portal JPBD	Peringkat Kebangsaan	Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC)
2.	Pemenang Tempat Kedua (Kategori Pengurusan) Anugerah Inovasi Ketua Setiausaha (AIKSU) 2013 - MyTownNet	Peringkat Kementerian	KPKT
3.	Pemenang Tempat Ketiga Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) KPKT 2013 - <i>Creative Team</i>	Peringkat Kementerian	KPKT
4.	Pemenang Persembahan Terbaik (Kategori Pengurusan) Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) KPKT 2013 - <i>Creative Team</i>	Peringkat Kementerian	KPKT
5.	Pemenang Persembahan Terbaik (Keseluruhan) Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) KPKT 2013 - <i>Creative Team</i>	Peringkat Kementerian	KPKT

PENCAPAIAN

Projek di bawah RMKe-10 – Rancangan Boleh Pinda (*Rolling Plan*) Ketiga

Peruntukan Rancangan Boleh Pinda (*Rolling Plan*) Ketiga (RP3) bagi Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) yang telah diluluskan bagi tahun 2013 adalah berjumlah RM6,020,700.00 yang melibatkan 15 buah projek / program pembangunan. Walau bagaimanapun, sejumlah RM310,000 peruntukan daripada program Pembangunan Teknologi Maklumat telah diserahkan kembali kepada KPKT sebagai langkah penjimatan jabatan. Jumlah peruntukan dipinda bagi tahun 2013 ialah RM5,710,700.00 dan prestasi perbelanjaan komited sehingga 19 Disember 2013 ialah 88.36 peratus (RM5,046,218.15)

Sehingga 19 Disember 2013, status Prestasi Fizikal 2013 (SPPII) di bawah RP3 menunjukkan lima (5) projek Ikut Jadual (IJ), dua (2) projek Dahului Jadual (DJ) dan lapan (8) buah projek Siap Sepenuhnya (SS). Perincian berhubung dengan projek tersebut adalah seperti dalam Jadual 32.

Jadual 32 Peruntukan dan Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2013

PROGRAM	BILANGAN PROJEK	PERUNTUKAN ASAL (RM)	PERUNTUKAN DIPINDA (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUS (%)
Kajian Prosedur Perancangan dan Sebaran Dasar	2	264,000.00	264,000.00	236,693.25	89.66
Pembangunan Teknologi Maklumat	3	2,469,000.00	2,159,000.00	1,760,375.00	81.54
Rancangan Fizikal Negara	2	537,700.00	537,700.00	537,665.45	99.99
Rancangan Wilayah	1	385,000.00	385,000.00	331,085.15	86.00
Rancangan Kawasan Khas	7	2,365,000.00	2,365,000.00	2,180,399.30	92.19
JUMLAH	15	6,020,700.00	5,710,700.00	5,046,218.15	88.36

PROGRAM / AKTIVITI UTAMA

A) Hari Perancangan Bandar Sedunia 2013

Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) disambut pada 8 November setiap tahun di hampir 30 negara di seluruh dunia bertujuan untuk meraikan dan menghargai peranan perancang bandar dalam perancangan dan pembangunan negara khususnya ke arah mewujudkan persekitaran kehidupan yang berkualiti.

HPBS pada tahun ini telah disambut pada 12 November 2013 di Hotel Mandarin Oriental Kuala Lumpur dengan tema 'Ke Arah Bandar Sejahtera Masa Depan' (*Towards Sustainable Future Cities*). Sambutan pada kali ini telah melibatkan kerjasama pihak JPBD dengan Persatuan Pegawai Perancang Bandar (PERSADA), serta sokongan daripada pihak Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Kelab Sukan dan Kebajikan JPBD Semenanjung Malaysia (KESPERB), Perbadanan Putrajaya dan Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP).

Pelbagai aktiviti telah dijalankan bagi memeriahkan sambutan pada tahun ini iaitu:-

i. Persidangan Antarabangsa

Persidangan Antarabangsa telah menarik perhatian seramai 350 peserta dengan pembentangan tiga (3) kertas kerja iaitu:

- Cities of Tomorrow : Challenges, Visions and Ways Forward* oleh Tuan Yang Terutama Luc Vandebron, Ambassador & Head of Delegation of the European Union to Malaysia;
- Future City Solutions: Singapore's Experience* oleh Dr. Limin Hee, Associate Director Centre for Liveable Cities, Singapore; dan
- Urbanisation and Mental Health: Planning for the Healthy Communities* oleh Dr. Abdul Kadir Abu Bakar, Presiden Persatuan Psiktri Malaysia.

ii. Majlis Perasmian Sambutan HPBS 2013

Majlis Perasmian Sambutan HPBS 2013 telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak, Ketua Setiausaha KPKT.

iii. Penghargaan MURNInets – Anugerah Bandar Mampan 2012

Penyampaian Penghargaan MURNInets – Anugerah Bandar Mampan 2012 kepada pihak berkuasa tempatan yang berjaya mencapai tahap kemampanan berdasarkan penunjuk-penunjuk yang telah ditetapkan (memperolehi markah melebihi 80 peratus). Sebanyak 32 PBT menerima anugerah tersebut seperti yang berikut:



1. Majlis Bandaraya Shah Alam;
2. Majlis Bandaraya Petaling Jaya;
3. Majlis Daerah Jelebu;
4. Majlis Perbandaran Subang Jaya;
5. Majlis Perbandaran Ampang Jaya;
6. Majlis Bandaraya Kuala Terengganu;
7. Majlis Perbandaran Kajang;
8. Majlis Daerah Marang;
9. Majlis Perbandaran Klang;
10. Majlis Perbandaran Alor Gajah;
11. Perbadanan Putrajaya;
12. Majlis Daerah Sabak Bernam;
13. Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya;
14. Majlis Daerah Jempol;
15. Majlis Perbandaran Jasin;
16. Majlis Daerah Kuala Langat;

17. Majlis Daerah Kuala Pilah
18. Majlis Bandaraya Johor Baru
19. Majlis Perbandaran Pulau Pinang
20. Majlis Perbandaran Port Dickson
21. Majlis Daerah Pekan
22. Majlis Perbandaran Nilai
23. Majlis Perbandaran Temerloh
24. Majlis Daerah Kuala Selangor
25. Majlis Daerah Hulu Selangor
26. Majlis Daerah Rembau
27. Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah
28. Majlis Perbandaran Seremban
29. Majlis Perbandaran Kuantan
30. Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah
31. Majlis Daerah Tangkak
32. Majlis Daerah Tampin

iv. Pelaksana Inisiatif Kejiranan Hijau 2013

Penghargaan kepada Pelaksana Inisiatif Kejiranan Hijau 2013 telah diberikan kepada 15 PBT yang berjaya melaksanakan inisiatif tersebut berdasarkan kepada lima (5) kategori seperti dalam Jadual 33.



Jadual 33 Pelaksana Inisiatif Kejiranan Hijau 2013 Mengikut Kategori

BIL.	KATEGORI	PEMENANG
1.	Laluan Pejalan Kaki	1. Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah; 2. Majlis Perbandaran Kota Bharu; dan 3. Majlis Bandaraya Johor Bahru.
2.	Laluan Basikal	1. Majlis Perbandaran Pulau Pinang; 2. Dewan Bandaraya Kuching Utara; dan 3. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
3.	Sistem Pengumpulan Dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPA)	1. Majlis Bandaraya Petaling Jaya; 2. Majlis Perbandaran Alor Gajah; dan 3. Perbadanan Putrajaya.
4.	Pelupusan Sisa Pepejal Kaedah Kompos (Waste Composting)	1. Majlis Perbandaran Subang Jaya; 2. Majlis Bandaraya Miri; dan 3. Majlis Daerah Kampar.
5.	Kebun Kejiranan	1. Majlis Perbandaran Seberang Perai; 2. Lembaga Bandar Johor Tenggara (KEJORA); dan 3. Majlis Daerah Kuala Selangor.

v. Perbincangan Panel

CITYTalk – Thinking, Planning and Acting Together for the Future of Our Cities telah dikendalikan oleh moderator Prof Emeritus Dr. Ismawi Zen, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. CITYTalk ini melibatkan lima (5) orang ahli panel yang mengupas isu mengikut perspektif yang berbeza seperti dalam Jadual 34.



Jadual 34 Ahli Panel dan Perspektif isu *CITYTalk – Thinking, Planning and Acting Together for the Future of Our Cities*

BIL.	AHLI PANEL	PERSPEKTIF ISU
1	YBhg. Dato' Mohd. Jaafar Mohd. Atan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Shah Alam	Pengurus Bandar
2	Sam C.S. Tan Pengarah Urusan Ken Holdings Berhad	Pemaju Hartanah
3	Rehman Rashid Penulis, Wartawan, Pengarang	Awam
4	Wan Zaleha Radzi Selebriti dan Personaliti Penyiaran	Wanita
5	Nia Ezora Pelajar HELP Universiti	Belia

vi. Pameran

Sempena sambutan HPBS 2013, JPBD turut menganjurkan pameran berasaskan bandar sejahtera dan disertai oleh beberapa agensi seperti dalam Jadual 35.



Jadual 35 Penyertaan Agensi di Pameran Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2013

BIL.	AGENSI	PENGISIAN PAMERAN
1	JPBD	<i>Inisiatif Future Cities.</i>
2	Perbadanan Putrajaya	
3	Majlis Perbandaran Pulau Pinang	Pemenang inisiatif Kejiranan Hijau 1. Kategori Laluan Basikal dan Pelupusan Sisa Kaedah Kompos (tahun 2011); dan 2. Kategori Laluan Basikal (tahun 2012).
4	Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya	Pemenang inisiatif Kejiranan Hijau 1. Kategori Laluan Pejalan Kaki (tahun 2011); dan 2. Kategori Laluan Basikal (tahun 2012).
5	Panasonic Malaysia	<i>Solar panel, rain water harvesting, LED Bulb</i>

vii. Kayuhan Sejahtera

Pada 26 Oktober 2013 bertempat di Taman Seri Empangan, Presint 5, Putrajaya, Kelab Sukan dan Kebajikan Perancang Bandar Malaysia (KESPERB) dan Perbadanan Putrajaya telah menganjurkan aktiviti Kayuhan Sejahtera. Aktiviti ini dirasmikan oleh YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak, Ketua Setiausaha KPKT dan disertai oleh 100 orang peserta dengan jarak kayuhan sejauh 5km.



Aktiviti Kayuhan Sejahtera ini diadakan bertujuan mengalakkan penggunaan basikal bagi menyokong amalan hijau yang bertujuan untuk memelihara alam sekitar, meningkatkan kesihatan awam, membantu mengurangkan pengeluaran karbon, mengurangkan peningkatan suhu bandar, mewujudkan kualiti persekitaran hidup dan komuniti yang berdaya huni serta mampan.

B) GTP 2.0 NKRA Mengurangkan Jenayah

Inisiatif NKRA Mengurangkan Jenayah dalam GTP 1.0 sepanjang tiga (3) tahun yang lepas telah menunjukkan hasil yang ketara dan memberangsangkan. Tindakan pencegahan jenayah dari pelbagai sudut oleh pelbagai agensi telah berjaya mengurangkan indeks jenayah jalanan dan indeks jenayah secara menyeluruh.

Meskipun begitu, kerajaan turut akur bahawa masih banyak usaha yang perlu dilakukan lagi demi memastikan keyakinan rakyat tentang keselamatan dan keamanan awam sentiasa di tahap yang tinggi. Fenomena persepsi orang awam terhadap perasaan takut menjadi mangsa jenayah (*the fear of becoming victim of crime*) masih tidak dapat diatasi dan tidak mencapai sasaran iaitu 65 peratus penduduk merasa selamat.



Oleh hal yang demikian, GTP 2.0 (2013-2015) NKRA Mengurangkan Jenayah telah membentuk 35 inisiatif dengan sasaran seperti yang berikut:

- Penurunan indeks jenayah keseluruhan sebanyak lima (5) peratus setiap tahun;
- Penurunan indeks jenayah pecah rumah sebanyak lima (5) peratus setiap tahun;
- Peningkatan persepsi rasa selamat orang awam kepada 65 peratus pada akhir tahun 2015

KPKT telah dipertanggungjawabkan melaksanakan tiga (3) daripada 35 inisiatif iaitu:

- Inisiatif Pemutihan *Black Spot* untuk mengurangkan perasaan takut menjadi mangsa jenayah (*fear of becoming victim of crime*);
- Meningkatkan ciri-ciri keselamatan rumah melalui Pelaksanaan Reka Bentuk Persekitaran yang Selamat (*Crime Prevention Through Environment Design - CPTED*); dan
- Mengurangkan jenayah kecurian kenderaan dan mewujudkan Audit Keselamatan Tempat Letak Kereta (*Car Park Safety Audit*).

C) Inisiatif Pemutihan Kawasan *Black Spot* di PBT

JPBD telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan Inisiatif Pemutihan *Black Spot* melalui pelaksanaan langkah Program Bandar Selamat dan CPTED. Kawasan *black spot* ialah kawasan yang tidak semestinya mempunyai indeks jenayah yang tinggi tetapi menimbulkan perasaan takut menjadi mangsa jenayah (*fear of becoming victim of crime*). Tiga (3) kriteria utama dalam penentuan sesuatu kawasan *black spot* adalah seperti yang berikut:

- Persekitaran (60 peratus);
- Sosial (30 peratus); dan
- Keselamatan (10 peratus).

Inisiatif pemutihan *black spot* dilaksanakan melalui perkongsian pintar (*smart partnership*) dan tindakan holistik melibatkan pelbagai agensi dan pihak-pihak berkepentingan. Ini termasuklah PBT, persatuan penduduk, badan-badan bukan kerajaan (NGO), serta agensi-agensi kerajaan seperti Kementerian Dalam Negeri (KDN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Jabatan Belia dan Sukan dan agensi-agensi lain yang berkaitan.



Dalam inisiatif ini, beberapa tindakan utama dirancang bagi mencapai matlamat menangani rasa takut menjadi mangsa jenayah, antaranya;

- pembinaan klinik *cure & care* bagi mengatasi masalah penagihan dadah;
- balai polis bergerak / Ops Payung oleh PDRM sebagai salah satu usaha pencegahan jenayah;
- penyelenggaraan dan pembersihan kawasan melalui aktiviti gotong-royong bersama penduduk;
- rondaan keselamatan oleh PDRM, Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Skim Rondaan Sukarela (SRS); dan
- pelaksanaan langkah-langkah Bandar Selamat seperti pencahayaan, laluan pejalan kaki, rel penghadang, redaan trafik, papan tanda keselamatan dan tempat letak motorsikal berkunci.

i. Status Pelaksanaan Pemutihan Kawasan Black Spot tahun 2013

Pada tahun 2013, program ini dilaksanakan di 20 kawasan *black spot* melibatkan 17 PBT seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 36. Kesemua kawasan *black spot* yang dikenal pasti ini telah dipilih melalui perbincangan agensi-agensi terlibat bersama penduduk dan diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Penuh PBT. Sehingga akhir Disember 2013, kesemua kawasan *black spot* telah siap melaksanakan langkah-langkah Bandar Selamat.



Jadual 36 Pelaksanaan Pemutihan 20 Kawasan *Black Spot* mengikut PBT bagi Tahun 2013

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	KAWASAN <i>BLACK SPOT</i>
1.	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)	i. Taman Connaught (sebelah Giant) ii. Pasar Pudu
2.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)	iii. Kawasan Desa Mentari (PJS 5 dan PJS 6) iv. Kawasan Lembah Subang (PPR Taman Putra Damai)
3.	Majlis Perbandaran Klang (MPK)	v. Taman Bayu Perdana dan Taman Chi Liung, Klang Selatan vi. Taman Kem dan Taman Berembang, Pelabuhan Klang
4.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	vii. Pandan Indah, Pandan Mewah, Taman Putradan Pandan Indah Business Park
5.	Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)	viii. Kawasan Jawatankuasa Penduduk Zon 5 (JKP5)
6.	Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	ix. Pekan Subang
7.	Majlis Perbandaran Selayang (MPS)	x. Kawasan Perumahan dan Perniagaan Taman Desa Aman Puri
8.	Majlis Bandaraya Ipoh (MBI)	xi. Kawasan Rumah Pangsa Jalan Hospital
9.	Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP)	xii. Kawasan Jalan Padang Tembak, Kawasan Perumahan FlatKg Melayu, Ayer Itam dan Flat Desa Mawar
10.	Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)	xiii. Taman Inderawasih dan Taman Chai Leng
11.	Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah (MPJBT)	xiv. Bandar Selesa Jaya
12.	Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB)	xv. Kawasan Taman Daya
13.	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK)	xvi. Kawasan CBD Kota Kinabalu
14.	Majlis Bandaraya Miri (MBM)	xvii. Kawasan Tudan dan Permyjaya
15.	Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS)	xviii. Kawasan Limbong Kapal, Sungai Raja dan Seberang Perak
16.	Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS)	xix. Kawasan Tabuan Jaya dan Tabuan Melayu
17.	Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU)	xx. Kawasan Gita

Dari segi sosial, sebanyak lapan (8) program utama dan 198 aktiviti sosial yang telah dijalankan oleh agensi kerajaan / NGO secara holistik di kawasan *black spot* di seluruh negara untuk meningkatkan kesedaran awam, semangat kekitaan dan sukarelawan. Antara program dan aktiviti yang telah dilaksanakan adalah seperti yang berikut:

- a. Gotong royong bersepadu;
- b. Program Mesra Rakyat;
- c. Kenduri Rakyat;
- d. Hari Keluarga; dan
- e. Sesi dialog bersama penduduk.

Selain itu, sebanyak 373 operasi dan penguatkuasaan bagi mempertingkatkan keselamatan setempat yang telah dilaksanakan oleh agensi keselamatan secara bersepadu di kawasan *black spot*. Antaranya ialah:

- a. Operasi tangkapan dadah;
- b. Operasi tangkapan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI);
- c. Operasi bersepadu antara PDRM, Jabatan Imigresen Malaysia, AADK dan PBT; dan
- d. Pengawasan Komuniti (*Community Policing*).

ii. Keberkesanan Inisiatif Pemutihan Kawasan *Black Spot* tahun 2013

Pelaksanaan Inisiatif Pemutihan Kawasan *Black Spot* telah memberi manfaat dan impak positif kepada kira-kira 500,000 penduduk di sekitar lokasi *black spot*. Usaha-usaha yang dilaksanakan telah membawa kesan yang amat baik seperti yang berikut:

- a. Mewujudkan perasaan kekitaan (*sense of belonging*);
- b. Persekitaran yang bersih dan terjaga;
- c. Menceriakan kawasan yang suram;
- d. Menyediakan kemudahan infrastruktur yang diperlukan;
- e. Meningkatkan aspek keselamatan setempat; dan
- f. Mewujudkan perkongsian pintar (*smart partnership*) antara pelbagai agensi kerajaan. NGO dan persatuan penduduk.

Sebanyak tiga (3) Majlis Pelancaran Inisiatif Pemutihan Kawasan *Black Spot* di PBT telah diadakan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 37.

Jadual 37 Majlis Pelancaran Inisiatif Pemutihan Kawasan *Black Spot* di PBT Tahun 2013

BIL	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	TARIKH	TEMPAT
1.	Majlis Perbandaran Klang	17 Feb 2013	Taman Kem, Pelabuhan Klang.
2.	Majlis Bandaraya Shah Alam	23 Feb 2013	Balai Polis Kg. Baru Subang, Seksyen U6, Shah Alam.
3.	Majlis Perbandaran Pulau Pinang	16 Mac 2013	Kampung Melayu Ayer Itam, Pulau Pinang.

iii. Lawatan Pemerhatian Bank Dunia ke Kawasan *Black Spot* Pekan Subang, Selangor

Program lawatan pemerhatian daripada Bank Dunia (*World Bank*) yang diwakili oleh Professor Charles Sabel dan Luke Jordan dari *Columbia Law of School, New York* telah diadakan pada 27 November 2013. Lawatan ini adalah sebahagian daripada program oleh Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan

(PEMANDU), Jabatan Perdana Menteri untuk memberi penerangan mengenai inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan melalui NKRA dan NKEA. Kawasan *black spot* Pekan Subang, Selangor di bawah pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) telah dipilih sebagai *showcase* atau contoh untuk dipertontonkan kepada kedua-dua delegasi Bank Dunia.

Peserta lawatan telah diberikan taklimat oleh YBhg. Dato' Mohd Jaafar Mohd Atan (Datuk Bandar MBSA) mengenai projek-projek yang telah dilaksanakan di kawasan *black spot* Pekan Subang dan taklimat ringkas mengenai NKRA Mengurangkan Jenayah telah disampaikan oleh En. Eugene Teh, (PEMANDU) dan diteruskan dengan sesi lawatan ke kawasan *black spot* Pekan Subang.

D) Sistem Pemantauan Bandar Selamat Fasa 4 2013

Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS) bagi Fasa 4 tahun 2013 telah mula dibangunkan pada 1 Ogos 2013 dan tamat sebelum jadual iaitu pada 29 November 2013. Sistem ini diperluaskan kepada 74 PBT dan 198 Balai Polis baru menjadikan jumlah keseluruhan 108 PBT (72 peratus dari 151 PBT) dan 413 balai polis (54 peratus dari 764 balai polis) seluruh Malaysia. Selain itu, PDRM telah bersetuju untuk membenarkan empat (4) jenis jenayah indeks untuk dipaparkan dalam SPBS iaitu:



- Bunuh;
- Mencederakan manusia;
- Rogol; dan
- Kecurian-kecurian lain.

Fasa 4 ini juga dilengkapi dengan Modul Pengemaskinian Sistem Khas bagi Pentadbir yang digunakan bagi tujuan pengemaskinian kompenan sistem seperti pangkalan data, aplikasi, model building dan antara muka web secara *remote*.

Fasa ini juga telah berjaya membuat perpindahan seni bina 32 bit kepada 64 bit dengan naik taraf versi Arcgis 10 kepada 10.1 (*faster processing data*). Ini juga termasuk naik taraf antara muka SPBS dengan konsep *minimalism* dengan mengurangkan *clutter object* dan mesra pengguna.

E) Pelancaran Kempen Bersatu Menentang Jenayah

Selaras dengan usaha kerajaan untuk memerangi jenayah secara berterusan, satu Kempen Bersatu Menentang Jenayah (*United Against Crime*) yang dianjurkan oleh PEMANDU telah dilancarkan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia pada 8 Jun 2013 di Esplanade Park, KLCC.



Tujuan utama kempen ini untuk memberi kesedaran kepada orang awam dan pelancong asing berhubung pelbagai program dalam usaha memerangi jenayah dan mewujudkan persekitaran yang selamat kepada rakyat.

Pelbagai acara seperti pertunjukan KL *Drumliners*, seni mempertahankan diri, pertunjukkan oleh belia 1M4U, cabutan bertuah dan pameran. Pameran ini disertai oleh KDN, PDRM, 1M4U dan Unit Khas NKRA Bandar Selamat.

F) Program Di Bawah Inisiatif Strategi Lautan Biru Negara (NBOS)

Program Kejiranan Indah (*My Beautiful Neighbourhood - MyBN*)

Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) adalah satu lagi inisiatif kerajaan bagi memacu negara ini ke arah sebuah negara membangun, berpendapatan tinggi, harmoni dan sejahtera dalam semua aspek. NBOS merupakan usaha kerajaan untuk meningkatkan sistem penyampaian kepada rakyat melalui inovasi yang di luar kebiasaan, idea-idea yang kreatif melalui kesepakatan antara pelbagai kementerian, jabatan atau agensi persekutuan, negeri dan PBT serta pihak swasta. NBOS memfokuskan kepada beberapa perkara iaitu:

- Penghasilan idea yang kreatif dan inovatif;
- Kolaborasi antara kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan, kementerian, jabatan atau agensi kerajaan (*breaking the silos*);
- Kos perbelanjaan yang minimum;
- Pelaksanaan dengan pantas (*rapid execution*);
- Peningkatan sistem penyampaian kerajaan kepada rakyat; dan
- Berimpak tinggi.

Pada Jun 2012, KPKT telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan inisiatif *My Beautiful Neighbourhood* (MyBN) bagi menangani isu-isu yang menyentuh hati rakyat. MyBN mempunyai dua (2) program utama iaitu:

- Program 1: Membaik Pulih Perumahan Awam (diuruskan oleh JPBD); dan
- Program 2: Membina semula rumah terbakar (*House Build*) – diuruskan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).



i. MyBN : Program 1 - Membaik Pulih Perumahan Awam

Di bawah inisiatif MyBN, JPBD diberi amanah untuk menerajui Program 1 - Membaik Pulih Perumahan Awam dengan kerjasama dan sokongan daripada jabatan / bahagian KPKT yang lain serta agensi luar. Sepanjang tahun 2013, sebanyak 21 projek membaik pulih perumahan awam telah berjaya dilaksanakan di seluruh Malaysia yang memanfaatkan kira-kira 74,000 penduduk. Senarai projek yang telah berjaya dilaksanakan sepanjang tahun 2013 adalah seperti dalam Jadual 38.

Jadual 38 Projek Membaik Pulih Perumahan Awam yang telah Dilaksanakan Sepanjang Tahun 2013

NEGERI SEMBILAN	1. Rumah Pangsa Templer 2, Seremban
JOHOR	2. Taman Nira, Batu Pahat
TERENGGANU	3. Desa Keluarga Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu, Kampung Bijangga, Dungun
PAHANG	4. Rumah Pangsa Mengkarak Stesen, Bera
	5. PAKR Kampung Telemong, Bentong
	6. PAKR Kampung Muhibbah Karak, Bentong
	7. PAKR Batu 1, Jalan Teras 2, Bentong
	8. Taman Jengka Impian, Maran
	9. PAKR Jalan Karak, Mentakab, Temerloh
	10. PAKR Temerloh 1, Temerloh
KEDAH	11. Rumah Pangsa Alor Malai, Alor Setar
	12. Rumah Pangsa, Tongkang Yard, Alor Setar
	13. Rumah Pangsa Kilang Lama, Kulim
MELAKA	14. Rumah Pangsa Ujong Pasir
	15. Taman Perumahan Kos Rendah Pulau Gadong 1
PULAU PINANG	16. Rumah Pangsa Bandar Baru Teluk Kumbar
KELANTAN	17. Rumah Pangsa Buluh Kubu, Kota Bharu
SABAH	18. Rumah Pangsa Perumahan ERHP Taman Keramat, Kota Kinabalu
SARAWAK	19. PPR Taman Sri Harmoni, Padawan
	20. Rumah Pangsa Taman Malihah II, Padawan
	21. Rumah Pangsa Taman Malihah Jaya, Padawan

Membaik pulih perumahan awam terbahagi kepada enam (6) skop kerja iaitu:

- Naik taraf infrastruktur dan kemudahan awam seperti menaik taraf jalan dan tempat letak kereta, membaiki pagar, menaik taraf dewan, lampu jalan serta menyenggara, membaiki dan menaik taraf parit dan longkang oleh Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT);
- Penyenggaraan rumah-rumah kos rendah awam berstrata yang uzur terutama oleh Jabatan Perumahan Negara (JPN);
- Kerja-kerja landskap dan pengindahan taman oleh Jabatan Landskap Negara (JLN);
- Pelaksanaan langkah Bandar Selamat seperti tempat letak motosikal berkunci, papan tanda peringatan jenayah dan rel penghadang oleh JKT; dan
- Pembersihan kawasan dan kesedaran awam oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Pengurusan Awam (PPSPPA) dan Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA)
- Rondaan keselamatan oleh PDRM, RELA, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan penduduk setempat melalui Skim Rondaan Sukarela (SRS).

Pelancaran Projek MyBN (Membaik Pulih Perumahan Awam)

Sepanjang tahun 2013, sebanyak 21 projek MyBN (Membaik Pulih Perumahan Awam) telah dilancarkan seperti dalam Jadual 39.


Jadual 39 Pelancaran Projek MyBN (Membaik Pulih Perumahan Awam) Sepanjang Tahun 2013

TARIKH	PROJEK	PERASMI
3 Feb 2013	1. Rumah Pangsa Tongkang Yard, Kedah	YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Mantan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan
	2. Rumah Pangsa Alor Malai, Kedah	
2 Mac 2013	3. Taman Nira, Batu Pahat, Johor	YB Dr. Haji Mohd Puad Zarkashi, Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
	4. Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) Taman Jengka Impian, Pahang	YB Dato' Haji Ismail Haji Mohamed Said, Ahli Parlimen Kuala Krau
	5. Rumah Pangsa Bandar Baru Teluk Kumbar, Pulau Pinang	Yang Berusaha Tuan Teng Chang Yeow, Pengerusi BN Pulau Pinang
9 Mac 2013	6. Rumah Pangsa Buluh Kubu, Kelantan	YB Dato' Sri Mustapa Mohamed Menteri Perdagangan, Antarabangsa dan Industri
12 Mac 2013	7. Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) Batu 1, Jalan Teras 2, Pahang	Dato' Hoh Khai Mun, YB Ahli Exco Negeri Pahang / ADUN Bilut
	8. Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) Kg Telemong, Pahang	
	9. Perumahan Awam Kos Rendah (RAKR) Kg. Muhibbah Karak, Pahang	
14 Mac 2013	10. Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) Jalan Karak, Mentakab, Pahang	YB Dato' Saifuddin Abdullah, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia
	11. Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) Temerloh 1, Pahang	
15 Mac 2013	12. Desa Keluarga Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu, Kg Bijangga, Dungun, Terengganu	YB Datuk Haji Za'abar Haji Mohd Adib, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Infrastruktur dan Kemudahan Awam Negeri (ADUN Rantau Abang) mewakili Y.A.B Menteri Besar Terengganu
16 Mac 2013	13. Rumah Pangsa Ujong Pasir, Melaka	YB Datuk Seri Haji Mohd Ali Mohd Rustam, Mantan Ketua Menteri Negeri Melaka
	14. Taman Perumahan Kos Rendah Pulau Gadong 1, Melaka	
17 Mac 2013	15. PPR Taman Sri Harmoni, Sarawak	YB Datuk Amar Abang Haji Abdul Rahman Zohari Tun Abang Haji Openg, Menteri Perumahan Sarawak dan Pelancongan Sarawak bersama YB Datuk Fadillah Yusof, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi
	16. Rumah Pangsa Taman Sri Malihah II, Sarawak	
	17. Rumah Pangsa Taman Malihah Jaya, Sarawak	
19 Mac 2013	18. Rumah Pangsa Mengkarak Stesen, Bera	YB Norolazali Sulaiman, ADUN Guai
23 Mac 2013	19. Rumah Pangsa Templer 2, Negeri Sembilan	YB Dato' Yeow Chai Tiam, Pengerusi MCA Negeri Sembilan
24 Mac 2013	20. Rumah Pangsa Kilang Lama, Kulim	YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Mantan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan
13 Apr 2013	21. Rumah Pangsa Perumahan ERHP Taman Keramat, Sabah	YB Tan Sri Bernard Giluk Dompok, Menteri Peladangan dan Komoditi Malaysia

Penyerahan Projek MyBN (Membaik Pulih Perumahan Awam)

Berikut merupakan senarai projek-projek MyBN yang telah disempurnakan penyerahannya secara rasmi selepas projek disiapkan.

- a. Majlis Penyerahan Projek MyBN di Taman Nira Batu Pahat, Johor pada 9 April 2013 oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara;
- b. Majlis Penyerahan MyBN di Rumah Pangsa Kinta Heights, Jalan Silang dan Jalan Bijih Timah, Ipoh Perak pada 13 April 2013 oleh YAB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abdul Kadir YAB Menteri Besar Perak; dan



ii. Pelancaran *My Beautiful Malaysia* di Peringkat Negeri Kedah

Program *My Beautiful Malaysia* telah diilhamkan oleh YAB Dato' Seri Mohd Najib Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia di bawah inisiatif NBOS 8. Ilham ini terhasil daripada program-program yang dilaksanakan di bawah inisiatif NBOS7: *My Beautiful Neighbourhood* (MyBN).

My Beautiful Malaysia telah dilancarkan secara serentak di seluruh Negara pada 3 Februari 2013 dan telah berjaya menarik penglibatan 1 juta sukarelawan yang mana majoritinya ialah belia. Penglibatan sukarelawan dalam *My Beautiful Malaysia* merupakan satu pelantar dan titik permulaan untuk menyatu dan menggerakkan seluruh tenaga belia yang lebih prihatin dan ikhlas melalui aktiviti gotong-royong secara sukarela dalam usaha mengindahkan dan membersihkan kawasan yang tidak terpelihara seperti pusat pelancongan, kawasan perumahan, taman rekreasi dan sebagainya.

My Beautiful Malaysia peringkat Negeri Kedah telah dilancarkan oleh YB Dato' Seri Chor Chee Heung, mantan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan di Taman Rekreasi Gunung Keriang, Alor Setar dan turut dilaksanakan di 33 lokasi seluruh negeri Kedah yang melibatkan 11 PBT dan 244,423 sukarelawan melebihi sasaran awal sebanyak 85,000 orang.

iii. Lawatan Delegasi dari Negara-Negara ASEAN dan Taklimat ke Projek NBOS7: MyBN di Alor Setar, Kedah

Pada 18 Disember 2013, Unit Khas NKRA Bandar Selamat telah menerima lawatan delegasi dari negara-negara ASEAN seperti Brunei, Kemboja, Myanmar, Vietnam dan Timor Leste dengan kerjasama Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Kementerian Luar Negara dan Majlis Bandaraya Alor Setar ke projek Strategi Lautan Biru Kebangsaan, *My Beautiful Neighbourhood* yang telah dilaksanakan di Rumah Pangsa Alor Malai, Alor Setar.

PROGRAM / AKTIVITI BERKAITAN NKEA / NKRA

A) Pewartaan Rancangan Struktur

Sehingga Disember 2013, 12 Rancangan Struktur Negeri (RSN) bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia telah diwartakan.

B) Rancangan Tempatan

Sejumlah 91 Rancangan Tempatan (RT) telah disediakan sehingga Disember 2013. Daripada jumlah ini, 84 Rancangan Tempatan Daerah (RTD) (92.3 peratus) telah diwartakan dan tujuh (7) RTD (7.7 peratus) telah siap dan dijangka akan diwartakan pada tahun 2014.

C) Rancangan Kawasan Khas

Sejumlah 34 Rancangan Kawasan Khas (RKK) telah disediakan di seluruh Semenanjung Malaysia sehingga Disember 2013 yang mana 15 RKK (44.11 peratus) telah diwartakan dan 18 RKK (52.94 peratus) masih di peringkat penyediaan dan kelulusan.

PROGRAM PEMBANGUNAN LANDSKAP



JABATAN LANDSKAP NEGARA



LATAR BELAKANG

Penubuhan Jabatan Landskap Negara (JLN) bermula daripada Unit Landskap di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa pada tahun 1981. Pada 29 November 1995, Mesyuarat Jemaah Menteri telah meluluskan penubuhan JLN dan diletakkan di bawah pentadbiran KPKT. Berdasarkan kepada kelulusan peruntukan dan program JLN oleh Unit Perancangan Ekonomi, antara lain Jabatan ini perlu memainkan peranan sebagai agensi kawal selia dan memberi khidmat nasihat yang perlu disokong oleh peraturan dan undang-undang bagi memastikan usaha yang dilaksanakan oleh agensi kerajaan dan swasta mematuhi peraturan dan perundangan sedia ada. Jabatan ini telah ditubuhkan secara rasminya pada 1 Januari 1996.

Objektif

- i. Mewujudkan persekitaran hidup yang bersih, indah, selesa dan selamat;
- ii. Memandu dan mengawal selia pembangunan landskap seluruh negara melalui penggubalan dan penguatkuasaan dasar, peraturan dan akta berkaitan;
- iii. Memelihara keseimbangan antara pembangunan dengan sekitar melalui pelaksanaan pembangunan landskap yang berkualiti dan mampan;
- iv. Memastikan pembangunan landskap, taman-taman awam, kawasan lapang dan kemudahan rekreasi yang berkualiti, berdaya maju dan 'kos efektif';
- v. Meningkatkan profesionalisma dalam amalan perancangan, pembangunan, dan pengurusan landskap negara;
- vi. Mengenal dan memperkayakan sumber landskap negara untuk faedah akan datang; dan
- vii. Menggalak pembangunan industri landskap.

Fungsi

- i. Menjadi penasihat kepada pelbagai peringkat kerajaan dalam perancangan, pelaksanaan dan pengurusan pembangunan landskap;
- ii. Menyediakan kepakaran teknikal yang mantap untuk pembangunan sumber landskap negara yang efisien;
- iii. Merancang, menyelaraskan, melaksanakan dan mengawal selia pembangunan landskap keperluan kawasan lapang, kawasan hijau dan kemudahan rekreasi negara;
- iv. Penguatkuasaan perundangan, pelaksanaan dasar dan garis panduan di pelbagai peringkat dalam perancangan, pelaksanaan dan pengurusan pembangunan landskap;
- v. Melaksanakan dan menyelaraskan program penyelidikan di pelbagai bidang berkaitan landskap;
- vi. Menjana pembangunan dan pengembangan industri landskap; dan
- vii. Sebagai pusat akreditasi landskap negara.

PENGIKTIRAFAN DAN PENGANUGERAHAN

A) Penarafan Laman Web 5 Bintang

Laman Web JLN telah berjaya mengekalkan penarafan 5 Bintang melalui Penilaian Portal dan Laman Web Sektor Agensi Kerajaan 2013 yang telah dilaksanakan oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC).

B) Juara Pertandingan Video Terbaik Sempena Sambutan Hari Inovasi KPKT 2013

Bersempena dengan Majlis Sambutan Hari Inovasi KPKT 2013 pada 21 November 2013 bertempat di The Everly Hotel Putrajaya, JLN telah berjaya merangkul tempat pertama dalam Pertandingan Video Terbaik KPKT 2013 dengan bertemakan “Modal Insan Cemerlang ke arah Negara Taman”. Kejayaan yang dicapai ini merupakan hasil usaha dan keiktizaman yang tinggi oleh para pegawai dari Unit Data dan Teknologi Maklumat, JLN yang diketuai oleh Encik Muhammad Fakri Zaki Abidi Ahmad Zairi, Penolong Pengarah Kanan Teknologi Maklumat.



C) Juara Ceria Bahasa

Bersempena dengan Bulan Bahasa Kebangsaan 2013 Peringkat KPKT yang diadakan pada bulan Oktober 2013, JLN telah menyertai Pertandingan Ceria Bahasa dan berjaya menjadi juara pertandingan. Di samping itu, JLN juga berjaya mendapat tempat ketiga dalam pertandingan Pantas Jawi.

PENCAPAIAN

A) Projek Di Bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh

Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10), Rancangan Boleh Pinda (*Rolling Plan*) Ketiga (RP3), Jabatan menerima siling sebanyak RM 71,859,563.00 dengan peruntukan asal bagi tahun 2013 adalah sebanyak RM22,378,200.00. Walau bagaimanapun, pada bulan November 2013, Jabatan telah menyerahkan lebihan peruntukan (*shortfall*) kepada pihak KPKT sebanyak RM5,000,000.00. Berdasarkan jumlah peruntukan asal yang diterima pihak Jabatan, sebanyak 23 projek telah dilaksanakan. Secara keseluruhannya, Jabatan telah membelanjakan sebanyak RM13,137,099.43 bersamaan dengan nilai peratusan 75.60 peratus (sehingga 20 Januari 2014). Perincian perbelanjaan adalah seperti dalam Jadual 40.

Jadual 40 Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan (AKB 2012) sehingga 7 Januari 2013

BUTIRAN	PROGRAM	SILING SEMASA RP3 RMKE-10	PERUNTUKAN ASAL TAHUN 2013	PERUNTUKAN DIPINDA TAHUN 2013	LEBIHAN PERUNTUKAN TAHUN 2013	JUMLAH PERBELANJAAN SEBENAR (SEHINGGA 20 JAN 2014)	PERATUSAN PERBELANJAAN	BAKI PERBELANJAAN
		(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(%)	(RM)
02101	Pembangunan Taman Awam	52,988,563.00	13,427,200.00	9,940,477.00	3,486,723.00	5,972,647.03	60.08	3,967,829.97
02102	Pembangunan Landskap	12,071,000.00	7,551,000.00	6,043,437.00	1,507,563.00	5,864,807.90	97.04	178,629.10
02104	Penyelidikan dan Pemuliharaan	4,400,000.00	400,000.00	394,286.00	5,714.00	311,213.00	78.93	83,073.00
02105	Pengurusan Landskap	2,400,000.00	1,000,000.00	1,000,000.00	0.00	988,431.50	98.84	11,568.50
JUMLAH		71,859,563.00	22,378,200.00	17,378,200.00	5,000,000.00	13,137,099.43	75.60	4,241,100.57

Nota: Sebanyak RM5 juta peruntukan tahun 2013 telah diserahkan sebagai lebihan (*shortfall*) kepada pihak KPKT pada November 2013.

B) Penyerahan Projek

Sepanjang tahun 2013, sebanyak dua (2) projek di bawah Program Pembangunan Taman Awam Baru (*sambungan RMK-9*) telah diserahkan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT). Projek-projek yang telah diserahkan siap adalah seperti yang berikut:

- i. **Taman Awam Pasif Kuantan, Pahang; dan**
- ii. **Taman Awam Sibul (Fasa 3), Sarawak**

TAMAN AWAM SIBU (FASA 3), SARAWAK

Nama projek	Cadangan Membina Dan Menyiapkan Pembinaan Taman Awam Sibu, Sibu, Sarawak (Fasa 3)
Keluasan	11.1 ekar
PBT	Majlis Perbandaran Sibu
Kontraktor	Mrussang Enterprise
Perunding	BL Consultant Team
Tarikh mula projek	30 Januari 2012
Tarikh siap projek (CPC)	31 Disember 2012
Tempoh Tanggungan Kecacatan (CMGD)	12 Bulan (01 Januari 2013 – 31 Disember 2013)
Lokasi	Terletak di Jalan Permai Barat 96000 Sibu, Sarawak dan bersebelahan dengan Taman Awam Sibu Fasa 1. Lokasi taman juga terletak lebih kurang 15km dari Bandar Sibu



TAMAN AWAM PASIF KUANTAN, PAHANG

Nama projek	Menyiapkan Kerja-Kerja Tertinggal Bagi Cadangan Pembinaan Taman Pasif, Kuantan, Pahang Darul Makmur
Keluasan	23 ekar
PBT	Majlis Perbandaran Kuantan
Kontraktor	Usaha Permai Enterprise
Perunding	Konsep Inovartis Sdn. Bhd.
Tarikh mula projek	8 September 2011
Tarikh siap projek (CPC)	15 Oktober 2012
Tarikh Tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan (CMGD)	22 Oktober 2013
Lokasi	Terletak lebih kurang 5.7km dari Bandar Kuantan, Pahang. Lokasi taman berhampiran dengan Kediaman Rasmi Menteri Besar Pahang.



C) Kajian-Kajian Yang Dijalankan

Pada tahun 2013, JLN telah menjalankan dua (2) kajian berkaitan Taman Persekutuan Bukit Kiara seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 41.

Jadual 41 Kajian yang Dijalankan oleh JLN pada tahun 2013

BIL.	KAJIAN	PERUNDING	TEMPOH
1	Kajian Pengurusan Cerun Taman Persekutuan Bukit Kiara	KI Intergrated Consultant Sdn. Bhd.	27 Mac – 18 Okt 2013
2	Kajian Kemungkinan Cadangan Pintu Masuk Baru dan Jajaran Jalan dalam Taman Persekutuan Bukit Kiara	ZHL Engineers Sdn. Bhd.	28 Mac – 22 Ogos 2013

PROGRAM / AKTIVITI UTAMA

A) Kempen Menanam Pokok Seluruh Negara

Kempen Menanam Pokok Seluruh Negara telah dilaksanakan sejak 3 Mac 1997. Kempen yang pertama telah dirasmikan oleh Mantan Perdana Menteri Malaysia iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamed.

Kempen ini merupakan salah satu daripada usaha pihak Jabatan untuk membantu mengekalkan kehijauan di seluruh negara. Selain itu, pelaksanaan kempen ini juga diharapkan dapat memberi impak yang besar kepada masyarakat dan orang awam khususnya dalam memupuk minat serta sifat cintakan alam sekitar. Sepanjang tahun 2013, sebanyak enam (6) kempen telah berjaya dilaksanakan dengan kerjasama dari pihak luar seperti dalam Jadual 42.



Jadual 42 Kempen Menanam Pokok Seluruh Negara yang Dijalankan oleh JLN Sepanjang Tahun 2013

BIL.	PROGRAM	TARIKH	LOKASI
1	Program 'Green Day English Language Teaching Centre (ELTC) 2013'	30 Ogos 2013	ELTC, Kompleks Pendidikan Bandar Enstek, Nilai, Negeri Sembilan
2	Program Indah Landskap Lestari	8 Okt 2013	Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), Bangi, Selangor
3	Program Membudayakan Landskap Melalui Pendidikan	23 Okt 2013	SMK Putrajaya Presint 11 (2), Putrajaya
4	Program Indah Landskap Lestari	29 Okt 2013	SMK Puteri Seremban
5	Program 'Tree For Life'	3 Dis 2013	Politeknik Nilai, Negeri Sembilan
6	Program Jom Tanam Pokok	10 Dis 2013	Dewan Semai Bakti, Felda Trolak Timur, Perak

B) Sambutan Hari Landskap Negara 2013

Sambutan Hari Landskap Negara (HLN) 2013 yang bertemakan 1 Malaysia “Komuniti Penggerak Negara Taman” telah diadakan pada 3 Mac 2013 bertempat di Taman Mergong Jaya (Fasa 2), Alor Setar, Kedah dengan kerjasama Majlis Bandaraya Alor Setar (MBSA). Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Dato’ Seri Chor Chee Heung, Mantan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Sambutan HLN 2013 pada kali ini disambut dengan kapasiti yang sederhana namun masih meriah dan sarat dengan pelbagai aktiviti seperti gotong-royong di kawasan kejiranan, acara senamrobik, gerai pameran, pemeriksaan kesihatan, pertandingan mewarna, pelancaran rakan taman dan penyerahan sumbangan tanggungjawab sosial korporat (CSR).



C) Program Rimba dan Alam Sekitar Tanggungjawab Anda 2013

Bersempena dengan sambutan Hari Landskap Negara 2013, telah diadakan Program Rimba dan Alam Sekitar Tanggungjawab Anda (RASTA) 2013. Program yang berlangsung selama tiga (3) hari bermula pada 18 hingga 20 Jun 2013 ini merupakan kelangsungan dalam pengisian program untuk memperkenalkan warisan dunia yang terdapat di UiTM Perak iaitu pokok Keruing Padi (*Dipterocarpus semivestitus*).

Program ini dianjurkan oleh Universiti Teknologi MARA (Perak) dengan kerjasama JLN, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNP). Program ini adalah sejajar dengan bidang seni bina landskap yang turut menitikberatkan pemeliharaan alam sekitar dan keseimbangan ekosistem.

Program RASTA juga menyahut saranan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin semasa pelancaran Dasar Landskap Negara (DLN) pada tahun 2011 iaitu mentransformasikan gerak kerja yang lebih berkesan bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat melalui penyediaan landskap berkualiti, bersih, sihat serta selamat.



Selain itu, melalui program ini juga perjanjian persefahaman yang telah termeterai antara FRIM dengan UiTM Perak dalam usaha memelihara pokok-pokok spesies terancam yang terdapat di kampus berkenaan serta dapat mengeratkan hubungan antara satu sama lain.

D) Roadshow Taklimat Dasar Landskap Negara dan Manual Penilaian Karakter Landskap di Malaysia

JLN telah menganjurkan siri *Roadshow* Taklimat Dasar Landskap Negara dan Manual Penilaian Karakter Landskap bertujuan meneruskan kelangsungan agenda pihak Jabatan dalam memberikan kefahaman dan pencerahan mengenai kepentingan pelaksanaan Dasar Landskap Negara (DLN) dan kebaikan pemakaian Penilaian Karakter Landskap. Antara objektif pelaksanaan program *roadshow* ini ialah:

- i. menyebarkan luas atau hebahan kepada agensi pelaksana khususnya di kalangan PBT berhubung dengan pemakaian serta pelaksanaan DLN yang telah di luluskan oleh pihak Kerajaan bagi “Menjadikan Malaysia Negara Taman Terindah Menjelang Tahun 2020”;
- ii. meningkatkan kefahaman dalam kalangan agensi pelaksana ke atas peranan dan tanggungjawab yang perlu dijalankan agar memainkan peranan yang aktif dalam melaksanakan strategi serta pelan-pelan tindakan yang digariskan untuk menjayakan DLN;
- iii. menyebarkan luas atau hebahan kepada pihak PBT berhubung dengan Manual Penilaian Karakter Landskap di Malaysia; dan
- iv. meningkatkan kefahaman dalam kalangan PBT ke atas kepentingan dan faedah yang dapat diperolehi sekiranya penilaian karakter landskap (LCA) ini dilaksanakan. Hal ini adalah kerana LCA berfungsi sebagai instrumen yang paling berkesan sebagai alat perancangan dan pengurusan landskap, pembangunan mampan, karakter landskap dan kepelbagaian biologi, karakter landskap dan warisan budaya dan nilai ekonomi tempatan.

Penganjuran program *roadshow* ini akan diadakan di enam (6) zon iaitu zon tengah (Selangor dan Negeri Sembilan), zon selatan (Melaka dan Johor), zon utara (Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis), zon timur (Kelantan, Terengganu dan Pahang), zon Sabah dan zon Sarawak. Sehingga penghujung tahun 2013, *roadshow* ini telah selesai diadakan di empat (4) zon seperti dalam Jadual 43.

Jadual 43 Roadshow Taklimat Dasar Landskap Negara dan Manual Penilaian Karakter Landskap Tahun 2013

ZON	NEGERI	TARIKH	LOKASI
Tengah	Selangor dan Negeri Sembilan	17 Jun 2013	Dewan Sivik, Majlis Bandaraya Petaling Jaya
Timur	Kelantan, Terengganu dan Pahang	20 Jun 2013	Bilik Gerakan Negeri, Kompleks Kota Darulnaim, Kota Bharu, Kelantan
Selatan	Johor dan Melaka	23 Sep 2013	Taman Hutan Lagenda, Taman Negara Johor
Sabah	Sabah	1 Okt 2013	Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah Negeri Sabah



E) Pembudayaan Landskap dan Eksplorasi Hutan

Pada 17 hingga 18 Disember 2013, bertempat di Taman Persekutuan Bukit Kiara, Kuala Lumpur, pihak Jabatan telah menganjurkan Aktiviti Pembudayaan Landskap dan Eksplorasi Hutan. Program ini diadakan bertujuan bagi meningkatkan tahap kesedaran di kalangan pelajar sekolah untuk lebih menghargai sumber semulajadi yang kian terhakis oleh kepesatan pembangunan di tengah-tengah kawasan bandaraya.

Program ini telah disertai oleh 60 orang pelajar Sekolah Darul Tahfiz Ummu Qura, Shah Alam, Selangor. Sepanjang program ini berlangsung, para peserta diberikan taklimat berhubung aspek keselamatan sewaktu menjalankan dan mengendalikan aktiviti rekreasi hutan. Selain itu, penerokaan laluan khas khusus untuk menjalankan aktiviti eksplorasi hutan juga turut dijalankan sebagai sebahagian daripada “*Outdoor Learning Concept*”.



F) Program di Bawah Inisiatif Strategi Lautan Biru Negara (NBOS)

Program Kejiranan Indah (My Beautiful Neighbourhood - MyBN)

Sepanjang pelaksanaan inisiatif Strategi Lautan Biru Negara (NBOS) iaitu Program Kejiranan Indah (My Beautiful Neighbourhood - MyBN), JLN turut terlibat dalam menjayakan program tersebut dengan menyumbang bagi pembangunan lanskap setempat. JLN telah berjaya menyiapkan pembangunan landskap di 17 projek MyBN seperti dalam Jadual 44.



Jadual 44 Senarai Projek Pembangunan Landskap di bawah NBOS 7: MyBN

BIL.	PROJEK	PBT	KOS (RM)
1	RP Templer 2, Seremban	Majlis Perbandaran Seremban	300,000.00
2	RP Ujong Pasir	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	300,000.00
3	Taman Perumahan Kos Rendah Pulau Gadong 1	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	250,000.00
4	RP Mengkarak Stesen	Majlis Daerah Bera	300,000.00
5	PAKR Kg. Muhibbah, Karak	Majlis Perbandaran Bentong	250,000.00
6	PAKR Kg. Telemong, Karak	Majlis Perbandaran Bentong	250,000.00
7	PAKR Batu 1, Jalan Teras	Majlis Perbandaran Bentong	300,000.00
8	PAKR Taman Jengka Impian	Majlis Daerah Maran	350,000.00
9	PAKR Jalan Karak, Mentakab	Majlis Perbandaran Temerloh	300,000.00
10	RP Perumahan ERHP, Taman Keramat	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu	350,000.00
11	Desa Keluarga Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu, Kampung Bijangga	Majlis Perbandaran Dungun	300,000.00
12	RP Alor Malai	Majlis Bandaraya Alor Star	300,000.00
13	RP Kilang Lama	Majlis Perbandaran Kulim	300,000.00
14	Taman Nira Batu Pahat	Majlis Perbandaran Batu Pahat	300,000.00
15	PPR Taman Sri Harmoni, Padawan	HDC Sarawak	400,000.00
16	RP Sri Malihah II, Padawan	HDC Sarawak	400,000.00
17	RP Malihah Jaya, Padawan	HDC Sarawak	400,000.00



G) Lawatan Rasmi

Sepanjang tahun 2013 pihak Jabatan telah menerima beberapa siri kunjungan hormat atau lawatan rasmi daripada pelbagai pihak dan agensi seperti dalam Jadual 45.

Jadual 45 Lawatan Rasmi dan Kunjungan Hormat ke JLN Tahun 2013

BIL.	TUJUAN	TARIKH
1	Lawatan Akademik Pelajar UiTM Perak	16 Jan 2013
2	Kunjungan Hormat Pemimpin Dan Pentadbiran Daerah Hulu Terengganu	5 Feb 2013
3	Lawatan Teknikal dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	7 Feb 2013
4	Lawatan Rasmi Pegawai Jabatan Kerja Raya (JKR)	30 Mei 2013
5	Lawatan Rasmi YB Menteri dan YB Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	3 Jun 2013
6	Lawatan Rasmi YDP Majlis Perbandaran Kulim	15 Ogos 2013
7	Lawatan Naziran oleh Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam	3 Okt 2013
8	Lawatan Akademik Pelajar UiTM Shah Alam	8 Nov 2013
9	Lawatan Akademik Pelajar UTM Razak School	25 Nov 2013



H) Sesi Konsultasi Awam

JLN telah menganjurkan beberapa Sesi Konsultasi Awam (*Public Engagement*) dalam usaha mendapatkan pandangan orang awam dan *stakeholders* ke atas cadangan pembangunan landskap perbandaran yang dilaksanakan oleh JLN dan memberi penerangan berkaitan isu semasa yang timbul. Sesi yang telah diadakan adalah seperti yang berikut:

- i. Pada 26 Januari 2013, bertempat di Kelab Golf Sultan Haji Ahmad Shah, Cameron Highlands, pihak Jabatan telah menganjurkan program Sesi Konsultasi Awam Cadangan Pembangunan Landskap Perbandaran Tanah Rata, Cameron Highlands. Tujuan sesi konsultasi ini diadakan ialah bagi mendapatkan pandangan orang awam dan *stakeholders* ke atas cadangan pembangunan landskap perbandaran yang akan dilaksanakan oleh pihak Jabatan. Secara keseluruhannya, pihak Jabatan menerima sambutan baik daripada pelawat yang hadir ke sesi konsultasi tersebut. Sesi telah berlangsung bermula pada jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang
- ii. Sesi ‘*public engagement*’ bagi Pembangunan Taman Persekutuan Bukit Kiara, Kuala Lumpur telah dimulakan pada tahun 2007 bertujuan untuk mendapatkan maklum balas dan memberi penerangan berkaitan isu semasa yang dibangkitkan oleh pihak berkepentingan dan juga badan bukan kerajaan (NGO). Antara NGO yang aktif dalam memberikan maklumbalas dalam pembangunan taman ini ialah *Friends of Bukit Kiara (FoBK)*, *Taman Tun Dr Ismail Resident Association (TTDI RA)*, *Trail Association of Kuala Lumpur and Selangor (TRAKS)*, *Malaysian Nature Society (MNS)*, *Kampung Sungai Penchala Resident Association (KSP RA)*, *Global Environment Center (GEC)* dan *Landskap Malaysia (LM)*.



Bagi tahun 2013, tiga (3) Sesi Konsultasi Awam telah diadakan seperti dalam Jadual 46.

Jadual 46 Sesi Konsultasi Awam bagi Pembangunan Taman Persekutuan Bukit Kiara, Kuala Lumpur Tahun 2013

BIL.	TARIKH	TUJUAN
1	29 Ogos 2013	Sesi taklimat kepada pihak NGO berkaitan kerja-kerja pembinaan pagar semula, pembaikan cerun dan naik taraf Taman Lembah Kiara
2	22 Sept 2013	Lawatan oleh YB Menteri ke Taman Persekutuan Bukit Kiara bertujuan untuk mendapatkan pandangan yang lebih jelas berkaitan isu-isu semasa yang melibatkan aduan dari pengguna taman dan isu-isu berkaitan
3	31 Okt 2013	Sesi perbincangan NGO (FoBK, MNS, TTDIRA, KSPRA) bersama YB Menteri di Pejabat KPKT, Putrajaya

l) Festival Bunga dan Taman Putrajaya 2013

Festival Bunga dan Taman Putrajaya (FLORIA) 2013 telah berlangsung pada 22 hingga 30 Jun 2013 bertempat di Persisiran Putrajaya, Presint 2 yang mana tema sambutan pada kali ini ialah “Orkid - Khazanah Tropika”. Seperti tahun-tahun yang lalu, pihak Jabatan masih meneruskan penyertaan dalam pertandingan reka bentuk laman yang mana pada penyertaan kali ini JLN mengenengahkan konsep “*Implicit Splendour*”.

Implicit Splendour merupakan konsep yang diketengahkan dengan mengabungkan elemen-elemen landskap lembut dan landskap kejur secara berharmoni di samping kesan-kesan visual yang mempengaruhi naluri dan deria seperti melihat, menyentuh, menghidu, merasa dan mendengar. Taman yang bercirikan *introvert* ini, mengarahkan pandangan pengunjung kepada ruang laluan masuk bagi mencetuskan naluri ingin tahu untuk eksplorasi persekitaran dengan disediakan elemen-elemen kejutan sebagai *focal point* ruang-ruang yang diwujudkan. Bermula daripada *entrance features* dan ‘*water curtain*’ sebagai mengalu-alukan kedatangan, pengunjung akan merasai keindahan persekitaran yang diceriakan dengan elemen-elemen tumbuhan tropika yang melembutkan struktur-struktur binaan taman secara visual.

Aras-aras yang berbeza diwujudkan agar pengunjung dapat merasakan kesinambungan ruang serta menikmati pemandangan yang berlainan di dalam taman ini. Taman yang diilhamkan ini juga digubah agar menjadi sumber inspirasi bagi menghasilkan kesan rangsangan deria bagi penggunaan ruang, susunan tanaman yang tersendiri dan elemen landskap kejur yang unik. Reka bentuk ini sangat sesuai diaplikasikan di kediaman terutamanya di kawasan perbandaran. Penghasilan taman yang unik dan berfungsi ini diharap dapat memberikan kesedaran, ilham dan inspirasi kepada pengunjung dalam membudayakan kehidupan bertaman bercitarasakan reka bentuk kontemporari yang dicetuskan dengan keindahan tumbuhan tropika tempatan.

Reka bentuk yang diketengahkan adalah taman kontemporari dengan diilhamkan penampilan bunga orkid yang dinamik bagi menghasilkan ruang secara dua (2) dan tiga (3) dimensi. Struktur dan komponen taman ini direka khusus bagi mewujudkan perasaan keterujaan dengan kesan visual khayalan optik yang dapat memberi satu perspektif baru dalam menikmati persekitaran reka bentuk landskap yang terkini. Pendekatan rekabentuk secara radikal ini adalah untuk mencetuskan satu kelainan bagi evolusi senitaman yang menggunakan pendekatan seni persekitaran (*Environmental Art*) dan sebagai trend semasa untuk menghidupkan ruang-ruang luaran secara kreatif serta mempunyai nilai-nilai fungsi dan estetika tersendiri.



J) Perjumpaan Pengerusi Panel Peperiksaan Perkhidmatan Landskap

Majlis perjumpaan Pengerusi Panel Peperiksaan Perkhidmatan Landskap (PPL) telah diadakan pada 27 Mac 2013 bertempat di Dewan Besar, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan telah dipengerusikan oleh Puan Hajah Rotina Mohd Daik, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan). Para peserta yang hadir adalah terdiri daripada wakil pegawai Jabatan dan wakil pihak PBT seluruh Malaysia. Matlamat perjumpaan ini adalah seperti yang berikut:

- i. Memaklumkan kepada pihak PBT mengenai dasar-dasar semasa di peringkat Kementerian dan Jabatan berkaitan pelaksanaan peperiksaan perkhidmatan landskap;
- ii. Membincangkan isu-isu berbangkit semasa pelaksanaan peperiksaan oleh pihak Jabatan; dan
- iii. Sebagai platform perbincangan dua hala antara pihak Jabatan dengan pihak PBT.



K) Bengkel *Blueprint* Pusat Kepelbagaian Biologi Bukit Larut Matang

Pada 29 hingga 31 Mei 2013, bertempat di Hotel SSL Traders Kamunting, Taiping, Perak, JLN telah menganjurkan Bengkel *Blueprint* Pusat Kepelbagaian Biologi Bukit Larut Matang. Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk memperkemas dokumen *Blueprint* Pusat Kepelbagaian Biologi Bukit Larut Matang sebagai asas rujukan dalam menentukan hala tuju Pusat Kepelbagaian Biologi Hijau Bukit Larut, Taiping, Perak.

Objektif pelaksanaan bengkel ini adalah seperti yang berikut:

- i. Merangka, menyemak, mengemaskini *blueprint* Pusat Kepelbagaian Biologi Hijau Bukit Larut serta mendapatkan persetujuan semua ahli jawatan kuasa penyelaras berkaitan isi kandungan rangka *blue print* sebelum dicetak; dan
- ii. Menjadikan *blue print* tersebut sebagai rujukan asas dalam menentukan hala tuju Pusat Kepelbagaian Biologi Hijau Bukit Larut.

Peserta yang telah menghadiri bengkel ini adalah terdiri daripada wakil Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) Perak, UKM, FRIM, PERHILITAN, Jabatan Pertanian, Jabatan Perhutanan, JKR, Pejabat Daerah dan Tanah Larut, Matang dan Selama dan Majlis Perbandaran Taiping.

L) Bengkel Panduan Pengawalan Hakisan Cerun Kaedah *Bio-Engineering*

JLN telah menganjurkan Bengkel Panduan Pengawalan Hakisan Cerun Melalui Kaedah *Bio-Engineering* pada 15 hingga 17 Mei 2013, bertempat di Hotel Klana Resort Seremban, Negeri Sembilan.

Objektif pelaksanaan bengkel ini adalah untuk mengenal pasti punca atau faktor yang mengakibatkan berlakunya hakisan tanah dan mengenal pasti masalah dan isu yang berkaitan dengan perancangan, reka bentuk dan pengurusan kawasan bercerun dan kejadian tanah runtuh.

Peserta yang telah menghadiri bengkel ini adalah terdiri daripada wakil pihak Jabatan Mineral Geosains, Lembaga Lebuhraya Malaysia, Cawangan Cerun JKR, Jabatan Perairan dan Saliran, Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM), FRIM, DBKL, Universiti Pendidikan Sultan Idris, dan ATMA Universiti Kebangsaan Malaysia



PROGRAM **KEBOMBAAN** DAN **PENYELAMATAN**



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA_____



LATAR BELAKANG

Perkhidmatan Bomba di Malaysia bermula pada tahun 1883 dengan penubuhan Bomba Sukarela Negeri Selangor yang diketuai oleh H.F Bellamy bersama 15 anggota. Pasukan ini yang diletakkan di bawah Lembaga Kebersihan, yang kemudiannya menjadi Pasukan Bomba dan Penyelamat Tetap pada tahun 1895. Perkhidmatan terus berkembang di setiap negeri dan diletakkan dibawah Majlis Perbandaran atau lembaga Luar Bandar. Pada tahun 1946, iaitu selepas Perang Dunia Kedua, pasukan Malayan Union Services (MUS) telah ditubuhkan yang beribu pejabat di Kuala Lumpur dan Flight Lt. W.J Gerumandi dilantik sebagai Pengarah Malayan Union Fire Services.

Melalui perjanjian Persekutuan Tanah Melayu, Perkhidmatan Bomba diserahkan kembali kepada Kerajaan-kerajaan negeri dibawah pentadbiran Lembaga Bandaran dan Lembaga Luar Bandar mengikut negeri. Untuk menyelaraskan perkhidmatan ini, maka sebuah jemaah Lembaga Perkhidmatan Bomba ditubuhkan pada tahun 1952 dibawah Kementerian Pembangunan dan Kerajaan Tempatan.

Perkhidmatan Bomba di negeri-negeri disatukan sebagai sebuah Jabatan diperingkat persekutuan pada 1 Januari 1976. Penyatuan ini meletakkan Jabatan Perkhidmatan Bomba Malaysia dibawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Ini diikuti oleh perkhidmatan Bomba Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Melaka pada 1 Januari 1977. Pada 15 Mei 1981, perkhidmatan Bomba Sabah dan Sarawak telah disatukan.

Pada 8 Januari 1997, Jemaah Menteri telah bersetuju dengan perubahan nama Jabatan Perkhidmatan Bomba Malaysia kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. YAB Perdana Menteri Malaysia dengan rasminya telah mengumumkan dan melancarkan pertukaran nama, logo dan bendera Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di Genting Highlands pada 21 Februari 1997.

Objektif

JBPM mempunyai objektif untuk memberi khidmat pencegahan dan pemadaman kebakaran, menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan dengan aspek keselamatan dan memadam kebakaran serta menyediakan khidmat kemanusiaan yang cekap dan berkesan. Dari segi kualiti Jabatan bertekad untuk lebih cemerlang melalui inovasi dan kualiti MS ISO 9001-2008.

Fungsi

Untuk memenuhi objektif tersebut antara fungsi-fungsi yang dijalankan oleh jabatan mengikut peruntukkan dibawah seksyen 5(1) & (2) di dalam akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) seperti yang berikut:

- i. Memadam, menentang, mencegah dan mengawal kebakaran;
- ii. Melindungi nyawa dan harta sekiranya berlaku kebakaran;
- iii. Menentukan adanya jalan keluar kebakaran, penyelenggaraan dan pengawalseliaan yang sempurna;
- iv. Menjalankan penyiasatan tentang sebab, punca dan hal kebakaran; dan
- v. Melaksanakan khidmat kemanusiaan termasuk perlindungan nyawa dan harta semasa berlakunya apa-apa bencana.

JBPM boleh selain daripada tugas-tugasnya di bawah subseksyen (1), melaksanakan apa-apa tugas lain yang dipertanggungjawabkan kepadanya oleh undang-undang atau sebaliknya yang diadakan oleh menteri untuk dilaksanakan.

PENGIKTIRAFAN DAN PENGANUGERAHAN

Sepanjang tahun 2013, JBPM telah menerima pelbagai pengiktirafan dan penganugerahan di peringkat antarabangsa, kebangsaan dan kementerian seperti dalam Jadual 47.

Jadual 47 Pengiktirafan dan Penganugerahan yang Diterima oleh JBPM bagi Tahun 2013

BIL	PENGIKTIRAFAN / ANUGERAH	PERINGKAT PENERIMAAN	ORGANISASI PENGANJUR
1.	Finalis Anugerah Inovasi Negara 2013	<i>National Innovation Conference and Exhibition (NICE) 2013</i>	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)
2.	Anugerah Inovasi Negara 2013 Kategori Perkhidmatan	<i>National Innovation Conference and Exhibition (NICE) 2013</i>	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)
3.	Johan	Anugerah Khas Menteri	KPKT
4.	Penarafan 4 bintang	Anugerah Akauntabiliti Indeks	Jabatan Audit Negara
5.	Penarafan 5 bintang	Penilaian Portal dan Laman Web Kerajaan Malaysia	Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC) dan Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
6.	Johan	Pertandingan Anugerah Inovasi Ketua Setiausaha KPKT (AI-KSU)	KPKT
7.	Naib Johan	Pertandingan Anugerah Inovasi Ketua Setiausaha KPKT (AI-KSU)	KPKT
8.	Johan	Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KPKT)	KPKT
9.	Naib Johan	Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KPKT)	KPKT

BIL	PENGIKTIRAFAN / ANUGERAH	PERINGKAT PENERIMAAN	ORGANISASI PENGANJUR
10.	Naib Johan	Pertandingan Pidato KPKT (Kategori Pengurusan)	KPKT
11.	Johan	Pertandingan Pidato KPKT (Kategori Sokongan)	KPKT
12.	Tempat Ketiga	Pertandingan Pidato KPKT (Kategori Sokongan)	KPKT
13.	Tempat Ketiga	Pertandingan Ceria Bahasa KPKT	KPKT
14.	Naib Presiden IFCAA	Asia	International Fire Chiefs Association of Asia (IFCAA)

PENCAPAIAN


A) Operasi Kebakaran Dan Penyelamatan

i. Panggilan Kecemasan

Sepanjang tahun 2013, JBPM telah menerima sebanyak 68,749 panggilan kecemasan dari seluruh Malaysia yang diklasifikasikan mengikut kes seperti dalam Carta 04.



Carta 04 Klasifikasi Panggilan Kecemasan Mengikut Kes




ii. Kes Kebakaran

Analisa ke atas 33640 panggilan kecemasan kes kebakaran yang diterima merekodkan jenis kebakaran yang kerap menyumbang kepada jumlah yang besar adalah seperti dalam Carta 05.



Carta 05 Analisa Kes Kebakaran




Nota: Kes kebakaran yang dikategorikan sebagai lain-lain merangkumi kebakaran yang melibatkan kotak fius; kabel elektrik; longgokan kayu; dan jerami

iii. Kes Penyelamatan dan Khidmat Kemanusiaan

JBPM menerima sejumlah 33,068 panggilan melibatkan kes penyelamatan dan khidmat kemanusiaan yang diklasifikasikan mengikut kategori seperti dalam Carta 06.



Carta 06 Analisa Kes Penyelamatan dan Khidmat Kemanusiaan




Nota: Kes penyelamatan dan khidmat kemanusiaan yang dikategorikan sebagai lain-lain merangkumi kes menangkap ular dan haiwan berbahaya; memusnahkan serangga; dan kes cubaan bunuh diri, rusuhan, pengganas, pokok tumbang

iv. Kes Tugas-tugas Khas

Bagi panggilan tugas-tugas khas, JBPM telah menerima sejumlah 1,572 panggilan dan Carta 07 menunjukkan perincian kes-kes yang terlibat.

Carta 07 Analisa Tugas-tugas Khas



v. Jumlah Mangsa Terlibat Kes Kebakaran

Sepanjang tahun 2013, seramai 237 orang mangsa terlibat dalam kes kebakaran di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, seramai 72 mangsa meninggal dunia dan 165 mangsa lagi mengalami kecederaan.

vi. Taksiran Kerugian Kes Kebakaran

Pada tahun 2013, JBPM mencatatkan jumlah taksiran kerugian yang mana dianggarkan bernilai RM 1.9 billion disebabkan kebakaran di seluruh negara. Manakala, sebanyak RM 12 billion berjaya diselamatkan dalam operasi kebakaran.

B) Keselamatan Kebakaran

i. Semakan Pelan Perakuan Bangunan

Pada tahun 2013, sebanyak 19,238 pelan-pelan teknikal telah diproses yang melibatkan 10,044 pelan teknikal tidak bersistem dan 9,194 bagi pelan teknikal bersistem. Pencapaian semakan pelan perakuan bangunan bagi tahun 2013 adalah seperti dalam Jadual 48.



Jadual 48 Pencapaian Semakan Pelan Perakuan Bangunan bagi Tahun 2013

KATEGORI PELAN	JUMLAH PELAN DITERIMA	JANGKA MASA PERAKUAN	JUMLAH	PENCAPAIAN KPI (%)
PELAN PERAKUAN BANGUNAN BERSISTEM				
Diperakukan	5,100	≤ 7 hari	5,017	54.57
		> 7 hari	83	
Tidak Diperakukan	4,094	≤ 7 hari	3,931	42.76
		> 7 hari	163	
Jumlah	9,194		9,194	97.33
PELAN PERAKUAN BANGUNAN TIDAK BERSISTEM				
Diperakukan	7,194	≤ 7 hari	6,992	69.61
		> 7 hari	202	
Tidak Diperakukan	2,850	≤ 7 hari	2,546	25.35
		> 7 hari	304	
Jumlah	10,044		10,044	94.96

ii. Pengeluaran Surat Sokongan dan Pematuhan (CCC)

Bagi pengeluaran Surat Sokongan dan Pematuhan (CCC) bagi tahun 2013, bilangan permohonan yang diterima untuk pemeriksaan bangunan adalah sebanyak 3,984. Hasil daripada pemeriksaan sebanyak 3,544 surat sokongan telah dikeluarkan, manakala 409 permohonan tidak diluluskan bagi tahun 2013. Statistik pengeluaran Surat Sokongan dan Pematuhan (CCC) bagi tahun 2013 adalah seperti dalam Jadual 49.

Jadual 49 Statistik Pengeluaran Surat Sokongan dan Pematuhan (CCC) bagi Tahun 2013


PERMOHONAN TERKUMPUL			MASIH DALAM WAKTU PIAGAM
Diterima	Disokong	Ditolak / Laporan /TCF	
3,984	3,544	409	40

iii. Pengeluaran Sijil Perakuan Bomba (FC)

Perakuan bomba (FC) adalah suatu sijil yang dikeluarkan kepada premis yang dikategorikan sebagai premis ditetapkan. Semua premis ditetapkan perlu mempunyai FC yang dikeluarkan oleh JBPM.

Bagi tahun 2013, jumlah premis ditetapkan adalah sebanyak 6,105 dan 4412 daripadanya telah mempunyai FC, manakala baki 1693 premis ditetapkan masih tiada FC. Premis yang tidak memperolehi FC adalah kerana telah mendapat notis dan dikenakan tindakan mahkamah yang mana mencatatkan sebanyak 586 notis (FC6) dan 62 penyediaan kertas siasatan bagi tujuan pendakwaan (FC7). Perincian pengeluaran Sijil Perakuan Bomba adalah seperti dalam Carta 08.

Carta 08 Perincian Pengeluaran Sijil Perakuan Bomba bagi Tahun 2013



iv. Penghapusan Bahaya Kebakaran

Sepanjang tahun 2013, sebanyak 13,406 premis telah diperiksa di seluruh negara dengan tumpuan ke atas premis komersial seperti pusat membeli-belah, kilang / bengkel, pejabat dan sekolah. Berdasarkan kepada pemeriksaan yang dijalankan, sebanyak 7,864 notis (Borang A) dan 83 notis (Borang B) telah dikeluarkan atas pelbagai kesalahan mengikut peruntukan dalam Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341). Selain itu, penghapusan bahaya kebakaran turut dijalankan berdasarkan daripada aduan awam. Perincian pemerisan premis bagi tujuan penghapusan bahaya kebakaran bagi tahun 2013 adalah seperti dalam Jadual 50.

Jadual 50 Perincian Pemerisan Premis bagi Tujuan Penghapusan Bahaya Kebakaran Sepanjang Tahun 2013

BIL.	JENIS PREMIS	BILANGAN PEMERIKSAAN			JUMLAH PENGELUARAN NOTIS		BILANGAN ADUAN DITERIMA	BILANGAN PEMERIKSAAN DIJALANKAN	BILANGAN NOTIS DIKELUARKAN	BIL KES DISELESAIKAN
		PERTAMA	SEMULA	LAIN-LAIN	BORANG A	BORANG B				
1.	Kilang / Bengkel	1889	105	0	878	22	8	46	71	6
2.	Pejabat	1027	69	0	506	16	9	10	7	1
3.	Pejabat / Kediaman	80	6	0	125	0	2	2	0	1
4.	Kediaman	203	14	0	741	1	3	5	9	3
5.	Sekolah	1183	82	51	1218	37	2	15	15	7
6.	Institusi Pengajian Tinggi	102	16	0	339	0	0	1	0	0
7.	Pusat Membeli-belah / Kedai	6146	492	76	1776	6	15	27	61	2
8.	Setor	221	8	0	87	0	1	1	0	1
9.	Dewan Perhimpunan	184	7	4	83	0	0	1	0	1
10.	Stesyen Minyak	442	9	0	43	0	1	22	0	3
11.	Asrama / Hotel	893	98	12	1811	1	8	23	138	2
12.	Dobi	18	1	0	38	0	0	0	0	0
13.	Hospital / Klinik	305	10	0	83	0	1	10	19	2
14.	Pelbagai	713	45	0	136	0	7	8	0	6
JUMLAH		13406	962	143	7864	83	57	171	320	35

v. Program Kesedaran Keselamatan Kebakaran

Pada tahun 2013, Kempen Mencegah Kebakaran telah dilaksanakan melalui ceramah, demonstrasi, pameran pengungsian bangunan dan *mock drill* bagi memberi kesedaran tentang pencegahan dan bahaya kebakaran kepada masyarakat.

Kumpulan sasaran kempen ini antaranya ialah pekerja pejabat dan kilang, pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi serta masyarakat keseluruhannya. Perincian aktiviti-aktiviti Kempen Mencegah Kebakaran sepanjang tahun 2013 adalah seperti dalam Jadual 51.



Jadual 51 Aktiviti-aktiviti Kempen Mencegah Kebakaran Sepanjang Tahun 2013

Aktiviti	Bilangan Aktiviti	Bilangan Peserta
Ceramah	5,484	1,003,497
Demonstrasi	6,140	1,039,961
Pameran	1,864	795,887
Pengungsian Bangunan	2,991	1,036,430
Mock drill	832	156,912
JUMLAH	17,311	4,032,687

vi. Pengeluaran Sokongan Pelesenan Bangunan

Sebanyak 25,270 permohonan sokongan pelesenan telah diterima dan diproses di seluruh negara sepanjang tahun 2013. Daripada jumlah itu sebanyak 24,808 permohonan telah diproses dan diluluskan dalam masa Piagam Pelanggan JBPM manakala selebihnya diluar tempoh ditetapkan. Ini berikutan faktor terdapatnya bahaya kebakaran yang wujud semasa pemeriksaan pelesenan selain pemohon perlu mengambil masa yang lama untuk memenuhi aspek pemasangan keselamatan kebakaran yang telah ditetapkan. Jadual 52 menunjukkan perincian pengeluaran sokongan pelesenan bangunan bagi tahun 2013.

Jadual 52 Perincian Pengeluaran Sokongan Pelesenan Bangunan bagi Tahun 2013

BIL.	JENIS PERNIAGAAN	JUMLAH DIPROSES BULAN SEMASA	TEMPOH PENYELESAIAN	
			> 7 hari	< 7 hari
1.	Setoran / Gudang	710	666	44
2.	Taman Asuhan / Tadika	1089	1048	42
3.	Klinik/Hospital Persendirian	171	166	5
4.	Institut Pendidikan	629	594	35
5.	Institut Kebajikan	175	171	4

BIL.	JENIS PERNIAGAAN	JUMLAH DIPROSES BULAN SEMASA	TEMPOH PENYELESAIAN	
			> 7 hari	< 7 hari
6.	Penyimpanan LPG	1809	1766	43
7.	Kafe Siber	552	551	1
8.	Restoran / Kantin / Gerai / Kafe	3081	3061	20
9.	Salon Rambut/Persolekan	1449	1446	3
10.	Kedai Runcit / Makanan Ringan	902	894	8
11.	Pusat Hiburan	1147	1108	39
12.	Kejuruteraan / Bengkel	1431	1412	19
13.	Perniagaan Elektrik	454	453	1
14.	Hotel / Rumah Tumpangan	308	305	3
15.	Menjual Kenderaan	273	270	2
16.	Pasar Raya / Pasar Mini	321	313	8
17.	Kilang	1274	1210	64
18.	Barangan Lusuh	415	410	5
19.	Perabot	300	293	7
20.	Penyimpanan Minyak	2233	2179	54
21.	Panggung Wayang	16	16	0
22.	Bahan-bahan Bahaya	112	108	4
23.	Kedai Am / Perniagaan dan lain-lain	6419	6368	51
JUMLAH		25270	24808	462

vii. Pengeluaran Sijil Perakuan Bahan

Pada tahun 2013, JBPM telah meluluskan sejumlah 153 bahan binaan / pemasangan keselamatan kebakaran. Kategori bahan binaan / pemasangan keselamatan kebakaran diluluskan bagi pengeluaran Sijil Perakuan Bahan adalah seperti dalam Jadual 53.

Jadual 53 Kelulusan Bahan Binaan / Pemasangan Keselamatan Kebakaran bagi Pengeluaran Sijil Perakuan Bahan bagi Tahun 2013

BIL.	KATEGORI BAHAN / PEPASANGAN	JUMLAH PERAKUAN
1	Keluar Sign	3
2	Smoke Detector	7
3	Heat Detector	1
4	Fire Hose Reel	1
5	Sprinkler Head	1
6	Smoke Extraction System	9
7	Fire Alarm Panel	9
8	Halon Alternatif	12
9	Fire Extinguisher	1
10	Fire Door	14
11	Fire Roller Shutter	2
12	Bricks	24
13	Class 'O'	43
14	Firestop	5
15	Drywall Construction	15
16	Hollow Concrete Block	4
17	Fire Rated Lift Landing Door	2
JUMLAH		153

C) Prestasi Kewangan

Pada tahun 2013, JBPM telah diperuntukkan sejumlah RM715,617,000.00 dan sehingga tempoh Akaun Kena Bayar (AKB) berakhir, prestasi perbelanjaan Jabatan ialah RM726,251,733.72 (101.49 peratus). Laporan perbelanjaan dan peruntukan JBPM mengikut aktiviti sehingga 31 Disember 2013 adalah seperti dalam Jadual 54.

Jadual 54 Laporan Perbelanjaan dan Peruntukan JBPM Mengikut Aktiviti Sehingga 31 Disember 2013

AKTIVITI	PERUNTUKAN	PERBELANJAAN	BAKI	PERATUS BELANJA (%)
Pengurusan	95,296,100.00	114,787,580.18	(19,491,480.18)	120.45
Latihan	20,856,000.00	21,603,290.73	(747,290.73)	103.58
Pembangunan	2,061,900.00	2,067,833.33	(5,933.33)	100.29
Operasi	405,535,000.00	394,417,729.10	11,117,270.90	97.26
Keselamatan Kebakaran	23,311,400.00	26,401,902.13	(3,090,502.13)	113.26
Kejuruteraan	61,162,300.00	60,261,592.80	900,707.20	98.53
Udara	62,857,200.00	63,345,050.93	(487,850.93)	100.78
Penyiasatan Kebakaran	15,505,100.00	17,670,219.55	(2,165,119.55)	113.96
Perancangan dan Penyelidikan	1,403,700.00	1,305,354.08	98,345.92	92.99
Akademi Bomba dan Penyelamat	27,628,300.00	24,391,180.89	3,237,119.11	88.28
JUMLAH	715,617,000.00	726,251,733.72	(10,634,733.72)	101.49

D) Pengurusan Aduan Awam

Jumlah keseluruhan aduan awam yang diterima oleh JBPM bagi tahun 2013 adalah sebanyak 226 kes yang kebanyakkan diterima melalui e-mel, surat, system pesanan ringkas (SMS), surat khabar, telefon dan media social seperti facebook dan youtube. Jadual 55 menunjukkan jumlah penerimaan dan penyelesaian aduan awam yang diterima oleh JBPM sepanjang tahun 2013.

Jadual 55 Jumlah Penerimaan dan Penyelesaian Aduan Awam yang Diterima oleh JBPM Sepanjang Tahun 2013

JUMLAH ADUAN DITERIMA	TEMPOH PENYELESAIAN			
	≥ 14 hari		< 14 hari	
	Bilangan	Peratusan (%)	Bilangan	Peratusan (%)
226	171	75.67	55	24.33

Antara isu utama yang menyumbang kepada bilangan aduan awam yang diterima adalah seperti yang berikut:

- pili bomba;
- lebah atau tebuhan; dan
- penguatkuasaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.

PROGRAM / AKTIVITI UTAMA

A) Penyerahan Jentera Bomba dan Pelancaran Ops Tahun Baru Cina

YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Mantan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Jentera Bomba dan Kenderaan Bomba Sukarela JBPM pada 5 Februari 2013 bertempat di Perkarangan Balai Bomba dan Penyelamat Shah Alam, Selangor. Turut hadir pada majlis tersebut ialah YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak, Ketua Setiausaha KPKT.

Jabatan telah menerima 100 unit *Fire Rescue Tender* (FRT) bernilai RM171 juta, lima (5) unit *Prime Mover Vehicle* (PMV) bernilai RM2.43 juta serta 30 unit *Volunteer Fire Response Vehicle* (VFRV) bernilai RM3.65 juta melalui Rancangan Boleh Pinda (*Rolling Plan*) ke- 2", Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10). YB Menteri telah menerima replika jentera bomba dan kenderaan bomba sukarela daripada pihak pembekal sebagai simbolik penyerahan jentera dan kenderaan tersebut.

Dalam majlis yang sama, YB Menteri turut melancarkan Ops Tahun Baru Cina JBPM dengan disaksikan oleh dif-dif kehormat dan tetamu jemputan. YB Menteri turut meluangkan masa menyampaikan hadiah kepada para pemenang pertandingan mewarna Kelab 3K yang telah bermula pada awal pagi sebelum majlis berlangsung.



B) Kempen Keselamatan Kebakaran di Rumah Panjang Kampung Kangka

JBPM dengan kerjasama *Malaysian Fire Protection Association* (MFPA) telah mengadakan Kempen Keselamatan Kebakaran di Rumah Panjang Kampung Kangka, Lundu, Sarawak pada 6 April 2013 dan telah disempurnakan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor Haji Ibrahim, Ketua Pengarah JBPM.

Turut hadir ialah YS PKPJ Nor Hisham Mohammad, Pengarah JBPM Negeri Sarawak, Encik Danny Cheah, Presiden MFPA bersama delegasi dari Kuala Lumpur serta pegawai-pegawai kanan jabatan.

Ketibaan YAS Ketua Pengarah dan rombongan daripada MFPA telah disambut oleh Tuai Layang ak Enggot, Ketua Kaum Kampung Kangka dan penghuni rumah panjang tersebut dengan penuh adat mengikut tradisi Masyarakat Iban di Sarawak.



Dalam program tersebut, JBPM telah mengadakan pelbagai aktiviti seperti pertandingan mewarna untuk kanak-kanak; penyerahan alat pemadam api; demonstrasi penggunaan alat pemadam api; dan demonstrasi kebombaian oleh Pasukan Bomba Sukarela Sematan. Penyerahan alat pemadam api kepada empat (4) buah kampung termasuk Kampung Kangka merupakan inisiatif di bawah tanggungjawab sosial korporat (CSR) daripada syarikat-syarikat pengeluar peralatan menentang kebakaran yang merupakan ahli MFPA.

C) Pecah Tanah Balai Bomba dan Penyelamat Cheng Melaka Tengah

Majlis Pecah Tanah Pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat Cheng, Melaka telah berlangsung pada 30 April 2013 dan disempurnakan oleh YBhg. Datuk Seri Mohd Ali Mohd Rustam. Turut hadir dalam majlis tersebut adalah YAS Dato' Wan Mohd Nor Haji Ibrahim, Ketua Pengarah JBPM; YBhg. Datuk Tahir Hasan, Timbalan Pengerusi Yayasan Melaka; YBhg. Sarabuddin Kudus, Pengurus Besar Yayasan Melaka; YS PPJB Zainuddin Md Alip, Pengarah JBPM Negeri Melaka serta pegawai-pegawai kanan jabatan.

Tapak cadangan balai bomba ini adalah berkeluasan lima (5) ekar, dan hanya dua (2) ekar akan dibangunkan untuk Balai Bomba dan Penyelamat Cheng pada peringkat permulaan. Kos pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat Cheng akan ditanggung sepenuhnya oleh Pihak Yayasan Melaka dan baki tiga (3) ekar tanah berkenaan akan dibangunkan oleh pihak Yayasan Melaka untuk projek perumahan rakyat.

D) Majlis Pengoperasian Balai Bomba dan Penyelamat Semenyih

Majlis Pengoperasian Balai Bomba dan Penyelamat Semenyih telah disempurnakan pada 30 April 2013 oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor Haji Ibrahim, Ketua Pengarah JBPM. Antara tetamu yang turut hadir pada majlis tersebut ialah YBhg. Datuk Johan Abdul Aziz, ADUN Semenyih; Ketua-ketua Jabatan Persekutuan; Polis Diraja Malaysia; Majlis Perwakilan Penduduk; Pasukan Keselamatan Kebakaran; dan Pertubuhan Bukan Kerajaan di Daerah Hulu Langat.

YAS Dato' Wan Mohd Nor Haji Ibrahim dalam ucapannya telah merakamkan ucapan penghargaan kepada seluruh pegawai dan anggota JBPM kerana telah memberikan perkhidmatan yang cekap dan berkesan untuk menyelamatkan nyawa dan harta benda. Tidak ketinggalan ucapan terima kasih kepada semua penduduk di kawasan sekitar Semenyih yang telah memberikan kerjasama dalam mengamalkan budaya keselamatan kebakaran di dalam aspek kehidupan.



E) Perasmian Ibu Pejabat JBPM Negeri Perlis

Pada 21 Mei 2013, telah berlangsung Majlis Perasmian Ibu Pejabat JBPM Negeri Perlis yang telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Raja Perlis. Turut berangkat ke majlis tersebut ialah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Tengku Fauziah Almarhum Tengku Abdul Rashid, Raja Perempuan Perlis; Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis; dan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, Raja Puan Muda Perlis.



Turut hadir YAB Tuan Azlan Man, Menteri Besar Perlis; YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan; YB Datuk Halimah Mohamed Sadique, Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan; YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak, Ketua Setiausaha, KPKT; YAS Dato' Wan Mohd Nor Haji Ibrahim, Ketua Pengarah JBPM; Timbalan-timbalan Ketua Pengarah JBPM; Pegawai-pegawai Kanan KPKT dan JBPM; Ahli-Ahli Yang Berhormat; pemimpin-pemimpin masyarakat; dan orang ramai sekitar Negeri Perlis.

Majlis dimulakan dengan DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Syed Putra Jamalullail, Raja Perlis diberikan penghormatan Diraja oleh kawalan kehormatan yang diketuai oleh PgKB II Mohd Hafiz Timaradin. Seterusnya baginda menyempurnakan titah perasmian, pelancaran gimik serta menandatangani plak perasmian. Pertunjukkan kebombaanan yang dipersembahkan pada pagi tersebut adalah mengenai Operasi Penyelamatan Kemalangan Jalan Raya (RTA) dan Operasi Pemadaman Kebakaran Hutan menggunakan kaedah 'Water Bombing' dan 'Medivac' oleh Unit Udara JBPM.

Majlis pada pagi tersebut diteruskan dengan Persembahan Cenderamata kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis, Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perempuan Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perlis dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Muda Perlis. Sesi bergambar Pengurusan Tertinggi JBPM dan pegawai kanan JBPM Negeri Perlis bersama dengan DYMM Tuanku Raja Perlis, DYMM Tuanku Raja Perempuan Perlis, DYTm Raja Muda Perlis dan DYTm Raja Perempuan Muda Perlis turut diadakan. Majlis pada hari itu diakhiri dengan lawatan ke Pameran DiRaja dan Majlis Santapan Tengahari. Pasukan Kombo Bomba Malaysia telah mengiringi persembahaan kebudayaan disepanjang majlis itu diadakan.

F) Perkhemahan Kadet Bomba Peringkat Kebangsaan Kali Ke-24

Perkhemahan Kadet Bomba Peringkat Kebangsaan Kali Ke-24, JBPM telah diadakan di Taman Millenium, Ampang Pecah, Kuala Kubu Bharu, Selangor Darul Ehsan pada 17 hingga 22 Mei 2013. Penganjuran program ini adalah usahasama Kementerian Pelajaran Malaysia dengan JBPM.

Pelbagai program dan aktiviti telah diadakan di sepanjang perkhemahan tersebut antaranya ialah bacaan Surah Yassin dan tahlil; ceramah motivasi; program integrasi; lawatan ke Sepang International Circuit (SIC) dan Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Kubu Bharu; serta majlis perasmian penutupan.

Pertandingan Perkhemahan Kadet Bomba pada kali ini telah disertai oleh Peserta Kadet Bomba dan Penyelamat dari seluruh negara termasuk Sabah, Sarawak, Labuan dan Putrajaya.

Antara acara yang telah dipertandingan adalah seperti yang berikut:

- i. Kawat Kaki;
- ii. *Aspec Challenge*;
- iii. Kawat Operasi Kering Berhalangan;
- iv. Ikatan dan Simpulan;
- v. Kuiz;
- vi. *Brain and Brawn*; dan
- vii. *Cadet Challenge*.



Keputusan keseluruhan pertandingan menobatkan JBPM Negeri Sarawak sebagai johan, JBPM Negeri Selangor sebagai naib johan dan JBPM Negeri Sabah di tempat ketiga.

G) Lawatan Rasmi YB Menteri ke Ibu Pejabat JBPM

Pada 3 Jun 2013, YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengadakan lawatan rasmi ke Ibu Pejabat JBPM di Putrajaya. Turut hadir mengiringi beliau ialah YB Datuk Halimah Mohd Sadique, Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan; dan YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak, Ketua Setiausaha KPKT.

Majlis dimulakan dengan pemeriksaan perbarisan kehormat oleh YB Menteri yang diketuai oleh PgB Firdaus Khan Anuar Khan. Agenda diteruskan dengan taklimat organisasi JBPM yang disampaikan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor Haji Ibrahim, Ketua Pengarah JBPM di Bilik Mesyuarat Tanjung yang turut dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan jabatan.

Taklimat mengenai kelengkapan peralatan kebommbaan dan demonstrasi kelengkapan kebommbaan pula telah diadakan di Bay Balai Bomba dan Penyelamat Putrajaya. Selain itu, YB Menteri juga turut mengadakan sesi khas dengan Ahli Pasukan Kadet Bomba. YB Menteri juga telah menyampaikan ucap tama kepada semua pegawai-pegawai kanan serta warga JBPM di Dewan Sutera.



H) Sukan Bomba Malaysia 2013

Seramai 1,318 pegawai dan anggota Bomba dari 16 kontinjen JBPM dari seluruh Malaysia telah terlibat dalam kejohanan Sukan Bomba Malaysia (SUKBOM) 2013 yang berlangsung pada 5 hingga 10 Jun 2013 di Kuala Terengganu.

Pada kejohanan kali ini sebanyak lapan (8) acara akan dipertandingkan iaitu sepak takraw, bola tampar, bola jaring, futsal, golf dan tiga (3) acara baru diperkenalkan pada kejohanan ini iaitu lumba basikal, bina badan dan *fire band*.

Majlis Penutupan Sukan Bomba Malaysia (SUKBOM) 2013 telah berlangsung di Stadium Negeri Terengganu pada 9 Jun 2013 dan disempurnakan oleh YB Tuan Haji Rozi Mamat, Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan dan Sumber Manusia Negeri Terengganu. Upacara dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh YS TPjB Dato' Soiman Jahid, Pengerusi Biro Sukan (Majlis Sukan dan Kebajikan Anggota Bomba - MASKAB). Kontinjen Ibu Pejabat JBPM telah dinobatkan sebagai Johan Keseluruhan SUKBOM 2013.



Di akhir majlis, YAS Dato' Wan Mohd Nor Haji Ibrahim telah menyempurnakan upacara penyerahan Bendera Kejohanan kepada tuan rumah berikutnya iaitu JBPM Negeri Perak dengan simbolik penyerahan bendera.

I) Pelancaran Ops Raya dan Anti Litter Sempena Musim Perayaan

Majlis Pelancaran Ops Raya Tahun 2013 telah diadakan di Plaza Tol Sungai Besi yang disempurnakan oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 18 Julai 2013.

Antara program yang dijalankan sepanjang pelancaran tersebut ialah demonstrasi penyelamatan kemalangan jalan raya; penyerahan pelekat kenderaan *anti litter*; risalah pengurangan sisa makanan; dan sumbangan bubur lambuk kepada pengguna lebuh raya.

JBPM telah mulakan Ops Raya pada 1 hingga 18 Ogos di 16 lokasi yang berisiko serta di semua balai dari seluruh negara yang melibatkan seramai 9,100 pegawai (71 peratus pegawai bertugas) daripada 13,000 pegawai yang akan bertugas selama 24 jam secara giliran serta akan menggunakan jentera *Light Fire Rescue Tender* (LFRT), *Rapid Intervention Motorcycle* (RIM) dan *Rapid Rescue Vehicle* (RRV).



Tujuan utama pelancaran operasi tersebut ialah untuk meningkatkan kesedaran orang awam tentang bahaya kebakaran dan kemalangan jalan raya; menjalinkan persefahaman antara agensi-agensi yang terlibat dalam melaksanakan kerja mencegah dan menangani kecemasan; serta mempertingkatkan kesejahteraan masyarakat.

J) Pertandingan Kawad Kecekapan Peringkat Kebangsaan Tahun 2013

Pertandingan Kawad Kecekapan Peringkat Kebangsaan Tahun 2013 JBPM telah berlangsung di Negeri Perak selama enam (6) hari bermula pada 18 hingga 23 Ogos 2013. Sebanyak 10 acara dipertandingkan seperti yang berikut:

- i. kawad kaki;
- ii. kawad naik dan turun tangga;
- iii. kawad operasi menyelamatkan di air;
- iv. kawad operasi hantaran jauh berhalangan;
- v. kawad operasi penyelamatan kemalangan jalan raya;
- vi. *Fire Fighters' Challenge* (FFC);
- vii. sindiket perancangan dan strategi taktiko perasi (table top);
- viii. kawad operasi membentang hos (200 kaki);
- ix. kawad operasi '*Fireman Lift*'; dan
- x. *Search and Rescue Navigation* (SARNAV).

Majlis penutupan pertandingan tersebut telah disempurnakan oleh YB Dato' Saarani Mohamad, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perlindungan, Pertanian, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Perak yang mewakili YAB Menteri Besar Perak. Turut hadir ialah YAS Dato' Wan Mohd Nor Haji Ibrahim, Ketua Pengarah JBPM, YAS Dato' Haji Amer Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Penolong-penolong Ketua Pengarah, Pengarah-pengarah Bomba Negeri serta pegawai-pegawai kanan jabatan.

K) Perarakan Hari Kemerdekaan Ke-56

Sambutan Hari Kemerdekaan Peringkat Kebangsaan telah diadakan di Dataran Merdeka bertemakan Malaysiaku Berdaulat: Tanah Tumpahnya Darahku pada 31 Ogos 2013. Lebih 20,000 orang membanjiri Dataran Merdeka yang menampilkan perarakan dan perbarisan 16,375 peserta mewakili pelbagai jabatan, agensi dan pertubuhan termasuk para pelajar.



Acara bermula sejurus keberangkatan tiba Yang Di-Pertuan Agong Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku AlHaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni AlMarhum Sultan Badlishah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah Hamidun yang disambut oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abd Razak dan YBhg. Datin Sri Rosmah Mansor. Sambutan dimulakan dengan upacara menaikkan Jalur Gemilang diiringi Lagu Negaraku dan tembakan meriam 14 das oleh 41 Bateri, Rejimen Artileri Diraja, AngkatanTentera Malaysia (ATM).

Majlis sambutan diteruskan dengan segmen pertama iaitu bacaan Rukun Negara melibatkan para penuntut dari Jabatan Pendidikan dalam acara bacaan ikrar dan persembahan kontijen di padang. Manakala segmen kedua ialah Kesatuan Rakyat dan Perpaduan Sejagat melibatkan Persembahan 'flash mob' tersebar dari 500 orang pelbagai kaum. Segmen ketiga persembahan 'drumline' yang melibatkan beberapa babak penceritaan dan segmen akhir ialah persembahan Pasukan Keselamatan iaitu Angkatan Tentera Malaysia; Polis Diraja Malaysia; serta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia.

Perbarisan JBPM diketuai oleh PgKB II Mohd Hafiz Hafizal Timaradin, dengan kekekuatan anggota perbarisan seramai 400 orang. Antara unit yang terlibat sempena sambutan tersebut ialah Unit Pemadaman; Unit HAZMAT; Unit Siasatan Kebakaran; Unit *Emergency Medical Rescue Service* (EMRS); Unit Pasukan Penyelamat Dalam Air; Unit *High Rise Rescue*; *Special Tactical Operation Rescue* (STORM); Unit Udara Bomba; dan Unit Komunikasi.

L) Perasmian Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia

Majlis Perasmian Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wakaf Tapai, Terengganu telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, Sultan dan Yang Di-Pertuan, Negeri Terengganu Darul Iman serta jajahan takluknya pada 24 September 2013.

Turut berangkat ke majlis tersebut ialah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Nur Zahirah, Sultanah Terengganu. Turut hadir ialah YAB Dato' Seri Haji Ahmad Said, Menteri Besar Terengganu Darul Iman dan isteri, YAB To' Puan Seri Hajah Norliza Mahmud; YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan; YB Dato' Hj. Mazlan Ngah, Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu dan isteri, YBhg. To' Puan Hajah Rohani Abdullah; YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak, Ketua Setiausaha KPKT;



YAS Dato' Wan Mohd Nor Haji Ibrahim, Ketua Pengarah JBPM; YAS Dato' Mahadi Md. Ali, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Penolong-penolong Ketua Pengarah Bahagian, Pengarah-pengarah Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, pemimpin masyarakat dan orang awam di sekitar Negeri Terengganu.

Majlis dimulakan dengan pemeriksaan kawalan kehormatan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, Sultan dan Yang Di-Pertuan, Negeri Terengganu Darul Iman. Seterusnya baginda telah menyempurnakan titah perasmian Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wakaf Tapai, Terengganu dengan menekan butang perasmian. gimik serta menandatangani plak perasmian.

M) Konvensyen Pasukan Bomba Sukarela dan Program Bomba Bersama Masyarakat Zon Tengah

Pada 6 Oktober 2013, bertempat di Perkarangan Stadium Shah Alam, Selangor, telah berlangsung Majlis Perasmian Konvensyen Pasukan Bomba Sukarela dan Program Bomba Bersama Masyarakat Zon Tengah yang disempurnakan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor Haji Ibrahim, Ketua Pengarah JBPM pada 5 hingga 6 Oktober 2013.

Konvensyen ini telah disertai oleh empat (4) buah negeri iaitu JBPM Negeri Selangor, JBPM Kuala Lumpur, JBPM Negeri Perak dan JBPM Negeri Sembilan. Antara program yang dijalankan ialah pameran kebombaian; pertandingan mewarna; *fire fighters junior*; kuiz kebombaian; pertandingan kawad kecekapan Pasukan Bomba Sukarela; pertandingan kawad kecekapan agensi swasta; dan demonstrasi pasukan Khas Unit HAZMAT.



N) Majlis Tamat Latihan Pegawai Bomba Gred KB 17 Siri 1/2013

Majlis Tamat Latihan Pegawai Bomba Gred KB 17 Siri 1/2013 telah berlangsung pada 7 Oktober 2013 dan disempurnakan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor Haji Ibrahim, Ketua Pengarah JBPM di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Wakaf Tapai, Marang, Terengganu.

Majlis tamat latihan pada kali ini telah disertai oleh seramai 274 orang yang terdiri daripada 270 orang Pegawai bomba Gred KB 17, tiga (3) orang Pegawai Bomba Johor Port dan seorang Pegawai Bomba, Sarawak Shell. Majlis tamat latihan ini merupakan acara tradisi dan kemuncak bagi pelatih-pelatih Kursus Sijil Sains Kebombaian yang diadakan sebagai tanda berakhirnya kursus dan persediaan pelatih-pelatih untuk menghadapi alam pekerjaan yang sebenar.



Sepanjang tempoh kursus yang dilalui, setiap pegawai telah didedahkan dengan ilmu dan kemahiran kebombaian meliputi aspek teori dan praktikal seperti operasi kebombaian dan penyelamatan; pengurusan kebombaian; penyiasatan kebakaran dan undang-undang kebombaian; penggunaan alat pernafasan (mandatori); mencari dan menyelamatkan; keselamatan kebakaran; dan kejuruteraan kebombaian. Bagi setiap modul yang dilalui oleh semua pelatih ini akan dinilai dan ditentukan melalui peperiksaan teori dan praktikal.

Pada kali ini, Anugerah Pelatih Terbaik Teori dianugerahkan kepada PB Nor Zubaidah Hamid; Anugerah Pelatih Praktikal Terbaik dianugerahkan kepada PB Yusuf Mohamad dan Anugerah Pelatih Keseluruhan Terbaik dianugerahkan kepada PB Muhamad Shafziran Abu Bakar.

O) SUKEP 2013

Pertandingan Sukan Empat Penjuru (SUKEP) yang melibatkan empat (4) agensi utama iaitu JBPM: Angkatan Tentera Malaysia (ATM); Polis Diraja Malaysia (PDRM); dan Pegawai-Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) telah diadakan pada 14 Oktober hingga 5 November 2013. Antara sukan dipertandingkan ialah bola sepak, badminton, bola tampar, boling dan golf.

Majlis Penutupan SUKEP 2013 telah disempurnakan oleh YBhg. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam di Institut Penilaian Negara (INSPEN), Bangi, Selangor. JBPM menjadi johan dalam pertandingan bola tampar.



P) Sambutan Hari Inovasi JBPM 2013

Sambutan Hari Inovasi 2013 JBPM telah diadakan di KSL Hotel and Resort, Johor Bahru pada 24 hingga 27 November 2013 dan telah disempurnakan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor Haji Ibrahim, Ketua Pengarah JBPM.

Sepanjang sambutan berlangsung, pelbagai program dan aktiviti dijalankan antaranya ialah Konvensyen Kumpulan Kreatif dan Inovatif, Pertandingan Inovasi, Pertandingan Debat, Pertandingan 'Fire Chef' serta Pameran Inovasi dan Keselamatan Kebakaran. Keputusan pertandingan adalah seperti dalam Jadual 56.



Jadual 56 Keputusan Pertandingan / Pemenang Inovasi JBPM 2013

BIL.	PROGRAM / AKTIVITI	PEMENANG
1	Fire Chef Bomba D' Dapur	Johan: JBPM Kuala Lumpur Naib johan: JBPM Negeri Terengganu Tempat ketiga: JBPM Negeri Selangor
2	Debat	Johan: JBPM Negeri Perlis Naib johan: JBPM Negeri Sarawak Tempat ketiga: JBPM Negeri Pahang
3	Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)	Johan: JBPM Negeri Sembilan Naib johan: JBPM Negeri Selangor Tempat ketiga: JBPM Negeri Pahang
4	Inovasi	Johan: JBPM Negeri Pulau Pinang Naib johan: JBPM Negeri Perlis Tempat ketiga: JBPM Kuala Lumpur
5	Pertandingan Kawad Kecekapan	Piala Pusingan: JBPM Negeri Selangor
6	Pertandingan Debat	Piala Pusingan: JBPM Negeri Perlis
7	Pengurusan Terbaik	Piala Pusingan: JBPM Negeri Selangor
8	Balai Cemerlang Kategori C	Piala Pusingan: Balai Bomba dan Penyelamat Sipitang, JBPM Negeri Sabah
9	Balai Cemerlang Kategori A / B	Piala Pusingan: Balai Bomba dan Penyelamat Kerteh, JBPM Negeri Terengganu
10	Anugerah Organisasi Berprestasi Tinggi	Piala Pusingan: JBPM Negeri Selangor

Q) Konvensyen Pasukan Bomba Sukarela Wilayah Timur dan Wilayah Selatan

Konvensyen Pasukan Bomba Sukarela Wilayah Timur dan Wilayah Selatan telah berlangsung pada 5 hingga 7 Disember 2013 dan majlis perasmian konvensyen telah disempurnakan oleh YAS Ketua Pengarah JBPM pada 6 Disember 2013 di Dewan Konvensyen, Taman Tamadun Islam, Kuala Terengganu.

Semasa majlis perasmian tersebut, YAS Ketua Pengarah telah menyampaikan cenderahati, *pendant* dan sijil penghargaan kepada semua Pasukan Bomba Sukarela dan Pasukan Keselamatan Kebakaran yang telah mengambil bahagian.

Konvensyen ini telah disertai oleh 37 Pasukan Bomba Sukarela (PBS) dan Pasukan Keselamatan Kebakaran dari Negeri Terengganu (15 pasukan); Kelantan (lima [5] pasukan); Pahang (lima [5] pasukan); Johor (lapan [8] pasukan); dan Melaka (empat [4] pasukan).

Seramai 252 orang ahli PBS telah menyertai pelbagai pertandingan yang telah dijalankan seperti Pertandingan Kawad Hos Berpasukan (Basah); Kawad Hos Berpasukan (Kering); Kawad Hantaran Jauh 1000 Kaki; dan Kawad Hos Perseorangan Wanita dan Lelaki. Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YS PPJB Md. Salleh Sarbini, Pengarah JBPM Negeri Terengganu pada 7 Disember 2013.



PROGRAM / AKTIVITI BERKAITAN NKEA / NKRA

Membina Semula Rumah Terbakar (*House Build*)

Salah satu program di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan ke-7 (NBOS 7) yang dipertanggungjawabkan kepada KPKT ialah pembinaan semula di tapak asal rumah yang musnah dalam kebakaran dan rumah untuk golongan miskin yang mana kerja-kerja pembinaan dilaksanakan oleh JBPM.

Pelaksanaan program di bawah inisiatif NBOS ini adalah bergantung kepada peruntukan daripada pelbagai pihak, termasuk sektor awam dan swasta. Program ini adalah sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR) JBPM dan dijalankan dengan kerjasama pelbagai pihak, yang bertujuan membantu mangsa kebakaran dan mereka yang kurang bernasib baik untuk memiliki rumah.

Program *House Build* telah dimulakan pada tahun 2012 dan diteruskan pada tahun 2013. Pencapaian inisiatif ini bagi tahun 2013 adalah seperti dalam Jadual 57.

Jadual 57 Program *House Build* tahun 2013

KATEGORI	NAMA PENERIMA DAN ALAMAT	SUMBER PERUNTUKAN	TEMPOH PEMBINAAN	TARIKH SIAP
Rumah Terbakar	Puan Fatimah Bolo No. 657, Lorong 3A, Kg. Jeriah Abang Ramli Batu 7 ½, 96000 Sibul, Sarawak	Agensi Swasta, Baitulmal Sarawak dan Tabung Amanah <i>House Build</i> KPKT	4 minggu	28 Feb 2013
Rumah Terbakar	Encik Ismail Ropen No.524, Kampung Buntal Ulu, Kampung Buntal, 93050 Kuching, Sarawak	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW)	4 minggu	15 Sept 2013
Rumah Terbakar	Encik Gilbert Tessensohn No 177 Kg. Paya Salak, Jalan Bukit Berlian, Paya Rumpit, Melaka	Tabung Amanah <i>House Build</i> KPKT	4 minggu	28 Feb 2013
Rumah Terbakar	Encik Andrew Chua Kong Hiaw No. 178 Lot 432, Jln Ayer Salak Kg. Baru, Ayer Salak, Melaka	KKLW	4 minggu	2 Okt 2013
Rumah Terbakar	Puan Sarmiti@Sarmi Mat@Madi No. 154, Parit Nipah Darat, Parit Raja, Batu Pahat, Johor	Tenaga Nasional Berhad	5 minggu	27 Mac 2013
Rumah Terbakar	Puan Siti Sariah Samut No. 89, Kampung Padang Lalang, Kampung Jawa, Segamat, Johor	KKLW	8 minggu	4 Nov 2013
Rumah Terbakar	Encik Sulaiman Yahya No.79, Lorong Kacip 1, Kampung Potong Pinang, Pokok Assam, Taiping, Perak	Majlis Agama Islam Perak (MAIPK)	3 minggu	12 April 2013
Rumah Terbakar	Puan Maryam Sedek Lot 2117, Jalan Masjid Kampung Baru Batu 16, 36300 Sungai Sumun, Bagan Datoh, Perak	KKLW	4 minggu	30 Sept 2013
Rumah Miskin	Encik Jaudin Sawakup Kg. Kopunadan Peti Surat 317, Matunggong 89058 Kudat, Sabah	KKLW	7 minggu	1 April 2013
Rumah Terbakar	Puan Noripah Pakar Kg. Kelanahan Rimba, 89600 Papar, Sabah	MAIPK	9 minggu	20 Okt 2013
Rumah Terbakar	Encik Ramlee Jusoh Lot PT 3873 Taman Tasik Kampung Nail, Kuala Besut, Terengganu	KKLW	10 hari	23 Jul 2013

KATEGORI	NAMA PENERIMA DAN ALAMAT	SUMBER PERUNTUKAN	TEMPOH PEMBINAAN	TARIKH SIAP
Rumah Miskin	Puan Azizah Omar Lot 4988, Paya Berenjut, 24000, Kemaman, Terengganu	KKLW	8 minggu	15 Sept 2013
Rumah Terbakar	Puan Napsiah Kasim No.2 Jalan Ulu Gadong 1, Kg. Ulu Gadong, Kota, Negeri Sembilan	KKLW	3 minggu	31 Jul 2013
Rumah Terbakar	Puan Hasenah Mahmud Kampung Belukar, Belakang Sekolah Menengah Kebangsaan Changlun, Kedah	KKLW	9 minggu	15Sept 2013
Rumah Miskin	Puan Noorazrina Darus Batu 8 ¼ Jalan Kaki Bukit, Kangar, Perlis	Tabung PPRT Terengganu	7 minggu	3 Sept 2013
Rumah Terbakar	Encik Suhaili Hj. Matali Kg. Kilan Pulau Akar Wilayah Persekutuan Labuan	KKLW	9 minggu	30 Sept 2013
Rumah Terbakar	Puan Roslindah Othman Kampung Baru Gunung Senyum, Kuala Krau, Temerloh, Pahang	KKLW	5 minggu	14 Okt 2013
Rumah Terbakar	Encik Abdul Hassan Che Harun Lot 1304 Kg. Lubok Stoi, Rantau Panjang, Kelantan	KKLW	8 minggu	12 Nov 2013
Rumah Terbakar	Encik Wan Mohd Hamdan Wan Zain Batu 6, Kampung Cita Jaya, Jalan Jedok, Tanah Merah, Kelantan	KKLW	8 minggu	12 Nov 2013
Rumah Terbakar	Encik Salleh Yusof Jalan Parit 4, Ban 3, Sekincan, Selangor	KKLW	9 minggu	15 Sept 2013



PROGRAM LATIHAN KPKT



INSTITUT LATIHAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN



LATAR BELAKANG

Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 13 Jun 2007 telah mengambil maklum akan keperluan penubuhan institut latihan untuk melatih penjawat awam pihak berkuasa tempatan (PBT) yang dianggarkan berjumlah lebih 60,000 orang dalam semua bidang tugas yang berkaitan dengan pentadbiran dan pengurusan PBT. Ini termasuk inisiatif-inisiatif baharu bagi menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan awam PBT seperti penubuhan Pusat Setempat (OSC) dan Pesuruhjaya Bangunan (COB) serta meningkatkan kecekapan pelaksanaan fungsi-fungsi sedia ada PBT iaitu berkaitan Perancangan Bandar dan Urbanisasi, Perumahan, Kerajaan Tempatan, Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Landskap dan Penguatkuasaan Undang-Undang.

Lanjutan daripada mesyuarat tersebut, melalui kelulusan Waran Perjawatan Bil. S146 Tahun 2007 bertarikh 10 Ogos 2007, Pasukan *Core-Team* institut telah ditubuhkan mengandungi 10 perjawatan. Pasukan tersebut diberi tanggungjawab membuat persiapan awal bagi menubuhkan sebuah institut seperti penyediaan bajet, memberi input reka bentuk kampus serta membangunkan modul-modul kursus/latihan.

Pada 3 Oktober 2011, Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan (ILPKT) telah beroperasi sepenuhnya di kampus tetapnya di Berjaya Hills, Bukit Tinggi, Pahang. Kampus tersebut mengandungi tujuh (7) blok bangunan dilengkapi pelbagai prasarana. Untuk mengukuhkan lagi pengoperasian ILPKT, sebanyak 29 perjawatan telah diluluskan pada 22 November 2011 daripada pelbagai skim perjawatan.



Penjenamaan semula nama ILPKT kepada Institut Latihan kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (I-KPKT) adalah selaras dengan pengumuman oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 15 Mei 2013 yang mana fungsi baharu 'Kesejahteraan Bandar' dimasukkan ke dalam fungsi asal KPKT bagi memperkukuh dan memperluas fungsi Kementerian.

Objektif I-KPKT

- i. Melaksanakan latihan dalam semua aspek berkaitan Kerajaan Tempatan, perancangan dan petempatan manusia kepada anggota PBT
- ii. Mewujudkan pusat rujukan yang responsif bagi menangani isu-isu yang berkaitan dengan PBT
- iii. Menyediakan khidmat nasihat kepada PBT dari segi teknologi, bahan / produk, projek untuk pelaksanaan oleh Pihak Berkuasa Tempatan bagi jangka masa panjang

Fungsi I-KPKT

- i. Melaksanakan latihan mengenai penempatan manusia, persekitaran dan kualiti hidup, perancangan dan pengurusan bandar serta perkhidmatan perbandaran melalui kajian ke atas demografi, migrasi, sosio budaya, ekonomi, pembangunan teknologi, pengurusan, perubahan teknologi dan perkembangan semasa pentadbiran Negara;
- ii. Menyediakan kertas-kertas makluman untuk dibentangkan di peringkat kebangsaan dan persidangan antarabangsa dalam menangani isu-isu berkaitan perumahan dan kerajaan tempatan;
- iii. Membantu mengenalpasti isu dan masalah semasa dalam konteks perbandaran negara dan seterusnya memperakukan kaedah perancangan dan cadangan dasar;
- iv. Menawarkan khidmat nasihat dan pakar runding bagi penggubalan dasar, perancangan dan strategi pelaksanaan program dan aktiviti dalam sektor berkaitan;
- v. Melaksanakan program latihan kepada semua peringkat personel dalam sektor berkaitan bagi meningkatkan pengetahuan, kemahiran teknikal dan pentadbiran;
- vi. Menganjurkan persidangan, seminar dan bengkel berkaitan perumahan dan kerajaan tempatan di peringkat tempatan dan antarabangsa;
- vii. Menyalurkan maklumat terkini berhubung dengan perubahan dasar dari semasa ke semasa;
- viii. Menggubal kurikulum, merancang, melaksana, menyediakan garis panduan pelaksanaan kursus dan laporan penilaian kursus yang berkaitan



PENCAPAIAN

Bagi tahun 2013, sebanyak 121 program latihan telah dianjurkan di I-KPKT yang melibatkan 4,958 peserta kursus. Kursus tersebut terdiri daripada:

- i. 46 kursus dalaman melibatkan 1,585 peserta kursus anjuran empat Pusat Pengajian (PP) iaitu PP Kerajaan Tempatan, PP Pengurusan Perumahan, PP Pengurusan Landskap dan PP Perancangan Bandar dan Urbanisasi;
- ii. 37 kursus melibatkan 1,782 peserta kursus anjuran Jabatan / Bahagian / Unit di bawah KPKT; dan
- iii. 38 kursus melibatkan 1,591 peserta kursus agensi luar.



ISU DAN PENYELESAIAN

Isu-isu yang dihadapi oleh pengurusan I-KPKT adalah seperti yang berikut:

- i. Pengisian waran perjawatan;
- ii. Prestasi penyedia perkhidmatan yang agak tidak memberansangkan dan tidak konsisten. Hasil perbincangan mendapati bahawa faktor lokasi merupakan faktor utama yang mengekang penyedia perkhidmatan menyediakan perkhidmatan yang sempurna; dan
- iii. Tiada kemudahan sokongan bagi warga I-KPKT (kuarters, kafetaria, mesin ATM, koperasi).

Sebagai penyelesaian kepada isu-isu ini, warga I-KPKT tetap berusaha sebaik mungkin untuk memastikan pengurusan dan pengoperasian I-KPKT berjalan dengan lancar dan dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada semua pelanggan I-KPKT. Penggunaan sumber yang optimum telah diterapkan dalam strategi ini. *'The spirit of one'* menjadi pegangan warga I-KPKT dan sentiasa memastikan semangat bekerja dalam satu pasukan dengan membantu antara satu sama lain, memantapkan komunikasi, bertoleransi dan memupuk semangat setiakawan.

Selain itu, sebagai strategi baharu, I-KPKT bercadang untuk menjadikan I-KPKT sebagai Pusat Tanggungjawab (PTJ) berkuatkuasa 1 Februari 2014. Persetujuan ini dibuat bagi memantapkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan I-KPKT yang selaras dengan prinsip *'Let's Manager Manage'* supaya institut ini lebih berdikari dalam urusan pentadbiran.

PROGRAM KHIDMAT SOKONGAN



BAHAGIAN UNDANG-UNDANG

LATAR BELAKANG

Bahagian Undang-undang diketuai oleh Tuan Iskandar Ali Dewa. Objektif bahagian ini adalah untuk memberi nasihat perundangan yang berkualiti, profesional dan selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang Malaysia kepada Kementerian, jabatan dan agensi-agensi di bawahnya. Secara ringkasnya, peranan dan tugas Bahagian ini adalah seperti yang berikut:

- i. Memberi nasihat undang-undang yang berkualiti selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang serta mengambil kira dasar Kerajaan, Kementerian dan kepentingan awam;
- ii. Mengubal dan menyemak semua perundangan dan dokumen perundangan dan mengikut keperluan pelanggan selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang Malaysia kepada Kementerian, Jabatan dan agensi-agensi di bawahnya; dan
- iii. Mengendali kes-kes pendakwaan di bawah bidang kuasa Kementerian dengan adil dan saksama menurut Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang di bawah bidang kuasa Kementerian dengan mengambil kira kepentingan awam dan negara.

Bahagian ini terdiri daripada tiga (3) unit iaitu Unit Pendakwaan dan Guaman; Unit Nasihat dan Gubalan; dan Unit Pentadbiran dan Khidmat Sokongan.

PENCAPAIAN

A) Khidmat Nasihat Perundangan

Sebanyak 345 nasihat perundangan yang telah disediakan oleh Bahagian ini kepada Kementerian dan agensi di bawahnya. Antara pandangan undang-undang utama yang telah diberikan oleh Bahagian ini adalah seperti berikut :

- i. Pandangan undang-undang berkenaan Draf Garis Panduan Perancangan Pembangunan Fizikal Pulau-Pulau dan Taman Laut;
- ii. Pandangan undang-undang berkenaan Draf Garis Panduan Perancangan Kawasan Perdagangan;
- iii. Pandangan undang-undang berkenaan Pembayaran Caj Penyelenggaraan dan Pengurusan Sewaktu Pemilikan Kosong, Blok C, Taman Perwira;
- iv. Pandangan undang-undang berhubung Cadangan Mengisytiharkan Pemaju Perumahan Tanpa Lesen Sebagai Projek Perumahan Terbengkalai;
- v. Pandangan undang-undang berhubung Projek Pembangunan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari di Bukit Tagar Hulu Selangor, Selangor dan Cadangan Pengambilalihan Operator bagi Menguruskan *Leachate Treatment Plant* serta Stesen Pemindahan Sisa Pepejal di Taman Beringin, Kuala Lumpur; dan
- vi. Pandangan undang-undang berhubung Cadangan Perancangan Pelaksanaan Projek-Projek Pembinaan Fasiliti Pengurusan Sisa Pepejal.

B) Menyemak/ Menyediakan/ Menggubal Draf Perjanjian/Memorandum Persefahaman

Sebanyak 190 perjanjian yang telah disemak/ disediakan/digubal oleh Bahagian ini. Antara perjanjian utama yang disemak atau digubal adalah seperti yang berikut:

- i. Perjanjian Usahasama di antara Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Pembinaan Kery Sdn. Bhd. berhubung Pembangunan Program Perumahan Rakyat Kepong;
- ii. Perjanjian Pengurusan Tapak Pelupusan Sanitari Bukit Tagar, Selangor Darul Ehsan;
- iii. Draf Dokumen Kontrak Mereka Bentuk, Membina dan Menyiapkan 500 Unit Rumah Teres Satu (1) Tingkat dan Kerja-Kerja yang Berkaitan dengannya bagi Program Perumahan Rakyat (PPR-Dimiliki) di Lambir, Miri, Sarawak;
- iv. Draf Perjanjian Tambahan bagi Mereka Bentuk, Membina, Menyiapkan 1,170 Unit Rumah Pangsa dan Kerja-Kerja Berkaitan bagi Program Perumahan Rakyat (PPR-Disewa) di atas Tanah Kerajaan PTB 72264, Sungai Melana, Skudai Kiri, Mukim Pulau, Johor Bahru, Johor;
- v. Draf perjanjian bagi Perkhidmatan Pembangunan Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS) Fasa 4 Bagi JPBD, KPKT; dan
- vi. Draf perjanjian Membekal, Memasang, Menguji dan Mentauliah Peralatan dan Perisian ICT *Server Consolidation and Virtualization* untuk KPKT.

C) Undang-Undang Utama/Perundangan Subsidiari Yang Digubal/Disemak/ Dipinda

Sebanyak 29 undang-undang utama atau perundangan subsidiari yang digubal/disemak/dipinda sepanjang tahun 2013. Antara undang-undang utama atau perundangan subsidiari yang telah digubal/disemak/ dipinda oleh Bahagian ini adalah seperti yang berikut:

- i. Draf Rang Undang-Undang Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2013 - Penambahbaikan Jadual Cadangan Pindaan Akta 172;
- ii. Pindaan Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) (Pindaan) 2013;
- iii. Pindaan Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Akaun Pemajuan Perumahan) (Pindaan) 2013;
- iv. Draf Undang-Undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian;
- v. Draf Undang-Undang Kecil Spa;
- vi. Draf Undang-Undang Kecil (UUK) Pusat Siber; dan
- vii. Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Bomba Bantuan) 2013.

Selain itu, terdapat Akta yang telah diluluskan oleh Parlimen pada tahun 2013 iaitu Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757]. Akta 757 digubal bagi tujuan menambah baik pengawalseliaan hal penyenggaraan dan pengurusan bangunan dan harta bersama yang pada masa ini diperuntukkan di bawah dua (2) undang-undang yang berbeza iaitu Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 [Akta 663] dan Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318]. Apabila Akta 757 dikuatkuasakan kelak, Akta 663 akan termansuh. Akta 757 dijangka akan dikuatkuasakan pada pertengahan tahun 2014 bersekali dengan Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) (Pindaan) 2012 [A1415] dan Akta Hakmilik Strata (Pindaan) 2013 [A1450].

D) Penelitian Kertas Siasatan

Sepanjang tahun 2013, sebanyak 55 Kertas Siasatan telah diteliti dan diberi izin pendakwaan di bawah Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 (Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 (Akta 81) dan Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Akta 400).

E) Pendakwaan Kes

Sebanyak 23 kes pendakwaan dibawa ke mahkamah sepanjang tahun 2013 bagi kesalahan yang dituduh di bawah Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 (Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 (Akta 81) dan Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Akta 400).

BAHAGIAN DASAR

LATAR BELAKANG

Bahagian Dasar diketuai oleh YBrs Dr. Aizi Razman Ismail. Misi Bahagian ini adalah untuk bertindak sebagai *'think tank'* dan *'strategic integrator'* bagi memastikan dasar/program/projek dirancang dan digubal secara bersepadu dan berkesan untuk membangun persekitaran hidup dan penempatan manusia yang berkualiti dan mapan.

Bahagian ini dipertanggungjawabkan untuk mencorak dan menentukan hala tuju Kementerian selaras dengan kehendak dan perubahan dasar serta program Kerajaan sejajar dengan perubahan persekitaran global yang kian mencabar. Peranan ini menjadi bertambah penting untuk memenuhi tuntutan dan hala tuju baru kepimpinan negara melalui pengenalan pelbagai inisiatif baru kerajaan seperti konsep Gagasan 1Malaysia, Program Transformasi Kerajaan (GTP), Model Baru Ekonomi (MBE), Program Transformasi Ekonomi (ETP), dan Program Transformasi Politik.

Di samping itu, sejajar dengan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10), Bahagian Dasar meneruskan peranan sebagai penasihat, penyelar strategik dan pakar rujuk bagi membantu Pengurusan Atasan KPKT serta agensi-agensi di bawahnya bagi melaksanakan program dan aktiviti pembangunan lima (5) tahun masing-masing. Tanggungjawab ini sangat penting dalam memastikan segala perancangan dasar dan program RMK-10 di peringkat Kementerian dilaksana, dipantau dan dinilai untuk mencapai impak dan keberhasilan yang disasarkan untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat.

Peranan dan tanggungjawab utama Bahagian ini adalah seperti yang berikut:

- i. Menerajui perancangan dan penggubalan dasar-dasar baru berhubung dengan *'core business'* Kementerian;
- ii. Menilai keberkesanan pelaksanaan dasar dan peraturan selaras dengan hala tuju Kementerian;
- iii. Menambah baik secara berterusan dasar dan peraturan sedia ada berasaskan kepada amalan terbaik melalui penanda-arasan; dan
- iv. Memberi khidmat nasihat dan perundingan dalam aspek perancangan dan penggubalan dasar-dasar berhubung dengan *'core business'* Kementerian.

Bahagian Dasar KPKT juga merupakan sebagai *'strategic integrator'* dalam mengukuhkan jalinan kerjasama dengan Kementerian dan agensi Kerajaan yang lain bagi meningkatkan perkongsian strategik dalam membina perancangan dasar pembangunan yang saling memerlukan untuk mencapai matlamat pembangunan negara.

PENCAPAIAN

A) Mengurusetiakan Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan KPKT 2013

Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan (JPP) KPKT merupakan platform yang amat penting bagi setiap jabatan dan bahagian di KPKT bagi membentangkan dan mendapatkan kelulusan daripada Pengurusan Atasan berkaitan cadangan, penyelarasan pelaksanaan program, kajian dan dasar baharu atau sedia ada secara kesuruhan. Mesyuarat JPP KPKT telah bermesyuarat sebanyak (8) kali dan sebanyak 42 kertas Pertimbangan telah dibentangkan di sepanjang tahun 2013.

B) Mengurusetiakan Mesyuarat Perancangan Strategik KPKT 2013-2015

Dalam memastikan setiap program, aktiviti dan projek yang dilaksanakan di KPKT dirangka dan dipantau dengan berkesan, Bahagian Dasar sebagai Urus Setia Mesyuarat Perancangan Strategik KPKT 2013-2015 telah menganjurkan aktiviti tahunan ini pada 4 hingga 6 Disember 2013 di Dewan Kristal, KPKT dengan memastikan mesyuarat ini berjalan dengan lancar dan memberikan impak yang berkesan untuk perancangan tahun 2014.

C) Menubuhkan Pasukan Petugas Khas Mengenai Pelaksanaan Cadangan Makmal Pembangunan Hartanah

Makmal Pembangunan Hartanah (MPH) adalah di bawah penyelarasan Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) bagi tujuan mempercepatkan proses kelulusan pembangunan hartanah. Makmal ini telah memperakukan sebanyak 22 buah inisiatif yang telah dipertanggungjawabkan kepada KPKT.

Bagi melaksanakan inisiatif-inisiatif tersebut, Pasukan Petugas Khas (PPK) telah ditubuhkan pada 22 Disember 2010 dengan keahlian daripada pelbagai agensi Kerajaan Swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pertubuhan badan-badan profesional seperti Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA), pertubuhan Akitek Malaysia (PAM), Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) dan Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP) yang merupakan penggiat industri pembangunan hartanah.

Keanggotaan PPK juga melibatkan jabatan/agensi KPKT seperti Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) yang bertanggungjawab dalam melaksanakan 10 inisiatif MPH dan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD) yang bertanggungjawab dalam melaksanakan lima (5) inisiatif. Selain itu, kementerian, jabatan dan agensi kerajaan yang terlibat adalah seperti Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE); Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTHHA); Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR); Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS); dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Sepanjang tahun 2013, PPK hanya bermesyuarat sekali setelah mengambilkira jumlah inisiatif yang telah belum diselesaikan pada tahun tersebut adalah sebanyak tujuh (7) inisiatif sahaja. Mesyuarat PPK dipengerusikan sendiri oleh Ketua Setiausaha, KPKT bertujuan untuk memantau dan menyelaraskan pelaksanaan inisiatif-inisiatif MPH dan seterusnya mengemukakan laporan kepada Jemaah Menteri melalui PEMANDU.

Sehingga Disember 2013, sebanyak 18 daripada 22 inisiatif MPH telah berjaya dilaksanakan manakala baki tiga (3) inisiatif telah mencapai 85 peratus tahap kesempurnaan dan satu (1) inisiatif telah digugurkan setelah mengambilkira kos yang tinggi bagi pelaksanaan inisiatif tersebut.

D) Penghasilan Dokumen Pelan Strategik KPKT 2013-2015

Pada awal tahun 2013, Bahagian Dasar telah selesai di peringkat akhir penghasilan Pelan Strategik Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan 2013-2015 (PS KPKT 2013-2015). Dokumen ini bertujuan membentuk hala tuju yang lebih strategik serta budaya kerja yang cemerlang di KPKT bagi memenuhi ekspektasi pihak berkepentingan dan pelanggan utama KPKT di samping menjadikan KPKT terus relevan dengan cabaran semasa dan yang akan datang.

E) Unit Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera KPKT

Mulai akhir Disember 2013 juga, Bahagian Dasar telah dipertanggungjawabkan untuk menyelaraskan inisiatif Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera peringkat KPKT berdasarkan Surat Pekeliling Am Bil. 5 Tahun 2013.

BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PELAKSANAAN PROJEK_____



LATAR BELAKANG

Bahagian Perancangan Dasar dan Pembangunan telah ditubuhkan selaras dengan kehendak Pekeliling Am Bil.2 Tahun 1982. Bahagian ini kemudiannya telah disusun semula dalam pertengahan tahun 2003 dan dinamakan sebagai Bahagian Pembangunan. Ia diletakkan di bawah pengawasan terus Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) dan bertanggungjawab ke atas strategi serta program-program pembangunan KPKT.

Pada tahun 2007 Bahagian Pembangunan telah digabungkan dengan Bahagian Pelaksanaan dan Penyelenggaraan Projek (PIMD) dan diberi nama baru sebagai Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek (BPPP), diletakkan di bawah pengawasan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan).

BPPP yang diketuai oleh Tuan Haji Abu Bakar Johar telah bertanggungjawab dengan peranan dan fungsi utama seperti yang berikut;

- i. Menyelaras bajet pembangunan bagi projek-projek pembangunan KPKT ;
- ii. Menyelaras pelaksanaan dan penyelenggaraan projek-projek pembangunan KPKT ;
- iii. Menyelaras pemantauan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan KPKT ; dan
- iv. Menyelaras penilaian program/projek pembangunan KPKT.

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

Jawatankuasa Kerja Penilaian *Outcome* (JKPO) Dan Anugerah Kementerian Berprestasi Tinggi Tahun

Melalui Jawatankuasa Kerja Penilaian *Outcome* (JKPO) tahun 2013 oleh pihak Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU,JPM) yang telah diadakan pada 30 Julai 2013, KPKT berjaya memperolehi *Significantly Exceed Target* (ST) iaitu 82.72 peratus bagi markah pencapaian kertas manakala *Exceed Target* (ET) iaitu sebanyak 81.83 peratus bagi markah pencapaian *outcome*.

Di samping itu, KPKT juga turut memperolehi dua anugerah bagi Anugerah Kementerian Berprestasi Tinggi Tahun 2013 iaitu pencapaian Tempat Kedua di dalam kategori Sistem Pemantauan Projek II (SPP II) dan Finalis bagi Kategori Lawatan Turun Padang.

PENCAPAIAN

A) Projek di bawah RMKe-10 Rancangan Boleh Pinda (*Rolling Plan*) Ketiga

Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) yang dilaksanakan dari tahun 2011 hingga 2015 menyaksikan transformasi dan perubahan lebih dinamik dengan tumpuan bukan sahaja kepada memulihkan ekonomi, malahan juga usaha kerajaan untuk memajukan dan memakmurkan Negara secara berterusan. Model baru pembangunan berasaskan pendekatan Rancangan Boleh Pinda (*Rolling Plan*) adalah bagi membolehkan kerajaan bertindak lebih cekap dan tepat untuk berdepan dengan iklim ekonomi global yang sering berubah dan tidak menentu.

Sehingga 31 Disember 2013, dalam RMKe-10 *Rolling Plan* Ketiga, KPKT menerima peruntukan siling sebanyak RM2,487,404,601.00 dengan peruntukan tahun 2013 sebanyak RM1,242,834,280.00 bagi membiayai 195 projek.

Secara keseluruhannya, KPKT telah membelanjakan sebanyak 96.49 peratus daripada jumlah peruntukan tahunan bersamaan RM1,199,161,990.84. Berdasarkan kepada peruntukan tersebut, sebanyak 42 projek telah berjaya dilaksanakan serta siap sepenuhnya sepanjang tahun 2013 dan sebanyak 153 projek sedang dalam pelaksanaan. Perincian bilangan projek tersebut mengikut jabatan/bahagian adalah seperti dalam Jadual 58.



Jadual 58 Bilangan dan Status Pelaksanaan Projek-Projek Pembangunan RP3 RMKe-10 Mengikut Jabatan/bahagian

JABATAN / BAHAGIAN	BILANGAN PROJEK RP3 RMKE-10		
	Dalam Pelaksanaan	Siap Sepenuhnya	Jumlah
Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT)	29	1	30
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN)	35	4	39
Jabatan Perumahan Negara (JPN)	20	12	32
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD)	11	9	20
Jabatan Landskap Negara (JLN)	18	6	24
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)	33	10	43
Bahagian Kesejahteraan Bandar (BKB)	7	0	7
JUMLAH	153	42	195

B) Lawatan Turun Padang

Mesyuarat Majlis Tindakan Negara Bilangan 2/2009 pada 29 Oktober 2009 telah memutuskan agar YB Menteri untuk turun padang bagi melawat sekurang-kurangnya satu (1) projek setiap bulan manakala Ketua Setiausaha sekurang-kurangnya tiga (3) projek setiap bulan dengan tumpuan diberikan kepada projek-projek bermasalah dan keputusan ini telah mula dilaksanakan oleh KPKT sejak bulan November 2009. Oleh yang demikian, BPPP adalah penyelaras Laporan Lawatan Turun Padang YB Menteri dan Ketua Setiausaha KPKT kepada YAB Perdana Menteri dan Buletin Prestasi Pelaksanaan Projek RMKe-10 setiap bulan melalui system iPantau (*Integrated Project and Tracking Analysis Update*).

Sepanjang tahun 2013, KPKT telah mengadakan sejumlah 92 lawatan turun padang yang melibatkan YB Menteri dan Ketua Setiausaha KPKT. Perincian bilangan lawatan turun padang bagi tahun 2013 adalah seperti dalam Jadual 59.

Jadual 59 Bilangan Lawatan Turun Padang YB Menteri dan Ketua Setiausaha KPKT Mengikut Bulan Dalam Tahun 2013

BIL	BULAN	BILANGAN LAWATAN TURUN PADANG	
		YB Menteri	Ketua Setiausaha
1	Januari	2	6
2	Februari	3	3
3	Mac	7	4
4	April	2	4
5	Mei	2	8
6	Jun	2	4
7	Julai	3	3
8	Ogos	1	4
9	September	5	4
10	Oktober	7	3
11	November	3	6
12	Disember	2	4
JUMLAH		39	53



C) Prestasi Perbelanjaan Pembangunan

Prestasi keseluruhan Perbelanjaan Pembangunan sehingga 31 Disember 2013 adalah sebanyak 96.49 peratus iaitu RM1,199,161,990.84 berbanding peruntukan sebanyak RM1,242,834,280.00. Perincian prestasi perbelanjaan pembangunan KPKT bagi tahun 2013 adalah seperti di Jadual 60 dan Jadual 61 berikut;

Jadual 60 Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Bagi Tahun 2013 Mengikut Jabatan

BIL.	JABATAN / BAHAGIAN	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUSAN (%)
1	JKT	364,392,110	347,409,888.29	95.34
2	JPSPN	199,939,740	199,487,180.76	99.77
3	JPN	362,492,020	348,991,928.85	96.28
4	JPBD	5,710,700	5,592,975.63	97.94
5	JLN	17,378,200	13,137,099.13	75.60
6	JBPM	253,639,800	253,262,470.11	99.85
7	BKB	39,281,710	31,280,448.07	79.63
JUMLAH KESELURUHAN		1,242,834,280	1,199,161,990.84	96.49



Jadual 61 Prestasi Perbelanjaan Pembangunan bagi Tahun 2013 Mengikut Butiran Projek

BIL.	BUTIRAN PROJEK	KOD	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUSAN (%)
1	Projek Kecil di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	00100	304,565,450	288,887,961.07	94.85
2	Kemajuan Perkampungan	03100	54,810,000	53,506,632.22	97.62
3	Program Komputerisasi bagi PBT (ePBT)	01200	5,016,660	5,015,295	99.97
4	Pengurusan Sisa Pepejal	00500	199,939,740	199,487,180.76	99.77
5	Penyelidikan Perumahan dan Pembangunan	01402	500,000	147,460.82	29.49
6	Program Perumahan Rakyat Dimiliki	01513	500,000	36,239.34	7.25
7	Program Perumahan Rakyat Disewa	01600	250,949,650	239,813,452.64	95.56
8	Program Perumahan Rakyat Bersepadu	01603	8,640,000	7,148,553.52	82.74
9	Pemulihan dan Penyelenggaraan	01604	101,902,370	101,846,222.53	99.94
10	Kajian Prosedur Perancangan & Sebaran Dasar	01903	264,000	262,798.95	99.55
11	Pembangunan IT JPBD	01904	2,159,000	2,156,374.00	99.88
12	Rancangan Fizikal Negara	01905	537,700	537,665.45	99.99
13	Rancangan Wilayah	01906	385,000	384,218.29	99.80
14	Rancangan Kawasan Khas	01907	2,365,000	2,251,918.94	95.22
15	Pembangunan Taman Awam	02101	9,940,477	5,972,647.03	60.08
16	Pembangunan Landskap	02101	6,043,437	5,864,807.60	97.04
17	Penyelidikan & Pemuliharaan	02104	394,286	311,213.00	78.93
18	Pengurusan Landskap	02105	1,000,000	988,431.50	98.84
19	Pembinaan Bangunan JBPM di Semenanjung Malaysia	30000	59,343,000	58,995,980.52	99.42
20	Pembinaan Bangunan JBPM di Sarawak	30001	950,100	927,194.72	97.04
21	Pembinaan Bangunan JBPM di Sabah	30002	377,700	377,611.44	99.98
22	Perolehan Kenderaan, Helikopter & Kelengkapan Bomba	31000	192,969,000	192,961,683.43	100
23	Kemiskinan Bandar	04000	39,281,700	31,280,448.07	79.63
24	Penyenggaraan Perumahan	04001	10	0	0.00
JUMLAH KESELURUHAN			1,242,834,280	1,199,161,990.84	96.49

BAHAGIAN KEWANGAN DAN PEROLEHAN

LATAR BELAKANG

Bahagian Kewangan dan Perolehan (BK&P) merupakan salah satu bahagian penting di KPKT yang mana bahagian ini bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan sokongan khasnya berkaitan pengurusan kewangan dan perolehan bagi memastikan semua agenda dan program / aktiviti Kementerian dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan.

Objektif

Bahagian Kewangan dan Perolehan bertanggungjawab dalam mewujudkan khidmat pengurusan kewangan dan perolehan yang terbaik dengan cara:

- i. merancang semua aktiviti di bawah pengurusan kewangan dan perolehan dengan teratur dan efisien;
- ii. menggunakan sumber manusia dan sumber-sumber lain secara berkesan untuk melaksanakan pengurusan kewangan dan perolehan yang berkesan;
- iii. Membuat kawalan dan pemantauan prestasi perbelanjaan serta kutipan hasil; dan
- iv. Memperkuatkan semua peraturan-peraturan kewangan yang sedang berkuatkuasa dan arahan-arahan berkaitan dari semasa ke semasa.

Fungsi

- i. Menyedia, mengawal dan menyelaras Belanjawan Mengurus (B43) terutama dalam aspek agihan peruntukan dan pemantauan perbelanjaan;
- ii. Menguruskan pembayaran tuntutan bagi aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Kementerian serta pelarasan gaji dan elaun kakitangan;
- iii. Menguruskan pindah peruntukan bagi Perbelanjaan Mengurus (B43) dan Perbelanjaan Pembangunan (P43);
- iv. Menguruskan perolehan bekalan / kerja / perkhidmatan dan perunding secara sebut harga / tender bagi Kementerian;
- v. Memberikan khidmat nasihat mengenai pengurusan kewangan dan perolehan; dan
- vi. Menguruskan perakaunan dan penyediaan penyata / laporan berkenaan untuk tujuan kawalan dan pengesahan perbelanjaan.

PENGIKTIRAFAN DAN PENGANUGERAHAN

Bahagian Kewangan dan Perolehan telah menerima Anugerah Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2012 (4 Bintang) daripada Ketua Audit Negara berjaya mengekalkan prestasi cemerlang dalam pengurusan kewangan. KPKT telah berjaya menempatkan diri di tangga lima (5) teratas daripada 25 Kementerian yang dinilai di bawah Indeks Akauntabiliti 2012.

PROGRAM/AKTIVITI UTAMA DAN PENCAPAIAN

A) Pengurusan Belanja Mengurus

Sebagai bahagian yang bertanggungjawab dalam penyediaan belanjawan mengurus tahunan bagi KPKT, Bahagian Kewangan dan Perolehan telah mengemukakan Cadangan Belanjawan Mengurus 2014 kepada Perbendaharaan Malaysia pada 30 Jun 2013 iaitu mengikut takwim yang telah ditetapkan. Penyediaan cadangan Belanjawan 2014 telah dilaksanakan mengikut Sistem *Outcome Based Budgeting* di bawah modul Perancangan dan Belanjawan.

Manakala bagi Peruntukan Mengurus tahun 2013 pula, agiihan kepada semua jabatan/bahagian yang berkaitan telahpun dibuat dalam tempoh tiga (3) hari selepas Waran Am diterima daripada Perbendaharaan. Bagi memastikan semua jabatan/bahagian dapat menguruskan program/aktiviti masing-masing dengan lancar, sebanyak 24 pindah peruntukan telah diuruskan sepanjang tahun 2013.

B) Pengurusan Belanja Pembangunan

Peruntukan Belanja Pembangunan bagi tahun 2013 telah diagihkan kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) berdasarkan Butiran Projek jabatan masing – masing pada 4 Januari 2013. Bagi Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), Jabatan Landskap Negara (JLN) dan Bahagian Kesejahteraan Bandar (BKB) sahaja. peruntukan belanja pembangunan diletakkan di bawah kawalan BK&P kerana Jabatan / Bahagian tersebut bukan bertaraf PTJ.

Untuk melaksanakan projek – projek pembangunan, jabatan/bahagian turut melantik agensi pelaksana seperti Jabatan Kerja Raya (JKR) dan pihak berkuasa tempatan (PBT). Peruntukan yang diperlukan disalur kepada agensi pelaksana yang terlibat. Bahagian ini telah menyalurkan peruntukan pembangunan berjumlah RM34,269,890.62 bagi tujuan berkenaan. Peruntukan yang disalurkan ini hanya melibatkan JPSPN, JLN dan BKB sahaja.

Selaku PTJ bagi JPSPN, JLN dan BKB, semua bayaran yang melibatkan peruntukan pembangunan jabatan/ bahagian tersebut dilakukan oleh Bahagian ini. Jumlah baucer bayaran pada tahun 2013 untuk jabatan/ bahagian tersebut adalah 298 baucer.

Bahagian Kewangan dan Perolehan telah memproses lapan (8) permohonan pindah peruntukan bagi tahun 2013. Nilai keseluruhan pindah peruntukan tersebut adalah berjumlah RM134,590,072.00.

BAHAGIAN INSPEKTORAT_____..

LATAR BELAKANG

Bahagian Inspektorat telah diwujudkan melalui Waran Perjawatan Bilangan S163 bertarikh 18 September 2007 yang dibekalkan dengan perjawatan sebanyak 36 jawatan yang terdiri daripada 24 jawatan Kumpulan Pengurusan dan profesional manakala 12 jawatan daripada Kumpulan Pelaksana. Bahagian Inspektorat dibahagikan kepada tiga (3) cawangan iaitu, Cawangan Kerajaan Tempatan; Cawangan Perumahan, Perbandaran dan Kebommbaan; dan Cawangan Sisa Pepejal.

Objektif

- i. Memastikan semua sistem penyampaian perkhidmatan Kementerian dilaksanakan;
- ii. Mencadangkan penambahbaikan untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan;
- iii. Melaporkan secara berkala prestasi pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam mesyuarat-mesyuarat utama Kerajaan; dan
- iv. Mengesyorkan PBT-PBT untuk pengiktirafan di peringkat kebangsaan.

Fungsi

- i. Memeriksa dan memantau pelaksanaan dan pematuhan terhadap dasar / arahan / garis panduan KPKT di bahagian, jabatan dan PBT serta mencadangkan penambahbaikan;
- ii. Memeriksa dan memantau pelaksanaan cadangan pemajuan serta pengurusan dan penyelenggaraan hartanah seperti One Stop Centre (OSC), Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) dan Pesuruhjaya Bangunan (COB) di PBT;
- iii. Menilai sistem penyampaian perkhidmatan PBT bagi tujuan penggredan SISTEM Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SSR-PBT);
- iv. Memeriksa dan memantau pelaksanaan Perkhidmatan Kebommbaan dan Penyelamatan; dan
- v. Memeriksa dan memantau pelaksanaan Dasar Pengurusan Sisa Pepejal.

PENCAPAIAN

Selaras dengan tujuan penubuhannya, Bahagian Inspektorat telah melaksanakan lawatan inspektorat untuk memantau penyampaian perkhidmatan di jabatan dan bahagian di bawah KPKT serta PBT bagi meningkatkan lagi kualiti penyampaian perkhidmatan. Pencapaian bagi aktiviti-aktiviti Bahagian Inspektorat merangkumi tiga (3) aktiviti utama iaitu:

A) Lawatan Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan Semenanjung Malaysia

Bahagian Inspektorat telah melaksanakan Lawatan Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) ke atas 100 buah PBT di Semenanjung Malaysia. Lawatan telah dilaksanakan bermula 18 Februari 2013 dan berakhir pada 8 Oktober 2013.

Lawatan ini dilaksanakan untuk menilai tahap penyampaian perkhidmatan PBT melalui satu sistem penggredan yang seragam, di samping meletakkan PBT pada tahap kedudukan yang sesuai mengikut *ranking* bagi meningkatkan kapasiti daya saing setiap PBT.

Laporan Lawatan SPB-PBT Semenanjung Malaysia dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu SPB-PBT Bil. 1 Tahun 2014 pada 24 Januari 2014 yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak, Ketua Setiausaha KPKT.

B) Lawatan Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan Sabah

Bahagian Inspektorat juga telah melaksanakan Lawatan SPB-PBT Sabah buat pertama kali ke atas 24 PBT di Negeri Sabah bermula 28 Oktober 2013 sehingga 13 Disember 2013.

Lawatan ini dilaksanakan untuk menilai tahap penyampaian perkhidmatan PBT di Sabah melalui satu sistem penggredan yang seragam, di samping meletakkan PBT pada tahap kedudukan yang sesuai mengikut *ranking* bagi meningkatkan kapasiti daya saing setiap PBT.

Laporan Lawatan SPB-PBT Sabah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu SPB-PBT Bil. 1 Tahun 2014 pada 24 Januari 2014 yang dipengerusikan oleh YBhg Dato' Seri Arpah Abdul Razak, Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

C) Lawatan Secara Menyamar (*Mystery Shopping*)

Lawatan Secara Menyamar (*Mystery Shopping*) diadakan bertujuan untuk membuat tinjauan secara mengejut terhadap perkhidmatan dan layanan di kaunter jabatan-jabatan di bawah KPKT. Lawatan ini memfokuskan terhadap pematuhan Piagam Pelanggan, perkhidmatan yang mesra pelanggan, kecekapan serta tahap pengetahuan petugas kaunter dan susun atur dan keselesaan ruang menunggu. Lawatan telah dibuat di enam (6) pejabat seperti dalam Jadual 62.

Jadual 62 Lawatan Secara Menyamar (*Mystery Shopping*) Tahun 2013

BIL.	LOKASI	TARIKH
1	Kaunter Setempat Aras 1, Bangunan KPKT, Putrajaya	20 Ogos 2013
2	Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR) Zon Selatan di Johor Bahru, Johor	23 Ogos 2013
3	Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek (PIMB) Pejabat Wilayah Selatan di Johor Bahru, Johor	23 Ogos 2013
4	Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR) Zon Timur di Kuala Terengganu, Terengganu	5 Sep 2013
5	Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek (PIMB) Pejabat Wilayah Utara di Alor Setar, Kedah	9 Sep 2013
6	Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR) Zon Utara di Kepala Batas, Pulau Pinang	20 Sep 2013

BAHAGIAN SUMBER MANUSIA



LATAR BELAKANG

Penubuhan Bahagian Sumber Manusia (BSM), telah diluluskan melalui Waran Perjawatan Bil.S.68 Tahun 2001. Terdapat empat (4) unit di Bahagian ini iaitu Unit Perancangan Tenaga Manusia dan Pembangunan Organisasi, Unit Perkhidmatan, Unit Penyelidikan dan Pembangunan Sumber Manusia serta Unit Pengurusan Prestasi dan Tatatertib. Sebelum itu, Bahagian ini dikenali sebagai Bahagian Pengurusan Personel.

Walau bagaimanapun, pada 18 September 2007, penyusunan semula Kementerian telah diluluskan dan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia telah diluluskan sebanyak 88 perjawatan. Penyusunan semula ini melibatkan peluasan fungsi serta pertambahan jawatan di BSM. BSM kini mempunyai dua (2) cawangan iaitu Cawangan Pengurusan Sumber Manusia dan Cawangan Latihan. Perluasan fungsi BSM ini melibatkan pertambahan perkhidmatan iaitu pengurusan kaunseling dan pengurusan data HRMIS.

Objektif

- i. Memastikan KPKT mempunyai tenaga manusia yang mencukupi dan digunakan secara optimum; dan
- ii. Memastikan KPKT mempunyai tenaga manusia yang berilmu, berdisiplin dan berdedikasi agar program Kementerian dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

Fungsi

- i. Pengurusan Perkhidmatan;
- ii. Pengurusan Latihan dan Kompetensi Pegawai;
- iii. Pengurusan Prestasi dan Tatatertib;
- iv. Perancangan Tenaga Manusia dan Pembangunan Organisasi; dan
- v. Pengurusan Kaunseling dan Perhubungan Pekerja.

PENCAPAIAN

A) Perjawatan, Pengisian dan Kekosongan

Sehingga 31 Disember 2013, sebanyak 17,574 (94.61 peratus) daripada 18,575 perjawatan di Kementerian telah diisi dan bilangan kekosongan adalah 683 (3.68 peratus) daripada jumlah perjawatan. Maklumat terperinci perjawatan, pengisian dan kekosongan Kementerian mengikut perbadanan/ jabatan/ bahagian/ unit adalah seperti dalam Jadual 63.



Jadual 63: Maklumat Perjawatan, Pengisian dan Kekosongan Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Badan Berkanun Persekutuan KPKT sehingga 31 disember 2013

NAMA AGENSI	PERJAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN
PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN			
ANGGOTA PENTADBIRAN			
Pejabat Menteri	11	9	2
Pejabat Timbalan Menteri	6	6	0
STAFF-FUNCTION			
Pejabat Ketua Setiausaha	8	8	0
Unit Komunikasi Korporat	12	11	1
Bahagian Inspektorat	30	25	5
Bahagian Korporat	46	40	6
Unit Audit Dalam	18	18	0
Unit KPI	2	2	0
Unit Integriti	7	7	0
Bahagian Undang-undang	17	17	0
SEKTOR PENGURUSAN			
Bahagian Khidmat Pengurusan	70	65	5
Bahagian Sumber Manusia	85	83	2
Bahagian Teknologi Maklumat	48	48	0
Bahagian Kewangan & Perolehan	52	52	0
Bahagian Akaun	14	3	11
SEKTOR DASAR DAN PEMBANGUNAN			
Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek	526	464	62
Bahagian Dasar	24	24	0
Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadaai	79	76	3
SEKTOR KESEJAHTERAAN BANDAR			
Bahagian Kesejahteraan Bandar	221	22	199
Bahagian Perkhidmatan Perbandaran	54	37	17
Unit Khidmat Pengurusan	13	5	8
JUMLAH DI KEMENTERIAN	1,343	1,016	318
Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah	107	71	36
Jabatan Perumahan Negara	350	327	23
Jabatan Kerajaan Tempatan	499	458	41
Jabatan Landskap Negara	164	158	6
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia	735	689	46
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	13,941	13,748	193
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara	73	66	7
Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan	29	19	10
JUMLAH DI JABATAN / AGENSI	15,898	15,536	362
Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam	1,334	1,016	318
JUMLAH DI BANDAR BERKANUN PERSEKUTUAN	1,334	1,016	318
JUMLAH KESELURUHAN	18,575	17,574	683
PERATUS	100.00%	94.61%	3.68%

B) Penempatan

Seramai 273 orang penjawat awam telah diberikan penempatan sepanjang tahun 2013 di KPKT. Daripada jumlah tersebut, seramai 106 orang penjawat awam terdiri daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan bakinya, 167 orang penjawat awam adalah dari Kumpulan Sokongan 1.



C) Persaraan

Seramai 11 orang penjawat awam KPKT telah bersara pada tahun 2013. Daripada jumlah tersebut seramai tujuh (7) orang telah memilih bersara pilihan dan empat (4) orang bersara wajib pada usia 56 tahun dan 58 tahun. Pecahan persaraan mengikut jawatan adalah seperti dalam Jadual 64.



Jadual 64 Persaraan Mengikut Jawatan

JAWATAN	BILANGAN	KATEGORI PERSARAAN
Pegawai Tadbir dan Diplomatik	2 orang	Persaraan pilihan
Arkitek Landskap	1 orang	Persaraan pilihan
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	5 orang	Persaraan wajib & pilihan
Juruteknik	3 orang	Persaraan wajib & pilihan

D) Program/Aktiviti Latihan

Antara teras aktiviti BSM adalah bertanggungjawab merancang dan melaksanakan pembangunan Sumber Manusia melalui program latihan/ kursus kepada semua peringkat Penjawat Awam KPKT.



Selaras dengan teras aktiviti tersebut, Dasar Latihan KPKT digubal bagi mencapai objektif seperti yang berikut:

- Menyediakan pegawai yang berkelayakan, berkebolehan dan berkompentensi;
- Mencapai hasil kerja yang berkualiti;
- Meningkatkan kompetensi dan produktiviti;
- Membentuk nilai-nilai murni dan sikap positif;
- Mewujudkan nilai cipta (*value-creation*) dan nilai tambah (*value-added*); dan
- Menyediakan hala tuju kemajuan kerjaya.

Secara umumnya, perancangan latihan KPKT dirangka berdasarkan aspek yang berikut :

- Bidang tugas utama (*focus area*) yang dilaksanakan oleh pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Sokongan mengikut gred jawatan;
- Latihan yang bersesuaian dengan bidang tugas yang dijalankan;
- Latihan untuk peningkatan pengetahuan dan kemahiran pegawai; dan
- Latihan sokongan untuk peningkatan pembangunan diri pegawai.

Bagi tahun 2013, pecahan kursus dan pecahan penjawat awam KPKT yang menghadiri kursus adalah seperti dalam Jadual 65, Jadual 66 dan Jadual 67.

Jadual 65 Bilangan Kursus Anjuran BSM, Luar Negara dan Swasta Bagi Tahun 2013

KURSUS	SIRI	PERSERTA
Wajib	3	175
Umum	128	4685
Fungsional (Sumber Manusia)	13	413
Luar Negara	74	184
Swasta	6	22
JUMLAH	224	5479

Jadual 66 Bilangan Pegawai Menghadiri Kursus Anjuran BSM dan Swasta Sepanjang Tahun 2013

PENGANJUR	KURSUS			JUMLAH
	Wajib	Umum	Fungsional	
BSM	175	4685	413	5273
Swasta	0	22	0	22
JUMLAH	175	4707	413	5295

Jadual 67 Bilangan Pegawai Menghadiri Kursus Mengikut Kumpulan Perjawatan bagi Tahun 2013

PERJAWATAN	KURSUS			JUMLAH
	Wajib	Umum	Fungsional	
Pengurusan & Profesional	141	414	180	735
Sokongan	34	4271	233	4538
JUMLAH	175	4685	413	5273

E) Kaunseling dan Psikologi

Pelaksanaan program di bawah Unit Pengurusan Psikologi (UPP) adalah berdasarkan empat (4) aplikasi psikologi seperti yang berikut:

- Aplikasi Psikologi dalam Penilaian Personel;
- Aplikasi Psikologi dalam Pembangunan Personel;
- Aplikasi Psikologi dalam Penyelidikan; dan
- Aplikasi Psikologi dalam Intervensi.

a. Aplikasi Psikologi dalam Penilaian Personel

Aplikasi ini bertujuan untuk membantu pengurus sumber manusia dalam memahami minat, bakat, personaliti, emosi, sikap dan pencapaian dengan menggunakan ujian psikologi bagi tujuan membuat keputusan dan penilaian semasa, proses pemilihan, penempatan, pengurusan prestasi diri, pembangunan kompetensi dan pra-persaraan. Penyertaan warga KPKT dalam Ujian Psikologi di bawah aplikasi ini adalah seperti dalam Jadual 68.



Jadual 68 Bilangan Warga KPKT yang Mengambil Ujian Psikologi Mengikut Jenis Inventori bagi Tahun 2013

JENIS UJIAN	PENYERTAAN
Ujian Personaliti <i>Plus</i>	110 orang
Ujian <i>The Depression Anxiety Stress Scales</i> (DASS)	44 orang
JUMLAH KESELURUHAN	154 orang

b. Aplikasi Psikologi dalam Pembangunan Personel

Aplikasi ini dilaksanakan bertujuan untuk menyediakan input khidmat runding dan pelaksanaan program bagi peningkatan motivasi dan kepuasan pekerja menerusi program pembangunan, pemulihan dan pencegahan di organisasi. Jadual 69 menunjukkan program di bawah aplikasi ini.

Jadual 69 Program di bawah Aplikasi Psikologi dalam Pembangunan Personel bagi Tahun 2013

PROGRAM	BILANGAN/SIRI
PROGRAM PEMBANGUNAN	
Kursus Pengukuhan Pasukan	1
Kursus Kesihatan dan Kecergasan	1
Kursus Pengurusan Stress	1
Bengkel Pementoran Perkhidmatan Awam	1
Program Peningkatan Kemahiran Kaunseling 1	1
Program Peningkatan Kemahiran Kaunseling 2	1
PROGRAM PEMULIHAN	
Kursus Peningkatan Motivasi	1
PROGRAM PENCEGAHAN	
Ceramah Kaunseling / PKU	3
Program Gaya Hidup Sihat	3
Hari Psikologi	1
JUMLAH	14

c. Aplikasi Psikologi dalam Penyelidikan

Dengan tujuan untuk membantu pihak pengurusan mendapatkan maklumat melalui kajian yang komprehensif berhubung isu-isu psikologikal di tempat kerja, dua (2) kajian telah dijalankan sepanjang tahun 2013 seperti dalam Jadual 70.

Jadual 70 Kajian Aplikasi Psikologi dalam Penyelidikan

KAJIAN	BILANGAN KAJIAN	BILANGAN RESPONDEN
Kajian Kepuasan Pekerja	1	956
Sistem Pengurusan Audit Nilai	1	744
JUMLAH KESELURUHAN		1700 orang

d. Aplikasi Psikologi dalam Intervensi

Aplikasi ini dilaksanakan atas tujuan untuk mewujudkan perubahan yang lebih positif kepada penjawat awam melalui Program Pengupayaan Kendiri yang tersusun dan bersepadu kepada pegawai yang memerlukan bantuan dan bimbingan. Kaunseling merupakan antara program pengupayaan kendiri yang telah dijalankan sepanjang tahun 2013 yang mana perinciannya adalah seperti dalam Jadual 71.

Jadual 71 Program Pengupayaan Kendiri melalui Kaunseling

PERKARA	BILANGAN
KATEGORI KAUNSELING	
Kaunseling Individu	46 sesi
Kaunseling Kelompok	Tiada
JENIS KES	
Kes Dirujuk	13 kes
Kes Sukarela	5 kes
JANTINA	
Lelaki	13 orang
Perempuan	5 orang
GRED JAWATAN	
Pengurusan & Profesional	2 orang
Sokongan 1 (18-40)	5 orang
Sokongan II (1-17)	11orang
KLASIFIKASI MASALAH	
Disiplin/ Kehadiran	2 kes
Peribadi/ Keluarga	6 kes
Kerjaya Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT)	11 Kes

F) Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam

Bagi tempoh 2008 hingga Disember 2013, KPKT mempunyai seramai 44 orang ahli Rakan Pembimbing Rakan Sebaya (AKRAB) yang telah ditauliahkan. Antara program AKRAB dan program usaha sama Unit Pengurusan Psikologi dan AKRAB yang dilaksanakan pada tahun 2013 adalah seperti dalam Jadual 72 dan Jadual 73.

Jadual 72 Program AKRAB

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1.	Kursus Pra AKRAB Tahap 1	3 - 5 Apr 2013	Bilik Tanjung, KPKT
2.	Kursus Pra AKRAB Tahap 2	24 - 26 Jun 2013	Bilik Tanjung, KPKT
3.	Mesyuarat Jawatankuasa AKRAB KPKT	5 Feb 2013	Bilik Mesyuarat Akik Merah, KPKT

Jadual 73 Program Usaha Sama Unit Pengurusan Psikologi dan AKRAB KPKT

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1	Program Kendiri Unggul Siri 1/2013 (Perkembangan Awal kanak-Kanak) dengan kerjasama Kolej Pendidikan Awal Kanak-Kanak	25 Feb 2013	Dewan Kristal, KPKT
2	Sambutan Hari Psikologi Tema: "Ke Arah Minda, Emosi dan Fizikal yang Sejahtera"	29 Ogos 2013	Dewan Kristal, KPKT

BAHAGIAN KORPORAT_____..

LATAR BELAKANG

Bahagian Korporat diketuai oleh Setiausaha Bahagian iaitu Encik N. Jayaselan dan mempunyai tiga (3) unit iaitu Unit Penyelarasan dan Keurusetiaan; Unit Penyelarasan Hal Ehwal Antarabangsa; dan Unit Inovasi dan Data.

Objektif Utama

- i. Memastikan semua urusan mesyuarat utama kementerian dan maklum balas dilaksanakan dengan cekap dan berkesan;
- ii. Memastikan penglibatan aktif kementerian dalam program dan aktiviti hal ehwal antarabangsa;
- iii. Mewujudkan dan memantapkan pembudayaan inovasi di Kementerian dengan jayanya; dan
- iv. Mewujudkan, mengemaskini dan menyebarkan data / perangkaan KPKT.

Fungsi

- i. Menyelaras dan menyediakan Memorandum dan Nota Jemaah Menteri mengikut tarikh yang ditetapkan oleh Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri;
- ii. Menyelaras dan menyediakan maklum balas Mesyuarat Jemaah Menteri mengikut tarikh yang ditetapkan oleh Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri;
- iii. Menyediakan ulasan Memorandum Jemaah Menteri dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh arahan diterima tertakluk kepada penerimaan input yang lengkap daripada agensi berkenaan;
- iv. Menyelaras dan memantau pelaksanaan keputusan Jemaah Menteri yang melibatkan KPKT;
- v. Menyelaras maklum balas mesyuarat-mesyuarat utama Kerajaan yang dihadiri oleh Anggota Pentadbiran dan Pengurusan Tertinggi KPKT;
- vi. Mengurusetia mesyuarat-mesyuarat utama KPKT;
- vii. Merancang, menyelaras dan memantau aktiviti, program dan maklum balas hal ehwal antarabangsa yang melibatkan KPKT;
- viii. Merancang, menyelaras dan memantau aktiviti, program inovasi KPKT;
- ix. Merancang, menyelaras dan memantau pelaksanaan Sistem Star Rating (SSR) MAMPU;
- x. Mengurusetia Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan;
- xi. Menyelaras dan menerbitkan data / perangkaan KPKT secara berkala dan tahunan;
- xii. Melaksanakan urusan pentadbiran dan kewangan bahagian;
- xiii. Menjadi urus setia *National Focal Point* bagi *United Nations Human Settlement Programme* (UN-HABITAT) di Malaysia;
- xiv. Penyertaan KPKT dalam organisasi antarabangsa [UN-HABITAT, *Commonwealth Local Government Forum* (CLGF), *Eastern Regional Organisation for Planning and Housing* (EAROPH)]; dan
- xv. Menyelaras lawatan kerja Anggota Pentadbiran dan Pengurusan Tertinggi KPKT ke luar negara.

PENGIKTIRAFAN DAN PENGANUGERAHAN

Tempat Ketiga Kategori Mutu Penggunaan Bahasa Melayu

Bahagian Korporat mendapat tempat ketiga dalam kategori mutu penggunaan Bahasa Melayu melalui Audit Bahasa Melayu yang dijalankan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka ke atas KPKT pada 23 hingga 27 September 2013.



PENCAPAIAN

A) Mengurusetiaikan Mesyuarat Tertinggi KPKT

Bahagian Korporat telah dipertanggungjawabkan untuk mengurusetiaikan dua (2) mesyuarat tertinggi KPKT iaitu Mesyuarat Pasca Kabinet yang dipengerusikan oleh YB Menteri dan Mesyuarat Pengurusan KPKT yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha. Bagi tahun 2013, Mesyuarat Pengurusan KPKT telah diadakan dua (2) kali di luar KPKT iaitu di Pejabat Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA), Nusajaya, Johor dan Majlis Perbandaran Manjung, Perak. Jadual 74 menunjukkan bilangan Mesyuarat Pasca Kabinet dan Mesyuarat Pengurusan yang telah diadakan sepanjang tahun 2013.

Jadual 74 Bilangan Mesyuarat Pasca Kabinet dan Mesyuarat Pengurusan Sepanjang Tahun 2013

MESYUARAT	BILANGAN
Mesyuarat Pasca Kabinet	27
Mesyuarat Pengurusan	15

B) Menyelaras Kertas Jemaah Menteri dan Maklum Balas Mesyuarat-Mesyuarat Utama Kerajaan

Bahagian ini juga dipertanggungjawabkan menyelaras kertas Jemaah Menteri dan maklum balas bagi Mesyuarat Jemaah Menteri dan mesyuarat-mesyuarat utama Kerajaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, YAB Timbalan Perdana Menteri dan YBhg. Ketua Setiausaha Negara daripada jabatan dan bahagian di bawah KPKT. Penyelarasan Kertas Jemaah Menteri dan Maklum Balas bagi Mesyuarat-mesyuarat Utama Kerajaan adalah seperti dalam Jadual 75.

Jadual 75 Penyelarasan Kertas Jemaah Menteri dan Maklum Balas bagi Mesyuarat-Mesyuarat Utama Kerajaan

BIL.	PERKARA	BILANGAN
1.	Memorandum Jemaah Menteri	12
2.	Nota Jemaah Menteri	9
3.	Ulasan terhadap Memorandum Jemaah Menteri daripada kementerian / agensi pusat	42
4.	Maklum Balas Mesyuarat Jemaah Menteri	128
5.	Maklum Balas Mesyuarat-mesyuarat Utama Kerajaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, YAB Timbalan Perdana Menteri dan YBhg. Ketua Setiausaha Negara	108

PROGRAM / AKTIVITI UTAMA

A) Sambutan Hari Habitat Sedunia 2013

Pada tahun 1985, KPKT telah dilantik sebagai *focal point* bagi semua aktiviti UN-HABITAT di Malaysia. KPKT telah diberi mandat dalam menganjurkan program-program dan aktiviti-aktiviti yang menyeluruh sepanjang tahun untuk Sambutan Hari Habitat Sedunia. Tema pada tahun ini adalah “*Urban Mobility*”. Terdapat pelbagai aktiviti / program yang telah diadakan sepanjang tahun sempena Sambutan Hari Habitat Sedunia 2013 antaranya ialah:

i. Pertandingan *Photojournalism*

Bahagian Korporat dengan kerjasama Jabatan Landskap Negara (JLN) telah menganjurkan Pertandingan *Photojournalism* 2013 dengan tema “*Time to Think Urban*” yang berlangsung dari 1 Ogos 2013 hingga 17 September 2013. Pertandingan ini adalah terbuka kepada semua warga Malaysia dan gambar beserta penulisan yang menepati tema dipilih sebagai pemenang. Pemenang bertuah bagi Pertandingan *Photojournalism* 2013 adalah Encik Mohd. Irwan Hassim dengan karya yang bertajuk “*The Street*”. Karya beliau telah diabadikan sebagai muka hadapan *Habitat Magazine* 2013.

ii. Program Habitat Moment dan Bank Kitar Semula

Habitat Moment yang telah berlangsung pada 23 September 2013 adalah satu program yang melibatkan para pelajar dari sekolah-sekolah terpilih di seluruh negara. Program ini menyaksikan para pelajar membuat ikrar secara serentak di seluruh negara untuk menjadi insan yang lebih bertanggungjawab dalam menjaga alam sekitar demi menjayakan usaha untuk mencapai gaya hidup yang mampan. Pada tahun ini, sebanyak 45 sekolah telah dipilih untuk mengambil bahagian dalam program ini.

Selain itu, Program Bank Kitar Semula yang diterajui oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) turut dilaksanakan semasa Program *Habitat Moment*. Program Bank Kitar Semula ini bertujuan untuk menggalakkan dan memupuk sikap ingin mengitar semula dalam kalangan pelajar sekolah. Program ini telah dijalankan dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia.



iii. Pertandingan Analisis Senario Habitat 2013

Pertandingan Analisis Senario Habitat 2013 anjuran bahagian ini dengan kerjasama Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD). Pertandingan ini menyediakan platform kepada para pelajar sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi untuk menyumbang idea dan pendapat melalui pemikiran analitikal dan kritikal mengenai isu-isu yang berkaitan dengan perubahan iklim, perumahan, perbandaran, penempatan manusia dan pengurusan sisa pepejal yang mana peserta dikehendaki mencari penyelesaian yang terbaik untuk permasalahan yang dikemukakan.

Sebanyak 10 penyertaan dari kategori menengah rendah, 20 penyertaan dari kategori menengah atas dan 10 penyertaan dari kategori Institusi Pengajian Tinggi telah diterima oleh pihak urus setia pertandingan. Penyertaan yang disenarai pendek telah membentangkan persembahan penyelesaian mereka kepada panel juri pada 6 Oktober 2013.

Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 18, Shah Alam, Selangor telah muncul sebagai pemenang bagi kategori menengah rendah; Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tun Ahmad Zaidi, Kuching, Sarawak sebagai pemenang kategori menengah atas adalah dan Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor dinobatkan sebagai pemenang kategori Institusi Pengajian Tinggi.

iv. Larian Kitar Semula dan Habitat 2013

Larian Kitar Semula dan Habitat 2013 anjuran Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) dengan kerjasama Bahagian Korporat telah berlangsung pada 15 Jun 2013. Program ini diadakan secara serentak di sembilan (9) buah negeri di Semenanjung Malaysia dan lokasi program adalah seperti dalam Jadual 76.



Jadual 76 Lokasi Larian Kitar Semula dan Habitat 2013

BIL.	NEGERI	LOKASI
1	Johor	Dataran Bandaraya, Johor Bahru
2	Kelantan	Padang Perdana, Kota Bharu
3	Pahang	Pusat Rekreasi, Taman Bandar, Kuantan
4	Perlis	Perkarangan Stadium Utama, Kangar
5	Kedah	Perkarangan Stadium Darul Aman, Alor Setar
6	WP Kuala Lumpur	Padang Merbok, Kuala Lumpur
7	Melaka	Melaka International Trade Centre (MITC)
8	Negeri Sembilan	Centre Court, Kompleks Sukan Negeri, Paroi, Seremban
9	Terengganu	Pantai Batu Buruk, Kuala Terengganu

Tujuan larian ini diadakan adalah untuk mengingatkan orang ramai mengenai kepentingan mewujudkan habitat yang sesuai untuk didiami dan mampan bagi manusia. Program ini telah berjaya menarik penyertaan hampir 40,000 orang peserta.

v. Perasmian Hari Habitat Sedunia 2013

Hari Habitat Sedunia telah disambut pada 7 Oktober 2013 bertepatan dengan ketetapan yang dibuat oleh UN-HABITAT yang mana Hari Habitat Sedunia disambut pada hari Isnin pertama bulan Oktober setiap tahun.

Majlis pelancaran Hari Habitat Sedunia 2013 telah disempurnakan oleh Menteri Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Datuk Abdul Rahman Dahlan bertempat di Stesen Sentral Kuala Lumpur. Pemilihan Stesen Sentral Kuala Lumpur sebagai lokasi perasmian adalah bertepatan dengan fungsinya sebagai pusat hub mobiliti utama di Kuala Lumpur dan selari dengan tema sambutan pada tahun ini iaitu *“Urban Mobility”*.

Majlis sambutan ini bertindak sebagai platform untuk menyedarkan masyarakat tentang peranan KPKT sebagai *Focal Point* Kebangsaan UN-HABITAT dan hebahan kepada program dan aktiviti yang dilaksanakan sempena Sambutan Hari Habitat Sedunia di peringkat kebangsaan di Malaysia dan usaha KPKT untuk mewujudkan kesedaran mengenai isu-isu habitat di kalangan masyarakat.



B) Lawatan Anggota Pentadbiran dan Pihak Pengurusan Ke Luar Negara

Sepanjang tahun 2013, Bahagian Korporat telah mengatur empat (4) lawatan anggota Pentadbiran dan Pengurusan ke London, United Kingdom; Berlin, Jerman; Nairobi, Kenya dan Republik Singapura.

C) Lawatan Delegasi Luar Negara ke KPKT

Unit ini juga telah menyelaras sebanyak 15 kunjungan hormat dan lawatan delegasi luar negara ke KPKT. Lawatan yang telah diselaras ini melibatkan delegasi dari negara-negara seperti Jepun; Sri Lanka; Palestin; Yemen; Bangladesh; Ghana; Lesotho; dan Korea Selatan. Tujuan lawatan delegasi ke KPKT adalah untuk berkongsi pengalaman dengan Malaysia berhubung perkara-perkara seperti pengurusan kerajaan tempatan; perancangan perbandaran; dan pengurusan sisa pepejal.



D) Audit Bahasa Melayu oleh Dewan Bahasa dan Pustaka

Audit Bahasa Melayu oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di KPKT telah dilaksanakan dari 23 hingga 27 September 2013 yang melibatkan seramai 23 orang juruaudit; enam (6) orang pegawai Bahasa; dan dua (2) orang urus setia DBP bagi mengaudit 12 bahagian di KPKT.

Kaedah analisis pengauditan merangkumi tahap peratusan penggunaan Bahasa Melayu dan bahasa-bahasa lain; dan mutu peratusan kesalahan bahasa dalam dokumen. Antara dokumen-dokumen rasmi Kementerian yang diaudit ialah memo, e-mel, surat, minit mesyuarat, laporan dan nota pembentangan.

Hasil pengauditan mendapati tahap penggunaan Bahasa Melayu di KPKT berada pada tahap yang sangat baik iaitu Aras 5 dengan markah 98.4 peratus dan mutu Bahasa Melayu yang digunakan KPKT berada di tahap baik iaitu Aras 4 dengan markah 82.95. Keputusan pengauditan penggunaan Bahasa Melayu mengikut bahagian di KPKT adalah seperti yang berikut:



- i. Tempat Pertama : Bahagian Teknologi Maklumat
- ii. Tempat Kedua : Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek
- iii. Tempat Ketiga : Bahagian Korporat

E) Sambutan Hari Inovasi KPKT 2013

Hari Inovasi KPKT 2013 telah berlangsung pada 21 November 2013 di Hotel The Everly, Putrajaya dan dirasmikan oleh YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak, Ketua Setiausaha KPKT. Tema Hari Inovasi KPKT tahun 2013 ialah "Warga Kreatif KPKT Inovatif".

Dalam majlis ini, KPKT telah menerima pengiktirafan daripada *The Malaysia Book of Records* sebagai kementerian pertama yang mendapat Pensijilan MS 1900:2005 *Quality Management Systems - Requirements from Islamic Perspectives* dan MS ISO 9001:2008 *Quality Management Systems - Requirements* secara serentak. Kedua-dua pensijilan tersebut telah diperoleh berkuatkuasa dari 13 September 2013 hingga 12 September 2016.

Di samping itu, sebanyak lapan (8) pihak berkuasa tempatan (PBT) yang menunjukkan kecemerlangan pembudayaan inovasi turut diberi pengiktirafan pada majlis tersebut. Pengiktirafan tersebut adalah bertujuan memupuk semangat kreativiti dan inovasi di kalangan PBT. Senarai PBT yang menerima pengiktirafan tersebut ialah:

- i. Majlis Perbandaran Kuantan;
- ii. Majlis Perbandaran Pasir Gudang;
- iii. Majlis Perbandaran Subang Jaya;
- iv. Majlis Bandaraya Ipoh;
- v. Majlis Bandaraya Johor Bharu;
- vi. Majlis Bandaraya Pulau Pinang;
- vii. Majlis Daerah Kerian; dan
- viii. Lembaga Kemajuan Bintulu.

Bagi mengalakkan perkongsian inovasi, program sambutan hari inovasi pada tahun 2013 turut menganjurkan Forum Perkongsian Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pada sebelah petangnya. Selain itu, sebanyak 12 gerai pameran turut mempamerkan hasil inovasi masing-masing.



Dalam memperkukuhkan nilai dan budaya inovasi dikalangan warga KPKT, Kementerian telah mengambil inisiatif dengan mengadakan Anugerah Inovasi Peringkat KPKT yang melibatkan jabatan dan bahagian di bawahnya. Sebanyak lima (5) jenis kategori dipertandingan seperti yang berikut:

- i. Anugerah Khas Menteri;
- ii. Anugerah Inovasi Ketua Setiausaha;
- iii. Inovatif dan Kreatif;
- iv. Pertandingan Pidato; dan
- v. Pertandingan Video Terbaik.

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

LATAR BELAKANG

Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) yang diketuai oleh Tuan Mohammad Khir Mat Lazim adalah bahagian yang bertanggungjawab menyediakan khidmat sokongan dari segi pentadbiran am, pengurusan aset, dokumentasi dan protokol yang berkesan.

Objektif

- i. Memastikan khidmat pengurusan Kementerian dilaksanakan secara holistik dan berkualiti tinggi berdasarkan kepada peraturan-peraturan yang berkuat kuasa;
- ii. Memastikan tahap keselamatan fizikal, dokumen dan individu di Kementerian dipertingkatkan dan dimantapkan dari semasa ke semasa;
- iii. Menyelaras pengurusan aset agar dilaksanakan secara komprehensif dan bersepadu;
- iv. Memastikan pengurusan stor dilaksanakan secara sistematik dan efektif berdasarkan kepada peraturan-peraturan yang berkuat kuasa; dan
- v. Menyelaras pengurusan protokol majlis-majlis rasmi Kementerian selaras dengan tatacara yang berkuat kuasa dan mendokumentasikannya untuk panduan dan rujukan;

PENGIKTIRAFAN DAN PENGANUGERAHAN

Inspektorat Khas Keselamatan Perlindungan

Pada 10 sehingga 12 Julai 2013, Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan (CGSO) telah menjalankan Inspektorat Khas Keselamatan Perlindungan di KPKT. Hasil daripada pemeriksaan ini, KPKT telah mengiktiraf status Tahap Keselamatan Perlindungan KPKT pada tahap 5 (cemerlang).

PENCAPAIAN

A) Penyelaras Perarakan dan Perhimpunan Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan

Majlis Perarakan dan Perhimpunan Sempena Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan Tahun 1434H / 2013M bertemakan “Wasatiyyah Tonggak Kesatuan Ummah” telah diadakan pada 24 Januari 2013 bersamaan 12 Rabiulawal 1434H. Majlis yang dianjurkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dimulakan dengan perarakan yang terdiri dari 154 kontinjen dengan jumlah seramai 12,973 peserta. Kontinjen ini meliputi pelbagai sektor daripada pihak kerajaan, badan berkanun, badan beruniform, pihak swasta, badan bukan kerajaan, IPT dan sekolah bermula dari hadapan Istana Kehakiman dan berakhir di Dataran Putra, Putrajaya.



BKP yang bertindak selaku urus setia di peringkat Kementerian bertanggungjawab menyelaras penyertaan penjawat awam KPKT berjumlah 100 orang peserta yang terdiri dari 70 orang peserta lelaki dan 30 orang peserta wanita dari pelbagai peringkat jawatan di Kementerian.

B) Urus Setia Perhimpunan Bulanan Penjawat Awam dan Majlis Tahun Baru Cina 2013

KPKT telah mengadakan Perhimpunan Bulanan Penjawat Awam dan Majlis Tahun Baru Cina 2013 pada 19 Februari 2013 bertempat di Dewan Kristal, KPKT. Majlis bertemakan “Perayaan Memupuk Perpaduan” ini dirasmikan oleh YB Dato’ Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan diurusetiaikan oleh BKP. Pelbagai juadah dihidangkan kepada tetamu yang hadir.



C) Penyelaras Mesyuarat Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan (KSUKP)

KPKT telah menjadi hos bagi Mesyuarat Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan (KSUKP) yang telah diadakan dengan jayanya pada 4 Mac 2013 (Isnin) bertempat di Dewan Kristal, Aras 1. Mesyuarat KSUKP ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato’ Sri Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara dan dihadiri oleh semua Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan.

D) Penyelaras Perhimpunan Perpaduan Sempena Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan Tahun 2013

Sempena dengan sambutan Hari Pekerja, BKP telah menyelaras penyertaan seramai 80 orang penjawat awam KPKT dalam Majlis Perhimpunan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan Tahun 2013 yang telah dianjurkan oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM) bertempat di Stadium Putra, Kompleks Sukan Negara, Bukit Jalil, Kuala Lumpur pada 22 Jun 2013.

Majlis yang bertemakan “Pekerja Pemangkin Transformasi Negara” diadakan untuk mengiktiraf dan menghargai sumbangan golongan pekerja dalam pembangunan negara serta mengeratkan semangat kerjasama dan permuafakatan antara tiga pihak utama iaitu kerajaan, majikan dan pekerja.

Majlis telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak. Para tetamu yang hadir telah dihiburkan dengan pelbagai persembahan semasa majlis berlangsung.



E) Penyelaras Perhimpunan Khas Sempena Bulan Ramadhan dan Penyerahan Bantuan Sewa Rumah E-Kasih

Sempena bulan Ramadhan 2013, satu Perhimpunan Khas Penjawat Awam KPKT telah diadakan pada 25 Julai 2013 bertempat di Dewan Kristal, KPKT. Majlis ini diselitikan perhimpunan bulanan Kementerian yang dimulakan dengan ucapan YB Menteri dan disusuli dengan Majlis Penyerahan Bantuan Sewa Rumah kepada peserta e-Kasih.

Para jemputan berbuka puasa di Lobi KPKT dan Anjung Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) bersama-sama dengan YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan YB Datuk Halimah Mohamed Sadique, Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.



F) Penyelaras Sambutan Hari Raya Aidilfitri

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun 2013 KPKT telah diadakan dengan meriahnya pada 27 Ogos 2013 bertempat di Dataran Gemilang, Presint 4, Putrajaya berhadapan dengan Bangunan KPKT. Majlis ini diadakan bagi merapatkan hubungan silaturahmi di kalangan penjawat awam KPKT. Jabatan dan bahagian telah menyediakan gerai-gerai yang menyajikan pelbagai juadah kepada para tetamu yang hadir.

Majlis turut dimeriahkan dengan kehadiran YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin, Timbalan Perdana Menteri; YB Khairy Jamaluddin, Menteri Belia dan Sukan; YB Dato' Hassan Malek, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan; YB Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek, Menteri Komunikasi dan Multimedia; dan YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan Menteri di Jabatan Perdana Menteri



G) Penyelaras Perbarisan Hari Kebangsaan Tahun 2013

Sempena sambutan Hari Kemerdekaan yang ke-56, Bahagian Khidmat Pengurusan telah menyelaras penyertaan pegawai-pegawai dari KPKT dalam perbarisan sempena Hari Kebangsaan tahun 2013 yang telah diadakan dengan meriah bertempat di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur pada 31 Ogos 2013.

H) Penyelaras Perhimpunan Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan 1435H / 2013M

Majlis Perhimpunan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan 1435H / 2013M yang bertemakan “Wasatiyyah Tonggak Kesatuan Ummah” telah berlangsung dengan jayanya pada 5 November 2013 bertempat di Dewan Plenari, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Majlis telah diadakan dengan penuh meriah dengan kehadiran seramai lebih 5,000 orang daripada agensi Kerajaan dan swasta termasuk 40 orang penjawat awam dari KPKT.

I) Penyelaras Latihan Bersama (*Mock Drill*) di Bangunan KPKT

Bagi meningkatkan kesedaran dan melatih penjawat awam di KPKT mengenai persediaan dan tindakan yang perlu diambil sekiranya berlaku kebakaran atau kecemasan, satu Latihan Bersama (*Mock Drill*) telah diadakan di Bangunan KPKT pada 19 Disember 2013.

Latihan ini telah mendapat kerjasama daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Putrajaya; Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM); Ibu Pejabat Polis Putrajaya; Hospital Putrajaya; Jabatan Kerja Raya Wilayah Persekutuan Putrajaya; Jangka Prestasi Sdn. Bhd. (kontraktor penyelenggara bangunan); North Borneo Security Services Sdn. Bhd. (kontraktor perkhidmatan kawalan keselamatan di Bangunan KPKT); serta penjawat awam dan pelawat KPKT.



BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

LATAR BELAKANG

Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) bertanggungjawab terhadap perancangan dan pelaksanaan teknologi maklumat di KPKT. Objektif BTM ialah mempertingkatkan kecekapan jentera dan sistem pengurusan Kementerian melalui penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), mewujudkan satu sistem pengumpulan maklumat bersepadu Kementerian untuk kemudahan rujukan pihak Kementerian dan faedah kepada orang ramai serta menyediakan penjawat KPKT yang mahir dan celik teknologi maklumat (IT).

PENGANUGERAHAN

1. Mengekalkan penarafan 5 bintang bagi Portal KPKT dalam Penilaian Portal dan Laman Web Kerajaan Malaysia (MGPWA) 2013.
2. Memperolehi pengiktirafan bagi *Self Reliance Open Source Software* (OSS) Tahap 5 Infrastruktur dan Aplikasi (Pembangunan) dan Dekstop (*Open Office*) dalam pelaksanaan Program OSS Sektor Awam.
3. Memperolehi Sijil Penghargaan ISMS dan Sijil 1GovCloud Member semasa Persidangan Gunasama ICT Kerajaan dan Majlis Penutup Bulan Keselamatan ICT Sektor Awam 2013.

PENCAPAIAN

A) Jawatankuasa Pemandu ICT Kementerian

Sepanjang tahun 2013, BTM telah mengadakan empat (4) kali Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT KPKT (JPICT). Butiran mesyuarat adalah seperti dalam Jadual 77.

Jadual 77 Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT KPKT (JPICT) bagi Tahun 2013

BIL.	PERKARA	TARIKH
1.	Mesyuarat JPICT Bil. 1/2013	8 Februari 2013
2.	Mesyuarat JPICT Bil. 2/2013	2 April 2013
3.	Mesyuarat JPICT Bil. 3/2013	28 Ogos 2013
4.	Mesyuarat JPICT Bil. 4/2013	6 Disember 2013

Dalam keempat-empat mesyuarat sebanyak 30 kertas permohonan telah dibentangkan oleh jabatan / bahgian. Kesemua kertas permohonan diluluskan dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM31,784,757.00

B) Sistem-Sistem Yang Telah Dibangunkan Dan Ditingkatkan

BIL.	NAMA SISTEM	OBJEKTIF SISTEM	PEMILIK SISTEM	PENGUNA SISTEM
1.	Sistem Pemantauan Pulangan Wang Pemegang Pajak Gadaai atau Pemilik Pajak Gadaai	Merekodkan lelongan dan pulangan wang pemilik pajak gadaai	Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadaai (BPWG), KPKT	
2.	BLESS - Permohonan Lesen dan Permit Iklan Pemberi Pinjam Wang (PPW) dan Pemegang Pajak Gadaai (PPG)	Permohonan dan kelulusan lesen perniagaan dan permit iklan organisasi PPW dan PPG, secara bersepadu melalui Portal BLESS yang dibangunkan oleh ICU JPM	BPWG	BPWG, Pemegang Lesen PPW dan PPG, Agensi-agensi Teknikal
3.	Sistem Pemantauan Perancangan Strategik	Merekod dan memantau perancangan strategik jabatan / bahagian, KPKT	Bahagian Dasar KPKT	
4.	Sistem SiPPER i)Modul Rundingan Terus	Menyediakan satu sistem yang memantau proses perolehan secara menyeluruh bermula dari fasa perancangan perolehan sehingga penilaian prestasi pembekal.	Bahagian Kewangan dan Perolehan dan semua bahagian yang terlibat dengan perolehan	
5.	Sistem eKampung Baru i. Modul Pembayaran Elaun ii. Modul Statistik Elaun	Memudahkan pembayaran elaun Pengerusi, Setiausaha, AJK dan Ahli JKKK / JKKKP Kampung Baru. Memudahkan pengguna sistem merujuk rekod pembayaran terdahulu dan membuat statistik jumlah pembayaran yang telah dibuat.	Bahagian Kampung Baru, JKT	
6.	Portal Kampung Baru	Penambahan ciri-ciri keistimewaan yang terdapat di Kampung Baru	Bahagian Kampung Baru, JKT	Bahagian Kampung Baru dan orang awam
7.	Single Entry untuk Pengguna Sistem Aplikasi KPKT	Memudahkan pengguna dalam mengakses pelbagai sistem dengan hanya menggunakan satu kata nama dan satu kata laluan sahaja	Bahagian Teknologi Maklumat, KPKT	Pengguna pelbagai sistem di KPKT
8.	Sistem Latihan Bersepadu (SLB)	i. Mengurus latihan dan kursus yang menyeluruh secara atas talian untuk membantu mempercepatkan aliran kerja dalaman dan luaran yang berkaitan; ii. Mewujudkan laporan dan statistik secara atas talian, <i>real-time</i> , mudah dan cepat bagi meningkatkan kecekapan proses pemantauan dengan lebih berkesan dan menyeluruh; dan iii. Menyediakan portal bagi memperkemaskan fungsi capaian maklumat permohonan, penawaran dan semakan status permohonan latihan dan kursus secara atas talian oleh semua warga KPKT, agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan (PBT), pihak swasta dan awam.	Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (I-KPKT)	Semua jabatan dan bahagian di KPKT termasuk peserta kursus daripada agensi kerajaan dan PBT
9.	Sistem Seranta Awam Atas Talian KPKT (<i>Online Public Engagement</i>)	Menyediakan satu platform untuk mendapatkan maklumbalas daripada orang awam bagi sebarang cadangan atau pindaan undang-undang atau peraturan atau perintah di bawah bidang kuasa KPKT.	Bahagian Dasar KPKT	Semua jabatan dan bahagian di KPKT termasuk orang awam

C) Pelupusan Aset ICT

Sepanjang 2013, hanya sekali pelupusan aset ICT dijalankan yang melibatkan nilai pelupusan sebanyak RM353,072.24. Perincian bagi pelupusan peralatan ICT adalah seperti dalam Jadual 78.


Jadual 78 Pelupusan Aset ICT Tahun 2013

PERALATAN ICT	KUANTITI (UNIT)	JUMLAH (RM)
Komputer peribadi	30	104,394.00
Monitor	31	21,700.00
Komputer riba	4	20,048.00
Pencetak	34	206,930.24
JUMLAH KESELURUHAN		353,072.24

D) Pengurusan Aduan ICT

Sepanjang tahun 2013, aduan ICT yang diterima dan diselesaikan adalah seperti dalam Carta 09.

Carta 09 Penerimaan dan Penyelesaian Aduan ICT Mengikut Kategori bagi Tahun 2013.



E) Pengukuhan Keselamatan ICT

BTM telah melakukan pengukuhan keselamatan ICT sepanjang tahun 2013. Pengukuhan ini dilakukan bagi mengurangkan risiko pencerobohan terhadap aplikasi dan rangkaian KPKT. Aktiviti ini juga dapat memastikan tahap keselamatan pembangunan sistem yang dibangunkan secara dalaman atau *out-source* adalah selamat dan menggunakan kaedah teknologi terkini.

UNIT AUDIT DALAM

LATAR BELAKANG

Unit Audit Dalam (UAD) telah ditubuhkan pada Februari 1991 selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan (PP) Bil. 2 Tahun 1979. Pekeliling ini kemudiannya dibatalkan dan diganti dengan PP Bil. 9 Tahun 2004 bagi memantapkan lagi pelaksanaan audit dalam di kementerian dan jabatan persekutuan. UAD yang diketuai oleh Puan Lim Sok Kiang merupakan sebahagian daripada komponen kawalan dalaman KPKT dan bertanggungjawab terus kepada Ketua Setiausaha KPKT.

Objektif utama UAD adalah untuk membantu pihak pengurusan atasan dalam mempertingkatkan tahap pematuhan kepada undang-undang dan peraturan yang ditetapkan serta menilai sama ada program dan aktiviti diuruskan dengan ekonomi, cekap dan berkesan. Bagi mencapai objektif itu, UAD bertanggungjawab menjalankan pengauditan kewangan, pematuhan, prestasi dan ICT, pemeriksaan mengejut dan penampilan audit. Selain itu, UAD juga melaksanakan pengauditan khas atas arahan Ketua Setiausaha, pengauditan susulan serta memberi khidmat nasihat bagi menambah nilai KPKT.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

A) Penyediaan Laporan Pengauditan

Pada tahun 2013, sebanyak 16 laporan pengauditan telah dikeluarkan oleh UAD seperti dalam Jadual 79.

Jadual 79 Ringkasan Butiran Aktiviti Pengauditan bagi Tahun 2013

BIL.	LAPORAN PENGAUDITAN	JUMLAH
1.	Pengurusan Kewangan	11
2.	Prestasi / ICT	1
3.	Pemeriksaan Mengejut di 19 Pejabat	1
4.	Penampilan Audit di 32 Pejabat	1
5.	Susulan	1
6.	Pengauditan Khas	1
JUMLAH KESELURUHAN		16

B) Pengauditan Pengurusan Kewangan

Pengauditan Pengurusan Kewangan merupakan pendekatan audit bagi menentukan wujudnya kesempurnaan dan keutuhan sistem kawalan dalaman dan pematuhan kepada peraturan kewangan dan undang-undang. Antara tujuannya ialah untuk memastikan semua pembayaran dibenarkan, dibuat dan diperakaukan dengan teratur; hasil dipungut dan disimpan dengan betul; harta dan inventori disimpan; dikawal, direkodkan, diselenggarakan dan dilupuskan dengan sewajarnya. Sebanyak 11 Pengauditan Pengurusan Kewangan telah dijalankan pada tahun 2013 seperti dalam Jadual 80.

Jadual 80 Pengauditan Pengurusan Kewangan pada Tahun 2013

BIL.	TAJUK LAPORAN
1.	Pengauditan Penyata Terimaan dan Bayaran Kumpulan Wang Amanah Program Perumahan Rakyat (PPR) Dimiliki bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012
2.	Pengauditan Penyata Terimaan dan Bayaran Akaun Amanah Skim Pinjaman Perumahan bagi Rakyat Negeri Terengganu (SPPRNT) bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012
3.	Pengauditan Penyata Terimaan dan Bayaran Kumpulan Wang Amanah Skim Pinjaman Perumahan bagi Golongan Berpendapatan Rendah bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012
4.	Pengauditan Interim Akaun Amanah Skim Pinjaman Perumahan bagi Rakyat Negeri Terengganu (SPPRNT) bagi Tahun 2013
5.	Pengauditan Interim Kumpulan Wang Amanah Skim Pinjaman Perumahan bagi Golongan Berpendapatan Rendah bagi Tahun 2013
6.	Pengauditan Interim Kumpulan Wang Amanah Program Perumahan Rakyat (PPR) Dimiliki bagi Tahun 2013
7.	Pengauditan terhadap Wang Jaminan Pelaksanaan di KPKT
8.	Pengauditan terhadap Pengurusan Wang Pendahuluan Kepada Kontraktor di KPKT
9.	Pengauditan Pematuhan Tatacara Perolehan di Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek, KPKT
10.	Pengauditan Pematuhan Tatacara Perolehan di Jabatan Kerajaan Tempatan
11.	Pengauditan terhadap Pengurusan Perolehan Bekalan, Perkhidmatan dan Kerja Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)

C) Pengauditan Prestasi

Pengauditan prestasi merupakan satu penilaian terhadap program dan aktiviti KPKT dan Jabatan di bawah KPKT untuk menilai sama ada objektif / matlamat yang ditetapkan telah dicapai dan sumber digunakan secara berhemat, cekap dan berkesan.

Pada tahun 2013, sebanyak satu (1) Pengauditan Prestasi telah dilaksanakan iaitu Kajian Audit terhadap Projek BP1 Jabatan Kerajaan Tempatan. Laporan yang dikeluarkan hasil daripada pengauditan telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan.

D) Pemeriksaan Mengejut

Pemeriksaan Mengejut dilaksanakan bagi mewujudkan kesedaran di kalangan auditi bahawa UAD sentiasa memantau tahap pematuhan jabatan / bahagian di bawah KPKT terhadap peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

Melalui pelaksanaan Pemeriksaan Mengejut, sebarang ketidakpatuhan akan dapat dikenal pasti lebih awal dan tindakan pembetulan serta penambahbaikan dapat diambil dengan segera. Pada tahun 2013, Pemeriksaan Mengejut telah dijalankan terhadap 19 jabatan / bahagian di bawah KPKT seperti dalam Jadual 81.

Jadual 81 Pemeriksaan Mengejut pada Tahun 2013

BIL.	TAJUK LAPORAN
1.	Balai Bomba dan Penyelamat Senawang
2.	Balai Bomba dan Penyelamat Seremban
3.	Balai Bomba dan Penyelamat Kuala Pilah
4.	Balai Bomba dan Penyelamat Sri Hartamas
5.	Balai Bomba dan Penyelamat Sentul
6.	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perlis
7.	Balai Bomba dan Penyelamat Padang Besar
8.	Balai Bomba dan Penyelamat Arau
9.	Balai Bomba dan Penyelamat Tampin
10.	Balai Bomba dan Penyelamat Rembau
11.	Balai Bomba dan Penyelamat Lenggong
12.	Balai Bomba dan Penyelamat Sungai Siput
13.	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kedah
14.	Jabatan Perumahan Negara
15.	Jabatan Kerajaan Tempatan
16.	Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
17.	Bahagian Khidmat Pengurusan, KPKT
18.	Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek, KPKT
19.	Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR)

E) Penampilan Audit

Penampilan Audit dilaksanakan bertujuan menimbulkan kesedaran di kalangan auditi supaya sentiasa mematuhi peraturan pengurusan dan secara tidak langsung menjadi pendorong kepada auditi dalam menguruskan dan mengendalikan aset dan stor dengan teratur. Penampilan Audit ini memberi penekanan kepada pejabat yang tidak terlibat dalam pungutan hasil.

Pengauditan ini hanya melibatkan rekod dan dokumen yang berkaitan dengan kawalan pengurusan, pengurusan aset dan pengurusan stor. Melalui pelaksanaan Penampilan Audit, sebarang ketidakpatuhan akan dapat dikenal pasti lebih awal dan tindakan pembetulan serta penambahbaikan dapat diambil dengan segera. Pada tahun 2013, Penampilan Audit telah dijalankan terhadap 32 jabatan / bahagian di bawah KPKT seperti dalam Jadual 82.

Jadual 82 Penampilan Audit Pada Tahun 2013

BIL.	TAJUK LAPORAN
1.	Balai Bomba dan Penyelamat Bukit Jalil
2.	Balai Bomba dan Penyelamat Keramat
3.	Balai Bomba dan Penyelamat Yong Peng
4.	Balai Bomba dan Penyelamat Jalan Abdullah, Segamat
5.	Balai Bomba dan Penyelamat Kuala Perlis
6.	Cawangan Pelaksanaan dan Penyelenggaraan Projek, Wilayah Sabah / Sarawak
7.	Penguasa Polis Seksyen Penguatkuasaan Bahagian Pemberi Pinjam Wang & Pemegang Pajak Gadai, Cawangan Sabah
8.	Balai Bomba dan Penyelamat Simpang Pulai

BIL.	TAJUK LAPORAN
9.	Balai Bomba dan Penyelamat Parit
10.	Balai Bomba dan Penyelamat Taiping
11.	Balai Bomba dan Penyelamat Bidor
12.	Balai Bomba dan Penyelamat Sungai Petani
13.	Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah, Zon Utara
14.	Cawangan Pelaksanaan dan Penyelenggaraan Projek, Wilayah Utara
15.	Balai Bomba dan Penyelamat Jitra
16.	Balai Bomba dan Penyelamat Yan
17.	Balai Bomba dan Penyelamat Kulim
18.	Balai Bomba dan Penyelamat Rantau Panjang
19.	Balai Bomba dan Penyelamat Jeli
20.	Balai Bomba dan Penyelamat Pasir Mas
21.	Balai Bomba dan Penyelamat Pengkalan Chepa
22.	Balai Bomba dan Penyelamat Kota Darul Naim
23.	Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah, Zon Timur
24.	Pengurus Pembangunan Unit Rancangan dan Pembangunan (URP) Kota Bharu
25.	Cawangan Pelaksanaan dan Penyelenggaraan Projek, Wilayah Timur
26.	Cawangan Pelaksanaan dan Penyelenggaraan Projek, Wilayah Timur (Pahang)
27.	Cawangan Pelaksanaan dan Penyelenggaraan Projek, Wilayah Tengah
28.	Balai Bomba dan Penyelamat Jalan Haji Manan, Kluang
29.	Balai Bomba dan Penyelamat Tangkak
30.	Balai Bomba dan Penyelamat Gopeng
31.	Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah, Zon Selatan
32.	Cawangan Pelaksanaan dan Penyelenggaraan Projek, Wilayah Selatan

F) Pengauditan Susulan

Melalui pengauditan susulan, Unit Audit Dalam dapat memantau tindakan pembetulan dan penambahbaikan berterusan yang diambil oleh jabatan / bahagian di bawah KPKT terhadap teguran yang telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) oleh Jabatan Audit Negara (JAN).

Pada tahun 2013, pengauditan susulan telah dijalankan terhadap satu (1) Laporan LKAN Tahun 2011 yang melibatkan peruntukan KPKT kepada tiga (3) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Sabah iaitu Aktiviti Kementerian / Jabatan / Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah berkenaan Pengurusan Perolehan oleh PBT.

G) Pengauditan Khas

Selain daripada melaksanakan Pengauditan Pengurusan Kewangan, Pengauditan Prestasi, Pemeriksaan Mengejut dan Pengauditan Susulan, UAD turut diarahkan oleh Ketua Setiausaha KPKT untuk melaksanakan Pengauditan Khas. Pada tahun 2013, UAD telah menjalankan satu (1) Pengauditan Khas iaitu Pengurusan Penjualan Rumah bagi Program Perumahan Rakyat Dimiliki. Laporan pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Setiausaha KPKT.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

LATAR BELAKANG

Unit Komunikasi Korporat (UKK) diketuai oleh Puan Jessylina Mat Lazim. Objektif utama unit ini adalah untuk memastikan keberkesanan penyampaian dasar utama program Kementerian melalui perancangan dan pelaksanaan pelan media yang menyeluruh. Antara objektif unit ini adalah memastikan maklumat dan informasi terkini kementerian disebarkan secara efektif melalui laman web dan menyelaraskan aduan yang diterima dalam tempoh yang ditetapkan. Selain itu, unit ini juga memantau isu-isu kementerian dan mempromosikan "branding" kementerian.

Fungsi dan Peranan

- i. Merancang dan melaksanakan pelan media berhubung publisiti, promosi dan kempen bagi setiap dasar, peranan, program dan aktiviti serta majlis rasmi bagi Kementerian melalui stesen TV dan radio; bahan promosi, artikel, teks ucapan dan penyampaian maklumat perkhidmatan KPKT dan Jabatan di bawahnya;
- ii. Menguruskan perhubungan awam dan media dengan merancang strategi media dalam penyebaran maklumat menerusi liputan media/ sidang media, kenyataan akhbar, siaran media dan temu bual khas media cetak dan elektronik;
- iii. Merancang, mengurus dan mendokumentasikan bahan maklumat bagi setiap dasar, peranan, program dan aktiviti majlis rasmi Kementerian melalui penerbitan bahan cetakan seperti buletin, laporan tahunan, brosur, risalah, rakaman foto dan video bagi tujuan edaran dan rujukan pihak awam dan media;
- iv. Memantau dan mengurus maklum balas bagi aduan dan cadangan yang diterima melalui surat khabar, laman web, serta aduan daripada Biro Pengaduan Awam;
- v. Merancang dan mengendalikan urusan mendapatkan maklum balas kepuasan teras perkhidmatan Kementerian daripada orang awam dan pelanggan yang ingin mengetahui, yang sedang dan telah menerima perkhidmatan Kementerian menerusi borang kajian selidik, soalan laman web dan talian telefon; dan
- vi. Menyelaraskan persiapan taklimat, lawatan dari dalam negeri yang datang ke Kementerian.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

A) Perhubungan Awan dan Khidmat Pelanggan

i. Menyelaraskan Penerimaan dan Maklum Balas Aduan dan Pertanyaan Orang Awam



Dalam usaha memudahkan orang awam menyalurkan aduan kepada KPKT, pihak Kementerian menyediakan pelbagai sumber penerimaan aduan antaranya melalui laman web, e-mel, hadir sendiri, surat, telefon, borang kaunter aduan jabatan, media massa, dan Biro Pengaduan Awam (BPA). Tempoh penyelesaian aduan yang diterima adalah bergantung kepada kes dan piagam pelanggan kementerian dan agensi di bawahnya. Jadual 83 menunjukkan penerimaan aduan mengikut jabatan/bahagian/unit dan sumber penerimaan aduan bagi tahun 2013.

Sepanjang tahun 2013, Kementerian dan agensi di bawahnya telah menerima sebanyak 4366 aduan daripada orang awam.

Penyelesaian aduan bagi keseluruhan aduan yang diterima oleh KPKT adalah berada di tahap yang cemerlang. Setakat 31 Disember 2013, sebanyak 4232 (96.93 peratus) aduan telah diselesaikan dan baki aduan yang masih dalam siasatan adalah sebanyak 134 (3.07 peratus) aduan.

Jadual 83 Penerimaan Aduan Mengikut Jabatan/Bahagian/Unit dan Sumber Penerimaan Aduan bagi Tahun 2013

JABATAN/ BAHAGIAN	SUMBER ADUAN															JUMLAH
	Laman Web	E-mel	Sistem Pesanan Ringkas (SMS)	Hari Khidmat Pelanggan	Hadir Sendiri	Surat/ Faks	Telefon	Borang Kaunter Aduan Jabatan	Surat Khabar	Biro Pengaduan Awam (BPA)	Pasukan Petugas Khas emudhcara Perniagaan (PEMUDAH)	Memo Pengurusan Tertinggi	Persatuan Pengguna/ NGO	Aduan dari Pegawai/ Kaktangan	Media Sosial	
Jabatan Perancang Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia	4	2	0	0	0	10	1	0	0	0	0	0	0	0	0	17
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	0	184	5	0	0	10	5	0	3	0	0	2	0	0	0	209
Jabatan Landskap Negara	0	10	0	0	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0	18
Jabatan Kerajaan Tempatan	0	1	0	0	0	0	2	0	0	1	0	0	0	0	0	4
Jabatan Perumahan Negara	1235	320	0	9	211	537	166	231	3	60	2	5	5	0	3	2787
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara	44	16	0	0	0	3	0	0	1	32	0	0	0	0	0	96
Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah	156	28	0	0	29	7	0	0	0	1	0	0	0	0	0	221
Institut Latihan KPKT	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai	40	13	0	0	54	18	16	0	0	0	0	0	0	700	0	841
Sektor Kesejahteraan Bandar	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Bahagian Dasar	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Bahagian Pembangunan dan Perlaksanaan Projek	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Bahagian Teknologi Maklumat	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Bahagian Sumber Manusia	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Bahagian Kewangan dan Perolehan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Bahagian Korporat	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Bahagian Inspektorat	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Bahagian Undang-Undang	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Bahagian Khidmat Pengurusan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Bahagian Akaun	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Unit Komunikasi Korporat	173	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	173
Unit Audit Dalam	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Unit KPI	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
JUMLAH	1652	574	5	9	294	593	190	231	7	94	2	7	5	700	3	4366

ii. Kajian Kepuasan Pelanggan (Inbound)

Selain menyelaras aduan yang diterima oleh KPKT, UKK juga bertanggungjawab menjalankan Kajian Kepuasan Pelanggan (Inbound) secara *e-rating*. Sistem *e-rating* digunakan bagi mengukur tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan Kaunter Perkhidmatan KPKT dan kemudahan-kemudahan yang disediakan.



B) Pengurusan Media

i. Menyediakan Pelan Komunikasi Media

Sepanjang tahun 2013, UKK dengan kerjasama jabatan dan bahagian di bawah KPKT telah berjaya menghasilkan empat (4) Pelan Komunikasi Media bagi program-program utama Kementerian seperti yang berikut:

- Hari Habitat Sedunia 2013
- Hari Perancangan Bandar 2013
- Hari Kitar Semula 2013
- Hari Tandas Sedunia 2013

ii. Menghasilkan Keluaran Khas Media Cetak

Sepanjang tahun 2013, KPKT telah menghasilkan sebanyak 33 keluaran khas media cetak di akhbar utama negara bagi tujuan hebahan, promosi program/aktiviti Kementerian dan agensi di bawahnya, menyebarkan maklumat serta memberi pemahaman berkaitan dasar-dasar sedia ada dan baharu kepada rakyat.

iii. Menyelaras Wawancara Khas

UKK telah menyelaras sebanyak 28 sesi wawancara khas di media elektronik sepanjang tahun 2013. Tujuan sesi wawancara ini adalah untuk mempromosi program Kementerian dan agensi di bawahnya. Antara program-program utama yang telah dipromosikan melalui sesi wawancara khas di radio dan TV ialah Sambutan Hari Tandas 2013; Sambutan Hari Habitat Sedunia 2013; Sambutan Hari Perancangan Bandar 2013; Sambutan Hari Kitar Semula 2013, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Seminar Teknologi Kitar Semula dengan kolaborasi bersama dengan *Research and Development Center for Valuable Recycling, Korea*.




iv. Menyelaras Sidang Akhbar

Sepanjang tahun 2013, sebanyak 40 kali sidang akhbar telah diadakan yang mana peratusan bagi paparan berita adalah seperti di Carta 10.



Carta 10 Paparan Berita Selepas Sidang Akhbar



v. Menyelaras Penganjuran Malam Media

Bagi menyemarakkan hubungan harmonis antara Kementerian dengan pihak media, UKK telah menyelaras penganjuran Malam Media pada 23 November 2013 bertempat di Hotel *Le Meridien*, Kota Kinabalu, Sabah. Majlis ini juga diadakan bertujuan menghargai jasa pengamal-pengamal media yang telah bekerjasama dengan pihak Kementerian dalam menyebarkan maklumat kepada rakyat.



vi. Menyelaras Kunjungan ke Agensi Media

UKK telah menyelaras kunjungan pihak Pengurusan Tertinggi KPKT yang diketuai oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan ke agensi-agensi media seperti yang berikut:

- Kumpulan NST, Kuala Lumpur (4 Oktober 2013)
- Utusan Malaysia, Kuala Lumpur (8 Oktober 2013);
- Karangkraf, Shah Alam (17 Oktober 2013);

Tujuan kunjungan ini diadakan adalah untuk memperkukuhkan hubungan dua hala antara KPKT dengan pihak media, meninjau cara kerja dan memberi penjelasan kepada pihak media mengenai program-program KPKT.



vii. Menyelaras Bengkel KPKT bersama Media

UKK bersama dengan Bernama telah menyelaras penganjuran Bengkel *High Impact Communications Skills in Confronting Media* pada 21 Oktober 2013 bertempat di Wisma Bernama, Kuala Lumpur. Bengkel ini dianjurkan bagi memberikan pendedahan kepada pihak Pengurusan Tertinggi KPKT berkenaan kaedah komunikasi berkesan semasa berhadapan dengan pihak media.



C) Penerbitan dan Korporat

i. Penerbitan Bahan Bercetak

Sepanjang tahun 2013, UKK telah menerbitkan bahan-bahan bercetak seperti yang berikut:

- Buku Laporan Tahunan KPKT 2012;
- Buletin KPKT (Tiga (3) keluaran : Januari - April, Mei - Ogos dan September - Disember 2012)
- Direktori KPKT Tahun 2013;

ii. **Pengemaskinian Kandungan Portal KPKT**

UKK juga dipertanggungjawabkan sebagai penyelarar kandungan Portal KPKT dengan kerjasama Bahagian Teknologi Maklumat KPKT. Sepanjang tahun 2013, sebanyak empat (3) tiga Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pengurusan Laman Web KPKT telah diadakan bagi membincangkan penambahbaikan terhadap Laman Web KPKT dan laman web jabatan serta isu-isu lain yang berkaitan. Penambahbaikan dan pengemaskinian kandungan dilakukan dari semasa ke semasa bagi memudahkan pengunjung portal mendapatkan maklumat terkini dan bagi tujuan Penilaian Laman Web/Portal Agensi Kerajaan 2013 oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC). Hasil penilaian yang dijalankan, KPKT sekali lagi berjaya mengekalkan kedudukan portal bertaraf 5 bintang.



iii. **Penyelaras Aktiviti Outreach Bersama Kumpulan Sasar**

Sepanjang tahun 2013, KPKT banyak terlibat dengan aktiviti outreach bersama kumpulan sasaran bertujuan mempromosi perkhidmatan yang ditawarkan oleh Kementerian dan berinteraksi secara bersemuka dengan rakyat bagi membolehkan Kementerian mendengar dan melihat masalah yang dihadapi oleh rakyat. Jadual 84 menunjukkan aktiviti outreach yang telah dijalankan sepanjang tahun 2013.



Jadual 84 Aktiviti Outreach yang telah Dijalankan Sepanjang Tahun 2013

Bil.	Aktiviti/Program	Tarikh	Tempat
1	Program Jelajah Janji Ditepati Negeri Kelantan	20 Jan 2013	Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Kelantan, Bandar Baharu Tunjong, Kota Bharu
2	Program Jelajah Janji Ditepati Negeri Terengganu	23 Feb 2013	Dataran Shah Bandar, Kuala Terengganu
3	Program Jelajah Janji Ditepati Negeri Perlis	3 Mac 2013	Stadium Kangar
4	Program Jelajah Janji Ditepati Negeri Pahang	23 Mac 2013	Padang MPK2
5	Karnival SocialCare Anjuran Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	16 Nov 2013	PPR Lembah Subang

iv. **Penstoran Gambar Program/Aktiviti Kementerian**

Seksyen ini telah melaksanakan penstoran (*archiving*) gambar-gambar untuk 72 program/aktiviti Kementerian sepanjang tahun 2013. Penstoran gambar-gambar tersebut dilakukan secara *in-house* yang mana gambar-gambar akan dipilih dan disimpan dalam CD-ROM. Selain itu, gambar-gambar ini juga dimuat naik ke Laman Web KPKT dengan kerjasama Bahagian Teknologi Maklumat, KPKT.

UNIT PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

LATAR BELAKANG

Pada bulan September 2013, Seksyen Petunjuk Prestasi Utama (KPI) telah dikeluarkan daripada Unit Komunikasi Korporat (UKK) secara rasminya dan diletakkan di bawah seliaan Sektor YBhg. Dato' Seri Ketua Setiausaha dan dikenali sebagai Unit Petunjuk Prestasi Utama (KPI).

Peranan Unit ini adalah bagi menyelaraskan, mewujudkan dan memantau KPI yang telah ditetapkan kepada YB Menteri serta YBhg. Dato' Seri Ketua Setiausaha KPKT. KPI yang telah ditetapkan hendaklah seiring dengan hala tuju Kementerian yang telah ditetapkan pada akhir tahun sebelum memandangkan KPI disediakan pada bulan Oktober tahun sebelum pelaksanaan KPI yang dinyatakan.

Namun demikian, berikutan penstrukturan semula Kerajaan pada bulan Mei 2013 selepas PRU Ke-13, peranan Kementerian ditambah dengan tanggungjawab terhadap Kesejahteraan Bandar yang dipindahkan dari Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar. Dengan demikian, Kementerian bukan sekadar tertumpu kepada unsur-unsur perumahan dan kerajaan tempatan tetapi juga kepada pembangunan dan penambahbaikan kesejahteraan rakyat.

Sehubungan dengan perubahan-perubahan yang dinyatakan, elemen dalam aktiviti seksyen juga telah ditambah supaya seiring dengan hala tuju Kementerian.

PROGRAM UTAMA DAN PENCAPAIAN

A) Menyelaraskan KPI

Bagi penyediaan KPI tahunan, satu Bengkel KPI diadakan pada suku tahun ke-3 supaya pelan tindakan Kementerian teratur dan bagi memastikan hala tuju Kementerian dicapai. Selain dari itu, Bengkel tersebut turut diadakan bagi memahami serta membincangkan strategi mengatasi isu-isu yang bakal dihadapi pada tahun seterusnya.

Bagi KPI Tahun 2014, satu Bengkel KPI telah diadakan dari 23 sehingga 25 Oktober 2013. Bengkel ini dihadiri oleh pegawai-pegawai dari Jabatan/ Bahagian serta Agensi di bawah Kementerian.

Antara KPI yang telah dicadangkan oleh peserta termasuk:

- i. KPI bagi menangani respons rakyat terhadap bencana Alam (JBPM);
- ii. KPI bagi memastikan integrasi Rancangan Tempatan / Rancangan Struktur / Rancangan Kawasan Khas dalam pembangunan sesebuah pembangunan baru (JPBD);
- iii. KPI bagi penggunaan kawasan bekas lombong sebagai kawasan rekreasi (JLN);
- iv. KPI bagi peratus penurunan harga rumah (JPN); dan lain-lain lagi.

Sebahagian cadangan KPI ini telah dipertimbangkan bagi penyediaan KPI 2014 dan sebahagian lagi akan diambil kira dalam penyediaan KPI tahun 2015.

B) Mewujudkan KPI


a. Penyediaan KPI

Penyediaan KPI bagi KPKT disediakan mengikut format yang telah ditentukan oleh pihak Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), JPM. Mengikut ketetapan yang telah disediakan, sesuatu cadangan KPI hendaklah menepati skop dan kriteria seperti berikut:

- Merangkumi Bidang Hasil Utama;
- Rasional bagi mencadangkan Petunjuk Prestasi Utama;
- Tren Pencapaian.

Mengikut aturan masa yang telah ditetapkan, proses penyediaan KPI adalah terdiri dari tiga (3) saringan utama seperti dalam Rajah 01.

Rajah 01 Proses Penyediaan KPI



Saringan 1

Sesi Saringan 1 adalah merupakan proses penyenaraian pendek KPI yang dicadangkan dengan urus setia PEMANDU di mana satu sesi perbincangan akan diadakan bagi mengurangkan ataupun menaikkan sasaran yang ditetapkan. Pada kali ini, proses perbincangan telah turut dihadiri oleh wakil dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Saringan 2

Sesi Saringan 2 adalah sesi di antara CEO PEMANDU, YB Senator Dato' Seri Idris Jala dengan YBhg. Dato' Seri Ketua Setiausaha Kementerian. Sesi ini adalah bagi membincangkan dengan lebih lanjut KPI yang telah ditetapkan serta bagi menambahkan KPI-KPI yang mungkin melibatkan Kementerian lain.

Saringan 3

Sesi Saringan 3 adalah sesi di antara YAB Perdana Menteri dengan YB Menteri Kementerian. Semasa sesi ini, cadangan KPI yang telah dibincangkan semasa sesi Saringan 1 dan 2 akan dibincangkan semula dan dimuktamadkan. Cadangan KPI yang baru akan dicadangkan semasa sesi ini sekiranya terdapat keperluan oleh YAB Perdana Menteri dan YB Menteri.

Selepas sesi saringan ini telah diselesaikan, KPI yang telah ditetapkan akan dimasukkan ke dalam *Balance Score Card* (BSC) yang telah ditetapkan dan akan dibentangkan dalam sesi *Cabinet Away Day* (CAD) yang diadakan di Seri Perdana.

b. Cabinet Away Day

Cabinet Away Day (CAD) bagi KPI tahun 2014 telah ditangguhkan dan digantikan dengan *Cabinet Retreat* yang membincangkan secara khususnya hala tuju dan peranan Kabinet sedia ada.

CAD pada tahun ini merupakan acara tertutup yang telah dihadiri oleh YB Menteri, YB Timbalan Menteri serta Ketua Setiausaha Kementerian masing-masing.

c. Penetapan KPI Tahun 2014

Bagi penetapan KPI Tahun 2014, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah menetapkan bahawa KPI Ketua Setiausaha adalah replika KPI Menteri.

Sehubungan dengan itu, sebarang perubahan pada KPI Menteri akan mempengaruhi KPI Ketua Setiausaha.

C) Pemantauan KPI

a. Pelaporan di *Dashboard*

Pelaporan bagi Prestasi Pencapaian KPI Kementerian bagi tahun 2013 telah dilaksanakan 12 kali bagi tahun 2013 melalui sistem pelaporan yang dibangunkan oleh PEMANDU.

b. Kehadiran ke Mesyuarat

Pemantauan ke atas KPI yang ditetapkan pada tahun 2013 dibuat dengan menghadiri mesyuarat tapak, mesyuarat berkala ataupun mesyuarat besar yang melibatkan Kementerian dan Agensi Luar seperti Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu *Greater Kuala Lumpur / Klang Valley*.

c. Pemantauan Berkala (Q4 2013)

Selain dari itu, Unit turut mengadakan sesi perbincangan dan rundingan dengan jabatan / bahagian yang berkaitan dengan KPI Menteri dan Ketua Setiausaha bermula bulan Oktober 2013.



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

MINISTRY OF URBAN WELLBEING, HOUSING AND LOCAL GOVERNMENT



No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4
62100 Putrajaya, Malaysia



+603 8000 8000



+603 8891 5557



www.kpkt.gov.my



pro@kpkt.gov.my



www.facebook.com/KPKTMalaysia



www.twitter.com/kpkt_gov